

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 8

Khamis

26 Februari 2009

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B. Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar)* (Halaman 26)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 54)

Penubuhan Jawatankuasa Menyiasat Aduan Perbuatan
Menghina Majlis Di Bawah P.M. 80A (Halaman 153)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26 Februari 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan bagaimana kementerian boleh membela nasib pekebun getah dan sawit yang secara tiba-tiba mengalami kejatuhan harga dan adakah kementerian akan mencadangkan harga siling ke atas kedua-dua komoditi tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Bagan Serai pada 10 Mac 2009, Ahli Yang Berhormat Kota Bharu pada 11 Mac 2009, Ahli Yang Berhormat Jempol pada 16 Mac 2009 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut membangkitkan isu yang sama. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya cakap baik dahulu Yang Berhormat. Baik Yang Berhormat. Saya kena bersetuju dahulu.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Bagi membela nasib pekebun sawit semasa kejatuhan harga minyak sawit, kerajaan telah melaksanakan strategi pengurusan bekalan dan pengurusan permintaan untuk memperkukuhkan harga pasaran minyak sawit bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Berdasarkan kepada usaha-usaha kerajaan tersebut, harga minyak sawit mentah yang telah distabilkan pada paras di antara RM1,800 sehingga RM1,900 dalam jangka masa pendek. Di samping itu, semasa kejatuhan harga minyak sawit, kerajaan turut mengambil beberapa langkah.

Di antaranya ialah menghapuskan duti import ke atas tujuh jenis baja yang dikenakan duti import semasa sebanyak 5%. Melalui pelaksanaan langkah ini, semua baja import yang tidak dikenakan duti kecuali baja organik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) juga telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan nasib pekebun kecil getah terbela iaitu melalui yang pertama, pemberian input pertanian seperti baja dan racun rumpai serta bahan perangsang

kepada pekebun-pekebun kecil getah yang menyertai skim Sistem Torehan Berintensiti Rendah. Sehingga 31 Disember 2008, seramai 9,394 orang pekebun kecil yang telah diberi bantuan dan tunjuk ajar di bawah skim LITS 3.

Bagi pekebun kecil getah di Sabah dan Sarawak pula, kementerian telah menubuhkan pusat pemprosesan getah berkelompok di daerah-daerah pengeluaran getah supaya pekebun kecil dapat menghasilkan getah keping yang berkualiti dan seterusnya memperoleh pendapatan yang lebih lumayan. GPC ini dilengkapi dengan mesin-mesin pemprosesan getah bermotor untuk kegunaan pekebun kecil secara berkumpulan dan ia juga dijadikan sebagai tempat untuk memberi latihan tunjuk ajar dan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil.

Selain itu, kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia juga memberi bantuan khidmat nasihat, tunjuk ajar dan latihan mengenai penggunaan teknologi terkini kepada pekebun-pekebun kecil dalam bidang-bidang seperti pembajaan, penyelenggaraan, amalan agronomi, pemprosesan dan kaedah penorehan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan harga getah berada pada paras yang menguntungkan, baik kepada pekebun kecil dan pengeluar produk getah, kementerian telah mengambil beberapa langkah secara segera. Di antaranya:-

- (i) membuat ketetapan dengan persetujuan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Indonesia dan Thailand untuk menyelaraskan dan mengurangkan jumlah eksport getah negara masing-masing melalui satu mekanisme yang telah dipersetujui bagi mengurangkan tekanan terhadap harga getah dan mengembalikan keyakinan pasaran; dan
- (ii) kerajaan juga telah mempercepatkan pelaksanaan tanam semula getah tua yang kurang produktif bagi memperlahankan pengeluaran getah negara. Pada tahun 2009, kerajaan menyasarkan seluas 50,000 hektar kawasan getah ditanam semula. Dengan pendekatan ini, dianggarkan kira-kira 32,000 hingga 38,000 tan metrik pengeluaran getah dapat dikurangkan dalam pasaran. Tindakan yang sama juga telah diambil oleh Indonesia dan Thailand bagi memperlahankan pengeluaran lebihan penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan tiada cadangan untuk menetapkan harga siling bagi kelapa sawit dan getah. Sekian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Khususnya jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi membuktikan bahawa langkah-langkah yang diambil tadi sebenarnya adalah langkah-langkah untuk membela pekebun-pekebun kecil kelapa sawit dan getah di kampung-kampung. Inilah sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya Yang Berhormat.

■1010

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, bagi kelapa sawit, langkah-langkah yang disebut tadi kebanyakannya adalah untuk jangka masa pendek yang dalam kawalan kita dalam negeri seperti subsidi dan sebagainya, baja dan racun, tetapi di peringkat dunia, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan boleh, dengan izin, *initiate*, memulakan satu langkah untuk mewujudkan sebuah pertubuhan seperti OPEC yang boleh mengawal harga kelapa sawit pada masa-masa akan datang di mana akhirnya kita dapat bela pekebun-pekebun kecil di dalam negara kita juga untuk kita sama-sama membela pengusaha kelapa sawit di seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi getah dan kelapa sawit memang negara kita mempunyai kerjasama yang baik dengan negara-negara pengeluar di mana kalau kita lihat industri getah, kita mempunyai *International Tripartite Rubber Council* bagi menentukan jumlah eksport keluaran getah. Salah satu contohnya ialah *Agreed Export Tonnage Scheme* di mana kita mengawal jumlah pengeluaran getah dari Malaysia, Indonesia mahupun Thailand.

Begitu juga bagi kelapa sawit di mana kita mempunyai negara Malaysia dengan Indonesia merupakan dua negara yang mengeluarkan kira-kira 85% daripada keluaran minyak sawit dunia. Jadi memang Malaysia-Indonesia mempunyai satu kerjasama yang begitu baik. *Even* semalam Menteri dari Malaysia dengan Indonesia telah menunjukkan komitmen dari segi pengeluaran dan penepatan harga sawit supaya harga sawit ini dapat distabilkan. Jadi memang ada kerjasama. Sekian.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Jawapan bagi soalan asal yang diberikan oleh timbalan menteri tadi saya rasa munasabah bagi satu kesan jangka panjang untuk menstabilkan harga. Yang menjadi isu terutamanya di kawasan luar bandar, di kawasan pedalaman di mana getah menjadi industri utama penduduknya seperti di Kuala Krai. Masalahnya sekarang ialah harganya terlalu rendah dan tiga, empat inisiatif yang diambil oleh kementerian tadi belum dapat memulihkan harga ke paras pra jatuh tempoh hari iaitu kalau pada harga getah beku ini, sebelum jatuh kira-kira pada bulan Ogos dan September, harganya ialah RM5.80 sekilo. Hari ini ianya RM2.70.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh kerajaan pada ketika ini memberikan bantuan segera untuk satu tempoh terhad seperti elaun sara hidup, sebagai contoh yang diberikan kepada nelayan, diberikan juga kepada

pekebun kecil untuk tempoh tertentu, terhad sehingga harga pulih, kemudian dihentikan bagi membela pekebun-pekebun kecil ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya harga pada hari ini ialah RM4.95. Ini merupakan harga yang boleh dikatakan sesuatu yang agak *attractive* terutamanya bagi pengeluar mahupun bagi pengguna. Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian telah mengambil beberapa langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Jadi salah satu yang kita boleh lihat dalam jangka pendek yang kita telah laksanakan dan kita terus laksanakan ialah Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti untuk pekebun kecil di mana kalau kita lihat terbukti setakat ini, pada tahun 2008 sahaja kita telah memberi skim bantuan ini kepada 14,000 peserta di mana melibatkan keluasan kira-kira 46,000 hektar.

Jadi ini menunjukkan ada banyak lagi. Kita telah menjalankan integrasi ternakan, integrasi dengan tanaman-tanaman lain dan sebagainya untuk menambahkan pendapatan para pekebun-pekebun kecil. Kalau kita lihat begitu banyak langkah jangka pendek juga telah kita lakukan. Antaranya memperkenalkan *leads* iaitu perangsang bagi getah untuk mengeluarkan pengeluaran yang lebih dalam jangka masa yang pendek. Sebenarnya ini juga kita telah bantu pekebun-pekebun kecil ini. Pada masa yang sama, Lembaga Getah Malaysia juga telah memantau akan pembelian dan penjualan getah bagi pekebun-pekebun kecil ini. Sekian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, bunyi jawapan bagus tetapi tidak sampai ke Sabah pun sistem-sistem yang dibicarakan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bincang dengan menteri, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bunyinya bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bincang dengan Menteri, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan dari negeri Sabah.

[Soalan No. 2 – Y.B. Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) tidak hadir]

3. Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk mengoptimumkan sumber tenaga kerja yang menganggur ini untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan misalnya berganding bahu dengan Kementerian lain dalam menjalankan kajian untuk meningkatkan ekonomi sesebuah daerah/kampung/bahagian.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Noraini binti Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat agar Kementerian Sumber Manusia untuk mengadakan kerjasama dengan kementerian lain untuk mengoptimumkan sumber tenaga kerja yang menganggur untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui

PERKESO ada bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Di antara program yang dilakukan adalah kursus keusahawanan untuk bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan bagi membolehkan mereka berdikari dengan menyertai perniagaan secara kecil-kecilan. Melalui peruntukan RM220 juta yang disasarkan kepada tiga kategori, pekerja yang dihentikan, graduan yang menganggur dan belia, kementerian telah dan sedang mengadakan latihan bagi golongan ini untuk menyertai kursus berbentuk kemahiran terutamanya bidang perkhidmatan dan kursus-kursus ini disasarkan untuk meningkatkan kemahiran dan taraf hidup sosioekonomi bagi membolehkan kumpulan sasaran ini menjadi pilihan utama kepada majikan dalam mereka membuat pilihan mengambil pekerja.

Adalah menjadi hasrat saya untuk meluaskan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain bagi mengoptimumkan tenaga kerja yang menganggur dan bagi menjayakan program ini. Penganggur yang berdaftar dengan JobsMalaysia dan berminat menjadi usahawan akan disalurkan kepada kementerian berkaitan untuk mengikuti kursus keusahawanan berkaitan dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih timbalan menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sering kali agensi-agensi kerajaan menyatakan bahawa mereka tidak cukup kakitangan untuk menjalankan tugas. Adakah kementerian merancang untuk, dengan izin, *absorb* mereka ini ke dalam agensi-agensi kerajaan bagi membantu supaya agensi kerajaan tersebut lebih cekap dan mencukupi kakitangan mereka. Terima kasih.

Datuk Noraini binti Ahmad: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia memang sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa yang melantik seperti SPA, PBT dan juga kerajaan-kerajaan negeri untuk mengisi kekosongan-kekosongan berdasarkan kelayakan dan merit mereka ini. Saya hendak tekankan juga bahawa di bawah Kementerian Sumber Manusia, pelbagai bentuk latihan akan diberikan dengan kerjasama daripada *training provider* swasta, dengan izin, termasuklah graduan yang menganggur untuk memenuhi keperluan kemahiran yang itu di sektor swasta.

Pada masa ini saya hendak maklumkan juga di dalam swasta terdapat 21,173 kekosongan yang *direportkan* secara manual seperti yang saya jawabkan juga semalam dan *under agency*, dengan izin, di bawah agensi kerajaan yang lain, ianya adalah di bawah bidang kuasa SPA, PBT dan juga kerajaan tetapi saya hendak tekankan Kementerian Sumber Manusia bekerjasama dengan mereka. Terima kasih.

■1020

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu memanjangkan mukadimah saya, terus kepada soalan saya. Adakah peratusan sebanyak mana setakat ini yang Kementerian Sumber Manusia telah memberikan ruang-ruang kepada penganggur graduan lepasan universiti ini mendapat *benefit* daripada elaun yang dikeluarkan dalam RM100 juta itu, berapa *percentagenya*? Kalau setakat satu, dua itu tidak berjaya lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang diberikan tadi. Daripada jumlah yang diperuntukkan tadi saya hendak terangkan juga bahawa di samping memberi kemahiran kepada mereka, elaun juga akan diberi kepada mereka yang mengikuti latihan-latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Saya hendak maklumkan juga di dalam Dewan ini bahawa sekiranya dia belum berkahwin dan dia telah diberhentikan kerja ataupun dia adalah graduan yang menganggur yang mengikut latihan kami, mereka akan diberi RM500. Sekiranya dia berkahwin tambah lagi RM100. Kemudian sekiranya mempunyai anak, setiap seorang anak adalah RM50 dan maksimum yang akan diterima adalah RM800 di samping mengikuti latihan kemahiran secara percuma. Insya-Allah pada 28 ini Yang Berhormat Menteri dan juga saya, kita akan berada di daerah yang berasingan untuk menyelesaikan pemberian kepada *training provider* ini dengan izin. Daripada jumlah RM100 juta yang dimaklumkan tadi ia akan diberikan secara terus pada 28 ini dan saya hendak juga memaklumkan mengambil kesempatan di dalam Dewan ini untuk mengajak lebih ramai lagi *training provider* untuk berdaftar dengan kita kerana sekarang ini *training provider* yang berdaftar dengan kita adalah lebih kurang 12 sahaja dan majikan yang akan *sign* MoU itu adalah sebanyak 10.

Jadi, saya harap sekiranya pendedahan ini diberi kepada lebih ramai lagi *training provider*, insya-Allah rangsangan ini akan dapat dikembangkan lagi. Kita menunggu pada 10 hari bulan apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan memberi lebih banyak ruang kepada mereka yang menganggur dan diberhentikan. Terima kasih.

4. Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok] minta Menteri Pertahanan menyatakan harga belian kapal KD Sri Inderapura yang dibeli daripada tentera laut Amerika Syarikat pada akhir tahun 1990-an dan bilakah kapal ini menjalani pembaikan *refit* yang pertama dan berapakah pula perbelanjaan pembaikan *refit* yang pertama dan berapakah pula perbelanjaan pembaikannya pada ketika itu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Haji Yusop]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok. KD Seri Inderapura dibeli oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Disember 1994 daripada Amerika Syarikat dengan harga belian sebanyak RM53 juta. Sehubungan dengan program menjalani pembaikan *refit* ke atas kapal tersebut pada kali pertamanya ialah pada 2 Februari 2000 yang mana dilakukan di

limbungan *Malaysia Shipyard Engineering* Pasir Gudang, Johor dan kosnya adalah sebanyak RM54.45 juta.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kapal KD Sri Inderapura ini siap dibina pada 7 Februari 1970 di *National Steel and Shipbuilding Corporation Santiago, California*, dilancarkan pada 7 November 1970 yang dikomisenkan atas nama USS *Button Buck County LST 1992*. Seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dibeli dan digunakan pakai oleh TLDM pada 16 Disember 1994 iaitu selepas 25 tahun ia siap dan digunakan oleh tentera Amerika. Kapal ini dibeli di bawah satu program dikenali sebagai *Security Assistance Program*.

Soalan saya adalah apakah ada lain-lain perjanjian persefahaman di bawah *Security Assistance Program* bersama dengan Amerika ini; dan keduanya adalah, adakah pembelian peralatan persenjataan daripada Amerika ini akan diteruskan di sebalik apa yang sedang berlaku dalam dunia politik antarabangsa. Sekarang ini kita lihat keadaan ataupun sikap yang ditunjukkan oleh Amerika terhadap banyak insiden yang berlaku dalam dunia ini. Walaupun harapan yang begitu tinggi diletakkan kepada kepimpinan Amerika yang baru tetapi kita tidak melihat dasar luar ataupun polisi luar Amerika ini akan banyak berubah di bawah pimpinan Presiden yang baru. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk masa ini, pihak kementerian tidak ada rancangan untuk membeli apa-apa aset untuk ketenteraan Malaysia. Walau bagaimanapun jika ada keperluan bahawa kerajaan akan membuat pembelian jika ada keperluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kapal-kapal TLDM lain yang dibeli daripada negara-negara selain daripada Amerika seumpama KD Sri Inderapura ini dan apakah faedahnya membeli kapal *secondhand* dan adakah kapal seumpama itu selamat digunakan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah merupakan kapal di mana daripada segi kosnya, walaupun ini merupakan kapal *secondhand* tetapi dari segi kosnya adalah menguntungkan kerana apa yang kita lihat bahawa *[Disampuk]* kapal ini masih lagi selamat digunakan yang mana ia pada hari ini dapat melaksanakan tugas di Eden dalam mengatasi...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Patut tidak dapat tangkap lanun.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...menjadi eksport kepada kapal-kapal Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dengar Menteri menjawab, Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...yang belayar di Teluk Eden.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, kita ini suka barang-barang *secondhand*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan buat macam inilah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan buat macam ini, Yang Berhormat. Saya mintalah, jangan buat macam ini, Yang Berhormat. Kerjasama dengan saya, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat hendak berucap, berucaplah!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana hendak berucap kalau tidak diberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ini payahlah cakap macam ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang saya payah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya rasa kecewalah kalau perangai Ahli Parlimen macam ini. Yang Berhormat Dato Dr. James Dawos Mamit.

5. Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Sains Teknologi dan Inovasi menyatakan jumlah air hujan pada bulan November dan Disember 2008 dan bulan Januari dan Februari 2009 di Sarawak. Berapakah jumlah air hujan pada tarikh 10 dan 11 Januari 2009 di daerah Kuching dan jumlah daerah Bau dan di Sarawak yang menyebabkan banjir di banyak tempat di kawasan Parlimen Mambong.

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Mambong. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa jumlah hujan yang direkodkan di kebanyakan kawasan di negeri Sarawak pada bulan November dan Disember 2008 adalah melebihi paras purata kecuali bagi kawasan Miri. Walau bagaimanapun bagi bulan Januari 2009 hampir semua kawasan di negeri Sarawak telah menerima jumlah hujan melebihi daripada paras purata. Mengikut rekod hujan yang dicatatkan di stesen-stesen Meteorologi Negeri Sarawak telah menerima hujan antara 523 milimeter sehingga 1,199 milimeter dalam bulan Januari 2009 iaitu kira-kira 40 hingga 220% melebihi paras puratanya. Bahagian Kuching menerima jumlah hujan sebanyak 1,230 milimeter iaitu kira-kira 65% melebihi paras puratanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mambong juga ada bertanyakan jumlah hujan yang berlaku di daerah Kuching dan Bau pada 10 dan 11 Januari 2009. Pada masa tersebut dua

fenomena meteorologi telah berlaku secara serentak iaitu luruan Angin Monsun Timur Laut dan kejadian air pasang besar. Luruan Monsun atau angin sejuk yang bertiup dari Asia Tengah telah mengakibatkan kejadian hujan lebat, manakala kejadian air pasang besar pula mengakibatkan paras air laut meningkat dan menghalang aliran air dari sungai-sungai daripada mengalir ke laut. Kedua-dua fenomena ini telah memburukkan lagi kejadian banjir yang berlaku di Sarawak pada masa tersebut.

■ **1030**

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kementerian saya, jumlah hujan yang direkodkan di Stesen Metrologi Kuching pada 10 dan 11 Januari 2009 ialah 187mm dan 128mm masing-masing. Beberapa stesen penyukat hujan Jabatan Pengairan dan Saliran di daerah Kuching ada merekodkan jumlah hujan antara 112mm hingga 307mm pada 10 Januari 2009 dan antara 45mm hingga 288mm pada 11 Januari 2009. Bagi daerah Bau pula, jumlah hujan yang direkodkan di Stesen Penyukat Hujan Jabatan Pengairan dan Saliran direkodkan pada 10 Januari ialah 374mm dan pada 11 Januari ialah 214mm. Sebagai perbandingan, jumlah hujan harian tertinggi yang direkodkan semasa banjir pada tahun 2002, 2003 dan 2004 di Kuching adalah sebanyak 265.2mm, 364mm dan 302mm masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi episod hujan lebat di negeri Sarawak yang bermula 8 Januari 2009, kementerian saya melalui Agensi Pelaksana Jabatan Metrologi Malaysia telah mengeluarkan amaran hujan lebat dari 5 Januari 2009. Kementerian saya juga dari semasa ke semasa memantau dan mengemas kini nasihat dan amaran hujan lebat tersebut yang disalurkan kepada media massa dan agensi-agensy pengurusan bencana negara. Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang amat jelas itu tadi. Di mana-mana pun, kalau hujan lebat lebih daripada 200mm dalam tempoh 24 jam, memang mengakibatkan banjir apatah lagi yang lebih 300mm seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi. Saya telah pun meneliti juga kekerapan hujan sepuluh tahun sebelum ini dan didapati di negeri Sarawak dari data-data yang saya peroleh daripada Jabatan Metrologi, di negeri Sarawak sepuluh tahun kebelakangan ini hari hujan pun sudah meningkat dengan 5%.

Oleh itu, saya ingin bertanya, adakah kesan perubahan iklim global ada menyumbang kepada kekerapan hujan dan adakah hujan akan lebih kerap lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perubahan iklim dunia kalau di bawah *United Nations* kita ada apa yang dipanggil *Intergovernmental Panel on Climax Change* ataupun IPCC yang melaporkan, bahawa suhu bumi akan meningkat sebanyak 1 darjah Celsius hingga 2 darjah Celsius pada pertengahan abad ini dan 1.8 darjah Celsius hingga 4 darjah Celsius pada tahun 2100. Pada

masa yang sama, purata paras air laut pula dijangka meningkat sebanyak 10cm hingga 30cm pada pertengahan abad ke-21 dan 20cm hingga 60cm pada 2100.

Di Malaysia, kementerian kita bersama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kita juga sedang menjalankan kajian berkaitan dengan perubahan iklim dengan kaedah permodelan serantau. Di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan juga Sabah, perbandingan suhu daripada 1950 hingga 1999 di Semenanjung, kita jangkakan peningkatan suhu daripada 1.1 hingga 1.5 bagi tempoh 2020 hingga 2029 iaitu peningkatan kira-kira 1.7 darjah Celsius hingga 2 darjah Celsius bagi tempoh 2050 hingga 2059 dan 2.9 darjah Celsius hingga 3.2 darjah Celsius bagi tahun 2090 hingga 2099.

Sarawak, Sabah juga menunjukkan akan berlaku peningkatan dan ini menunjukkan bahawa pengaruh perubahan iklim dunia sudah tentu akan mempengaruhi jumlah hujan dan juga akan berlaku ramalannya cuaca-cuaca yang ekstrem termasuklah ribut, kemarau dan pelbagai. Oleh itu, hendaklah kita bersama di Dewan Rakyat ini sebagai pembuat dasar, bersamalah kita memberi kesedaran bersama kepada rakyat bahawa amat penting untuk kita menjaga alam sekitar kita supaya kita dapat mengurangkan impak perubahan iklim dunia kepada kita. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan, iaitu banjir yang berlaku di daerah Kuching dan Bau ini adalah disebabkan oleh hujan yang terlalu banyak dalam bulan Januari. Akan tetapi adakah juga salah satu sebab yang utama berlakunya banjir adalah kerana tindakan Kerajaan Negeri Sarawak yang cuai. Mengapa saya katakan adalah kerana mengikut satu laporan *Expert Randal palmer* dan *Trenton* yang telah dibuat dalam tahun 1991. Tujuan *survey study* itu ialah untuk dengan izinnya, "*Feasibility study for the construction of barrages causeway across Sungai Sarawak and Sungai Santubong flood mitigation structures and improvement of the Kuching City Waterfront*".

Di dalam *survey report* ini ada menyebut bahawa untuk mengelakkan banjir yang serius daripada berlaku di kawasan Kuching dan bandar, satu *flood mitigation channel* iaitu terusan lengkungan banjir haruslah dibina pada masa kerajaan membina *barrage* di Sarawak dan membina *causeway*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan. Soalan, Yang Berhormat. Jangan berucap, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Soalan saya, kenapa *flood mitigation channel* itu, satu struktur untuk mengelakkan banjir yang besar akan dilakukan di kawasan Kuching dan Bau ini tidak dibina walaupun telah *direcommend* oleh pakar-pakar dalam *irrigation* ini. Mengapa *flood mitigation* ini tidak dibina pada masa itu dan bilakah *flood mitigation channel* itu akan dibina dan disiapkan memandangkan keadaan yang begitu serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup sudah faham, Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bandar Kuching mungkin kurang memahami dalam konteks persoalan yang dibangkitkan. Akan tetapi di atas semangat tanggungjawab bersama, mungkin izinkan saya untuk menjawab serba sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, serba sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak payah panjang sangat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tiada dunia yang dapat menyelesaikan ataupun menyelesaikan keseluruhan masalah banjir. Apa yang kita lakukan ialah mitigasi. Jabatan Metrologi hanya mengkaji cuaca untuk memberi amaran akan berlakunya dan apakah *prediction* berkaitan dengan ramalan keadaan cuaca ini yang boleh mengakibatkan banjir ataupun berlakunya bencana di negara kita. Jadi berkaitan dengan persoalan yang dicadangkan, sebenarnya kerajaan sama ada kerajaan negeri mahupun Kerajaan Pusat sedang dalam rangka.

Sebenarnya peringkat pertama projek yang dikatakan tadi iaitu *channel* untuk mengeluarkan air di Sungai Sikri, Sarawak sedang berjalan pada masa ini. Jadi itulah yang dapat saya *respond*kan dan sebenarnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Kerajaan Barisan Nasional amat sedar perkara ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perparitan dan Saliran ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. Terima kasih.

6. Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Hisbah yang berperanan sebagai Ombudsman yang bertanggungjawab kepada Parlimen Malaysia dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menjadikan jawatan Peguam Negara bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan mengehadkan tempoh tahanan banduan sabitan sepanjang hayat dan jika ada, apakah cadangannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana Dewan Undangan Negeri Terengganu sudah ada Rang Undang-undang Hisbah 2000 yang memberi kuasa kepada Jabatan Hisbah untuk menyiasat laporan berhubung penyelewengan organisasi kerajaan dan kakitangan awam di negeri tersebut.

■1040

Namun dalam konteks Parlimen, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Hisbah kerana pihak kerajaan telah menetapkan dan menubuhkan tiga perkara

penting bagi memastikan semua laporan serta aduan berhubung dengan mana-mana bentuk penyelewengan organisasi kerajaan dan kakitangan awam diambil tindakan yang sewajarnya. Tiga perkara tersebut ialah:

- (i) Biro Pengaduan Awam;
- (ii) Bab D Perintah Am; dan
- (iii) Penubuhan SPRM

Maka dengan mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Hisbah, pertindihan akan berlaku. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b) bahagian pertama, jawatan Peguam Negara tidak wajar dipertanggungjawabkan terus ke Parlimen kerana mengikut Perlembagaan Persekutuan, untuk membolehkan Peguam Negara dipertanggungjawabkan terus ke Parlimen, beliau hendaklah merupakan seorang Ahli Parlimen sama ada Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat dan juga Perkara 48(1)(c) Perlembagaan Persekutuan menghalang mana-mana penjawat awam daripada menjadi Ahli Parlimen.

Perlembagaan Persekutuan 145(1) juga menyatakan Peguam Negara adalah dilantik oleh Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan calon Peguam Negara mestilah seorang yang layak untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. Ini bermakna calon tersebut tidak boleh terdiri daripada kalangan Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat.

Bagi menjawab soalan (b) bahagian kedua, mengikut undang-undang negara ini, seorang tertuduh dihadapkan ke mahkamah untuk perbicaraan. Setelah mahkamah berpuas hati bahawa kesalahan terhadapnya telah dibuktikan, mahkamah akan menyabitkan beliau dan menjatuhkan hukuman yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang sesuai bagi kesalahan yang telah dibuktikan terhadap tertuduh. Bagi hukuman penjara sepanjang hayat, ia membabitkan hanya beberapa kesalahan sahaja iaitu kesalahan yang membabitkan senjata api di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ataupun Akta 37 iaitu Seksyen 4 dan Seksyen 121 Kanun Keseksaan iaitu Akta 574.

Kedua-dua kesalahan ini merupakan kesalahan yang serius iaitu mempamerkan senjata api ketika melakukan kesalahan rompakan bersenjata dan melancarkan atau cuba atau bersubahat dalam melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja atau Yang di-Pertua Negeri. Apabila dipertimbangkan betapa seriusnya tahap kesalahan-kesalahan ini, kerajaan tidak bercadang untuk menghadkan tempoh tahanan ini memandangkan banduan yang dijatuhkan hukuman sebegini masih diberikan peluang untuk membuat ataupun mengemukakan petisyen kepada Lembaga Pengampunan menurut Peraturan Penjara 2000 iaitu Peraturan 54 dan Peraturan 113.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang saya ingin kemukakan, pertama berkaitan dengan cadangan penubuhan

Pesuruhjaya Hisbah ini adalah kerana walaupun sudah ada badan-badan seperti yang disebut seperti Biro Pengaduan Awam, Bab D Perintah Am dan SPRM baru-baru ini, masalahnya ialah mereka hanya pelapor seperti Laporan Ketua Audit Negara. Mereka melapor tanpa kuasa untuk bertindak ataupun kuasa untuk menguatkuasakan laporan mereka dan banyak bergantung kepada agensi-agensi lain.

Ini menyebabkan kehampaan di peringkat rakyat. Beberapa laporan yang dikemukakan tidak ada tindakan. Contohnya seperti Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas yang menyenaraikan banyak salah guna kuasa dan salah laku oleh pegawai dan jabatan-jabatan agensi kerajaan tetapi sampai hari ini tidak ada tindakan. Jadi siapa yang akan memantau dan menguatkuasakan perkara-perkara seperti ini dan di situ, soalan berkaitan dengan Peguam Negara dipertanggungjawabkan kepada Parlimen ditimbulkan kerana siapa yang akan memantau dan menguatkuasakan tindakan terhadap Peguam Negara. Contohnya Peguam Negara yang ada sekarang, beberapa laporan telah dibuat terhadap beliau.

Contohnya dalam kes mereka keterangan dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan dengan pendedahan pita rakaman oleh peguam Manjeet Singh Dhillon di mana didapati perbualan dalam rakaman itu jelas menunjukkan bahawa Peguam Negara telah cuba mereka keterangan dengan mendapatkan saksi-saksi palsu terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dakwaan mutakhir ini berkaitan dengan salah guna kuasa dan kedudukan dengan mereka keterangan dalam kes memukul dan menyerang Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh Peguam Negara.

Jadi, siapa yang nak memantau dan bertindak terhadap penjawat-penjawat awam seperti ini kalau bukan Pesuruhjaya Hisbah ataupun *ombudsman*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah itu Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Banyak hanya memberi laporan tetapi tidak ada tindakan untuk menguatkuasakannya. Jadi soalan saya, badan mana yang boleh digunakan untuk menguatkuasakan laporan-laporan seperti yang telah disebut tadi. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin memaklumkan iaitu segala laporan yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi kerajaan, semua laporan itu dibuat secara terbuka dengan meletak dan membentangkan laporan itu di Dewan Rakyat. Kita tahu iaitu bahawa sebenarnya tidak ada sesiapa yang boleh menghalang MACC untuk terus mengambil tindakan penyiasatan berkenaan dengan laporan yang ada dibentangkan di Dewan Rakyat. Ini telah pun dilakukan dan penyiasatan telah dibuat dan kalau sekiranya ada elemen rasuah, maka sudah tentu tindakan akan diambil.

Kalau Yang Berhormat tanya berkenaan dengan *monitoring*, saya rasa apabila laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat, kita sebagai Ahli Parlimen bertanggungjawab juga bukan hanya untuk mengambil buku-buku ini dan diletakkan di *shelf* kita, mencantikkan pejabat kita tetapi kita bertanggungjawab untuk membaca dan kalau sekiranya ada sesuatu perkara yang

dicadangkan dan tidak ada penyiasatan yang dibuat, maka Ahli Parlimen boleh memaklumkan kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan diambil dan berkali-kali boleh ditanya di dalam Dewan ini berkenaan dengan laporan itu.

Jadi sebab itu kepada saya, *monitoring* badan yang paling terbaik sekali ialah Ahli Parlimen supaya kita tidak mematikan apa-apa perkara yang telah dilaporkan dengan kita sendiri tidak menyuarakan di dalam Dewan ini. Jadi saya harap supaya Ahli-ahli Parlimen apabila terima laporan, kalau ada masa baca dan lihat tentang cadangan yang dibuat oleh laporan itu tentang perkara-perkara yang mungkin telah berlaku penyelewengan di dalam agensi itu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Peguam Negara, saya kira kalau sekalipun kita mempunyai satu badan, kalau kita nak bercakap tentang kebebasanlah sesuatu badan itu untuk melakukan penyiasatan secara bebas terhadap penjawat awam yang bertanggungjawab untuk katalah mendakwa, Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan isu Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Permatang Pauh kerana beliau telah membuat aduan terhadap Peguam Negara.

Jadi, bagaimana? Yang Berhormat sedia maklum iaitu bahawa Peguam Negara telah diminta untuk tidak mengetuai pasukan yang membuat penyiasatan dan akhirnya berlaku pendakwaan. Sudah tentulah Peguam Negara itu sendiri kalau beliau dituduh, bagaimana pula dia hendak mengetuai penyiasatan itu? Sudah tentu tidak berlaku adil, *not seen to be fair*.

■ 1050

Dan dalam saya berkali-kali sebut iaitu bahawa kalau bercakap tentang Peguam Negara, Peguam Negara itu institusi kalau sekiranya ketuanya itu dituduh maka sudah tentu kita punyai mereka yang lain di dalam institusi itu. Solicitor General 1, Solicitor General 2 dan banyak lagi dan mereka inilah akan memastikan supaya kalau ada tuduhan berbentuk jenayah yang dilakukan oleh individu Peguam Negara itu maka sudah tentulah institusi Peguam Negara itu menerusi anggota-anggota yang lain akan membuat pendakwaan terhadap Peguam Negara, individu yang dibuat pertuduhan itu. Jadi pada saya tidak ada masalah dalam hal ini.

Saya perjelaskan banyak kali dan beginilah sebenarnya aduan ini hanya dilakukan dalam beberapa bulan yang lalu sahaja. Jadi penyiasatan sedang berjalan dan seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan berlaku adil kepada semua. Tidak ada sebab mengapa kita harus pertahankan seseorang itu kalau sekiranya dia telah pun dikatakan melakukan sesuatu perkara yang dianggap sebagai jenayah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berbalik kepada isu Peguam Negara tadi iaitu apakah kita tidak mahu mengikut model yang dilakukan oleh SPRM di mana beberapa orang Ahli Parlimen dilantik dalam suatu jawatankuasa khas ini supaya kredibiliti Jabatan Peguam Negara itu lebih terserlah sebenarnya dalam keadaan orang mula mempertikaikan kemampuan Jabatan Peguam Negara. Contohnya bila banyak kes-kes berprofil tinggi yang terlepas maka imej Jabatan Peguam Negara itu

dipersoalkan dan ramai yang gelisah dan resah apabila berbangkit seperti soal Bukit Gelugor yang diminta untuk diambil tindakan tetapi tidak ada tindakan sebenarnya.

Dan semalam membuat hal lagi membuat tuduhan mengatakan Pemuda UMNO “celaka”, hantar peluru. Ini keterlaluan jadi sebab itu saya minta apakah perlu Jabatan Peguam Negara ini kalau tidak pun diikuti model SPRM itu maka perlukan satu rombakan yang lebih menyeluruh untuk memastikan banyak kes-kes yang menimbulkan rasa tidak puas hati dapat diselesaikan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini Peguam Negara institusinya itu ialah satu institusi yang terlibat di dalam pendakwaan terhadap mana-mana individu yang telah pun dituduh di mahkamah melakukan kesalahan. Jadi untuk kita membentuk satu jawatankuasa di dalam Jabatan Peguam Negara itu sendiri akan jelas menunjukkan ada campur tangan. Tidak kira, kita tidak boleh membenarkan urusan campur tangan dalam pendakwaan dilakukan dan campur tangan itu tidak kira. Bukan sahaja daripada pihak eksekutif, bukan sahaja daripada pihak legislatif. Kalau ada sahaja campur tangan itu menunjukkan bahawa mereka tidak bebas.

Ini soal pendakwaan jadi oleh kerana itu kalau Yang Berhormat fikirkan ada kes-kes yang dirasakan terlambat ke apa ke, kita sentiasa boleh bangkit di dalam Dewan. Akan tetapi kena ingat iaitu pendakwaan tidak boleh dilakukan selagi penyiasatan oleh pihak polis tidak habis. Dia bukan semudah satu kenyataan yang dibuat oleh seorang kita menganggap itu sebagai Akta Hasutan menaikkan perasaan marah seperti akhir-akhir ini melihat bagaimana Tuanku Sultan telah diperhinakan. Maka kalau berlaku pada hari ini, buat laporan, esok boleh dakwa dia, bukan begitu tidak semudah begitu.

Apatah lagi Bukit Gelugor, bukan satu dua, 100 lebih laporan telah dibuat dan semua laporan itu perlu disiasat. Jadi sebab itu dia memakan masa dan selagi polis tidak habis penyiasatannya selagi itulah fail yang dibuka, fail penyiasatan yang dibuka itu tidak sampai kepada Peguam Negara dan Peguam Negara tidak ada kesempatan untuk melihat kes itu. Inilah menyebabkan banyak daripada tindakan itu dianggap sebagai lambat tetapi ia kerana sebab kita harus menunggu siasatan yang dilakukan oleh polis, fail itu dibawa kepada pihak Peguam Negara, kita akan makan masa untuk melihat mempertimbangkan *recommendation* dan macam-macam lagi.

Akhirnya, barulah kita ambil tindakan. Sebab itu dia lambat, jadi jangan fikir itu bahawa kita lalai dalam tanggungjawab kita untuk memastikan siapa yang patut didakwa mesti didakwa di mahkamah.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua soalan nombor tujuh tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin minta penjelasan daripada Dewan. Awal-awal sebelum Dewan bersidang kita telah terima satu naskhah susunan soalan dan kita lihat tetapi

ianya berubah. Jadi kita dari Sabah, Sarawak ini terperangkap kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Datang ke kamar saya, saya akan jelaskan Yang Berhormat.

7. **Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk mengkaji semula kadar levi yang dikenakan kepada pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang di negara ini.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tuaran di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat sektor perladangan dikenakan levi semasa RM540, kementerian berpendapat kadar levi sebagaimana yang telah ditetapkan adalah berpatutan dan tidak membebankan majikan dalam sektor perladangan. Penetapan kadar berkenaan juga berdasarkan kajian yang telah dilakukan dan mengambil kira dasar-dasar kerajaan untuk mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing di samping dasar transformasi ke arah mewujudkan industri moden yang tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing. Kita berharap pekerja-pekerja ladang akan diberikan tawaran gaji dan insentif untuk bagi menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai sektor berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat turun naik, turun naik ini, hendak soal ke ini?

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ya, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan hanya kos *basic* tetapi dalam sektor perladangan ini terutama sekali dalam perladangan sawit saya *refer* kes Sabah ini Tuan Yang di-Pertua. Bagi satu pekerja ladang jumlah kos levi ini kurang lebih RM1,200 seorang pekerja termasuk semua kos-koslah. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah falsafah yang sebenarnya atau matlamat di belakang kos levi ini. Adakah ianya dianggap sebagai satu sumber pendapatan negara atau hanya persetujuan untuk mendokumentasikan, *regularize* pekerja asing.

Kedua saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian sedar bahawa oleh kerana kos yang tinggi ini banyak ladang-ladang sawit yang mengambil pekerja secara haram atau tidak dibayar lebih. Dia bayar separuh levi, separuh tidak bayar, ini wujud di Sabah. Satu lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya ingat kalau hendak belajar *framekan* soalan tambahan Yang Berhormat ada cara

dia, tidak boleh dia kata nombor satu, nombor dua, nombor tiga, itu sudah salah Yang Berhormat, peraturan ada.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ini berkaitan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berkaitan pun tidak ada Yang Berhormat. Tidak boleh dibuat rangkaian persoalan dalam Peraturan 24.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Jadi macam mana saya mahu soal Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soal dekat luar, satu sahaja Yang Berhormat, sudah dua sudah itu.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ini berkaitan dengan jawapan Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya, sebab ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu ini semua penting Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Kalau Menteri mengizinkan saya tanya satu lagi, satu penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri hendak *suspend* peraturan pun tidak boleh Yang Berhormat. Itulah saya kata, kalau Yang Berhormat hendak soalkan berantai macam ini pandai-pandailah, soalan ini dan ini, ini dan ini. Betul, nampak dia betul, tidak bercanggah.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua minta maaf, yang lain itu dibenarkan kenapa saya tidak dibenarkan, ini berkaitan dengan isu. Saya mahu tanya akhirnya sedarkah Menteri bahawa di Sabah ini ada pekerja asing dia majikan pertama dia bayar levi, dia kerja tiga bulan dia lari pergi ladang lain secara haram. Jadi minta keterangan sebab ini adalah keadaan yang berleluasa di Sabah. Kenapa ini tidak dibenar? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya ambil perhatian cara Yang Berhormat bercakap itu. Saya mintalah kalau hendak soal jangan cakap nombor satu, nombor dua, nombor tiga, itu betul memang sudah salah Yang Berhormat. Kalau dirantaikan saya kadang-kadang boleh bagi peluang. Sila Yang Berhormat Menteri.

■1100

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran di atas soalan-soalan yang dikemukakan. Kita menganggar setelah mengkaji mendalam bahawa levi yang dikenakan dan yang ditetapkan adalah munasabah. Paling penting ialah kita tentukan kita menaikkan kualiti dan faedah-faedah serta manfaat pekerja dalam ladang supaya kita boleh bergantung kepada pekerja tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, levi ini kita juga adalah sumber pendapatan yang baik untuk negara kita iaitu kalau kita ambil secara keseluruhan, levi untuk di Sabah sahaja pendapatannya ialah

RM128.5 milion setahun pada tahun 2007 dan pada tahun 2008 pendapatannya ialah RM98.3 milion.

Jadi ini adalah salah satu sumber. Akan tetapi paling penting sekali, kita tentukan yang kita membuat levi ini ialah untuk tidak sepanjang masa kita mempunyai kebergantungan kepada pekerja asing. Jadi buat masa ini kalau kita tengok jumlah warga asing PATI di Sabah yang baru-baru ini kita membuat pendaftaran adalah RM312,837. Jadi kita mohon kerjasama daripada semua pihak untuk menentukan mereka mengambil hanya pekerja-pekerja yang sah melalui saluran yang betul. Kalau ada pemindahan pekerjaan menjadi tanggungjawab majikan untuk memaklumkan kepada jabatan untuk kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sedar kah Yang Berhormat Menteri bahawa dasar kerajaan adalah untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing? Akan tetapi nampaknya polisi tersebut langsung tidak diimplementasikan. Kenapa sehingga hari ini setiap hari beribu-ribu orang pekerja asing masih datang ke negara ini? Saya difahamkan bahawa sebenarnya *out sourcing* yang dibuat, yang dibenarkan oleh kementerian nampaknya ada *abuse* dalam sistem tersebut. Walhal, ramai yang tidak dibenarkan masuk ke negara ini telah masuk secara *out sourcing* dan pelbagai cara. Ini diketahui oleh kementerian kerana ada kroni-kroni Kerajaan Barisan Nasional yang terlibat di dalam perkara ini. Berkaitan dengan ini adakah pembayaran balik levi kepada pekerja-pekerja yang dihantar balik dilaksanakan dan setakat ini *how successful* perkara ini?

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Akan tetapi jangan kita bercakap kroni-kroni. Ini soal kroni-kroni yang buat Yang Berhormat selalu membuat tuduhan liar. Biar saya katakan di sini bahawa dari segi tindakan kerajaan di dalam sektor pembuatan misalnya. Kita sudah tutup untuk mengambil pekerja-pekerja dalam sektor ini. Sektor perkhidmatan kita tutup keseluruhannya melainkan untuk tukang masak, pembersihan dan *resort*.

Jadi kalau ada mungkin kalau Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat bagi saya bukti benda-benda macam itu, kita bekerja sebagai rakyat Malaysia bukan untuk mencari kesilapan dan kesalahan. Kalau ada bukti-bukti menunjukkan ada kesalahan, beritahu dengan kita, kita akan mengambil tindakan. Sepanjang masa pemantauan akan dilakukan. Berkenaan *out sourcing* saya sudah berhentikan *out sourcing* yang datang bawa tidak ada kerja untuk dia dan ini menyusahkan dan membawa kepada kesan yang tidak baik. Oleh itu, dari masa ke semasa kita akan meneliti apakah cara dan kaedah yang terbaik untuk menjamin bahawa orang yang betul-betul mempunyai kerja yang diperlukan dan selaras dengan dasar pengambilan kita itu sahaja yang dibenarkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Levi, levi.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan levi ini sebenarnya levi ini kalau kita bayar untuk setahun, dia tidak ada *portion*. Kalau dibayar setahun

habis levi itu semua akan diambil oleh pihak kerajaan, dibayar kepada kerajaan. Akan tetapi baru-baru ini kerajaan kabinet telah membuat keputusan, kita akan tengok. Kalau dia bekerja dibayar levi setahun dia bekerja hanya tiga bulan bagaimana hendak memulangkan. Levi-levi yang dibayar dan kita tidak mengambil pekerja itu, levi itu boleh dipulangkan.

[Soalan No. 8 - Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang) tidak hadir]

9. Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah kementerian bercadang mengubah reka bentuk rumah Program Bantuan Rumah (PBR) miskin tegar di Sarawak untuk membantu penduduk-penduduk rumah panjang agar dapat diagihkan program ini ke penduduk-penduduk rumah panjang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Negeri Sarawak pada dasarnya ada reka bentuk yang tersendiri untuk membantu penduduk-penduduk di rumah panjang ini. Akan tetapi reka bentuk ataupun rumah panjang yang dibuat berdasarkan reka bentuk yang tersebut agak terlalu mahal. Ini kerana siling yang diputuskan untuk PBR ini untuk negeri Sarawak adalah RM40,000 hingga RM44,000.

Jadi kita telah meminta beberapa agensi di Sarawak mengemukakan reka bentuk yang baru dan kita terima juga reka bentuk yang baru ini. Didapati juga silingnya lebih daripada siling yang ditetapkan oleh PBR. Jadi sekarang pada peringkat yang ketiga yang kita berbincang ini dan keputusan untuk reka bentuk yang dapat digunakan untuk rumah panjang di Sarawak akan dibuat pada 10 Mac ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jelaskan RM45,000 untuk satu bilik kah atau...

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Satu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...satu rumah panjang?

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Bukan, satu unit keluarga. Satu bilik untuk satu keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang Sarawak dia faham Yang Berhormat, satu bilik orang lban semua faham.

Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah kementerian telah mengagihkan sebanyak RM40,000 hingga RM44,000 untuk rumah PBR, bermaknanya satu bilik rumah panjang berharga RM40,000 hingga RM44,000. Kalau ada 10 rumah bolehlah dibuat. Jadi saya mohonlah agar akta itu ditukarkan jadi supaya rumah panjang ini dapat dibantu kerana banyak rumah panjang di Sarawak amatlah daif, terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya kurang faham tentang sebuah bilik ataupun 10 buah bilik ini. Ini kerana kalaulah sebuah bilik ini kosnya adalah RM40,000 hingga RM44,000 maknanya kalau 10 keluarga di sana memanglah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: RM400,000.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: RM400,000 hingga RM440,000 untuk kesemuanya. Memang itu semua akan dibuat sekiranya reka bentuk ini nanti diluluskan.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah spesifik. Soalan tambahan saya, adakah kementerian sudah ada data base atau pangkal maklumat bagi mengenal pasti berapa ramai dan siapa dia yang diiktiraf sebagai miskin tegar di Sarawak? Ini adalah diperlukan bagi memudahkan proses kelulusan permohonan bantuan rumah untuk golongan ini nanti. Sila nyatakan juga program yang dikendalikan oleh kementerian untuk mendapat maklumat yang menyeluruh yang boleh diguna pakai untuk bantu golongan miskin tegar ini. Sekian terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kapit. Pengumpulan maklumat tentang orang-orang yang dianggap miskin tegar ini, ia berlaku sepanjang masa. Akan tetapi setakat ini kita telah mengumpul banyak dari setiap daerah di Sarawak. Sekiranya mana-mana Yang Berhormat hendak mendapat maklumat tersebut boleh ambil dari saya supaya boleh tahu siapa dan bukan jumlah sahaja kita tahu, siapakah keluarga-keluarga yang dianggap miskin tegar ini. Sekiranya ada yang terdapat selepas mesyuarat ini, kita masih terima senarai yang baru. Dari segi program-program untuk membantu orang miskin tegar ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua banyak dari kementerian ini kerana satu daripada tugas kita tanggungjawab kementerian ini ialah memang untuk mengeluarkan orang miskin tegar ini dari golongan miskin tegar kepada yang tidak lagi miskin tegar tamat tahun 2010 iaitu hujung tahun hadapan.

■1110

Jadi kalau terdapat mana-mana daerah ataupun kawasan-kawasan Parlimen yang difikirkan ramai yang dalam golongan miskin tegar ini saya boleh meminta pegawai-pegawai saya memberi taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta Perdana Menteri menyatakan apakah projek-projek yang dibiayai oleh kerajaan di kawasan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dan nama kontraktor-kontraktor yang dianugerahkan projek-projek tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan satu lagi soalan mengenai perkara yang sama bagi SCORE iaitu soalan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) pada 5 Mac 2009.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM2.5 bilion telah diperuntukkan untuk peruntukan kepada Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau SCORE. Setakat ini daripada sejumlah RM1.03 bilion yang diperuntukkan untuk SCORE bagi tahun 2009, sebanyak RM414 juta telah pun disalurkan kepada kerajaan negeri baru-baru ini untuk memulakan kerja-kerja awalan bagi kesemua sembilan projek yang dicadangkan oleh kerajaan negeri di bawah SCORE. Pelaksanaan projek-projek ini akan membawa impak yang tinggi kepada penduduk Sarawak khususnya penduduk di wilayah tengah yang merangkumi bahagian Bintulu, Mukah, Miri, Sibu, Kapit dan Sarikei. Ini kerana pelaksanaan projek-projek dan kemasukan pelaburan yang masuk di dalam kawasan SCORE akan mewujudkan banyak peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi SCORE terdapat sembilan projek yang diperakukan untuk tempoh KSP Kesembilan iaitu:-

- (i) membina jalan akses ke tapak empangan Murum, Kapit;
- (ii) membina jalan akses ke bandar pekan Kapit;
- (iii) membina jalan akses ke tapak empangan Baram, Miri;
- (iv) membina jalan akses ke tapak empangan Balih, Kapit;
- (v) membina jalan Tunuh-Kapit;
- (vi) membina jalan akses ke tapak empangan Limbang;
- (vii) membina lapangan terbang baru Mukah;
- (viii) bekalan air sama laju; dan
- (ix) estet perindustrian sama laju.

Pada masa sekarang, pelaksanaan projek masih di peringkat awal memandangkan pelantikan kontraktor masih belum dilakukan kerana masih di peringkat pelantikan juru perunding. Selain daripada itu, sektor tumpuan SCORE adalah sektor tenaga maka di bawah tempoh KSP Kesembilan, SCORE akan memberi tumpuan kepada projek-projek infrastruktur dan kemudahan asas sahaja kerana pembangunan dan penyediaan kemudahan infrastruktur *amenity* dan utiliti ini telah dikenal pasti sebagai faktor pemangkin yang penting bagi menyokong pembangunan sektor tenaga berkenaan serta meningkatkan daya tarik SCORE terutama kepada para pelabur.

Perancangan SCORE adalah merupakan program pembangunan jangka panjang iaitu daripada tahun 2008 hingga 2030. Walaupun impak sebenar hasil daripada pelaksanaan SCORE masih terlalu awal untuk dilihat namun beberapa petunjuk awal menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

Misalnya dari segi pelaburan, setakat ini hampir RM80 bilion telah pun komited bagi membangun pembangunan SCORE berbanding sasaran pelaburan sebanyak RM34 bilion

sehingga 2010. Sumber pelaburan luar negara adalah daripada Amerika Syarikat, China dan Jepun. Kebanyakan komitmen pelaburan tertumpu kepada sektor yang melibatkan jumlah pelaburan yang besar khususnya dalam industri berat aluminium dan tenaga. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, sama ada kerajaan akan melaksanakan apa-apa mekanisme bahawa projek-projek yang dibiayai oleh kerajaan akan dibahagikan dan diagihkan kepada kontraktor-kontraktor kecil dan kontraktor-kontraktor tempatan dan bukannya tertumpu kepada sesuatu keluarga atau syarikat yang dimiliki dan berkaitan dengan pemimpin-pemimpin politik atau kroni-kroni pemimpin politik di Sarawak. Sama ada ada mekanisme atau tujuan kerajaan untuk membahagikan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan di antara kontraktor-kontraktor tempatan yang kecil supaya semua dapat faedah dan manfaat daripada projek SCORE ini.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih dengan soalan itu. Pelaksanaan projek SCORE dan juga projek-projek di bawah koridor-koridor yang lain. Pelaksanaan koridor-koridor mesti mematuhi syarat-syarat perbendaharaan iaitu dari segi pelaksanaannya ataupun pemberian tender-tender adalah secara tender terbuka. Jadi kita akan membuka kepada semua kontraktor terutamanya kontraktor-kontraktor yang berpangkalan di Sarawak untuk SCORE. Kita akan memberi peluang kepada kontraktor kecil dan sederhana terutamanya di Sarawak dan seperti yang saya kata pelaksanaannya adalah akan secara mematuhi syarat-syarat peraturan perbendaharaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Mambong.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa SCORE menumpukan bidang-bidang terhadap tenaga, ini bermakna bahawa tenaga yang akan dihasilkan memang banyak berlebihan. Oleh itu, ianya langsung tidak dapat digunakan oleh negeri Sarawak sendiri. Maka bagaimanakah tenaga akan diagihkan sama ada ianya diagihkan kepada Semenanjung, kepada Sabah dan juga kepada Kalimantan?

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau mengikut kapasiti tenaga hidro yang akan dikeluarkan oleh tiap-tiap hidro di Sarawak, memang betul kapasiti itu tidak akan dapat digunakan untuk semuanya di Sarawak. Jadi pertamanya kita tumpukan kepada pembangunan industri-industri berat di Sarawak supaya dapat digunakan sepenuhnya tenaga-tenaga itu.

Jadi tenaga berlebihan itu akan dieksportkan ke Sabah dan juga Kalimantan dan masih lagi dalam pertimbangan untuk dieksportkan ke semenanjung. Terima kasih.

11. **Tuan Chua Tee Yong [Labis]** minta menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah status syarikat Credit Tip-Off Service Sdn. Bhd. (CTOS) sekarang; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah badan alternatif untuk menggantikan fungsi CTOS yang masih digunakan oleh pihak bank dan institusi kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:

Tuan Yang di-Pertua, CTOS masih beroperasi tapi dalam skopnya yang terhad. Semasa kemuncak isu negatif terhadap CTOS pada Julai 2007 Persatuan Bank Malaysia dengan izin, Association of Bank Malaysia telah mengarahkan semua bank supaya sekiranya mahu menggunakan maklumat CTOS, mesti mendapatkan kebenaran daripada pemohon pinjaman. Kedua, maklumat CTOS tidak dijadikan sebagai asas untuk memberi sebarang pinjaman.

Di samping itu, CTOS telah diarah membolehkan klien untuk membuat semakan serta memperbaharui maklumat dalam CTOS tanpa bayaran. Dari segi jangka panjang, kerajaan sedang menggubal 'Rang Undang-undang Rujukan Kredit' yang akan di bentang pada tahun ini untuk mengadakan kawal selia kerana sekarang ini tidak ada badan yang kawal selia kerana ia ditubuhkan di bawah suruhanjaya syarikat di samping untuk melindungi klien syarikat-syarikat tersebut.

■1120

Selain daripada CTOS, ada lagi dua syarikat iaitu BRIS Information Services Sdn. Bhd. dan SME Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, beroperasi dalam industri yang sama. Di samping itu Bank Negara mempunyai *central credit reference information system* CCRIS yang boleh digunakan oleh sektor perbankan. Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah masalahnya ialah sekarang, semasa pemohon meminjam atau memohon pinjaman, mereka diperlukan untuk memberi kebenaran kepada bank-bank. Walaupun bank-bank telah diperintah supaya mendapat kebenaran, tetapi saya mendapat maklumat jika pemohon itu tidak membenarkan bank, kebanyakan permohonan mereka tidak diluluskan.

Selain itu, dari segi maklumat penduduk-penduduk di Malaysia mengenai *financial implication* atau *financial secrecy*. Masalahnya ialah, saya diketahui CTOS tidak dimiliki oleh orang Malaysia. Oleh itu, adakah ia wajar orang asing mempunyai banyak maklumat *financial* tentang rakyat Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, daripada Julai 2007, Kementerian Kewangan telah menerima 50 aduan. Kita telah siasat, sebahagiannya tidak melibatkan isu Yang Berhormat bangkitkan itu. Maknanya, dari segi bank, kita mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia.

Kedua, dari segi pemilikan, kita telah membuat penyemakan dengan Suruhanjaya Syarikat, kita buat *registrar search*, tuan punya CTOS ini adalah orang Malaysia, ada dua beradik iaitu Chung Tze Keong dan Chung Tze Wen. Terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengenai CTOS ini, apakah kawalan yang dijalankan oleh bank negara memandangkan jika kebenaran tidak diberi, permohonan mungkin akan ditolak. Bagaimana Bank Negara kawal keadaan ini untuk memastikan seseorang pemohon itu diberi peluang untuk menjawab kepada CTOS atau kepada bank yang dipohon. Sebab kadang-kadang ada pihak yang telah membayar hutang kepada bank yang lain, tetapi rekod itu tidak diupdate, dengan izin.

Jadi bagaimana Bank Negara boleh membuat kawalan terhadap ini, sebab dalam masa keadaan sekarang, banyak pihak mendapati susah untuk mendapat pinjaman bank oleh sebab rekod-rekod di CTOS yang kebanyakannya rekod lama, sila jelaskan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Seperti mana saya nyatakan sebentar tadi, oleh sebab CTOS ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Syarikat, tidak ada mana-mana badan yang kawal selia ke atas operasi CTOS. Dengan itu, kita sedang menggubal Rang Undang-undang Rujukan Kredit yang akan dibentangkan pada tahun ini. Bermakna bahawa mana-mana agensi rujukan kredit akan diletak di bawah seliaan Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara, apabila diluluskan oleh Parlimen nanti.

Yang Berhormat membangkitkan isu yang *valid* tentang maklumat yang *out-dated*, di mana saya nyatakan tadi pihak *client* boleh memohon dengan tidak dikenakan sebarang bayaran untuk membuat penyemakan maklumat serta mengemas kini maklumat. Sekarang ini kita tidak dapat banyak aduan mengenai perkara itu. Di samping itu, sukar mendapat pinjaman pihak Bank Negara mempunyai Bank Negara link dan sebagainya.

Saya masih berpegang kepada prinsip, jikalau kita berhadapan masalah, gunakan perkara yang formal daripada cara yang informal. Oleh kerana cara yang formal ini atau secara *official* ini kita boleh mengambil tindakan ke atas masalah-masalah yang dihadapi.

[Soalan No. 12 –Y.B. Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau) tidak hadir]

[Soalan No. 13 –Y.B. Datuk Billy Abit Joo (Hulu Rajang) tidak hadir]

14. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan hasil perundingan semula dengan IPP sejak tahun 2007. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh TNB untuk mengurangkan beban yang semakin meningkat dengan mulanya operasi IPP Jimah.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perolehan, *sorry*, soalan nombor 14, *I got different*, , minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memulakan rundingan dengan pihak penjana-penjana bebas atau IPP pada tahun 2006, untuk mengkaji semula terma-terma perjanjian pembelian tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA) dengan izin. Strategi rundingan adalah bagi mendapatkan penyelesaian bersifat menang-menang berhubung dengan mengadakan perjanjian tambahan kepada PPA antara IPP dan Tenaga Nasional Berhad atau TNB. Objektif rundingan ini antara lainnya adalah, bertujuan membantu memperbaiki kedudukan kewangan PNB, mewujudkan keadaan *level playing field* dengan izin, kepada semua *players* dalam industri.

Walau bagaimanapun, rundingan tersebut terpaksa dihentikan pada Mac 2007 kerana ia telah menjejaskan kedudukan IPP di pasaran saham. Justeru itu, kerajaan telah memutuskan supaya rundingan semula PPA dengan semua IPP ditangguhkan buat sementara waktu, sehingga satu kajian menyeluruh dibuat mengenai penstrukturan semula industri bekalan elektrik negara selesai dilaksanakan. Sebagai langkah untuk melindungi kepentingan rakyat serta TNB, kerajaan berhasrat untuk memulakan rundingan semula PPA, dalam masa yang terdekat.

Antara strategi yang akan dipertimbangkan dalam rundingan semula PPA adalah, perkongsian risiko oleh pihak-pihak lain termasuk IPP dalam memastikan *sustainability* pihak PNB sebagai *single off-taker*, dengan izin, di samping pembangunan industri elektrik yang mapan. Dalam masa yang sama, pihak TNB juga perlu mengambil maklum akan sumbangan IPP dalam meningkatkan kecekapan perbekalan elektrik sedia ada.

Berhubung operasi IPP Jimah, memandangkan ada *reserve margin* dengan izin, semasa yang tinggi, stesen Jimah tidak akan menggunakan sepenuhnya. Ini adalah sebagai salah satu langkah yang diambil untuk menjimatkan kos bayaran kapasiti kepada Jimah. Ini kerana di dalam PPA yang ditandatangani di antara TNB dengan Jimah, terdapat klausa *demand risk-sharing* dengan izin. Di mana Jimah tidak akan mendapat bayaran kapasiti yang penuh jika tidak menjana elektrik sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan menang-menang penyelesaian, bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Ini kerana CEO TNB juga mengaku bahawa kontrak dengan IPP ini memang merupakan satu sebab utama yang mana mengurangkan beban TNB, kerajaan dan juga rakyat.

Jadi saya memang inginkan penjelasan selanjut daripada Yang Berhormat Menteri dan juga adakah klausa *demand risk-sharing* ini juga wujud di antara TNB dan IPP yang lain seperti YTL. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat dari Simpang Renggam dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan situasi menang-menang tadi ialah berkenaan dengan semakan semula perjanjian ataupun PPA yang sedia ada.

■1130

Sekiranya dalam semakan semula terdapat kejadian di mana IPP yang sedia ada akan mengalami kerugian atau kekurangan dari keuntungan yang telah disetujukan dalam perjanjian yang sedia ada, maka yang untung hanya Tenaga Nasional tetapi IPP menjadi rugi. Itu tidak dikatakan menang-menang. Apa yang dikatakan menang-menang ialah ada terdapat pengurangan dalam kos yang dialami oleh Tenaga Nasional dan juga IPP tidak akan mengalami kerugian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab pada pagi ini telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kedua Belas”. **[25 Februari 2009]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat dari Jasin sambung, ada 15 minit lagi. Sila Yang Berhormat Jasin.

11.31 pg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung. Sehubungan dengan kejatuhan harga komoditi global, disebabkan pertumbuhan yang perlahan maka tekanan inflasi kita berkurangan. Inflasi kita berlaku di puncak, dalam banyak negara. Di negara China, inflasi sebenarnya berkurangan daripada 8.7% pada bulan Februari 2008 kepada 1% sahaja pada bulan Januari 2009.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Di Thailand daripada 9.2% pada Julai 2008 kepada 0.4% pada Disember 2008. Akan tetapi di Malaysia pula kita berada di puncak pada 8.5% pada Julai 2008 kepada 4.4% pada Disember 2008 dan pada bulan Januari 2009 ianya berada pada tahap 3.9%. Jadi kita berharap semoga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat melihat supaya kita dapat memastikan angka inflasi kita dapat terus diperturunkan. Seterusnya, Malaysia mempunyai kekuatan daripada segi kewangan dan juga fundamental ekonomi termasuk kita mempunyai surplus akaun semasa, pinjaman luar yang rendah dalam rangka 6% ke 7% daripada GDP kita dan kita mempunyai *reserve* antarabangsa yang tinggi.

Dalam masa yang sama sistem perbankan kita yang dengan izin, *wealth capitalize*. Bagaimanapun sebagai sebuah negara kecil yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, kita tidak terkecuali daripada menerima impak daripada masalah krisis ekonomi dunia. Seterusnya, walaupun situasi kewangan Malaysia, dengan izin *well capitalized* dengan kecairan yang mencukupi *ample liquidity*, dengan izin, Bank Negara telah mengambil langkah *pre-emptive* untuk memastikan keyakinan dengan memberikan dengan izin *blanket guarantee* kepada semua penyimpan-penyimpan kita dengan institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara melalui MDIC sehingga bulan Disember 2010.

Dengan cara ini, kita akan menanamkan lagi sifat suka menyimpan kepada rakyat Malaysia yang pada ketika itu telah membuktikan bahawa jumlah simpanan kita sebanyak 37% daripada GDP Malaysia. Saya ingin mencadangkan supaya ASB pada ketika ini yang menghadkan simpanan sebanyak RM200 ribu, menaikkan lagi jumlah tersebut mungkin RM500 ribu, banyak daripada kalangan bumiputera yang mempunyai kemampuan supaya kita dapat menanamkan sifat mereka suka menyimpan. Seterusnya, Bank Negara juga menyediakan dengan izin *liquidity facility* kepada semua syarikat insurans dan juga takaful *operators* yang dikawal oleh bank pusat.

Seterusnya Bank Negara Malaysia telah mengumumkan pada 21 Januari 2009 mengurangkan OPR kita kepada 2.5% dan pada dua hari lepas telah mengumumkan pengurangan hanya tinggal 2% sahaja dan mengurangkan SRR daripada 3.5% kepada 2% dan semalam juga diumumkan hanya 1% sahaja. Dengan ini menjadikan *cost of fund* kita lebih murah lagi.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: [Bangun]

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jemput Yang Berhormat tetapi ringkas sahaja ada masa yang terhad.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin imbas kembali bahawa kemelesetan ekonomi negara kita pada kali ini bukan kali yang pertama. Kita pernah mengalaminya pada tahun 1997, 1998. Pada masa itu Menteri Kewangan kita, Ketua Pembangkang telah

mengumumkan satu dasar iaitu menaikkan kadar faedah bank yang menyebabkan ekonomi menjadi lebih lumpuh. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin tentang perkara ini?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sebenarnya kebolehan seorang pemimpin adalah berdasarkan daripada tindakan dan keupayaan mereka menyelesaikan masalah ataupun krisis yang dihadapi. Dalam konteks ini kita dapat lihat kerana sejarah tidak boleh berbohong kerana pada ketika tersebut, Menteri Kewangan Negara sebenarnya telah meruntuhkan sistem kewangan negara. Pertamanya dalam keadaan kita gawat, sekarang kerajaan telah menurunkan kita punya OPR kepada 2% tetapi Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan pada ketika tersebut menaikkan faedah kita kepada 24% dan memotong peruntukan sebanyak 18%.

Paling berat sekali dia telah memperkenalkan satu kaedah iaitu NPL daripada enam bulan turun kepada tiga bulan, telah menyebabkan kebanyakan daripada usahawan-usahawan bumiputera terus bankrap. Jadi kita dapat lihat sebenarnya keupayaan seorang pemimpin adalah berdasarkan daripada keupayaan dan kehebatannya apabila menyelesaikan masalah. Kita berterima kasih kepada mantan Perdana Menteri kita yang telah memperkenalkan kaedah yang benar-benar berkesan dan sebenarnya pada ketika ini diakui oleh seluruh dunia bahawa kaedah tersebut adalah cukup bersesuaian dengan masanya.

Jadi saya tidak dapat lama, sebenarnya apa yang telah dibuat oleh Bank Negara pada ketika ini yang telah menyebabkan *cost of fund* kita lebih murah. Jadi yang boleh menjana banyak lagi pertumbuhan dan sepatutnya semua usahawan-usahawan boleh mengambil peluang dengan meminjam serta menggunakan kemudahan-kemudahan daripada bank-bank di dalam negara kita. Akan tetapi apa yang terjadi Tuan Yang di-Pertua, adalah di sebaliknya. Bank-bank kita pada ketika ini memperketatkan kemudahan.

Saya sebenarnya telah menerima banyak aduan. Pertama daripada sebuah syarikat yang sebenarnya telah diberikan *credit facilities* sebanyak RM5 juta. Beliau hanya menggunakan hanya sebanyak RM2 juta sahaja dan inilah masanya beliau hendak mempergunakan lagi RM3 juta tersebut untuk melipatgandakan perniagaannya tetapi malangnya baru-baru ini bank tersebut telah menulis bahawa kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat tersebut ditarik semula, tinggal RM2 juta sahaja. Kes kedua, sebuah syarikat yang telah diberikan *credit facilities* sebanyak RM6 juta, sekarang telah mendapat surat daripada pihak bank menarik balik kredit tersebut dan syarikat hanya diberikan sebanyak RM4 juta sahaja.

Di mana syarikat hendak cari hendak bayar lagi RM2 juta dalam keadaan yang cukup mendesak pada ketika ini? Jadi kita berharap semoga bank-bank ini dapat sama-sama membantu dan bukannya menekan dan kita takut dengan tindakan mereka ini akan menyebabkan ekonomi kita ini akan terus parah. Jadi...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon laluan. Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat daripada kawasan Jasin tadi tentang Bank Negara. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat daripada Jasin, adakah patut Bank Negara mengarahkan kepada semua bank supaya mengurangkan semua kadar faedah kepada semua pinjaman terutama pinjaman perumahan dan peribadi yang telah pun ditandatangani untuk mengurangkan beban rakyat membayar hutang bank pada setiap bulan. Macam mana pandangan Yang Berhormat daripada Jasin?

■ 1140

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Sebenar inilah tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan kita dan kita dapat lihat kehebatan Menteri Kewangan kita dalam mengurus masalah yang kita hadapi pada ketika ini. Kita dapat lihat bahawa OPR yang telah dikurangkan sebanyak 2% dan SRR sebanyak 1% ini sepatutnya mempermudah lagi bank memberikan kemudahan kepada semua pengguna. Seterusnya memandangkan krisis ekonomi kita semakin meruncing dan ketidaktentuan sistem kewangan global, maka kerajaan kita insya-Allah akan mengumumkan mini bajet pada 10 Mac akan datang.

Jadi walaupun sebenarnya, bajet kita yang pertama telah menyebabkan defisit fiskal kita melebar sebanyak 4.8% dan kemungkinan apabila kita umumkan bajet ini kita tidak tahu berapa saiz dia. Akan tetapi kita pulangkan kepada kebijaksanaan Menteri Kewangan yang kita telah dapat lihat kehebatan beliau. Kita jangka defisit bajet kita akan terus melebar. Walaupun kita merasa bimbang dengan keadaan defisit yang akan terus melebar, tetapi tindakan kita ini adalah perlu dalam keadaan yang cukup mencabar. Asalkan ianya bersifat sementara satu ke dua tahun. Hal ini sebenarnya bukan satu perkara yang luar biasa Tuan Yang di-Pertua. Sebenar semua negara dalam pada ketika ini telah memperkenalkan Pakej Rangsangan seperti yang kita lihat Singapura telah mengumumkan sebanyak SGD20 bilion iaitu lebih sebanyak 6% daripada GDPnya.

Selepas itu, USA sebanyak USD800 bilion, lebih kurang 6% daripada GDPnya. Dan China USD550 bilion, sebanyak 11% daripada GDPnya. Akan tetapi apa yang perlu kita ingat pada ketika ini, Malaysia walaupun hanya 0.9% daripada GDP kita sebanyak RM7 bilion pertamanya yang telah menyebabkan fiskal defisit kita sebanyak 4.8%, kita sebenar tidak boleh ikut macam Singapura kerana Singapura.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Pada setiap tahun, kewangannya berada pada tahap yang *surplus*. Jemput Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta izin daripada Yang Berhormat Jasin tadi untuk membolehkan apa yang saya akan katakan di sini dimasukkan dalam ucapannya bahawa tahun 1998 mantan Perdana Menteri telah mengenakan satu cara yang amat berlainan daripada dunia lain untuk menangani masalah

kewangan. Akan tetapi yang menentang dalam Dewan ini menentang sungguh-sungguh mengatakan bermacam-macam menggunakan bahasa-bahasa yang kasar dalam Dewan ini adalah juga daripada Ipoh Timur, cukup hebat. Juga kadang-kadang Kepong juga menyokong dia pada masa tahun 1998 seolah-olah yang kita buat ini disisihkan dalam ekonomi dunia. Jadi hari ini dunia sendiri mengikuti kita. Amerika Syarikat hari ini mencontohi kita. Jadi apakah ini sebagai contoh bahawa apa yang dibuatkan oleh kerajaan pada dahulu dan hari ini tidak boleh disangkakan bahawa kita ini tidak ada pengalaman dan bahawa kita ini hanya membuat sesuatu ala kadar sahaja. Yang Berhormat setuju atau tidak?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar yang mempunyai pengalaman yang cukup luas bukan sahaja sebagai seorang Ahli Kabinet tetapi saya yakin apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi cukup bertepatan sekali. Ini telah membuktikan bahawa sebenarnya pada krisis 1997-1998 telah menyebabkan, ada Kepong lagi. Jemput Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dengan ringkas Dato' Yang di-Pertua, tadi Padang Besar bukan sahaja jadi padang besar jadi padang raksasa sekarang. Dan saya berharaplah beliau dapat memberikan bukti daripada *Hansard* Dewan yang mulia bagaimana kita membelasah. Kita berucap berdasarkan kepada bukti dan setakat ini, kita lebih senang lebih baik daripada Singapura kerana kita ada langkah-langkah dan peraturan yang lebih ketat ke atas perbankan dan insurans dan sebagainya menurut *master plan* kita.

Walau bagaimanapun, saya semalam ada sebutkan bahawa kita mestilah mengumumkan bagaimana kita mengendalikan *interest rate*, *monetary policy*, dan rizab dan sebagainya. Ini memang penting mengekalkan keyakinan terhadap kewangan kita.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Jadi terima kasih kerana saya dapat lihat bahawa Kepong bersetuju dengan pendapat daripada Padang Besar dan hujah saya tadi bahawa apa yang kita buat pada ketika ini cukup bertepatan. Dan tindakan semasa krisis yang berlaku oleh Menteri Kewangan pada ketika tersebut adalah satu tindakan yang cukup berlawanan dengan kehendak apabila kita menghadapi krisis. Kita tuan-tuan, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kita tidak boleh lari. Ini sejarah. Seterusnya kita harap supaya Pakej Rangsangan atau Mini Bajet yang akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti akan merangkumi pelbagai aspek dan fokus utama kita. Saya hendak cadangkan supaya pertamanya kita merangsang aktiviti ekonomi dan pada masa yang sama menjana peluang pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi tidak semestinya mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak. Jika kita menumpukan hanya kepada *capital intensive industry*. Tumpuan hendaklah kepada *high value added* dengan izin *cum level intensive industry* dengan mempunyai *high multi player effect* seperti industri binaan, automatif, dan pelancongan.

Keduanya mini bajet bukan semata-mata tertumpu kepada dengan izin *consumption expenditure* untuk meransang *domestic demand* dalam jangka pendek tetapi juga hendaklah disulami dengan izin *investment expenditure* bagi faedah jangka sederhana. Kita menjangka pekerjaan kita tidak mampu hendak wujudkan sebanyak 1.1 juta kerana pada ketika ini kita mempunyai sebanyak 300 orang yang menganggur, 200 orang yang kita jangka akan diberhentikan bekerja dan 600,000 lagi yang masuk dalam pasaran pekerja. Jadi kita terpaksa mencari 1.1 juta peluang pekerjaan yang kita tidak mampu hendak wujudkan. Tetapi saya hendak cadangkan:-

- (i) pemberhentian kita kalau boleh kita mulakan dengan pekerja-pekerja asing dan kita pastikan ini perkataan kita pastikan mereka mestilah kita hantar balik ke negara asal;
- (ii) pekerja asing yang kita hantar pulang ini hendaklah kita gantikan dengan pekerja tempatan;
- (iii) kalau boleh kempen menggalakkan rakyat jangan hendak pilih-pilih sangat kerja dalam keadaan yang sukar ini dan kita adakan latihan semula;
- (iv) seterusnya kita mahu menggelakkan atau pun menggalakkan, kalau boleh kita mahu mereka bekerja sendiri tetapi kita bantu mereka dari segi modal dan pasaran serta lain-lain, dan
- (v) kita mahu menyediakan kalau boleh sosial *safety net*. Bantuan bagi tujuan sosial *safety net* ini hendaklah dipastikan akan sampai kepada kumpulan sasaran.

Dan kalau ada keperluan Tuan Yang di-Pertua tidak semestinya kita sampai dalam bentuk tunai. Boleh kita sampai dalam bentuk *cash voucher*. Sekurang-kurangnya kita tahu mereka ini hanya akan membeli barang makanan, mungkin pakaian atau pun susu anak.

Seterusnya kita dapat lihat pada ketika ini, dalam usaha kita untuk menjana kalau banyak pekerjaan, saya banyak terima maklumat daripada penjawat awam yang telah banyak berjasa kerana mereka ini banyak daripadanya dia ini tidak boleh hendak menyampaikan masalah mereka. Sebenarnya banyak daripada penjawat awam kita ini *they are crying in silent*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kerana kita dapat lihat kenaikan pangkat mereka selalu terhad. Kerana kita dapat lihat sekarang yang atas-atas, yang bos-bos sekarang ini jadi kontraktor. Mereka dilanjutkan. Banyak daripada KSU kita, Ketua Pengarah kita yang pangkat-pangkat besar semua dilanjutkan perkhidmatan mereka. Bahkan peluang ini sepatutnya diberikan kepada orang lain yang juga boleh mempunyai kemampuan dan minat. *[Tepuk]*

■1150

Jadi saya berharap - ada pula Ketua Pengarah yang sudah pencen diambil semula untuk bekerja. Tidakkah ada orang lain ataupun...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: ...dijemput Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian dan Tuan Yang di Pertua. Saya salah seorang bekas penjawat awam. Pandangan Yang Berhormat Pontian itu...

Beberapa Ahli: Yang berhormat Jasin.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang berhormat Jasin minta maaf, Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, cukup baik. Saya bimbang apabila keadaan ini berlaku berterusan. Moral sebahagian daripada kakitangan awam itu yang ada peluang naik pangkat sudah jatuh, tetapi saya minta pandangan Yang Berhormat Jasin.

Terdapat sebahagian daripada ketua Jabatan, ataupun pegawai-pegawai awam yang mempunyai kepakaran yang cukup baik dalam perkhidmatan mereka dan susah untuk cari ganti. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Kalau boleh apakah kita hendak berikan peluang kepada semua pegawai awam yang atas ini, yang pencen ini disambung perkhidmatan mereka, atau kita buat secara pilihan di mana yang boleh memberikan sumbangan yang baik kepada negara kita sambung ke tahap yang sesuai. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Maran.

Seorang Ahli: Sambung sekali Dato'...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Beri laluan kakitangan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya agak kurang bersetuju dengan Maran apabila mengatakan bahawa tujuan kita menyambung ini setengah daripada kakitangan pengurusan tertinggi dalam pentadbiran kerajaan kerana disebabkan oleh kepakaran. Kita sudah ada pelapis yang kita latih daripada peringkat awal yang menurut *stage* tertentu yang mengambil peperiksaan dan melalui pengalaman pelbagai kementerian yang mereka telah lalui. Jadi bila sampai umur pencen, pencenlah. Buat apa kita hendak tunggu-tunggu lagi. Siapa sudah pencen pun sampai dibagi dalam GLC–GLC buat apa? Sedangkan yang tunggu ini kadang-kadang pencen bersama dengan mereka. Ini tidak wajar dilakukan lagi di masa-masa yang akan datang kerana saya tengok dari segi kemampuan luaran tidak setakat manapun kemampuan mereka yang sepatutnya diambil oleh kakitangan yang telah kita latih daripada peringkat PTD awal lagi dalam service kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Arau saya setuju dan kalau boleh masukkan dalam ucapan sayalah. Saya hendak cadangkan beberapa langkah yang patut kita masukkan kalau boleh dalam pakej rangsangan kita yang kedua ini. Yang pertamanya kita hendak, kalau boleh semua syarikat swasta ini kita bantu kerana mereka inilah penjana ekonomi selaras dengan dasar kita sebagai Malaysia Incorporated.

Pertamanya, kalau boleh saya sangat bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mambong, kita mengurangkan *Corporate Tax*. Pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, Singapura telah mengenakan 18% dan sekarang ini dia sudah turun kepada 17%. Selepas itu, Hongkong sudah turunkan kepada 16.5% sahaja dan Ireland pada ketika ini 12.5%, tetapi kita di Malaysia 25%. Saya mengambil maklum ini sebenarnya adalah *revenue*, tapi dalam kita menghadapi satu masalah yang sukar ini adalah masa yang paling bertepatan sekali untuk kerajaan memikirkan satu skim supaya kita dapat meringankan beban mereka dalam masa yang sama supaya mereka dapat menyimpan pekerja-pekerja dan tidak akan memberhentikan mereka.

Kita hendak lihat kalau boleh apa yang dibuat oleh Singapura dan Amerika pada ketika ini yang telah pun mengurangkan kadar *Corporate Tax* dan diberikan peluang kepada syarikat-syarikat yang mengalami kerugian hasil daripada masalah ekonomi, mereka dibolehkan untuk menuntut selama tiga tahun semua cukai korporat yang telah dibayar supaya dengan wang yang tersebut ini boleh menjana semula perniagaan mereka dan dalam masa yang sama mereka tidak akan mengambil tindakan untuk memberhentikan pekerja.

Saya banyak lagi cadangan Yang Berhormat hanya satu cadangan sayalah, iaitu kita mesti menolong IKS kita industri kecil sederhana ini. Kerana industri ini sangat mustahak, ia memberikan peluang sebanyak 56.7% daripada tenaga kerja dalam negara kita. Jadi kita hendak lihat, IKS ini sebenarnya kita hendak ucapkan tahniah kepada 18 kementerian rupanya yang ada Skim IKS dan 63 agensi yang ada skim untuk membantu IKS dan dia ada IKS ini sebenarnya sebanyak 198 program dengan mempunyai 111 dana. Kementerian ini ada, agensi ini ada tetapi sebenarnya kita tidak fokus. Saya hendak cadangkan kalau boleh kita wujudkan satu agensi saja yang bertugas bertanggungjawab untuk membangunkan IKS supaya kita dapat *one referral centre* dan kita hendak cadang kalau boleh biar SMIDEC dilantik dan kita berikan mereka peruntukan yang cukup banyak supaya mereka dapat membantu IKS yang sangat memerlukan bantuan.

Jadi yang terakhir Yang Berhormat saya menghormati masa, saya pada hari Selasa yang lepas saya tidak dapat hadir Dewan kerana menghadiri Mesyuarat ASEAN Parliament. Saya telah dimaklumkan dan saya sudah baca *Hansard* ini Yang Berhormat daripada Bagan, saya terperanjat betul membaca, saya hendak pastikan betul tidak apa yang dia sebut. Saya terperanjat seorang pemimpin besar yang hebat pada ketika ini menjadi *Chief Executive* satu negeri boleh mengeluarkan satu ucapan menyentuh *the Brother Officers*, seorang Ketua Menteri Melaka yang tidak ada hubung kait dengan beliau dengan UMNO. Tidak ada hubung kait dengan parti DAP walaupun kita mempunyai pertandingan pada ketika ini, jangan campur pertandingan kita. Kenapakah membuat pertuduhan bahawa Ketua Menteri Melaka terlibat dengan rasuah? Beliau tidak boleh mempertahankan dirinya dalam Dewan ini beliau tidak ada di sini. Saya kalau ada dalam Dewan pada hari tersebut saya sebut.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tapi ia adalah satu perkara yang cukup tidak adil Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon laluan sedikit.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jemput, jemput.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya kata *double standard*. Semalam Yang Berhormat Bukit Gelugor marah bila ditanya tentang dia minta Permatang Pauh bertaubat, dia kata jangan campur. Ini bukan urusan UMNO. Kenapa tidak boleh pula? Tetapi tentang orang lain boleh. Sebab itu saya kata bahawa inilah *double standard* pembangkang yang cuba mengambil peluang atas apa sahaja isu sebenarnya untuk memecah-belahkan rakyat, lain kali janganlah cakap benda-benda yang tidak ada kaitan dengan mereka. Tetapi bila kena diri sendiri, itu saya kata mereka minta jangan campur tangan pula. Ini perangai Yang Berhormat Bukit Gelugor juga. Sama sahaja seperti Yang Berhormat Bagan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin kena habiskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jadi masa sudah tidak ada lagi ini saya ucapkan terima kasih. Jadi apapun Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sebenarnya untuk menyatakan rasa tidak puas hati kitalah. Tidak sepatutnya seorang pemimpin membuat satu tuduhan yang tidak berasas...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Mengatakan Ketua Menteri Melaka melakukan rasuah. Sebenarnya dengan satu niat yang cukup suci, beliau mahu menolong..

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Minta laluan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: ...mereka yang susah untuk..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa tidak ada Yang Berhormat habiskan. Saya minta Yang Berhormat habiskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Sini-sini.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskanlah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua, jadi saya sebenarnya ada satu perkataan yang akhir saya hendak sebut di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah empat kali akhir Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Di dalam usaha kita untuk menangani kegawatan ini, kegawatan ekonomi, kerajaan perlu merangka satu bentuk pelan tindak balas yang lebih proaktif dan juga komprehensif yang bertujuan untuk melengkapkan program-program ekonomi dan juga sosial. Pelan tindak balas ini perlu dilancarkan segera dan kerajaan memberi sepenuh jaminan bahawa ianya tidak akan menggugat dasar-dasar dan objektif jangka panjang kita. Kerajaan terutama dalam Program Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Perindustrian. Saya menghormati masa Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

11.58 pg.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan bawa di sini, isu mengenai Wakil Rakyat Bebas. Wakil rakyat dipilih dari parti masing-masing, antara ahli yang dipilih dari rakyat. Yang Berhormat di sini masih ingat di Sabah pada tahun 2004, ada dua Wakil Rakyat BEBAS dipilih. Satu di dalam Dewan Undangan Negeri dan seorang Ahli Parlimen. Selepas memenangi pilihan raya mereka memohon untuk menyertai parti BN. Tetapi kedua-duanya tidak dibenarkan menyertai parti BN di Sabah dan BN menyatakan bahawa pintu sudah ditutup. Hari ini kita melihat tiga ahli di Perak lompat keluar dari parti asal dia menjadi wakil BEBAS dan mengumumkan menyokong BN.

■1200

Ini menyebabkan masalah serius bagi kerajaan Pakatan Rakyat di Perak. Di seluruh Malaysia merasa tidak puas hati dan sangat marah terhadap apa yang berlaku. Kita di Sabah mengalami masalah serupa mengenai wakil rakyat bebas selepas parti SAPP keluar dari BN. Dua ahli Dewan Undangan Negeri Sabah mereka meninggalkan parti tersebut dan mengisytiharkan sebagai wakil rakyat BEBAS.

Kedua-duanya masih berkhidmat di kedudukan tinggi dalam Kerajaan Sabah. Satu DCN dan lain-lain di badan kerajaan. SAPP pun ada dua Ahli Parlimen dicatat sebagai wakil rakyat BEBAS di dalam Dewan ini. Mereka mesti bertanggungjawab untuk rakyat yang telah mengundi mereka dan bukan berpihak-pihak. Pada kita, negara kita mengalami masalah politik. Ada orang tidak bertanggungjawab sedang mengambil kesempatan dalam pelbagai situasi untuk merampas kuasa dan kerajaan.

Ini tidak sihat dan tidak adil dan benar-benar membawa malu kepada semua. Pada masa kejatuhan ekonomi di negara kita, Malaysia harus bekerja keras dan bersatu membawa pertumbuhan ekonomi negara kita. Negara kita sangat bergantung kepada kami dan rakyat berharap kita boleh membawa mereka kehidupan yang lebih baik dalam masa yang terdekat.

Semua kita bertanggungjawab membawa kemajuan yang lebih baik bagi negara kita. Oleh sebab itu, saya minta semua marilah bekerjasama dan jangan terus berperang dalam politik.

Di Sabah, Jalan 10 ke Kalabakan bernilai RM500 juta termasuk harga memasang *asphalt black top* dengan izin, mengapa hingga sekarang masih belum ada *asphalt* dipasang. Kerajaan umum tambahan RM150 juta untuk kos tambahan atas memasang *asphalt*. Bagaimana tambahan harga ini boleh dilakukan. Adakah ini satu *variation order* dengan izin atau untuk tujuan lain. Wang rakyat tidak boleh dibezakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bolehlah sahabat, *neighbor*, jiran.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Okey.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil apabila Yang Berhormat sahabat saya dan jiran saya Yang Berhormat Kota Kinabalu berhujah dengan soal jalan raya di Sabah ini. Kerap kali saya melihat di dalam surat khabar gambar Yang Berhormat serta rakan-rakan sentiasa bergambar dengan lubang-lubang di tepi jalan di Kota Kinabalu. Adakah itu satu usaha ataupun cara Yang Berhormat supaya pihak DAP dapat mempermainkan lagi yang kononnya apabila nampak ada kotor atau jalan-jalan yang rosak, ini dapat dibina ataupun diatasi ataupun diperbaiki dengan segera oleh pihak yang berkenaan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh sekali Yang Berhormat. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya apabila Yang Berhormat Putatan sebut sering kali Yang Berhormat bergambar dengan jalan-jalan lubang, makna sekali gambar ada lubang, dua kali gambar maknanya DAP tak boleh selesaikan masalah ini. Satu maknanya DAP, Barisan Nasional juga boleh buat.

Satu lagi Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya perhatikan Yang Berhormat bercakap ini cukup cantik, ajak kita baik buat kerja dan sebagainya tiba-tiba sampai selepas itu Yang Berhormat sudah syak wasangka kepada kerajaan. Apabila projek itu lambat dijalankan, kata adakah benda-benda lain jadi seolah-olahnya menyangka sesuatu yang tidak baik. Sedangkan memang tidak mungkin kita boleh melaksanakan semua projek dalam satu hari, kekurangan mesti ada. Kalau saya beri Yang Berhormat buat pun tidak boleh buat, *guaranty* tidak boleh buat, terima kasih.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Terima kasih. Perbuatan DAP dalam surat khabar, gambar-gambar itu betul-betul ada *effect*. Apabila gambar sudah keluar di surat khabar, kerja dapat dilaksanakan. Lubang kena tutup, jalan kena dibaiki. Saya pun harap Barisan Nasional, wakil rakyat dari Barisan Nasional boleh buat sama-sama. Jangan parti pembangkang sahaja, ini tugas kami.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Akan tetapi apabila gambar Bukit Lanjan keluar marah pula.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Ini boleh tolonglah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kepong ini sudah diam kenapa. Dia tidak membantu.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Biar saya sambung. Ini ada masalah yang penting. Di Labuan, baru-baru ini Sabah Energy Corporation dan juga Petronas umum 100% naik ke atas harga gas. Ini tidak adil dalam krisis ekonomi sekarang. Industri di Labuan akan tutup kedai. Industri akan hadapi masalah. Setakat ini ada satu kilang mozek sudah tutup kedai dan 150 hilang kerja.

Kerajaan mesti timbang dan kaji semula harga gas di Labuan. Harga minyak sudah turun, mengapa harga gas di Labuan meningkat begitu tinggi. Di Labuan juga terdapat penjual daging khinzir masih belum selesai. Saya harap kerajaan boleh atasi hal ini dengan cepat supaya penjual-penjual itu boleh dapat cari makan terus. Sabah Development Corridor atau SDC hanya dapat RM10 juta pada tahun 2008 dari Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan janji RM1.374 bilion untuk tahun 2009 dalam tiga pembayaran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan. Yang Berhormat, mungkin maklumat Yang Berhormat salah, saya dimaklumkan untuk Sabah Development Corridor ada RM1 bilion sudah dibagi. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh perbaikilah.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Wang tersebut bukan dari saya, ini dari jawapan dari menteri, dari Perdana Menteri jadi saya agak *figure* ini betul-betullah sebab ini adalah jawapan Perdana Menteri sendiri. Jadi saya haraplah yang RM1.37 bilion ini boleh hantar ke Sabah untuk pelaksanaan SDC.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta jalan Yang Berhormat.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Jadi saya pun mahu tanya bila wang ini boleh sampai ke Sabah atau tidak. Sabah perlu peruntukan besar dari Kerajaan Persekutuan mengatasi pembangunan di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu sama ada dia faham tentang konsep-konsep peruntukan *ceiling*nya tetapi untuk perbelanjaan setiap tahun berikut diberi *cash flow* atau aliran tunai. Jadi kemungkinan angka yang kecil itu Yang Berhormat sebutkan untuk bajet peruntukan yang ada projek sekarang tetapi peruntukan yang besar memang ada cuma tidak dibagi sekali gus, bagi duit tidak ada projek maka rugi duit

kerajaan dan akan tidak berkesan penggunaan wang. Hendak tanya Yang Berhormat dan terima kasih.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih. Di Sabah betul-betul ada hanya satu projek sudah mula tetapi lain-lain masih dalam kajian dan belum untuk pelaksanaan. Jadi duit boleh sampai ke Sabah dahulu jangan tunggu projek.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf, Yang Berhormat projek itu salah anggapan Yang Berhormat, saya minta maaf kerana duit tidak akan dibagi dahulu melainkan projek sudah ada, sudah hendak dilaksanakan. Saya bukan kerajaan tetapi memang saya tahu cara dibelanjakan, terima kasih.

■ 1210

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Terima kasih ya. Di Sabah, kita masih menghadapi masalah seperti Hospital Besar di Kota Kinabalu. Di Sandakan, *coal fire power plant* dengan izin, masalah PTI, kemiskinan yang tinggi, IC palsu, kekurangan infrastruktur yang baik dan juga mana peruntukan daripada Persekutuan yang dijanjikan? Jangan lupa Sabah pun adalah sebahagian daripada Malaysia. Marilah tolong Sabah mencapai sama standard dengan Semenanjung. Terima kasih.

12.11 tgh.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita yang akan melepaskan jawatan Perdana Menteri tidak lama lagi. Setelah lebih dari 30 tahun mencurahkan khidmat bakti kepada rakyat dan negara sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya bukan senang bagi seseorang yang menduduki jawatan yang begitu tinggi untuk melepaskannya tetapi demi kepentingan parti dan negara, beliau telah mencari jalan yang terbaik untuk membuat demikian, demi kepentingan rakyat dan negara, saya tarik balik perkataan parti. Syabas kita ucapkan kepada Pak Lah dan kita doakan segala yang terbaik bagi beliau dan keluarga. *[Tepuk]* Setiap pemimpin yang datang dan pergi ada jasa dan bekas peninggalannya. Ada sebahagian masyarakat hanya akan mengingati Pak Lah dalam konteks Pilihan Raya 2008.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mana satu Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kita ada peraturan, keputusan tidak boleh gunakan nama dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gunakan nama kawasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf, saya tarik balik nama ya, kita menggunakan Kepala Batas. Minta maaf, saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya

persepsi yang mengingatkan Yang Berhormat Kepala Batas, hanya mengingatinya dalam konteks Pilihan Raya 2008. Bagi saya persepsi ini adalah, minta maaf saya gunakan perkataan Perdana Menteri. Bagi saya persepsi ini adalah bagi mereka yang kurang matang untuk menilai sumbangan seseorang pemimpin. Pada saya, sejarah akan menilai Perdana Menteri dalam konteks yang lebih mendalam. Selain daripada toleransi untuk mewujudkan suasana, sebaran maklumat yang lebih liberal, Perdana Menteri dengan tegas telah berani melakukan rombakan yang radikal dalam sistem pelantikan hakim.

Walaupun ada yang masih tidak berpuas hati, beliau telah juga melaksanakan sistem, beliau telah memperkasakan sistem pencegahan rasuah setelah melihat kewujudan Institut Integriti yang diwujudkan sendiri masih tidak mencukupi untuk menangani penulanan rasuah dan kemerosotan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Semuanya ini hanya berlaku dalam tempoh lima tahun beliau menerajui kepimpinan negara.

Dalam sesebuah negara yang demokratik dan sistem ekonomi yang liberal, keyakinan rakyat kepada undang-undang dan sistem pelaksanaan undang-undang adalah asas yang penting bagi semua jenis hubungan dalam masyarakat sama ada hubungan sosial ataupun perniagaan. Apabila rakyat sudah hilang kepercayaan kepada sistem yang sedia ada, maka dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi rakyat bebas membuat segala apa tuntutan yang perlu. Syabas diucapkan kepada Perdana Menteri dan syabas diucapkan kepada kerajaan yang dipimpinya yang telah menerima tuntutan ini dengan hati terbuka dan meletakkan kembali sistem kehakiman negara ke tahap dan landasan yang sewajarnya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Berapa minit saya ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 20 minit.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf Yang Berhormat, minta maaf.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Agak-agak tu, berapa helai nak baca? *[Ketawa]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf, saya minta maaf sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, antara rungutan dan keluhan rakyat ialah sistem penyampaian yang hari ini bukan sahaja berlaku di agensi-agensi kerajaan bahkan juga syarikat-syarikat milik majoriti kerajaan atau GLC. Bermacam-macam teguran dan arahan telah dibuat tetapi ianya masih lagi berlaku. Namun dalam suasana kemerosotan ekonomi global, sistem penyampaian harus diberi perhatian yang lebih serius. Kita mengakui ada jabatan-jabatan yang telah berjaya

mempercepatkan perkhidmatan mereka tetapi ini kebanyakannya adalah jabatan-jabatan yang membawa hasil kepada kerajaan. Contohnya seperti Jabatan Imigresen, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan beberapa jabatan lain.

Akan tetapi bagi agensi-agensi yang mengeluarkan bayaran kepada kontraktor atau pembekal-pembekal masih banyak yang lembap. Ada pula orang berkata hampir sudah menjadi budaya di negara ini, kalau tidak kenal orang dalam, susah mendapat bantuan. Saya percaya pihak kerajaan sudah mengenal pasti masalah ini malah Perdana Menteri telah beberapa kali mengarahkan supaya bayaran kepada pembekal-pembekal atau kontraktor dibuat dalam tempoh 30 hari dan saya dengar pun ada yang dikatakan 14 hari dari tarikh penerimaan bil atau tuntutan. Namun tidak semua agensi atau jabatan termasuk GLC yang berjaya mematuhiinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan pakej rangsangan ekonomi, walau berapa bilion ringgit pun disediakan oleh kerajaan tetapi kalau sistem pembayarannya lembap, ianya juga akan menjadi faktor penyumbang kepada kelembapan itu sendiri. Maka kita merayu supaya semua kakitangan agensi pelaksana bahawa mereka harus memahami bahawa hanya putaran tunai dalam sistem kewangan dan pasaran sahaja yang akan dapat menjayakan apa juga strategi rangsangan ekonomi negara. Dan tanggungjawab untuk menghebatkan putaran ini adalah di tangan semua agensi pelaksana termasuk syarikat-syarikat milik kerajaan atau GLC.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun yang saya sebutkan sebagai rungutan umum mengenai agensi-agensi pelaksana kerajaan, namun tidak dinafikan bahawa Malaysia mempunyai perkhidmatan awam antara yang terbaik di dunia. Khususnya di kalangan negara-negara membangun malah banyak negara membangun menghantar kakitangan dan pegawai untuk menghadiri kursus-kursus dan mempelajari sistem di negara ini. Cuma ada kelemahan-kelemahan yang perlu ditegur dan diperbaiki dan dipertingkatkan. Malah jika tiada diberi teguran, kemungkinan besar apa yang ada akan merosot.

Kegawatan ekonomi dunia hari ini dikatakan antara terburuk dalam sejarah. Kerajaan membuat apa sahaja yang mampu untuk menanganinya. Dalam suasana sebegini, kerajaan harus lebih mencari dan memberangsangkan segala aktiviti perniagaan di samping menghulurkan pelbagai jenis subsidi dan bantuan. Di mana perlu, dari peringkat pusat hingga ke peringkat negeri dan daerah termasuk majlis-majlis perbandaran dan bandaran harus lebih proaktif dan membantu peniaga-peniaga kecil dan besar menjayakan apa sahaja perniagaan mereka. Idea-idea mereka yang wajar dihormati dan diberi pertimbangan sewajarnya serta diberi bimbingan untuk menjayakannya. Malangnya, masih terdapat di waktu ini keluhan dan rungutan mengenai kerenah birokrasi yang perlu dilalui oleh peniaga-peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, masa susah kita perlu memperbaiki, *hard times need hard decisions, tough times need tough decisions* dengan izin. Didapati hari ini usahawan-usahawan terutama bumiputera menghabiskan hampir 70% daripada waktu kerjanya untuk melobi dan mendapatkan keputusan-keputusan tertentu di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian.

Dan 30% sahaja mungkin waktu kerja mereka ditumpukan untuk *business*. Antara perkara-perkara yang didapati amat mengecewakan pada saya sebagai ahli, sebagai mantan dalam pentadbiran kerajaan, saya melihat ada perkara-perkara yang perlu ditegur iaitu *flip-flop*. Dalam *bloggers* ada menyebutkan kerajaan ini *flip-flop*. Maknanya hari ini kita buat kelulusan, esok kita tarik balik, lusa kita bagi balik, *flip-flop*.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tak, yang *flip-flop* saya mengaku ada *flip-flop* tapi contoh saya bagi ada di sini dokumen-dokumen tertentu.

■1220

Ada syarikat yang pada satu tarikh mendapat surat, surat perlantikan LOA. Kemudian disusuli dengan satu surat untuk meluluskan tetapi disusuli pula dengan satu surat lagi membatalkan. Ini bukan satu, ini salah satu, ada lagi di dalam fail ini. Dalam fail ini, minta maaf saya bawa contoh. Dalam Parlimen yang lalu, Ahli Parlimen juga yang membawa perkara ini tetapi tidak ada perkembangan. Saya anti rokok tetapi syarikat ini adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan rokok yang dahulunya mendapat lesen untuk import rokok. Mereka telah membayar cukai dalam tempoh beberapa tahun sebanyak lebih dari RM11 juta. Kemudian syarikat ini bersama-sama dengan beberapa syarikat lain diizinkan membuat kilang-kilang rokok. Mereka dapat lesen untuk membuat kilang rokok serta dapat kelulusan.

Justeru, daripada beberapa kilang itu hanya satu syarikat sahaja yang berjaya mendirikan kilang. Perbelanjaannya dikatakan lebih daripada RM20 juta. Saya ada gambar dan saya juga melihat dengan mata kasar saya sendiri. Apabila kilang sudah siap mereka meminta untuk mendapat lesen mengimport bahan-bahan *raw material*. Tidak di izin dan lesen mereka dibatal. Kilang mereka juga tidak dibenarkan beroperasi. Malah ada cadangan di pihak kerajaan untuk membayar balik harga kilang. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bercakap mengenai rokok, tetapi dalam *business* ini saya dimaklumkan ada *players* nya. *Players* nya terdiri daripada syarikat-syarikat Amerika Syarikat, Britain dan Jepun yang mengilangkan rokok-rokok ini. Ada andaian di pasaran bahawa dasar kerajaan hari ini adalah untuk melindungi syarikat-syarikat ini bukan untuk merangsangkan perniagaan-perniagaan.

Kalaulah sebenarnya rokok itu dikatakan membahaya kepada kesihatan dan untuk dikurangkan orang untuk merokok maka cukai-cukai telah dipertingkatkan dari tahun ke tahun. Akan tetapi dalam masa yang sama beberapa syarikat lain telah diizinkan mulai Julai tahun lalu untuk mengimport apa jenis rokok pun kepada negara ini. Syarikat berkenaan yang telah membuat kilang telah diizinkan mengimport pula rokok. Apa beza rokok yang diimport dan rokok yang dikilangkan? Malah lebih mudah kita *control* kilang yang mengeluarkan rokok sebab dalam kilang berkenaan ada di bagi ruang pejabat untuk Jabatan Kastam dan juga saya lihat CCTV di dalamnya untuk mengelak pada sesiapa kakitangan dan sebagainya membuat sesuatu yang melanggar undang-undang. Jadi inilah yang dikatakan *flip flop*, satu hari boleh, satu hari tidak

boleh dan cadangan hendak membayar balik modal berpuluh juta yang dikeluarkan oleh syarikat duit siapa?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya, boleh.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya, ya tidak apa. Relevan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma ringkas sahaja. Tentang *flip flop* ini maksudnya itu dari segi projek. Akan tetapi bagaimana dari segi dasar? Mahu tidak Yang Berhormat Padang Besar mengakui bahawa dari segi dasar kadang-kadang ada juga *flip flop* nya. Saya rasa untuk lebih memberi kesan yang tidak baik, contohnya, dulu kita kata kereta Singapura masuk ke Johor hendak beli minyak mesti ada stesenya sendiri. Maksudnya tidak boleh bersubsidi tetapi akhirnya ditarik balik. Jadi *flip flop* begini bagaimana?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Batu Pahat kerana *flip flop* ini dasar dan perlaksanaannya memang menyusahkan. Ia tidak membayangkan dan mencerminkan satu pentadbiran yang mampu membangunkan masyarakat golongan perniagaan khususnya bagi bumiputera. Jadi antara lain Tuan Yang di-Pertua, didapati juga *flip flop* ini berlaku kerana wujudnya *over centralization*. Semua kementerian, semua Menteri sebenarnya, minta maaf saya sebut sebagai mantan kuasanya ada terhad khusus tentang projek-projek, bukan Menteri hendak minta projek tetapi semuanya berpusat di satu kementerian atau dua kementerian sahaja.

Jadi *flip flop* ini berlaku dan apabila satu agensi ke satu agensi sana menentang sini melulus ini yang menjadi masalah kepada peniaga-peniaga di mana hendak pergi mereka tidak tahu. Banyak usahawan ini telah datang dan telah membuat surat-surat kepada PAC tetapi pada mulanya saya ingin mencadangkan supaya orang-orang yang mempunyai masalah dengan kerajaan ini diizinkan bertemu, diadakan satu badan khusus untuk mereka mengadukan masalah, mengadukan nasib mereka dan menyampaikan masalah. Jadi, sebagai cadangan saya ingin menyarankan supaya Biro Pengaduan Awam yang telah diwujudkan sejak tahun 70-an lagi yang bertujuan untuk rakyat mengadu. Pada masa itu kalau boleh diadu dan mendapat penyelesaian.

Akan tetapi hari ini didapati Biro Pengaduan Awam hanya menjadi *Post Office*. Hanya buat laporan, surat dihantar kepada jabatan berkenaan dan ditunggu. Tidak ada susulan dan akhir tahun biro berkenaan membuat laporan tebalnya, ini berapa banyak laporan yang untuk dibuat mengenai sekian-sekian kementerian, sekian-sekian jabatan, berapa telah selesai dan sebagainya. Akan tetapi biro berkenaan sendiri tidak ada *effective powers*. Maka, masalahnya, inilah timbul ahli perniagaan mencari jalan dan dikatakan tidak kenal orang dalam susah untuk

mendapat pertolongan dan bantuan. Berbeza sekali semasa saya pernah bekerja dalam agensi kerajaan dahulu, di masa MAGERAN, selepas 13 Mei, kerajaan diperintah oleh MAGERAN...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: ...dan di situ Perdana Menteri melantik beberapa pegawai di bawahnya untuk turun ke agensi-agensi kerajaan untuk melihat dan memantau dan mempercepatkan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mohon laluan sedikit.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: ...untuk membantu masyarakat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Okey, *one second*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, saya kenal banyak orang dalam pun saya tidak dapat apa pun? *[Ketawa]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Itu minta maaf, saya tidak boleh jawab. *[Ketawa]*. Jadi pada zaman MAGERAN, kalau boleh kita wujudkan sistem yang sama khusus... Tuan Yang di-Pertua, semasa ekonomi Malaysia begini kita perlu membuat sesuatu yang radikal dan pernah kita lalui zaman selepas 13 Mei. MAGERAN melantik pegawai-pegawai untuk menyusun, menyusul matlamat masalah dengan agensi-agensi kerajaan menggunakan pegawai-pegawai askar pangkat Major turun ke bawah, merayap ke bawah dan memberi *feedback* kepada Perdana Menteri tentang apa sahaja masalah yang di bawah. Untuk makluman Dewan ini juga...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: ...saya ingin maklumkan bahawa *Public Account Committee*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: ...ataupun...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Setengah minit.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Saya hendak tanya atas pengalaman Yang Berhormat perbandingan semasa zaman MAGERAN dengan sekarang. Kalau tidak silap saya ada beberapa pandangan mengatakan semasa MAGERAN dahulu adalah punca kepada ketidakseimbangan agihan pada masa itu. Akan tetapi sekarang ini apabila berlaku kemelesetan, ini berpunca daripada kebocoran. Dahulu kata tiris, tiris ini sedikit, 5%, 2%, itu tiris, sekarang ini bocor. ISIS sendiri menyatakan kebocoran di dalam sistem ekonomi kita sehingga 35%. Jikalau kita hendak membuat suntikan stimulus yang baru ini, RM70 bilion kah, RM80 bilion kalau sudah tiris 30% Yang Berhormat, ini maknanya sebahagian besarnya duduk dalam keadaan yang tidak ekonomik. Tidak balik dalam pasaran macam pusingan macam Yang Berhormat katakan tadi. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih. Terima kasih. Ya, itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai dasar. Walau pun apa masalah tetapi kalau ada susulan seperti apa yang dibuat pada zaman MAGERAN dahulu. Hari ini susulan itu tidak dibuat dengan nyata. Maka, kalau ada pun kebocoran atau ketirisan, kalau adanya pegawai-pegawai yang khusus, yang dilantik di peringkat tertinggi untuk turun ke bawah dan untuk memantau maka saya percaya apa-apa kebocoran, apa-apa masalah akan dapat dipermudahkan, diselesaikan.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara yang telah pun bermesyuarat semalam telah bersetuju jika sekiranya tidak ada badan-badan khusus untuk membolehkan orang awam mendapat pendengaran mengenai masalah mereka dalam perniagaan sebagainya. Oleh kerana kerajaan telah memperuntukkan wang yang banyak untuk membantu merangsangkan ekonomi dan jika wang itu tidak dikeluarkan ia juga dapat menjejaskan kewangan negara. Maka jawatankuasa ini telah membuat keputusan semalam untuk membolehkan ahli-ahli masyarakat yang ada masalah seperti ini membuat aduan, membuat permintaan untuk diberi perhatian, maka PAC telah membuat keputusan untuk mendengar rintihan mereka. Jadi, dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih

■1230

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya terlibat sama dalam membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Tuan Yang di-Pertua, petang semalam saya menerima panggilan daripada pegawai khas saya berkenaan dengan aduan salah seorang rakyat di Kuantan yang merupakan seorang ibu kepada OKU.

Beliau, ibu OKU tersebut telah pergi ke Pejabat JKM daerah untuk mohon bantuan dengan membawa borang cari yang telah disahkan oleh saya yang merupakan Ahli Parlimen beliau. Malangnya, beliau diberitahu oleh pegawai JKM bertugas bahawa tandatangan saya tidak boleh pakai atau pun tidak laku. Beliau diminta datang semula dengan membawa Borang Cari yang ditandatangani oleh seorang wakil BN. Tuan Yang di-Pertua, ayat yang digunakan oleh pegawai JKM tersebut ialah "*Kamu hantar seribu keping borang, seribu keping borang saya reject.*"

Pegawai tersebut kemudiannya memberi si pengadu borang baru dan menyuruh si pengadu mendapatkan tandatangan seorang Yang Berhormat BN. Saya mohon Menteri memberi penjelasan yang munasabah berkenaan dengan perkara ini. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Sebelum ini saya juga ada dengar tentang hal ini dari salah seorang pegawai JKM daerah pada hujung tahun yang lepas. Katanya kepada pegawai khas saya "*Beritahu kepada YB tidak payah susah-susah tolong rakyat dengan tandatangan Borang Cari kerana tidak akan dilayan.*"

Apa yang akan dilayan hanyalah borang yang akan ditandatangani wakil rakyat BN. Malah, saya juga terima aduan bahawa JKM di negeri Pakatan Rakyat ada mengamalkan perkara yang sama. Namun Tuan Yang di-Pertua, pada ketika itu saya tidak ambil peduli. Saya memilih untuk memberi penghormatan dan integriti kepada menteri dengan memilih untuk mempercayai kata-kata seorang menteri atau pun timbalan menteri. Beberapa kali sudah saya bertanya di dalam Dewan yang mulia ini perihal sikap tidak profesional dan diskriminasi pihak Kementerian Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Akan tetapi, setiap kali saya bertanya, setiap kali juga Menteri menafikannya. Sekarang ini saya benar-benar mohon penjelasan dari pihak Menteri. Jangan berdolak-dalih lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cukup muak dengan lakonan ini. Saya juga ingin beritahu kepada pihak Barisan Nasional bahawa cara yang digunakan untuk hukum rakyat yang telah memilih seorang wakil rakyat dari pembangkang untuk mewakili mereka di Parlimen merupakan satu taktik kotor dan tidak bermaruah. *[Tepuk]*

Sedarlah dari tidur bahawa rakyat tidak suka politik murahan ini. Rakyat kini tidak bodoh. Mereka telah bersuara dan membuat pilihan mereka. Mereka telah memilih seorang wakil rakyat dari pembangkang untuk memberi hikmat kepada mereka. Mereka mahukan juga seluruh kakitangan kerajaan berkhidmat secara profesional. Tuan Yang di-Pertua, insiden tersebut tentu sekali mengecewakan saya. Akan tetapi, saya lebih kecewa dengan sikap Menteri yang sering kali menafikan, masih dalam *denial syndrome*, masih tidak boleh menerima hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sampai bila kita hendak terus begini? Mungkin Kerajaan Barisan Nasional sudah terlalu lama memerintah, terlalu lama sudah buat ikut suka hati. Kadang-kadang, saya terkeluar juga kata-kata seolah-olah negeri ini bapak dia punya. Ikut suka sahaja, tidak ikut peraturan. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Yang Berhormat Kuantan, boleh mencelah?

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya tidak cukup masa. Nanti Tuan Yang di-Pertua tidak bagi saya...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Mengata orang pandai, sendiri buat tidak banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tentang bapak itu, tidak boleh tarik balik kah? *[Dewan riuh]*

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Tidak salah dalam kata-kata saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada niat jahat Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Apa yang tidak salahnya? Tidak manis.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, fikirlah apa yang saya katakan tadi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak nak tarik balik kah itu?

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Pembangunan wanita merupakan satu aspek pembangunan modal insan yang amat-amat strategik. Saya hendak pergi kepada pembangunan wanita pula kerana ia melibatkan separuh daripada rakyat Malaysia. Maka, program-program membudaya dan membangunkan wanita mesti diberi tumpuan serius.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada peranan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di dalam hal ini. Saya dapati agak banyak aktiviti yang dilaksanakan anjuran majlis ini. Contohnya pengurusan emosi, bagus sekiranya semua lapisan wanita dapat memanfaatkan ilmu dari program tersebut. Yang betul, saya kata betul. Yang baik, saya kata baik. Namun, ada beberapa perkara di mana pihak kementerian khususnya Menteri perlu lebih telus dengan menjelaskan beberapa kekeliruan. Pertama, berkenaan dengan Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Masyarakat. Pernah saya tanya dahulu tetapi persoalan saya ditukar.

Kementerian perlu menjelaskan mengapa di dalam laman web rasmi kementerian, yang *last* sekali saya tengok semalam, di paparkan bahawa Pengerusi Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga ialah Yang Berhormat Dato' Seri Shahrizat binti Abdul Jalil. Jawatannya ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini dalam laman web rasmi kementerian. Apakah muslihat di sebalik paparan ini di laman web rasmi kementerian. Saya tahu bahawa Pengerusi Majlis Kebangsaan ialah Dato' Seri Shahrizat sebagai seorang penasihat di Jabatan Perdana Menteri yang berstatus Menteri, siap dengan kakitangan. Akan tetapi, pihak kementerian wajar memberi maklumat yang tepat.

Saya kira pengendali-pengendali laman web kepunyaan kementerian agak berpendidikan tinggi. Saya boleh maafkan kalau ini terlepas pandang selepas sebulan, dua bulan tidak di *update*. Akan tetapi kini sudah dekat satu tahun, masih tidak di *update* lagi. Jadi, perlu diperbaiki hal itu, perlu diperbetulkan hal itu.

Kedua, Majlis Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri. Kementerian juga perlu menjelaskan mengapa laman web rasmi mengatakan bahawa Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita Negeri ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu Exco wanita. Sedangkan perkara ini tidak berlaku di negeri-negeri Pakatan Rakyat. Perlu dijawab juga persoalan ini. Cakap sahaja Exco wanita yang bertanggungjawab kepada Majlis di peringkat negeri tetapi tidak dibenarkan Exco wanita Pakatan Rakyat dekat sedikit pun dengan Majlis.

Kemudian, Majlis Pembangunan Wanita di peringkat Parlimen. Dia ada tiga peringkat. Mengikut laman web rasmi kementerian juga mengatakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di peringkat Parlimen dicalonkan oleh Menteri Besar. Perkara ini juga tidak berlaku di negeri-negeri Pakatan Rakyat. Ini saya dengar. Menteri perlu jelaskan apakah benar bahawa Pengerusi Majlis

di peringkat Parlimen terdiri daripada ketua-ketua UMNO bahagian di kawasan Parlimen tersebut. Jadi, sekiranya majlis ini merupakan wadah untuk membangunkan wanita, kenapa UMNO yang memainkan peranan? Kenapa tidak pihak yang telah dipilih untuk menjadi kerajaan di negeri tersebut memainkan peranan dan yang terlibat, yang telah dipilih di peringkat Parlimen sama-sama memainkan peranan untuk membangunkan wanita?

Jadi, saya minta sangat-sangatlah kementerian bersikap telus, bersikap terus terang. Saya begitu kecewa kerana dalam Dewan yang mulia ini, keluar kata-kata daripada Menteri yang menafikan sementara dia tahu perkara ini berlaku. Kenapa Menteri sanggup bercakap tidak benar? Saya tak nak guna perkataan bohong tetapi kenapa menteri sanggup bercakap sesuatu yang tidak benar di dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat. Sedikit, satu minit sahaja.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Sedikit ya?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan isu diskriminasi terhadap negeri yang di bawah Pakatan Rakyat. Berlaku satu kes pada tahun lepas di Kelantan bagaimana satu majlis yang dihadiri oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sendiri peringkat awalnya menjemput Exco wanita Kelantan untuk bersama. Akan tetapi, sehari sebelum majlis bermula, telefon daripada Pejabat JKM meminta supaya Exco daripada wanita Kelantan tidak menghadiri majlis tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Memang diskriminasilah itu. Cuma yang saya sedih dan kecewanya sikap begitu tidak boleh diperbaiki. Selepas beberapa lama, Barisan Nasional masih belum boleh menganjukkan minda mereka dan mengatasi, *rise above this party politics* ini dalam menangani masalah rakyat.

■1240

Persoalan saya kenapa ya? Kita tidak mampu untuk menganjukkan minda kita, kenapa kita tidak beri tumpuan yang sepatutnya dengan menangani permasalahan wanita yang sebenar? Lebih banyak lagi masalah-masalah yang patut kita selesaikan. Contohnya masalah wanita yang tidak terbela, masalah jenayah yang melibatkan wanita, penderaan seksual, masalah undang-undang yang tidak menyebelahi wanita, semuanya merupakan bidang yang harus diberi tumpuan oleh pihak kementerian.

Saya ingin juga mencadangkan di sini supaya pembelaan wanita Islam dipertingkatkan melalui menambahkan peruntukan untuk meningkatkan perkhidmatan Mahkamah Syariah, menambahkan *staf* supaya kes-kes aduan dapat diselesaikan dalam jangka masa singkat. Perlu diwujudkan SOP berkenaan dengan *response time* ya, menyelesaikan aduan-aduan, kadangkadangkang bila kita tanya, "Berapa lama boleh selesai?" Dia kata, "Tengoklah, kalau cepat, cepatlah,

kalau lambat, lambatlah". Jadi ini bukan satu jawapan yang mencerminkan profesionalisme di dalam perkhidmatan.

Juga harus dipinda undang-undang berkenaan dengan tuntutan nafkah anak ya, oleh wanita yang diceraikan suami. Selalunya suami yang menceraikan isteri, bila tidak bayar nafkah kepada anak dia lepas. Jadi saya mencadangkan satu undang-undang dipinda contohnya undang-undang berkenaan dengan KWSP, apabila lelaki itu hendak ambil duit KWSP maka dipotong dulu, ataupun cara lain seperti, potongan gaji seperti yang di amalkan dalam Mahkamah Sivil contohnya. Jadi perlu dilihat secara *details* perkara ini.

Saya berharaplah sangat-sangat pihak Menteri memberi tumpuan pada isu yang sebenar, jangan buat perkara-perkara yang menghabiskan masa rakyat, yang menghabiskan duit rakyat dengan menyekat pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat daripada melaksanakan tugas.

Lebih baik tumpukan kepada *your customer* iaitu rakyat, yang perlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia menitahkan di dalam perenggan 33 tentang bagaimana peri pentingnya memelihara alam sekitar. Supaya kita berusaha lebih gigih untuk menangani kemerosotan kualiti udara, air dan persekitaran. Baginda menitahkan juga bahawa usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk orang ramai, para pengusaha ladang ternakan serta pihak industri demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang. Sebagai seorang wanita dan seorang ibu saya amat mengambil berat tentang perkara ini, kerana alam sekitar dan bumiputera ini merupakan anugerah dan warisan kita kepada anak dan cucu kita.

Sehubungan hal ini saya ingin membangkitkan kepada pihak Menteri satu persoalan yang telah pun saya bangkitkan pada penggal lepas berkenaan persoalan pembinaan satu *advanced material plan* yang sedang dalam pembinaan di Gebeng Kuantan. Kilang ini bakal mengeluarkan sisa radioaktif yang amat-amat dikhuatiri kesannya ke atas keselamatannya orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini belum ada maklum balas tambahan daripada Menteri berkenaan cadangan saya supaya pihak kementerian menganjurkan satu kajian terperinci DEIA ataupun *details environmental impact assessment*. Ini kerana DEIA akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui secara telus berkenaan *impact* projek tersebut kepada persekitaran yang melibatkan kawasan mereka tinggal dan melibatkan kawasan mereka membesarkan anak-anak mereka.

Ini kerana DEIA menuntut laporan EIA dipamerkan kepada orang awam dan membolehkan orang ramai terlibat sama dalam proses membuat keputusan yang melibatkan persekitaran mereka. Ini mungkin cara baru dalam *good governance* ataupun urus tadbir baik Tuan Yang di-Pertua dan juga di antara *best practice* dengan izin, pengurusan alam sekitar yang mungkin pihak Menteri BN tidak biasa melaksanakan ataupun tidak mempunyai minda untuk berfikir cara begitu. *[Tepuk]* Akan tetapi saya rayulah kepada para Menteri untuk keluar daripada *mindset* lama dan mula bergerak ke hadapan dengan mengamalkan *best practice* ini.

Sehubungan dengan itu saya juga mohon penjelasan mengapa syarikat asing ini dianugerahkan *strategic pioneer status* oleh MIDA yang membawa implikasi di mana syarikat ini akan dikecualikan cukai *import* dan *export* selama 12 tahun, di samping pengecualian cukai membawa masuk peralatan ke dalam negara. Sekiranya pihak kerajaan ingin mengatakan bahawa perusahaan ini membawa keuntungan kepada rakyat, saya tidak lihat rasional penganugerahan *strategic pioneers status* ini, jelas:

- (i) rakyat akan berhadapan dengan risiko keselamatan pencemaran sisa
- (i) radioaktif;
- (ii) rakyat juga tidak akan dapat berkongsi keuntungan dari cukai ke atas syarikat asing ini; dan
- (iii) saya soal, siapakah yang akan mengaut keuntungan daripada syarikat ini? siapakah *shareholders* di dalam syarikat ini *at the expense of the rakyat* , dengan izin Tuan Yang di-Pertua

Saya kira rakyat perlu diberi penjelasan dan Menteri-Menteri yang terbabit sila perjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah hujah saya berkenaan dengan perenggan sebelas di mana Duli Yang Maha Mulia telah bertitah berkenaan dengan langkah-langkah menggiatkan aktiviti keusahawanan masyarakat FELDA serta program membangunkan sosioekonomi generasi kedua dan ketiga. Kita bersyukur kerana generasi kedua dan ketiga FELDA merupakan golongan muda yang susah sudah menerima pendidikan sudah menerima pendidikan di Institusi pengajian tinggi. Harapan kita ialah mereka dapat meneruskan usaha ibu bapa mereka, generasi pertama di samping membawa profesionalisme keusahawanan di dalam pendekatan perladangan mereka.

FELDA pula kita harapkan untuk dapat memainkan peranan mendidik dan mengangkat martabat mereka sebagai *partner in development* ataupun rakan kongsi pembangunan. Walaupun di kawasan saya tiada rancangan FELDA, namun di negeri saya ramai peneroka FELDA dan mereka sering mengeluh mengadu permasalahan mereka kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua kebelakangan ini ada beberapa rungutan daripada pihak peneroka FELDA generasi kedua dan ketiga yang wajar diberikan perhatian. Di antaranya ialah berkenaan penjualan buah kelapa sawit kepada FELDA, apabila dijual buah kelapa sawit kepada kilang tiap-tiap bulan dibuat pemotongan bayaran sebanyak 20% hingga 30% tiap-tiap kali. Dengan alasan bahawa untuk memastikan hutang-hutang mereka dibayar.

Kemudian pada bulan hadapan sekiranya mereka ini tidak ada hutang, pemotongan tersebut akan dilangsaikan, dipulangkan balik tetapi akan dipotong lagi 20% hingga 30% bayaran untuk jualan yang baru ini. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku *across the board* dengan izin, tanpa mengambil kira sama ada peneroka ini ada hutang atau tidak. Dia *standard procedure*, jual buah - potong 20% hingga 30% bayaran. Bulan depan kalau tidak ada

hutang, bayar balik kemudian potong lagi. Mengapakah di zaman IT ini tidak ada sistem berkomputer di mana boleh dikenal pasti yang mana peneroka ada hutang, yang mana perlu dibuat pemotongan, yang mana tidak.

Tidak bolehkan diberikan penyata berkala kepada peneroka berkenaan dengan status hutang mereka berserta dengan penerangan kepada mereka seperti pihak bank. Mengapa pengurusan FELDA mempamerkan urus tadbir yang sungguh-sungguh tidak *efficient* Tuan Yang di-Pertua? Memandangkan Timbalan Perdana Menteri yang bakal menjadi Perdana Menteri juga dari negeri saya. Di mana beliau selalu mengatakan beliau memperjuangkan nasib peneroka FELDA. Tidak faham saya mengapa isu sebegini kecil ini tidak dapat diselesaikan oleh seorang yang bakal menjadi Perdana Menteri. Ini isu kecil sahaja, macam mana nak selesaikan isu besar nanti? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih sekali lagi dan itu sahaja bahas saya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

12.49 tgh.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi peluang kepada saya untuk menjunjung kasih Titah Ucapan Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Banyak yang telah dibahaskan dan dijelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai cabaran ekonomi yang akan dihadapi oleh rakyat Malaysia. Pada masa yang sama terdapat juga pilihan raya kecil yang akan diadakan pada bulan April 2009 dan tambahan pula kali ini ada juga pilihan raya kecil di Batang Ai.

■ **1250**

Walaupun kemenangan pilihan raya kecil ini adalah penting, lebih banyak tumpuan perlu diberi untuk mengurangkan impak kemelut ekonomi. Jika impak serta isu ekonomi dapat ditangani dengan baik, saya percaya ia akan memulihkan kepercayaan rakyat kepada parti BN. Maka Parti BN perlulah memastikan agar masalah ekonomi perlu diberi keutamaan nombor satu. Kami amat menghargai inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk menyelamatkan ekonomi negara yang kian lesu.

Akan tetapi kita juga ingin menegaskan bahawa lebih banyak maklumat secara terperinci mengenai pakej rangsangan RM7 bilion ini perlu dihebahkan kepada orang ramai. Ini kerana kita sering mendengar rungutan dari rakyat bahawa mereka tidak dapat merasai impak yang dibawa oleh pakej rangsangan tersebut. Saya rasa faktor utama yang menyebabkan orang ramai mempunyai persepsi sedemikian ialah kerana kebanyakan fokus utama pakej rangsangan yang diumumkan dahulu adalah lebih kepada projek infrastruktur dan pembinaan yang mengambil masa untuk dilaksanakan. Ini kerana ia melibatkan banyak proses persediaan seperti pengambilan tanah, penyediaan spesifikasi teknikal, pelantikan kontraktor dan sebagainya.

Oleh itu masa yang agak lama diperlukan sebelum wang suntikkan tersebut dapat mengalir sepenuhnya ke dalam pasaran ekonomi. Selain itu saya dapati bahawa kerajaan tidak

menyediakan maklumat secara terperinci mengenai RM1 bilion yang diumumkan untuk pembangunan modal insan. Perancangan teliti mengenai program yang akan dianjurkan atau dilaksanakan adalah penting untuk memastikan wang ini diguna sepenuhnya tanpa pembaziran. Kita juga harus ingat walaupun pembangunan modal insan adalah penting tetapi lebih mustahak ialah memastikan mereka yang telah dilatih terus menetap dan menyumbangkan kemahiran yang mereka peroleh untuk pembangunan negara kita.

Di samping itu kerajaan juga mengumumkan bahawa pengajian pekerja asing yang baru dibekukan dan menyeru agar majikan memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu sebelum memberhentikan pekerja tempatan. Persoalannya ialah, memandangkan kebanyakan pekerja tempatan di bayar gaji yang lebih tinggi daripada pekerja asing, maka tentu sekali majikan akan memberhentikan pekerja tempatan dahulu demi menjimatkan kos operasi. Justeru itu Kementerian Sumber Manusia perlulah memberitahu rakyat langkah-langkah pemantauan dan pendekatan yang digunakan supaya rakyat yakin matlamat kerajaan untuk menjamin peluang pekerja kepada pekerja tempatan dan mengurangkan penggantungan pekerja asing dapat dicapai. Langkah seperti memberi *double tax deduction* kepada syarikat yang mengupah pekerja tempatan yang diberhentikan kerja tentu akan menggalakkan syarikat untuk mengupah pekerja tempatan.

Selain itu, saya berpendapat bahawa RM2 bilion yang diumumkan untuk membantu syarikat-syarikat SME adalah tidak mencukupi. Seperti yang ditegaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, SME memberi banyak sumbangan kepada negara kita. 99% dari syarikat tempatan yang beroperasi menjalankan peniagaan terdiri daripada syarikat SME. SME menyumbangkan sebanyak 32% kepada KDNK ke negara kita dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 56% guna tenaga di Malaysia. Oleh itu untuk mengurangkan kadar pengangguran dan untuk membantu SME dengan lebih efektif, maka saya mencadangkan dana yang lebih besar patut diberi kepada SME. Tanpa bantuan kewangan, SME mungkin gulung tikar dan menyebabkan kadar pengangguran yang lebih tinggi.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkan Menteri Kewangan dijangka akan membentangkan Bajet Mini pada 10 Mac 2009 akan datang. Walaupun saya tidak mengetahui jumlah peruntukan yang diumumkan untuk pakej rangsangan kali ini, namun saya ingin memberikan beberapa cadangan. Terutamanya, kerajaan mesti bersikap telus dengan memberi penjelasan bagaimana jumlah yang diumumkan dapat merangsang ekonomi. Maklumat terperinci mengenai program dan projek serta kayu pengukuran perlu digariskan untuk memberi rakyat gambaran yang jelas mengenai hasil yang akan dicapai daripada pelaksanaan Bajet Mini ini.

Projek yang diumumkan juga perlulah mencapai matlamat meningkatkan daya saing serta produktiviti rakyat industri dan negara kita. Projek mega yang menyediakan peluang kejayaan yang nipis tidak patut diberi pertimbangan. Sebaliknya projek yang memberi impak

serta merta kepada pertumbuhan ekonomi perlu dilaksanakan. Oleh itu saya cadangkan supaya buat masa ini kerajaan menangguhkan dahulu pelaburan dalam koridor-koridor ekonomi yang memerlukan banyak pelaburan infrastruktur dan mengambil jangka masa yang panjang untuk membawa pulangan ekonomi. Selain itu pada hari kita mendapat berita bahawa tol di negara kita akan dinaikkan. Di sini saya ingin memberi cadangan kepada kerajaan agar PLUS diambil alih. Ini akan menunjukkan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat dan mengelak rakyat dari berdepan kenaikan tol setiap tiga tahun. Saya tidak ingin ...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Boleh sikit penjelasan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Tidak ada masalah. Saya tidak ingin mengulas panjang mengenai cadangan ini dan maklumat terperinci akan saya masukkan dalam kolum saya ...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya hendak minta supaya cadangan tol itu ditangguhkan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: *Sorry, because* tidak ada masa. Secara ringkas...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya minta kenaikan itu ditangguhkan. Jangan dikuasakan 1 Mac ini. Tangguhkan tahun depan, satu tahun lagi.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Saya setuju dengan cadangan. Secara ringkas 25% saham PLUS yang terdapat di *open market* dengan izin. Dengan tawaran harga di antara RM3.50 hingga RM4, maka kerajaan hanya perlu membelanjakan sebanyak RM4.55 bilion atau RM5.2 bilion. Tambahan pula kita perlu ingat kerajaan masih hutang PLUS sebanyak RM1.7 bilion mengikut keputusan untung rugi pada 30 September 2008. Dengan mengambil alih PLUS, jika kerajaan membayar habis hutang ini, amaun ini boleh dibayar balik sebagai pemegang saham kerajaan dan mereka akan mendapat sebanyak RM1.53 bilion dan EPF juga akan mendapat RM170 *million*.

Dari segi *viability business*, saya juga telah mengkaji dan mendapati bahawa PLUS tetapi untung antara RM400 juta hingga RM600 juta walaupun segala ganti rugi dari kerajaan tidak diambil kira. Oleh itu saya harap PLUS boleh diambil alih tahun ini memandangkan harga saham yang rendah dan keperluan untuk menaikkan tol pada tahun ini juga mengikut kontrak. Walaupun kita mengalu-alukan langkah-langkah kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan yang lebih besar, tetapi kita harus sedar bahawa ini akan menyebabkan negara kita mencatat defisit yang lebih tinggi. Ini kerana negara kita tidak seperti Amerika Syarikat yang boleh membiayai defisit mereka dengan mencetak lebih banyak wang disebabkan permintaan wang dolar dalam perdagangan antarabangsa.

Dari segi pendapatan kita mungkin secara konservatif penurunan harga komuniti akan mengurangkan sumber pendapatan negara kita sekurang-kurangnya RM36 bilion pada tahun 2009. Oleh itu kerajaan perlulah mengadakan banyak langkah atau lebih langkah untuk memastikan perbelanjaan setiap kementerian, Jabatan, agensi dapat dikurangkan. Selain itu semua-semua pelaburan yang tidak mendatangkan pulangan yang positif patut dihentikan. Malah

di kawasan saya terdapat dua projek di mana peruntukan tidak sampai-sampai walaupun telah diluluskan beberapa tahun dahulu. Murid-murid SJK(C) Labis dan SJK(C) Sungai Karas sedang menunggu peruntukan yang dijanjikan untuk menyelesaikan masalah anai-anai yang mengancam keselamatan mereka.

Janganlah hampakan orang di kawasan Labis. Di samping itu sudah tiba masnya bagi kerajaan memastikan supaya pelaburan-pelaburan di syarikat dipantau, diawasi supaya membawa pulangan yang diharapkan dan tidak membawa kerugian. Contohnya ialah seperti pelaburan di syarikat Pempena oleh Kementerian Pelancongan atau pelaburan di Amerika Syarikat, *Columbia Aircraft Manufacturing Corporation*, di mana sebanyak RM537 juta telah hangus di belanja oleh pengurus yang boros. Hanya RM25 juta dapat diselamatkan. Projek *privatization* air di Sabah yang menyebabkan kerajaan negeri dibebankan dengan hutang sebanyak RM888 *million*. Bagi mengelakkan kerugian yang berterusan dan kesilapan yang sama diulangi maka adalah perlu kerajaan menekankan budaya akauntabiliti di kalangan pihak pengurusan atasan syarikat-syarikat pelaburan kerajaan.

Dengan ini barulah kerajaan boleh mengelakkan pembaziran wang pelaburan bernilai berjuta-juta yang dilaporkan berlaku setiap tahun. Saya harap cadangan-cadangan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini akan di ambil kira dan dikaji dengan lebih teliti oleh pihak kerajaan. Dengan itu saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

■1300

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sambung petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tempohkan Mesyuarat pada hari ini dan kita akan sambung Mesyuarat pada pukul 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.33 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasaan Ahli-ahli Dewan Rakyat ke atas perbahasaan Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguh sehingga 10.00 pagi hari Isnin, 2 Mac 2009”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yoong Khoo Seng]: Tuan yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

2.34 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan mulia ini adalah mengenai konsesi tol yang di bina di sekitar Petaling Jaya khususnya di Petaling Jaya Selatan, seperti di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), New Pantai Express Highway (NPE), Sprint Highway, Kesyah Highway dan lain-lain. Semuanya atau sebahagiannya lebuh raya ini terletak di kawasan Parlimen saya.

Konsesi tol seperti LDP, NPE, dan Sprint Highway adalah laluan yang sedia ada dan dinaikkan tarafnya sahaja. Setelah selesai kerja-kerja menaik taraf, rakyat dibebankan pula dengan beban tol. Kebelakangan ini banyak rungutan dan laporan telah dikemukakan oleh rakyat setempat ke atas kerajaan mahupun syarikat-syarikat konsesi tol ini. Malangnya rungutan ini tidak diendahkan, kenapa kerajaan mengambil sifat berdiam diri? Malahan setiap tahun menyokong kenaikan tol yang akan diumumkan oleh Kementerian Kerja Raya.

Kami bersyukur setelah sekian lama, kita sekarang mempunyai Menteri Kerja Raya yang baru dan lebih berkelayakan tetapi yang amat menyedihkan tidak banyak perubahan dan pembaharuan dapat dilihat. Secara umumnya, apabila kutipan tol dilaksanakan, jalan raya telah dinaik taraf, secara tidak langsung penggunaan kelengkapan, tiada kesesakan lalu lintas akan dihadapi ketika melalui laluan berkenaan. Akan tetapi lain pula cerita ia ini. Lagi banyak pondok-pondok tol dinaikkan lebih teruk pula kesesakan lalu lintas dan jalan raya yang paling memeranjatkan kesesakan ini dapat dilihat di pondok tol itu sendiri. Ketika pengguna hendak

membuat bayaran kesesakan bermula sebelum berhampiran pondok tol. Ketika membuat bayaran sehingga selesai pembayaran. Selepas keluar tol pula sesak lagi, ini bukan berlaku pada setiap hari bekerja terutama tol LDP di Sunway, tol LDP di Sri Damansara dan juga Sprint Highway di Damansara.

Ini adalah satu pandangan yang amat meragukan. Kenapa kerajaan tidak mendesak konsesi tol ini untuk menambahbaikkan perkhidmatan mereka? Jika ini berterusan, saya berpendapat ianya adalah satu rombakan yang dilakukan oleh konsesi-konsesi tol ini terhadap rakyat Malaysia. Adalah tidak wajar kutipan tol ini diberi konsesi penswastaan selama 30 tahun. Rakyat harus membayar beban kos penswastaan ini melibatkan kali ganda kepada pemegang-pemegang saham konsesi ini. Adalah tidak adil untuk mereka untuk mengambil duit rakyat untuk kepentingan syarikat mereka. Sudahlah harga kereta yang tinggi, cukai jalan dikenakan, membaiki kenderaan yang tinggi dan ditambah lagi beban rakyat dengan penubuhan pondok tol di sana sini.

Ini sangat membebankan rakyat. Kita amat mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya baru-baru ini mengumumkan pemansuhan tol di NPE di PJS2 hala ke Kuala Lumpur dan juga *Best Raya Salak Jaya* tol. Akan tetapi apakah rasional di sebalik dengan penutupan tol ini? Kita lihat tol PJS2, mengapa hanya ke Kuala Lumpur dimansuhkan tetapi di sebelah hala ke Subang tetap dijalankan? Penduduk di sini terutama taman Medan dan juga Taman Datuk Harun sudah mendesak kerajaan selama 5 tahun. Pada Mac 2004, penduduk di sana memberikan mandat kepada BN, UMNO dan mereka menang. Selepas dua bulan, pada Mac tol ini dinaikkan. Ini kerja-kerja UMNO, UMNO yang bagi syarat untuk mendirikan tol itu di sana tetapi jalan itu hanyalah jalan yang sedia ada yang dinaik taraf. Tol itu hanya berhampiran dengan penduduk sekitar Taman Medan hanya 200 meter. Penduduk terpaksa bayar RM1.60 setiap hari dan pergi balik sebanyak RM3.20.

Saya rasa selama ini penduduk mendesak supaya kerajaan mansuhkan PJS tol dua hala ini, semua bukan hanya setengah. Saya rasa penutupan pemansuhan tol hanya satu hala, saya rasa ini tidak rasional. Kerajaan perlu kaji semula untuk penutupan seluruh tol PJS2 dan juga tol *Best Raya* di Salak Jaya. Kita nampak apa rasional nya kalau kita tutup tol ini dan satu tol yang baru akan didirikan selepas tiga tahun di sebelah sana juga. Saya rasa ini satu penipuan, dan rakyat memang tahu ini. Saya rasa selama ini kita nampak tidak ada Ahli UMNO, Ahli MCA mengambil sepanduk, mengambil *banner* untuk protes di tol tapi kita nampak, kita tahu kerajaan BN sudah tahu mereka akan mansuhkan tol. Mereka panggil Ahli-ahli UMNO, Ahli-ahli MCA untuk buat protes di tol itu supaya mereka bawa dan bagi kredit kepada MCA.

■1440

Ini berlaku di Taman Medan dan juga di Salak Selatan. Sebelum pemansuhan mereka panggil MCA untuk buat protes dan selepas itu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya

mengumumkan kerana ahli MCA dan ahli-ahli UMNO tidak mahukan tol ini, mereka bersetuju untuk hapuskan. Itulah kerja dia. Selama ini pembangkang kita yang menuntut 20 tahun. Kita pada setiap tahun buat protes meminta kerajaan supaya perlu kaji semula kontrak-kontrak yang ditandatangani sebelum ini. Saya rasa tidak wajar juga.

Apa yang kita nampak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya umumkan hari ini, tol-tol di Malaysia iaitu lima buah tol akan dinaikkan harganya. Saya rasa kita tengok NPE, *New Pantai Highway*. Dua minggu yang lalu katakan sudah tutup, sebelah hala ke KL. Akan tetapi sekarang hendak naik 40 sen lagi. Sini tutup, sana hendak naik, apalah ini? Apa yang terjadi ini? Begitu juga di *Sprint Highway* dekat ofis saya sahaja. Selalu penduduk di sana merungut kerana kesesakan lalu lintas. Sebelum masuk bayar sesak, keluar pun sesak. Mereka tidak dapat menaikkan taraf ataupun menyelesaikan masalah tol ini, kesesakan di tol ini.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, setujukah dengan cadangan saya bahawa saya cadangkan kepada kerajaan agar menubuhkan satu kementerian yang baru. Namanya Kementerian Sandiwara dan menteri ini mesti diberi kepada Menteri Kerja Raya sebab dia sungguh pandai berwayang. Minggu lalu dia kata mansuhkan dua tol, tetapi pagi ini dia kata naikkan tol di lima buah lebuhraya. Dia memang seorang pelakon yang baik dan saya juga rasa hadiah *Oscar* yang dua hari dahulu sepatutnya diberi kepada dia. Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Memang kita berharap Kerajaan Pusat akan membuat sesuatu. Saya rasa sudah tiba masanya Kementerian Kerja Raya atau Kerajaan BN untuk mengkaji semula tentang konsesi tol ini. Saya rasa cadangan saya, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dari Labis supaya kerajaan betul-betul kalau boleh setiap tahun membeli balik satu tol setiap tahun supaya dapat benar-benar menolong rakyat yang menderita. Kita telah nampak sekarang kegawatan ekonomi yang semakin meruncing.

Saya rasa rakyat tidak lagi dibebankan dengan bayaran tol ini. Saya rasa tibalah masa untuk kerajaan supaya mengkaji semula kontrak-kontrak yang ditandatangani dan juga kalau boleh beli balik kontrak tol-tol ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Kalau kita minta kerajaan buat sesuatu, saya minta pandangan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Kalau kita minta kerajaan buat sesuatu, biasanya mereka akan membuat kenyataan bahawa kerajaan terikat dengan kandungan terma-terma kontrak. Jika tidak dibenarkan naik kadar tol ini, kerajaan kena bayar ganti rugi.

Apakah Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan mungkin mencadangkan agar konsesi tol ini memainkan peranan *corporate social responsibility* dalam masa kegawatan ekonomi ini? Itu peranan yang paling asas yang patut dimainkan oleh konsesi ini memandangkan mereka telah mengaut keuntungan yang begitu banyak daripada orang ramai. Perkhidmatan yang sewajarnya

tidak dapat disampaikan kepada pengguna-pengguna lebuhraya terutamanya pada masa *peak hours*, contohnya di beberapa lebuhraya ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu Gajah ini. Saya rasa kalau tengok konsesi tol IJM, mereka kontrol Lebuhraya NPE dan juga Besraya. Baru-baru ini pengumumannya hanya melibatkan syarikat konsesi IJM. Mengapa mereka cadangkan untuk menutup pemansuhan tol di PJS 2 dan juga di Salak Selatan. Ini adalah sebab hala ke Kuala Lumpur itu, memang tidak ada kereta yang melalui, jarang.

Saya rasa penggunaan tol hala ke Kuala Lumpur ini memang tidak menguntungkan. So, mereka tutup dan juga di Salak Selatan. Ramai orang mengelakkan menggunakan tol itu. So, saya rasa memang IJM dia main, sini kata hendak ditutup, tetapi dia naikkan kadar tol pada hari ini. Saya rasa kita dipermainkan. Penduduk atau rakyat dipermainkan oleh konsesi tol ini dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Saya rasa ini satu muslihat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya memang merasakan agak terkejutlah dengan keputusan menaikkan tol di lima lebuhraya ini, sebab sebelum ini kita memang membangkitkan perkara-perkara ini beberapa kali. Tiba-tiba hari ini diumumkan kenaikan harga tol di lima laluan ini dan saya yakin rakyat akan membantah dan tidak bersetuju dengan keputusan tersebut.

Saya juga merasakan bahawa di samping tuntutan kita Yang Berhormat, tentang apakah sumbangan balik daripada syarikat-syarikat konsesi ini tiba-tiba harga tol dinaikkan dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini dan dalam keadaan kita masih sekarang ini dibenarkan untuk melihat perjanjian setelah perjanjian itu *declassified* baru-baru ini.

Jadi oleh sebab itu saya fikir adalah wajar kerajaan mempertimbangkan keputusan ini, iaitu menangguk balik ataupun tarik balik keputusan menaikkan harga tol ini supaya tidak membebankan rakyat. *[Tepuk]* Saya harap ini diberi perhatian oleh kerajaan khususnya dalam suasana ekonomi sekarang ini. Tarik balik! Jadi, apa pandangan Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya amat mengalu-alukan pandangan dan sokongan Yang Berhormat Batu Pahat. Saya rasa ini satu sandiwara, sandiwara. Saya rasa pengumuman kenaikan harga tol ini, mereka akan tarik balik sebab mereka akan menghadapi dua pilihan raya akan datang. Kedua-dua kawasan ini terletak di sebelah *Northern Highway*. Saya rasa ini adalah sandiwara. Saya memang mengalu-alukan supaya Yang Berhormat Batu Pahat memberikan sokongan kepada kita. Sama-samalah kita meminta Yang Berhormat Menteri Kerja Raya supaya menarik balik serta-merta dengan kenaikan tol ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Saya tidaklah hendak cari publisiti di sini. Akan tetapi tadi kita telah pun sama-sama mendengar *press statement*, dengan izin. Salah satu

daripada komponen konsesi yang memegang lebuh raya ini, sahamnya dipegang oleh EPF, PNB, termasuklah Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Jadi, kepada saya sama ada tarik balik atau tidak tarik balik ia mendatangkan kesan kepada EPF itu sendiri. EPF ada peranannya di situ. Maknanya jika kita minta ditarik balik dan sebagainya, kita sendiri sebenarnya yang menerima kesan. Ini kerana tidak kurang 12% pemegang saham konsesi tersebut ialah EPF itu sendiri, di mana seluruh rakyat jelata yang ada EPF, ada kepentingan di situ. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: EPF juga perlu memainkan peranan sebagai *social responsibility*. So, saya rasa tidak ada kaitan atau kesan langsung terhadap pendapatan EPF ini.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, saya cuma hendak bertanya sedikit tadi. Kita tahu EPF, Tabung Haji ada kepentingan di dalam syarikat-syarikat konsesi ini. Akan tetapi kita juga tahu kalau mereka tidak menaikkan tol ini, syarikat-syarikat ini masih lagi membuat keuntungan. Ia tidak merugikan syarikat-syarikat atau institusi EPF itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat PJ Selatan, Yang Berhormat PJ Selatan, ada tiga minit lagi. *Injury time* tidak ada. Saya cuma ingin ingatkan.

■1450

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Raja. Memang kita tahu...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh sedikit lagi? Boleh sedikit lagi?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya bagi Gombak.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak boleh? Tidak apalah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih PJS dan Tuan Speaker. Saya lihat ada dua watak di sini, satu Batu Pahat, satu lagi Ledang. Dua-dua daripada Johor, Tuan Yang di-Pertua tetapi seorang sokong, seorang tidak sokong. Apa masalah UMNO sebenarnya sekarang ini? Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya memang setuju 100% dengan Batu Pahat. Jarang saya bersetuju dengan dia, Tuan Yang di-Pertua, tetapi hari ini 100%, tetapi yang peliknya Ledang hendak membangkitkan soal wang EPF, caruman yang dibuat oleh pencarum EPF berbilion ringgit tetapi wang ini digunakan untuk program-program *bailout* syarikat UMNO dan Barisan Nasional. Bila sudah habis duit itu, dia hendak kutip lagi tol cukai. Ini tol-tol yang dimulakan kenaikannya pada 1 Mac ini. Ini sebabnya, Tuan Speaker, saya mencadangkan supaya Batu Pahat, ayuhlah bersama-sama dengan Pakatan Rakyat untuk menentang kezaliman UMNO dan Barisan Nasional.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh jawab sekali gus? Boleh jawab? *[Disampuk]* Tidak, ini tadi bukan *bailout*. EPF ada kepentingan dalam konsesi lebuhraya. Itu maksud saya, tidak ada kena mengena dengan *bailout*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betullah, tetapi bila tol ini dinaikkan, untung dia besar, syarikat ini dapat duit, bukan dia tolong rakyat. Dia pergi tolong syarikat-syarikat milik UMNO dan Barisan Nasional. Tidak boleh diteruskan cara dan dasar sebegini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup di situ, cukup di situ. Sila PJ Selatan teruskan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya rasa banyak konsesi tol yang terlibat ini merupakan konco-konco UMNO, syarikat UMNO. So EPF dan juga saya rasa yang lain hanya sebahagian sahaja. Kita tengok pendapatan lebuhraya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Budak-budak bercakap, sudahlah itu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya mintalah Kerajaan Pusat atau Yang Berhormat Menteri Kerja Raya supaya menimbang semula kontrak yang kita *sign* sebelum ini dan kalau boleh tarik balik serta-merta kenaikan tol yang diumumkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Salak hendak cakap juga?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tunggu, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah, dalam 20 minit ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: 10 minit, 15 minit begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit boleh?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

2.53 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. [Membaca selawat] Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh.* Yang dikasihan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun menyampaikan titah pada majlis perasmian Dewan kita tempoh hari.

Saya bagi pihak rakyat khususnya di kawasan Pasir Salak ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas ucapan tersebut, titah Tuanku yang mana menunjukkan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia kepada rakyat jelata sekalian yang mana Tuanku telah menyebut tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di bawah naungan

TuanKu sebagai Yang di-Pertuan Agong, keprihatinan terhadap masalah ekonomi rakyat dalam keadaan kita menghadapi krisis kewangan global yang membawa kesan kepada negara dan rakyat kita.

Kita menaruh penuh keyakinan berdasarkan kepada *track record* kerajaan selama ini yang telah pun berupaya untuk mengatasi pelbagai krisis. Kali ini juga saya percaya bahawa kerajaan berupaya untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat ini. Walau bagaimanapun, saya juga akur dengan Titah TuanKu bahawa untuk melihat segala rancangan atau tindakan yang hendak dilakukan memerlukan suasana yang stabil, aman dan tenteram di dalam negara kita ini.

Kami rakyat di Pasir Salak khususnya memberi jaminan kepada Duli Yang Maha Mulia TuanKu bahawa rakyat sekalian akan memastikan bahawa keadaan di dalam negara kita ini aman dan damai dan kita juga memberi jaminan kepada Duli Yang Maha Mulia TuanKu, sebagai rakyat yang cinta kepada bangsa, agama dan tanah air, kita akan memastikan tidak ada unsur-unsur, tidak ada pihak-pihak yang akan mengganggu-gugat keselamatan di dalam negara kita ini.

Walaupun kita dapati kebelakangan ini ada pihak-pihak yang melakukan pelbagai tindakan, saya percaya apa yang dilakukan oleh mereka itu bukanlah dengan tujuan yang baik untuk melihat keamanan, ketenteraman dan juga kebajikan rakyat dipelihara tetapi lebih kepada untuk mendapat kemenangan dalam kegiatan politik mereka. Rakyat akan sedar, saya rasa suatu hari nanti apa yang dilakukan oleh mereka itu merupakan tindakan yang buruk, yang memalukan dan tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat jelata.

Tuduhan yang bukan-bukan, bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga sudah sampai kepada satu tahap menghina kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Raja-Raja Melayu yang kita lihat dilakukan oleh mereka itu begitu jijik sekali. Menunjukkan bagaimana kerasukan mereka untuk mendapatkan tempat dan juga kuasa di dalam negara kita ini. Saya percaya mereka juga mengetahui bahawa kedudukan Raja Melayu adalah terpelihara dan termaktub di dalam Perlembagaan.

Kuasa-kuasa, peranan dan tanggungjawab adalah jelas sebagaimana yang termaktub. Di negeri Perak khususnya, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dihina dan dicerca oleh mereka yang rakus, yang tamak kuasa ini sehingga mengetepikan Perlembagaan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak. Umpamanya berhubung dengan pelantikan Menteri Besar, adalah jelas dan nyata dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak dalam Perkara 16 menyatakan bahawa pelantikan Menteri Besar adalah kuasa Duli Yang Maha Mulia TuanKu, tidak boleh dipertikaikan iaitu seorang yang mendapat kepercayaan majoriti di dalam Dewan Undangan Negeri pada perkiraan dan pertimbangan TuanKu dan TuanKu Sultan Perak telah pun membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk memastikan seseorang itu mendapat sokongan di dalam Dewan.

Sebelum ini semasa pakatan pembangkang menubuhkan kerajaan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengamalkan dan menunjukkan sikap yang sama, menggunakan kuasa yang sama dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri di mana terlantiknya seorang daripada parti PAS yang mewakili Pakatan Rakyat untuk menjadi Menteri Besar dan semua menerimanya dengan baik, dengan tidak ada bantahan, tidak ada cercaan terhadap Tuanku semasa pelantikan ini dibuat. Namun kebelakangan ini apabila pakatan pembangkang telah menghadapi satu masalah dan Barisan Nasional mendapat kepercayaan majoriti, pelantikan menteri besarnya dipertikaikan.

Kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan dipertikaikan. Manakala kuasa ini adalah kuasa yang sama yang telah digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam pelantikan Menteri Besar daripada pakatan pembangkang sebelum itu. Kenapa ini boleh berlaku? Tidak lain dan tidak bukan semata-mata kerana pihak yang mempersoalkan ini merasa tidak puas hati kerana mereka telah kehilangan kuasa.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dan juga ingin saya sebutkan di sini iaitu di dalam Perlembagaan, terang dan nyata bagi mereka yang faham...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...dan membaca Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Point of order*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi saya habis dulu. Nanti saya bagi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order*, Yang Berhormat. Pasir Salak duduk dahulu, *point of order*. Ya, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Speaker, berkenaan dengan siapa Menteri Besar yang sah ini sedang di...

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order* itu yang mana satu, Yang Berhormat?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Oh ya. *Subjudice, subjudice*. *[Disampuk]* Minta maaf.

■ 1500

Peraturan 36... *Sorry, not 36*. *[Meneliti Buku Peraturan Mesyuarat]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, cari dululah nanti baru bangun balik. Sudah dapat nanti baru bangun. Cari dulu.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Point of order*, yang ini hendak tanya sikit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Peraturan jelas menyatakan kalau sesuatu perkara itu *subjudice* tidak boleh dibahaskan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa perkara itu sekarang dalam mahkamah. Jadi, kalau boleh elakkanlah, jangan lagi sebutkan itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak membincangkan soal apa yang dibawa ke mahkamah. Saya hendak menerangkan apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu sekarang yang sedang dipertikaikan maka itu ia dibawa ke mahkamah untuk ditentukan oleh mahkamah siapa yang betul dalam pandangan mengenai dengan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, inilah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila proses mahkamah disalahgunakan. Proses *court*, dengan izin *being abused* pada hal terang dan nyata bahawa ini adalah kuasa yang termaktub di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Tidak apa. Ahli Yang Berhormat, biar mahkamah yang menentukan nanti siapa yang benar dan tidak. Teruskan perbahasan dengan tajuk yang lain, Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Celahan sikit.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sikit.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bagilah laluan, Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan untuk apa ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dalam perkara ini saya lihat Yang Berhormat Puchong semalam pun membangkitkan perkara yang masih dalam mahkamah, membangkitkan isu soal Altantuya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu isu mahkamah, kenapa dia boleh buat satu *conclusion*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ... Pekan tidak boleh jadi Perdana Menteri kerana kenyataan *Chief Inspector* Gan sedangkan *Chief Inspector* Gan pun kenyataan itu tidak dibaca penuh oleh Yang Berhormat Puchong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Ada juga dalam peraturan mesyuarat kita bahawa apabila menimbulkan satu *point of order* mengenai dengan sesuatu perkara jangan bangkitkan perkara itu pada hari ini umpamanya kalau ia berlaku kelmarin. Saya bukan duduk pada ketika itu, Yang Berhormat. Jadi, saya tidak tahu apa yang berlaku kelmarin. Ini sebagai ingatan. Saya rasa semua tahu bahawa perkara-perkara *subjudice* ataupun *subjudicy* janganlah sebut untuk mengelakkan pertikaian yang seperti begini. Sila teruskan, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengubahsui sedikit hujah saya supaya tidak begitu *direct* dengan kes ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak ada kedudukan dan peranannya sebagai Sultan di dalam kerajaan kita di negeri Perak dan juga di Malaysia ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada kedudukan dan ada kuasa. Kita cuba dipermainkan dengan mengatakan bahawa segala-galanya mesti ditentukan oleh rakyat. Memang betul, rakyat boleh membuat keputusan. Setelah rakyat membuat keputusan ada institusi-institusi lain, badan-badan lain yang juga penuh bertanggungjawab untuk melaksanakan perjalanan kerajaan kita ini. Salah satunya ialah Sultan sebagai satu institusi yang ada kuasa dan peranan. Apakah kita tidak mengakui bahawa peranan dan kuasa yang ada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong? Kepada Sultan?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apakah kita hendak menyetepikan Sultan? Adakah kita tidak menerima lagi Institusi Raja dalam negara kita ini? Saya ingin mengatakan, kalau beginilah tindakannya ini adalah bibit-bibit yang membawa kepada suatu hari mereka akan berjuang menghapuskan kesultanan di dalam negara kita ini yang mana saya hendak beritahu orang-orang Malaysia yang taat kepada negeri ini sama ada Melayu, bukan Melayu yang cintakan negara kita ini, kita akan tentang habis-habisan mereka yang ingin menghapuskan sistem di mana adanya Sultan dan Raja dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Buntar minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya mohon penjelasan. Pertama dengan semangat yang dibawa, hari ini pun pakai songkok nampak cantik sungguh. Segak. Saya hendak tanya dalam isu yang disinggung secara khusus, negeri Perak. Saya hendak tanya adakah satu yang dianggap tindakan ini hendak menghapuskan Raja-raja, hendak menghapus Institusi Raja-Raja? Itu kena jelas sebab sepanjang yang kita bincang ini tidak timbul langsung persoalan kita hendak hapuskan Institusi Raja-Raja. Yang ada ialah kita menganggap bahawa yang kita lakukan ini ialah di dalam lingkungan Perlembagaan. Saya mohon jangan terlalu *overboard* sehingga menuduh pihak tertentu kerana tuduhan ini agak serius, Yang Berhormat Pasir Salak. Ini kerana menyatakan hendak menentang Raja-Raja, hendak menghapus, ini satu tuduhan yang boleh bawa kepada bunuh, mati. Jadi, saya rasa itu kena cermat sikit. Saya mohon penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apabila tindakan pemimpin-pemimpin yang mempertikaikan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mengakibatkan suatu tunjuk perasaan yang di luar batasan, menghina Sultan, mencaci Sultan, apakah ertinya ini semua? Tidakkah ia berbau bahawa mereka tidak suka kepada institusi kesultanan? Apa bacaan Yang Berhormat dalam hal ini? Kalau sudah

menunjukkan kebencian, kalau kita benci kepada seseorang adakah bermakna kita boleh menerima seseorang itu?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Setiap kali saya bangkitkan perkara ini saya tidak mendapat jawapan yang jelas daripada sebelah sana. Apakah agaknya kedudukan mereka yang berdemonstrasi dengan bawa *banner* besar, tulis “binatang” lagi, yang ditujukan kita tahu siapa yang ditujukan. Semua kita tahu. Adakah mereka ini juga maksudnya apa? Di mana kedudukan mereka ini? Tidakkah mereka juga menghina, menderhaka institusi kesultanan dan Institusi Raja. Berdemonstrasi tidak setuju dengan pilihan Sultan. Kemudian menabalkan Sultan lain. Kemudian mengurangkan imuniti Raja-Raja, seluruhnya kekebalan Raja-Raja itu dikurangkan. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Yang Berhormat Titiwangsa. Tuan Yang di-Pertua, pendirian saya jelas. Saya tidak kira UMNO, tidak kira siapa sama ada daripada MCA, Gerakan, MIC, apatah lagi daripada parti pembangkang. Kalau sekiranya perbuatan-perbuatan tingkah laku yang dibuat itu membawa kepada kebencian kepada Sultan, saya tidak setuju dan saya menganggap bahawa ia mempunyai satu kesan yang buruk kepada institusi beraja dalam negara kita ini. Itulah sebabnya bila berlaku penghinaan terhadap Sultan kita tidak menyokong, kita tidak berikan *endorsement*, dengan izin. Akan tetapi apa yang kita katakan pada kali ini yang berlaku di Seri Iskandar itu saya ada di situ.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan setakat dengan *banner*, Yang Berhormat Titiwangsa, dengan maki hamun, dengan baling batu, baling botol dan sebagai, sanggup tidur di tengah jalan, baring di tengah jalan. Ini sudah lebih daripada apa yang kita pernah tengok di masa yang sudah. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak. Saya rasa kita di sebelah sini pun tidak ada orang yang mengeluarkan sokongan ke atas tindakan maki hamun kepada Sultan. Itu, *we get the facts right* ya dengan izin, tetapi apa berlaku pada hari itu memang di luar kawalan – kemarahan. Kita rasa sedih bagaimana institusi Sultan diheret masuk ke dalam arena politik dan ini yang kita tidak hendak. Seperti mana yang kita sebutkan tadi ini merupakan satu persoalan yang perlu diselesaikan dalam mahkamah kerana *there is a point of contention* dari sudut undang-undang, dengan izin dan kita hendak bawa perkara ini kepada mahkamah untuk hendak diselesaikan. Kalau rasa isu mahkamah itu lambat sangat, maka itulah di antara sebab mengapa kita telah mencadangkan kepada Dato' Seri Nizar, Menteri Besar sah negeri Perak untuk bertemu dengan Sultan, meminta, memohon supaya Dewan Undangan Negeri itu dibubarkan supaya ianya diselesaikan dengan cepat kerana kita tahu mahkamah ini lambat. Ini kerana tiga ADUN itu kedudukannya adalah dipersoalkan.

■1510

So jangan kata kita ini setuju dengan maki hamun Sultan. Saya rasa Yang Berhormat Pair Salak pun dengar tidak pernah kita maki hamun Sultan dan kita mempertahankan Institusi Diraja. Apabila isu-isu seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa tadi kita yang membantah. Pada masa itu Barisan Nasional diam. Lalu ini kita *get our facts right* lah. Jangan ada sangkaan buruk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Pasir Salak, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang berkubu di rumah Menteri Besar Perak? Siapa yang mengumpulkan ribu-ribuan penyokong di rumah Menteri Besar Perak? Siapa yang mengacum begitu ramai manusia di situ? Ucapan-ucapan yang begitu berapi-api yang membakar semangat untuk menentang keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Bukankah itu merupakan bahawa pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang yang menjadi dalang kepada tunjuk perasaan yang dilakukan oleh pengikut-pengikut mereka yang selepas itu tidak terkawal lagi? Memang cerdik, pemimpin-pemimpin sudah cucuk-cucuk, pengikut kemudian duduk rumah tidur. Pengikut juga yang menjadi mangsa. Inilah jenis pemimpin parti pembangkang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak bertanggungjawab.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu? Yang Berhormat Batu Pahat kah, Yang Berhormat Shah Alam?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi Yang Berhormat Batu Pahat. Kang bagi Yang Berhormat Shah Alam balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan berbahas begini tetapi dengan penuh hemah. Jangan langgar peraturan mesyuarat. Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Bahawa ini berlaku puncanya adalah kerana provokasi. Antaranya ialah bila disebut perkataan mohon derhaka, kemudian dengan ceramah-ceramahnya. Lepas itu kalau saya baca *blog* dan juga media, pihak di sebelah sini baik Suara Keadilan, ataupun Harakah. Memang ada provokasi.

Sebab itulah timbul perkara seolah-olah menghina Raja. Akan tetapi dalam kes Perlis dan Terengganu, kita akur dengan keputusan Sultan. Baik di Perlis atau di Terengganu dia hendak Menteri Besar itu okey tidak ada masalah, kita tidak buat provokasi. Walaupun ada mula-mula di peringkat awal, tetapi pemimpin tidak ada provokasi dan kita terima keputusan

sebab itu adalah budi bicara Sultan. Baik di Perlis atau di Terengganu. Kita tidak ada membantah. Akan tetapi yang berlaku di Perak ialah dibantah, dilawan lagi di mahkamah dan sebagainya. Ini yang menyebabkan seolah-olah Raja itu dihina. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Salak?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Saya belum jawab habis apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi. Iaitu katanya mengapa mengheret Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam politik? Siapa yang mengheret? UMNO tidak mengheret. Kita cuma mempersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan kedudukan di dalam Dewan sudah berubah iaitu Barisan Nasional mendapat sokongan majoriti. Tidak ada mengheret Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terpulang kepada Duli Sultan untuk membuat keputusan. Adakah itu dianggap bahawa Duli Yang Maha Mulia begitu rendah martabatnya, tidak boleh berfikir dengan sewajarnya untuk menentukan sama ada apa yang dibentangkan dipersembahkan itu benar atau tidak benar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi tidak timbul. Satu lagi soal yang dibawakan oleh Yang Berhormat Shah Alam yang perlu saya jawab. Iaitu katanya satu alternatif ialah membubarkan Dewan. Menteri Besar yang dahulu berkeinginan untuk mempersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sebelum ini pun telah dipersembahkan kepada Sultan supaya Dewan dibubarkan. Yang Berhormat Shah Alam, tolong baca Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak berhubung dengan pembubaran Dewan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekejap. Berhubung dengan pembubaran Dewan iaitu dalam artikel 16, perkara 16 disebut bahawa Menteri Besar boleh memohon kepada Sultan untuk membubarkan Dewan. Terpulang kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk bersetuju atau tidak bersetuju. Kalau dia tidak bersetuju apa katanya di dalam rang undang-undang tubuh itu? Disebut dengan jelas iaitu Menteri Besar itu mesti meletakkan jawatan. Mesti *cease to be the* Menteri Besar. Dengan izin *this is the Constitution provision...*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu sudah...

Tuan Yang di-Pertua: Itu jelas, itu jelas. Tadi *point of order* telah disebut. Saya telah beri *ruling* bahawa yang ini elok kita beri...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey kita *stop* situ.

Tuan Yang di-Pertua: *Stop* di sini, sampai situ sahaja. Kerana sekarang ini saya bukan hakim mahkamah untuk menentukan siapa yang betul dalam artikel 16 kah apa kah. Okey kita *stop* di situ...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Cuma saya minta...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita *stop* di situ kita berbalik kepada ini Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam sudahlah.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak terima kasih. Saya hendak menjelaskan sedikitlah. Dia menyebut perkara 16, tetapi kita perlu membaca sama perkara 16 itu dengan (6). Iaitu sekarang keadaan Menteri Besar sudah ada kemudian dilantik baru. Bagaimana hendak meletakkan jawatan atau melucutkan jawatan yang ada? Ada tiga cara. Satu bubar Dewan, yang kedua undi tadi percaya dan yang ketiga Menteri Besar itu sukarela letak jawatan. Tiga-tiga perkara ini untuk pengetahuan sidang Dewan tidak berlaku dan inilah yang menjadi alasan kita untuk mempertahankan dari segi undang-undang. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Yang Berhormat Pasir Salak tidak payah respons kepada itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia boleh bertanya tetapi saya tidak boleh jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Yang jelas. Tadi pendirian Yang Berhormat sudah saya dengar jelas dan yang itu cuma sebagai satu soalan. Kalau saya benarkan lagi itu, bermakna saya seolah-olah saya tidak mengendahkan tadi kepada...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sentuh lah itu. Akan tetapi mungkin lepas ini saya bagilah Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak untuk dibaca oleh Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya sudah baca jugalah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, kalau pasal soal tadi itu, tidak apalah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan soal teknikal. Soal undang-undang Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan. Yang lain tanyalah berapa hendak tanya pun.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sebenarnya tadi Yang Berhormat Pasir Salak kata kita mengadakan demonstrasi, kita adakan ceramah dan sebagainya. Saya rasa dalam ceramah-ceramah yang diadakan, yang saya hadir di rumah Menteri Besar itu tidak ada pun menyentuh Sultan Perak.

Sebenarnya apa yang kita sentuh itu ialah UMNO dan Barisan Nasional dan inilah kita punya serangan dan dalam soal negeri Perak ini yang kita hendak lawan, Pakatan Rakyat hendak lawan Barisan Nasional. Akan tetapi Barisan Nasional letak Sultan depan. Ini yang jadi

masalah dan inilah yang dikatakan heret. Tadi Yang Berhormat Pasir Salak tanyakan, heret. Betul kah heret? Saya jawab betul kerana apa heret. Ini kerana ada isu yang telah dibawa ke mahkamah yang berhubung dengan tiga ADUN ini tidak selesai. Akan tetapi hendak selesaikan secara pintas secara *short cut* dibawa pergi ke Sultan dan minta Sultan terima bahawa sudah ada majoriti.

Sedangkan majoriti tidak tentu lagi kerana kedudukan tiga-tiga ADUN ini masih belum diputuskan. So mengapa Barisan Nasional perlu berselindung di sebalik Sultan? Kita tidak lawan Sultan. Kita hormat Sultan dan kita pertahankan Institusi Raja-Raja Melayu. Akan tetapi malangnya dan tidak pernah kita mengambil apa-apa tindakan untuk mencabar kedudukan itu. Malangnya Barisan Nasional apabila setiap kali berhadapan dengan Pakatan Rakyat apabila tidak boleh menang, dia duduk sembunyi belakang Sultan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dalam keadaan itu, *I give you my view*lah. Saya percaya saya punya pandangan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...yang tidak hormat Sultan dalam keadaan seperti itu, bukan Pakatan Rakyat, tetapi Barisan Nasional, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak respons kepada itu selepas itu beralih kepada soal lain.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, ya. Saya respons kepada itu Tuan Pengerusi. Saya ingin menasihatkan Yang Berhormat Shah Alam, perkataan yang saya sebutkan itu ia bertujuan hendak memperkecilkan UMNO. Hendak menghina UMNO. Akan tetapi dia tidak sedar dalam kata-katanya itu dia juga menghina Sultan. Bagaimana? Adakah kita boleh terima, bolehkah kita percaya bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan membenarkan kita berlindung di belakangnya? Begitu cetek kah pengetahuan Sultan? Tidak ada kewibawaan Sultan untuk beri orang berlindung-lindung di belakangnya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua dia tidak sedar dia menghina....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sultan secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu sebab dia ada *point of order*. Yang Berhormat Bukit Gelugor ada *point of order*, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, sila-sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 1(e).

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 1(e).

Tuan Yang di-Pertua: 1(e).

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah mengenai usul memerintah Ketua Polis Negara memberi kemudahan lalu lalang kepada Ahli-ahli Dewan. Nombor satu, usul seperti ini dibawa peraturan mesyuarat ini diluluskan oleh Dewan ini dan dikuatkuasakan sehingga hari ini. Apa yang terjadi barangkali dalam 15 minit baru-baru ini? Apabila saya datang ke Parlimen saya disekat oleh beberapa kumpulan ahli-ahli pemuda UMNO yang ugut saya minta maaf di atas apa yang terjadi kelmarin di Dewan yang mulia ini.

■1520

Bukan satu, dua, sampai barangkali ada 15 orang seperti gengster, samseng ugut minta maaf, jika tidak minta maaf, tidak boleh masuk ke dalam Dewan. Apabila saya panggil polis yang ada dekat sana, siapa pun tidak datang untuk memberi bantuan kepada saya.

Seorang Ahli: Padan muka. [*Ketawa*]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah ini terjadi dalam satu Parlimen seperti Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya disekat, saya diugut untuk minta maaf, daripada gengster ini, daripada Pemuda UMNO. Saya mahu dapat satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, adakah polis...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biar, biar dia, biar Bukit Gelugor bercakap.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Adakah polis menjalankan tugas dia untuk memberi bantuan kepada saya? Lebih kurang 10 minit di sana, ugutan. Ini tidak boleh diterima Tuan Yang di-Pertua, dan dua ahli lain yang datang di sana untuk memberi bantuan kepada saya dipukul oleh Pemuda UMNO ini. Dia ada di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya mahu tahu Tuan Yang di-Pertua, *what protection, you as a Speaker will give us? You are bound too*, Tuan Yang di-Pertua. *We expect protection from you.*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya dapat tahu apa yang Tuan Yang di-Pertua akan buat mengenai apa yang terjadi tadi. Jangan ugut dan beri amaran kepada UMNO dan siapa-siapa lain, jangan ugut saya. *I maybe disable but I will not stand to any intimidation from any quarter, make it very clear here! I want to know from Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, But steps Tuan Yang di-Pertua, will always prepared to take with regard to what happened just now.* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Satu perkara yang ingin saya tahu, adakah perkara ini berlaku di luar perkarangan Parlimen?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dalam *perimeters of Parliament of sanctuary of this House.*

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Precinct of Parliament! Precinct of Parliament!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya terima itu dengan baik, tapi jangan Yang Berhormat Bukit Gelugor *raise your voice to me*. Saya akan beri *ruling* yang sejelas-jelasnya. Kalau perkara itu berlaku di perkarangan Parlimen, saya tidak peduli dari pihak mana yang berbuat begini kepada Ahli Parlimen. [*Tepuk*] Yang jelas di sini ialah saya juga mahu tahu bahawa yang mengugut ini adakah betul-betul Ahli-ahli UMNO atau tidak. Kalaupun dia mengatakan begitu, tetapi ada juga kumpulan orang yang akan menggunakan nama orang lain yang sebenarnya untuk menjejaskan nama sahaja..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, semua itu adalah [*Gangguan pembesar suara*]...Boleh berkas dia!

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, Yang Berhormat Bukit Gelugor, biar saya habis berucap. Kalau perkara ini betul-betul berlaku di perkarangan Parlimen, ini adalah satu perkara yang belum pernah berlaku di Parlimen. Siapa pun saya tidak peduli, dia Ahli UMNO kah, dia dari kerajaan mana kah, itu tidak dibenarkan. [*Tepuk*] Jadi saya minta kepada pihak polis yang bertanggungjawab di sana, di pintu dan saya akan bercakap kepada Menteri Dalam Negeri yang membawa usul tersebut semoga perkara ini dapat disiasat dengan sedalam-dalamnya. Ini kerana dari dulu saya berpendirian, makanya saya tidak benarkan supaya perkarangan Parlimen ataupun di luar legar Parlimen ini untuk digunakan dengan perkara-perkara seperti menyambut hari jadi, perkara-perkara seperti membuat perkara-perkara yang belum pernah dilakukan di Parlimen kerana kepentingan kita semua ialah keselamatan.

Kadang-kadang kita tak boleh nampak bahawa ada orang yang masuk dalam kumpulan yang kita nampak baik tapi tidak baik. Ini yang saya tekankan dari dulu lagi, tetapi apabila polis membuat kawalan pada ketika itu berhubung dengan keselamatan, saya sendiri juga disekat oleh sebab pada ketika itu kita dengar bahawa ada demonstrasi berlaku di Parlimen. Pihak polis buat sekatan, kereta saya disekat. Malangnya saya terbaca dalam satu *blog* bahawa kononnya itu arahan saya dan saya diminta oleh orang yang berkenaan, dia menganggap diri dia sebagai seorang pelajar yang pada pagi itu tergesa-gesa mahu pergi mengikuti ujian undang-undang, PLT.

Dia terlambat tidak dapat ikut, dia minta kepada Tuhan semoga saya akan menghadapi satu kematian yang ngeri, kalau boleh dipijak kereta. Jadi Yang Berhormat Bukit Gelugor yakin dan percaya kepada saya, saya akan buat segalanya dalam bidang kuasa saya. Saya tidak mahu siapa-siapa yang buat perkara-perkara sebegitu untuk menjejaskan keselamatan siapa-siapa saja di antara Ahli-ahli Parlimen, termasuk Yang Berhormat Bukit Gelugor, itu jaminan saya. [*Tepuk*] Terima kasih. Sila Yang Berhormat Pasir Salak teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah siasatan dijalankan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap dulu Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah siasatan dijalankan sekarang?

Seorang Ahli: Tidak boleh, kumpulan itu ada di sini sekarang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah *witness, witness*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sedang saya bercakap ini pun sudah diketahui juga di luar. Jadi...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, mereka masih di sana, mereka sudah di sana sejak pukul 10.00 pagi ini, kita semua adalah *witness*.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud di sana ini, di mana Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Di dalam perkarangan pintu masuk *tower block* sana, ya Yang Berhormat Batu Gajah di sana, Yang Berhormat Serdang, saya sendiri, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Kota Kinabalu juga di sana, semua kita di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat Bandar Kuching, ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita mahu bahawa Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah Yang Berhormat Bandar Kuching, polis sudah ketahui juga yang di pintu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Polis tidak ada ambil apa-apa tindakan...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Itu tidak cukup, mereka sudah berada di sini sejak pagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak payah semua berdiri. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Puchong, tidak payah berdiri, saya sudah dengar, saya juga tahu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sebab saya juga diserang.

Tuan Yang di-Pertua: Okey saya tahu, saya tahu, sudah tidak apa. Semua saya rasa Ahli Yang Berhormat di sini ini tidak mahu perkara ini berlaku.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Pengetahuan adalah tidak mencukupi, mereka berada di sini sejak pukul 10. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang duduk. Kalau boleh, pegawai keselamatan di Parlimen ini... Bentara, mana Bentara? *[Disampuk]* Duduk dulu, Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Ahli-Ahli Yang Berhormat!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jangan buat tuduhan bukan-bukan ya? Siapa yang...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, dengar dulu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Siapa yang mulakan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Batu Pahat, hei! *[Dewan riuh]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Yang Berhormat Batu Pahat sokong keganasan!
[Dewan riuh]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Siapa yang mulakan perkataan 'celaka', Pemuda UMNO celaka, siapa yang mulakan? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Berani buat berani tanggung.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat! *[Dewan riuh]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sebelah sana sokong keganasan! *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Duduk, duduk. Kita semua ini wakil-wakil rakyat, duduk. Sila, sila Yang Berhormat Permatang Pauh, silakan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan kejadian ini, sebab itu saya meluru datang. Saya tidak fikir harus ada perbahasan berdasarkan pendirian parti politik. Saya dengar sentimen yang disuarakan Tuan Yang di-Pertua jelas, iaitu melarang tindakan ganas, biadab yang dilakukan oleh sesiapa sahaja terhadap Ahli Parlimen, tidak payah bising begini.

Kalau kita Ahli Parlimen, kita anjur cara kurang ajar, biadab terhadap mana-mana Ahli Parlimen ini pada hari ini... *[Dewan riuh]*. Baik. Ganas-ganas serang fizikal, dengar. Kalau hari ini giliran Yang Berhormat Bukit Gelugor, esok mungkin giliran saudara. Jangan takbur, *astaghfirullah* sedikit. Saya benarkan orang hendak bahas, hendak bertengkar dalam Parlimen, itu hak masing-masing Tuan Yang di-Pertua.

Untuk gunakan keganasan di luar dan kalau kita sebagai Ahli Parlimen hendak izinkan, kita buang sahaja peraturan dan undang-undang negara ini. Saya hendak sebut di sini, saya tidak salahkan Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Permatang Pauh, kita memang tidak izinkan keganasan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bergilir-gilir bercakap.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya tidak singgung Batu Pahat, saya tidak tuduh Batu Pahat terlibat sama sekali. Saya tidak berdiri di sini untuk menyindir mana-mana Ahli Yang Berhormat daripada UMNO.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta izin pergi bilik air sekejap ya. *[Ketawa]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang perlu kita ada batas, kita berbeza Tuan Yang di-Pertua. Ada batas di mana kita bersependapat. Kalau ada ahli UMNO mahu

dipukul oleh orang Pakatan Rakyat saya akan bantah dalam Parlimen ini saya bagi jaminan. *[Tepuk]* Ini yang kita hendak. Pendirian kita patut begitu ini tidak oleh kerana Bukit Gelugor ada pendirian kita tidak setuju pukul pun tidak apa. Ini cara apa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya terima kasih, terima kasih Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua bagi jaminan sahaja tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Harus ada ketetapan dari Parlimen ketetapan bersama daripada semua Ahli Dewan Rakyat menuntut tindakan segera. Kalau serah pada polis seperti biasa macam biasalah jadinya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya belum siap bercakap tadi, terus Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Puchong, Bandar Kuching, Serdang terus berdiri. Saya mempunyai kuasa untuk menghalau siapa-siapa sahaja dalam perkarangan Parlimen yang membuat kekacauan apa lagi ancaman kepada Ahli Yang Berhormat. Tidak semestinya polis. Tadi sebentar saya katakan bahawa bentara dan pengawal-pengawal keselamatan Parlimen sendiri. Saya arahkan sekarang ini tengok di luar sana sama ada tuduhan ini betul atau tidak. Adakah pemuda-pemuda sana ini masih lagi berdiri atau tidak? Selepas saya mempengerusikan sidang ini baru saya akan buat tindakan lagi yang seterusnya.

Yakinlah Ahli-Ahli Yang Berhormat semua kita ini pemimpin. Kadang-kadang saya sendiri malu kepada diri saya sampai dituduh bahawa saya banyak cakap. Sebenarnya yang banyak cakap Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tidak perlu cakap, tetapi apabila pemimpin-pemimpin sudah menunjukkan sikap seperti begini saya sendiri mahu sebut ini pun menggeletar badan saya. Saya tidak layak menasihati siapa-siapa. Kalau kita sendiri bersifat di sini tunjuk menunjuk apa yang kita *expect* di luar? Dia orang harus terpaksa berdiam diri dia orang yang mereka jadi pemimpin.

Kita masing-masing hendak jalan tugas tunjukkan kepimpinan yang baik. Kadang-kadang saya dengar hujah cantik elok tetapi izinkan saya kalau saya menyentuh perasaan juga cakap tidak serupa bikin. Kalau bilang mahu bersatu, bersatu dengan cara baik. Bilang tidak mahu gengster luar, dalam pun jangan ada sikap seperti begini.

Minta maaf saya terpaksa cakap begini pasal darah saya turun naik kadang-kadang. Jumpa doktor hari-hari dia tidak boleh kesan. Dia kata ini *stress*. *Stress* kalau saya *stress* Permatang Pauh, bermakna terpaksa saya tinggalkan kerja tetapi kalau saya tidak kerja pula lagi saya *stress*. Tidak apalah sama-sama kita bersabar menghadapi perkara seperti begini jadi saya tidak mahu berkompromi dengan soal keselamatan. Itulah daripada dahulu saya pantang jangan buat perkara-perkara yang di luar ada kesan pada Parlimen kerana parameter Parlimen ini adalah untuk *Parliamentarian*.

Di Parlimen lain kalau ada orang datang terpaksa di luar ada tempat-tempat tertentu, kita tidak. Kita *intermingle* dengan siapa sahaja yang kita tidak tahu. Kadang-kadang apabila saya balik di pejabat saya, saya tidak tahu pun siapa yang saya melanggar di situ. Kadang-kadang ada yang tidak kenal ada yang mahu langgar tetapi tidak apa kerana itu adalah budaya kita, jangan kita galakkan ini. Saya bercakap panjang ini kerana menunggu Padang Serai yang pergi tandas sekejap tadi sila teruskan perbahasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Salak minta maaf fasal ini. Padang sama pasir ini lebih kurang juga. Ya terima kasih Bukit Gelugor.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong saranan ataupun nasihat Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan isu yang dibangkitkan. Kita tidak mahu melihat keadaan di dalam negara kita ini berada di dalam keadaan yang sedemikian. Kita mahu keadaan yang aman dan tenteram dan juga kemesraan, keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum. Apa yang terjadi di luar adalah akibat daripada apa yang berlaku di dalam Dewan ini sebenarnya. Dengan sebab itu, saya sendiri pun ada masa-masanya menyesali diri saya kerana kadang-kadang disebabkan oleh provokasi-provokasi saya juga terlanjur sekali dua dalam respons kepada provokasi terhadap diri saya.

Akan tetapi sebenarnya saya juga tidak suka apa yang dilakukan atau berlaku itu. Marilah kita sama-sama sebenarnya mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku supaya perkara ini kita berhentikan di dalam Dewan ini. Kita berhujah secara ikhlas memberikan pandangan dan pendapat untuk kita mencari jalan yang terbaik untuk negara kita ini dan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Tidak ada yang pandai semua, tidak ada yang betul semua. Sama ada daripada Barisan Nasional ataupun daripada pihak pembangkang.

Ada yang dibangkit oleh pembangkang boleh diguna pakai menjadi sumbangan bermakna kepada kerajaan. Begitu juga apa yang dilakukan oleh kerajaan ada yang baik dan ada yang tidak baik yang boleh ditegur dan boleh diberhentikan kalau sekiranya tidak memberi kebaikan kepada rakyat. Inilah semangat yang mesti kita wujudkan di dalam Dewan ini.

Saya menghormati Ketua Pembangkang saudara saya, Yang Berhormat daripada Permatang Pauh. Itu sebab ada banyak perkara yang saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi saya tidak bersikap agresif bersikap keterlaluan terhadap beliau. Ini kerana saya menganggap beliau juga seorang pemimpin dan selain daripada itu seorang yang juga mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada kesejahteraan negara kita ini dengan idea-idea yang bernas.

Akan tetapi dalam pada itu ada kalanya mungkin juga kerana keterlanjuran disebabkan oleh pengikut-pengikut, mereka-mereka yang di sekeliling, yang mempunyai agenda yang tersendiri yang membawa beliau kepada satu keadaan yang tertekan dan juga menyulitkan. Saya faham ini dan saya tidak menyalahkan beliau sepenuhnya. Ini adalah salah daripada

setengah-setengah daripada pengikut-pengikut dan penyokong-penyokong yang mempunyai kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat untuk menggulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi saya rasa marilah kita mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Jangan kita menghina mana-mana pihak kerana ianya tidak memberi kebaikan. Ada orang yang bersetuju, ada orang yang tidak bersetuju. Ini soal mengeluarkan perkataan-perkataan menghina orang itu menghina orang ini pengikut-pengikut di luar menahan perasaan mereka. Jadi saya tidak mahu perkara ini akan berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua saya masuk kepada soal ekonomi sebagaimana yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hendak menyatakan di sini bahawa kita mensyukuri dan berterima kasih, syukur kepada Allah SWT, berterima kasih kepada kerajaan, berterima kasih juga kepada pembangkang memberi pandangan-pandangan yang bernas dan berterima kasih kepada rakan-rakan daripada Barisan Nasional yang juga memberi sokongan dan pandangan yang bernas untuk kita mengharungi perjuangan ekonomi negara kita ini. Walau bagaimanapun saya mengambil kesempatan di sini untuk membetulkan satu dua perkara pokok supaya ianya menjadi panduan kepada kerajaan dalam perkara ekonomi ini.

Kita dengar baru-baru ini ada orang-orang daripada dua belah pihak. Daripada Barisan Nasional dan juga daripada pembangkang yang sentiasa membangkitkan dan mempertikaikan ekonomi bumiputera iaitu penguasaan ekonomi sebanyak 3% ini dipertikaikan. Tindakan-tindakan *affirmative* kerajaan untuk membantu menjayakan matlamat ini dipertikaikan dan dianggap sebagai satu dasar yang memundurkan kemajuan negara kita ini. Kita tidak kompetitif, tidak boleh berdaya saing dengan negara luar; berbagai-bagai alasan sekali. Apa gunanya kita menjadi kompetitif, apa gunanya negara kita ini menjadi maju kalau sebahagian besar daripada rakyatnya di dalam negara kita ini miskin.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang yang kaya terus kaya, yang miskin papa kedana. Apa ertinya itu semua? Apa gunanya kita menjadi seorang jaguh di peringkat antarabangsa kalau rakyat kita miskin dan tertinggal. Mengertikah kita, fahamkah kita keadaan ini tidak membantu kepada kesejahteraan kita, kestabilan kita, keamanan negara kita kalau ada sebahagian rakyat yang miskin yang tertinggal dari segi ekonomi.

■ 1540

Dengan sebab itu saya mewakili rakyat Pasir Salak sama ada pemimpin daripada Barisan Nasional ataupun daripada parti pembangkang, saya beri amaran jangan sesekali mempersoalkan kuota 30% ekonomi untuk orang-orang Melayu kerana orang Melayu masih tertinggal dan kita telah beri dengan penuh keikhlasan kepada semua orang tidak kira Melayu, Cina atau India untuk berjaya dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua jangan sesekali, saya tidak bersetuju dan saya menyeru kepada pihak kerajaan bahawa kedudukan ekonomi ini pastikan sebagaimana yang telah dirancang. Selain daripada itu, saya juga...

Tuan Yang di-Pertua: Seminit saja lagi Yang Berhormat untuk gulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi banyak...

Tuan Yang di-Pertua: *Injury time* sudah hampir sepuluh minit saya bagi, Yang Berhormat. Pergi tandas pun saya benarkan juga.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya. Akhir sekalilah, saya rasa saya hendak menyebut di sini. Tolonglah, saya minta kepada rakan-rakan daripada parti pembangkang. Jangan tuduh Kerajaan Barisan Nasional ini angkuh. Pemimpin UMNO angkuh. Saya juga ahli UMNO, saya juga Ahli Barisan Nasional dan saya wakil rakyat Barisan Nasional. Saya hendak tanya. Tolong tanyakan adakah saya bersikap angkuh?

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa keangkuhannya? Ini semua daripada parti pembangkang yang tidak kenal akan menuduh saya angkuh. Cuba tanya kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh. Adakah saya angkuh? Tolong tanya. Sekarang dia boleh jawab. Dia tidak mahu jawab kerana saya tidak angkuh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Semua berani, berani.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu kalau ada yang tidak betul, tegur. Tegur dengan ikhlas. Tidak apa. Kita tidak maksum. Kita tidak sempurna. *We are not perfect.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua....

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit masa.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan! Hentikan tuduhan angkuh ini. Saya sudah menahan perasaan begitu lama sekali. Sungguh-sungguh saya menahan perasaan saya. Jangan jadikan kesabaran saya ini sebagai satu permainan...

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ... Kepada pihak sana untuk mengambil kesempatan kerana kalau saya hilang sabar, saya nanti akan serang habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan, Yang Berhormat. Sabar, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi saya tidak mahu menyerang. Jadi Ketua DAP daripada Perak ini semua saya tahu. Duduk di Perak angkuh bukan main. Baru sepuluh bulan memerintah, sudah angkuh. Sultan Perak pun dia tidak peduli. Mesyuarat Kerajaan Negeri awak kata apa? Ada kuasa Sultan, kita yang berkuasa. Ini angkuh. Jadi

dengan sebab itu, cukup setakat itu sebagai balasan. Lain kali saya tidak mahu sebut lagi keangkuhan itu. Kita hendak hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Tun Razak, sila.

3.43 ptg.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya dapat menyertai perbahasan tentang Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya akan membuat ucapan mengenai tentang isu ekonomi dan kemelesetan sebelum pembentangan bajet mini yang dijangka pada 10 Mac 2009. Bajet mini yang dijangka dibentangkan di Parlimen akan menyentuh tentang situasi ekonomi seluruh dunia yang sekarang dalam kemelesetan. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu menjalankan langkah-langkah pemulihan segera yang hanya dapat dilihat kesannya dalam tempoh satu hingga dua tahun yang berlaku serentak dengan dasar-dasar pembangunan jangka panjang yang sedang dilakukan.

Memang Kerajaan Persekutuan bakal melakukan usaha dengan menyediakan Pakej Rangsangan Kedua bagi memastikan asas-asas ekonomi negara ini terus kukuh dan stabil. Namun begitu, kita harus ingat bahawa pakej bernilai RM40 bilion itu hanya sesuai diperlukan untuk menyelamatkan ekonomi negara kita ketika menghadapi krisis ekonomi Asia pada tahun 1997-1998. Maksudnya, ketika menghadapi kemelesetan ekonomi global, untuk tahun 2009-2010, saya mengesyorkan kalau betul-betul Kerajaan Persekutuan serius, ia perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya mini bajet melebihi RM50 bilion. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi baru ini juga bertanggungjawab memberitahu Dewan ini bagaimana dana tersebut dibiayai dan perkara-perkara yang dilakukan seperti perkara-perkara yang dilakukan dalam negara lain menyatakan bagaimana pakej rangsangan itu dibiayai.

Pertama, adakah cara pinjaman dari pasaran. Kedua, adakah melalui penjualan-penjualan bon atau *security*. Soalan ini ialah dari manakah Malaysia hendak mendapatkan dana bagi membiayai pakej rangsangannya. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah beberapa cadangan yang saya fikir boleh difikirkan dalam membuat strategi belanjawan mini yang akan kita bincangkan.

- (a) Kita mesti menumpukan kepada perumahan. Mengutamakan perumahan bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah;
- (b) menyediakan subsidi bagi perumahan berpendapatan rendah yang kini diberikan kepada para pemaju; dan

- (c) Rangsangan ini mesti juga melihat usaha mempertingkatkan infrastruktur dan prasarana iaitu:
- (i) Memodenkan jalan, jambatan, jalan raya, jalan kereta api, lapangan-lapangan terbang dan juga kekisi tenaga; dan
 - (ii) Menaik taraf prasarana komuniti yang sedia ada.

Bagi pengangkutan awam, kita mencadangkan supaya dapat disatukan sistem pengangkutan awam terutama di Lembah Klang dan pusat-pusat bandar sekitar. Kedua, mencuba menggabungkan lagi jalan rangkaian, bas, teksi, kereta api dan transit aliran ringan atau LRT bagi mewujudkan sistem holistik yang lengkap. Ketiga, memodenkan stesen bas dan membina stesen-stesen baru tren atau LRT.

- (d) pengeluaran makanan;
- (i) pembangunan pertanian dan pemberian bantuan kepada petani dan pengeluar makanan;
 - (ii) bantuan mengangkut makanan dari pusat-pusat jualan; dan
 - (iii) pembangunan tanah bagi kegunaan menghasilkan makanan.

Bajet mini juga mesti melihat sistem kewangan:

- (i) mengadakan rangkaian peraturan kepada bank supaya memudahkan keperluan pinjaman bagi perniagaan saiz kecil dan sederhana; dan
- (ii) mengadakan rangkaian pengaturan kepada bank supaya memudahkan keperluan pinjaman perumahan.

Saya juga ingin mencadangkan dalam usaha mempercepatkan proses pembangunan ekonomi dan rangsangan ekonomi ini, saya juga syorkan salah satu projek yang saya rasa penting dan memberi kesan terus kepada meningkatkan penggunaan guna tenaga iaitu pembersihan Sungai Klang.

- (i) Dengan usaha Program Pembersihan Sungai Klang, ia memberi faedah ekonomi kepada Selangor dan Kuala Lumpur dengan cara meluaskan keupayaan pembangunan perumahan;

■ 1550

- (ii) meringankan beban pengangkutan dengan cara menyediakan alternatif bagi pengangkutan awam;
- (iii) memajukan bidang pelancongan menerusi pembinaan lebih banyak hartanah-hartanah di kawasan-kawasan tepi sungai yang kita bersih dan cantikkan.

Apakah status pakej rangsangan yang lepas dan apakah kesan-kesan yang dirasai. Bagi dua pakej rangsangan ini nanti sepatutnya diadakan satu sistem pemantauan yang telus dan bertanggungjawab dan hal penyaluran, pengagihan bantuan kepada pihak yang memerlukan.

Sebagai contoh kerajaan Amerika Syarikat ada melakukan usaha ini yang boleh dirujuk oleh semua rakyatnya dalam laman web. Sebagai contoh, di Amerika dia menggunakan laman web www.recoveryorganisation dan apabila ini berlaku semua warganegara sebagai pembayar cukai akan dapat menyemak dalam talian tentang ke manakah wang-wang dan dana itu diagihkan. Dengan cara ini pengagihan wang rangsangan dapat terus dipantau.

Akhir sekali, kesan penilaian dan kebolehan kita merancang ekonomi mestilah dilakukan dalam dua tahap. Pertama, kesan terhadap ekonomi Malaysia. Apakah peningkatan pelaburan yang dijangkakan terhadap ekonomi?. Kedua, kesan terhadap pekerjaan. Berapa banyakkah pekerjaan yang dapat diadakan dan diisi dalam tempoh dua tahun berdasarkan Bajet Mini 2009 - 2010. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ambil sebelah kanan dahulu Yang Berhormat Limbang. Ya sila.

3.32 ptg.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Rantau Panjang bersedia. Yang Berhormat Rantau Panjang selepas Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Saya selaku wakil rakyat jelata Tuanku di Limbang mengucapkan tahniah atas Titah Duli Tuanku yang sangat prihatin kepada rakyat jelata dan negara amnya. Dalam situasi kelembapan ekonomi dunia dan kekecohan politik ini saya juga ingin turut serta berbahas Titah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Walaupun dalam keadaan yang tidak menentu ini kita harus ingat bahawa tanggungjawab dan amanah dipikul di bahu ini sedikit pun tidak dikurangi malahan ianya semakin bertambah dan lebih rumit. Kelembapan ekonomi ini tidak mengira si kaya atau si miskin tetapi yang pasti impaknya akan dirasa mengikut tahap masing-masing. Kita berharap apa jua rancangan atau strategi kerajaan untuk menangani masalah ini mestilah dapat melepaskan atau sekurang-kurangnya meringankan beban semua lapisan warganegara Malaysia ini.

Saya ingin menyatakan bahawa kemudahan asas yang telah dirayu oleh rakyat selama ini tidak mengira waktu ekonomi lembap ataupun tidak mungkin di waktu senang, mewah, selesa kita terlupa untuk memenuhi rayuan-rayuan rakyat di luar bandar seperti jalan-jalan raya, bekalan air luar bandar, tambatan banjir dan sebagainya. Rayuan dan permohonan yang sama tetap dipohon dan dirayu oleh rakyat di luar bandar dan tidak timbul soal kegawatan kelembapan ekonomi. Saya berharap agar pakej rangsangan akan memberi penekanan dan rayuan rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang *delivery system* dengan izin masih banyak ruang perlu diperbaiki walaupun selama ini memang penjawat-penjawat kerajaan yang telah melaksanakan pembangunan negara ini tetapi keprihatinan, kesungguhan, kejujuran dan ketelusan adalah antara faktor utama untuk menambah baik *delivery system* dengan izin ini yang sudah sedia ada dengan *standard operation* prosedurnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan terima kasih atas usaha kerajaan untuk merapatkan jurang kemiskinan. Bermacam-macam program seperti program cari, program bantuan rumah dan sebagainya telah pun dilaksanakan. Semua usaha ini mestilah diteruskan walaupun dalam kedudukan ekonomi sekarang. Menyentuh tentang pembangunan infrastruktur pula, sebagaimana yang saya suarakan sebelum ini di Dewan yang mulia ini saya merayu kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar supaya menyenaraikan projek-projek jalan luar bandar terutamanya jalan Meritam Telahap Bung Abai dan Pengkalan dan yang kedua jalan Bukit Sagan Ulu Lubai di Limbang dalam pakej rangsangan kedua ini yang akan dibentangkan pada 10 Mac ini.

Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar saya merayu agar permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri khususnya di kawasan saya Parlimen Limbang seperti cadangan bekalan air dan bekalan elektrik di kampung-kampung sepanjang sungai dan rumah-rumah panjang di Ulu Medamit dan juga Ulu Lubai di Limbang supaya ianya juga dimasukkan dalam pakej rangsangan itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pendidikan saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya membina sebuah sekolah kebangsaan yang utama. Hal ini juga telah saya kemukakan dalam soalan lisan. Pada masa ini ada lima buah sekolah rendah di sepanjang sungai Limbang. Ianya daif, jumlah murid yang sedikit dan semasa banjir baru-baru ini tiga buah daripadanya ditenggelami air iaitu SK Lubok Tekurok, SK Tiga Kampung dan SK Telahak.

Adalah dipohon supaya kerajaan membina sebuah sekolah yang besar itu untuk mengumpulkan semua murid di sepanjang sungai ini di sekolah tersebut. Sekolah itu hendaklah dibina di sebuah lokasi di sepanjang jalan sebagai mana yang telah dicadangkan tadi iaitu Jalan Meritam hingga ke Pengkalan Rejab.

Di bidang kesihatan pula dua buah klinik telah pun diluluskan di Kampung Telahak dan Kampung Mendamit dan sehingga kini masih belum dimulakan lagi. Rakyat Limbang merayu agar kerajaan akan melaksanakannya secepat mungkin untuk meringankan beban rakyat turun ke luar bandar. Begitu juga dengan klinik asas pakar yang telah saya suarakan di Dewan yang mulia ini sekali lagi kita faham dan sedar kita kekurangan pakar untuk ditempatkan di hospital Limbang. Apa yang dirayu ialah dirikanlah sebuah klinik asas pakar berserta dengan kelengkapannya supaya doktor-doktor pakar yang melawat dapat melaksanakan rawatan di

hospital Limbang tanpa pesakit dihantar keluar dari Limbang kecuali pesakit-pesakit yang berat yang memerlukan rawatan lanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelembapan ekonomi ini pesakit-pesakit dan keluarga pengiring akan dibebankan lagi dengan kos perjalanan dan tempat tinggal di luar Limbang. Pembinaan-pembinaan ini akan menyumbang kepada penjana ekonomi semasa kelembapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pertanian dan tanaman komoditi saya memohon kepada kerajaan agar dapat membawa ke kawasan saya bantuan-bantuan pertanian sebagaimana yang telah diumumkan seperti jelapang padi dan juga tanaman komoditi seperti penanaman vanila dan gaharu untuk meluaskan skop pertanian dan menambah pendapatan penduduk di luar bandar. Saya juga mencadangkan agar FELCRA masuk ke kawasan saya untuk membuka ladang-ladang kelapa sawit kerana masih banyak lagi tanah-tanah yang terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada pasukan-pasukan keselamatan atas pengorbanan mereka selama ini dalam menjaga keamanan negara ini sehingga kita pada hari ini dapat menikmati hasil buah pengorbanan dan perjuangan mereka. Penghargaan yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kepala Batas merangkap Perdana Menteri Malaysia atas sumbangan beliau kepada negara ini selama ini. Moga-moga Allah sahaja yang akan membalasnya.

Akhir kata, saya ingin menyentuh tentang penggunaan bahasa-bahasa kesat yang kerap didengar di dalam Dewan yang mulia ini. *Unparliamentary*, caci-mencaci, bangkit-membangkit, bakar-membakar hati, tumpas-menumpaskan, aib-mengaibkan amatlah menjatuhkan martabat dan boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat negara yang tercinta ini. Sepatutnya adalah tugas bersama kita untuk menyatupadukan rakyat dan menjadikan negara ini stabil agar agenda pembangunan negara akan dapat diteruskan di bandar mahupun di luar bandar. Dengan ini saya menyokong Titah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.39 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam pembukaan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas baru-baru ini.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi global yang sedang melanda seluruh dunia hari ini membawa kesan yang sangat besar kepada keadaan ekonomi dalam negara kita. Maka seharusnya langkah yang wajar diambil oleh pihak kerajaan dengan segera untuk menangani isu yang ada di depan kita. Maka dalam menghadapi kemelut krisis kelembapan ekonomi ini,

seharusnya semua pihak mesti berkorban, mesti mengubah gaya hidup termasuk tabiat suka bermewah-mewah hendaklah diubah.

Dalam menghadapi persoalan ini, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan rizab Bank Negara Malaysia, di mana kita dapati bagaimana dalam kenyataan dalam NST pada 8 Julai 2009, menjelaskan bagaimana rizab Bank Negara dilaporkan telah merosot daripada RM410 bilion pada akhir Jun 2008 kepada RM316.8 bilion pada 31 Disember 2008 sedangkan kita lihat eksport negara kita melebihi daripada nilai import. Jadi seharusnya *reserve* negara kita seharusnya meningkat. Jadi kenapakah dalam masa enam bulan, rizab Bank Negara telah menjunam jatuh iaitu sebanyak RM9.4 bilion.

Perkara ini adalah sangat serius kerana ini adalah melibatkan amanah dan ini adalah wang rakyat. Seharusnya perkara ini diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya oleh pihak kementerian yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, di antara masalah yang kita lihat sekarang ini ialah masalah gejala sosial yang semakin meningkat. Bagaimana kita lihat statistik yang terkini yang dikeluarkan oleh pihak polis, bagaimana jenayah keganasan sedang meningkat melebihi 13.4%. Begitu juga kes rogol telah meningkat hampir 30% dan begitu juga jenayah rompakan meningkat hampir 160% dan seterusnya.

Perkara ini adalah sangat serius. Jadi dalam menangani isu ini, saya ingin penjelasan, apakah strategi yang dibuat oleh kerajaan dan saya ingin penjelasan apakah program yang dibuat oleh kerajaan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti, yang mana disentuh dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sejauh manakah keberkesanan program Islam Hadhari yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak ia dilancarkan sehingga sekarang dan saya ingin penjelasan, berapakah pencapaian yang telah dicapai. Berapa kos yang telah terlibat dan sejauh mana penekanan yang dibuat memberi hasil dalam menangani isu yang ada di depan kita.

Dalam menangani isu gejala sosial ini, tidak seharusnya kita meninggalkan di antara persoalan yang penting ialah persoalan jiwa manusia itu sendiri dan sebagai seorang Islam, maka perkara yang penting ialah tentang ibadat solat itu sendiri, yang mana kita lihat sekarang ini ibadat solat diabaikan bukan sahaja di kalangan remaja ataupun pelajar sekolah ada juga di kalangan orang yang telah dewasa. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah program yang dibuat oleh pihak kementerian terutama yang berkaitan dengan program Islam Hadhari ini menekan tentang persoalan sembahyang, yang mana sekarang ini telah diabaikan sedangkan sembahyang ini adalah tiang agama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi apakah kajian dibuat, berapa ramai di kalangan pelajar-pelajar kita di seluruh negara yang meninggalkan solat. Begitu juga yang melibatkan kakitangan awam dan seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan apa yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang mana kita melihat...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh, boleh penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf, masa terhad Yang Berhormat. Masa amat terhad.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sikit saja.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf, saya tak bagi laluan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang, sekejap saja.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf. Yang Berhormat sudah cakap banyak tadi, minta maaf.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, saya nak cakap Yang Berhormat Rantau Panjang punya ucapan bagus. Teruskan, macam itulah berbahas. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam Titah Tuanku telah menyebut bagaimana mesti ada usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Maka seharusnya perhatian yang lebih diberi terutama kepada kawasan-kawasan luar bandar termasuk kemudahan infrastruktur yang kita lihat masih belum selesai di banyak tempat di seluruh negara dan saya mengambil contoh bagaimana apa yang berlaku dalam kawasan Parlimen saya sendiri, mewakili rakyat di Rantau Panjang.

Bagaimana puluhan tahun rakyat di Rantau Panjang menghadapi masalah banjir yang setiap tahun melanda kawasan kami dan puluhan tahun balai polis tenggelam.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Setiap kali berlaku banjir, balai polis tenggelam antara tujuh hingga lapan kaki. Bagaimana tempat polis untuk...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak menyokong Yang Berhormat Rantau Panjang. Boleh pandangan sikit? Ini betul. Saya nak menyokong Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Satu minit saja.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Cuma saya minta pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang. Menteri Kewangan akan bentangkan Mini Bajet akan datang dan tadi disuarakan oleh Yang Berhormat

dari Bandar Tun Razak mengatakan, bahawa minta supaya pembangunan ditambah lagi peruntukan kepada bandar-bandar besar.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Rantau Panjang kerana di kawasan saya, kawasan lain di Sabah dan Sarawak masih lagi ketinggalan. Saya minta kalau boleh bajet akan datang ini tumpukan lebih kepada kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan Yang Berhormat Rantau Panjang. Apa pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengharapkan supaya perhatian diberi oleh kerajaan bukan sahaja di kawasan saya tetapi kepada seluruh negara. Tidak kira negeri yang diperintah oleh parti pemerintah ataupun parti pembangkang, tetapi apa yang kita sedih apabila satu kawasan itu diwakili oleh wakil rakyat yang bukan daripada BN, pembangunannya seolah-olah dianaktirikan. Sebagai bukti, sebagaimana saya pernah pergi berjumpa bagaimana dengan persoalan permasalahan saya dalam kawasan saya terutama berkaitan dengan infra yang begitu lemah, yang melibatkan peruntukan jutaan ringgit.

Seharusnya perkara ini diberi perhatian oleh kerajaan. Tambahan pula kawasan Rantau Panjang adalah kawasan bebas cukai yang sepatutnya ini menjadi satu perhatian yang serius oleh kerajaan kerana ia menjadi pintu masuk ke negara kita, tetapi pembangunannya amat ketinggalan. Sampai balai polis pun tenggelam setiap tahun tujuh lapan kaki. Klinik pun tenggelam. Macam mana dia nak menyelamatkan rakyat kalau polis sendiri pun, balai polis pun tak selamat? [*Tepuk*] Jadi saya harap supaya perkara ini diberi penekanan. Kalau sewa rumah Perdana Menteri boleh dibayar RM11,000 sehari, macam mana balai polis yang puluhan tahun dah tenggelam tujuh lapan kaki setiap tahun tidak diberi perhatian oleh pihak kerajaan, sedangkan kalau pilihan raya di Kuala Terengganu boleh dibelanjakan untuk pasukan polis sahaja kita diberi penjelasan RM15.5 juta hanya untuk Pilihan Raya Kecil di Kuala Terengganu.

Jadi saya ingin minta supaya pihak kerajaan memberi perhatian kepada semua rakyat yang memerlukan. Bukan sahaja kepada negeri yang tertentu sahaja. Begitu juga kita lihat di antara ancaman yang berlaku di bawah juga, iaitu bagaimana kita melihat ancaman banjir ini di antara yang kita tidak puas hati ialah, di manauduknya pelan strategik untuk rancangan tambakan Sungai Golok yang sekarang ini saya dimaklumkan bagaimana program ini telah dilaksanakan sejak daripada Rancangan Malaysia Yang Ketujuh dan yang Kelapan lagi tapi sehingga sekarang Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, tak ada penyelesaian sedangkan pekan di Sungai Golok, Pekan Golok di seberang sahaja tidak sampai 1km, mereka tidak terdedah dengan banjir yang begitu besar dan sebagaimana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku banjir, bukan sahaja kita kehilangan harta benda, mata pencarian rakyat pun hilang.

Saya ingin juga penjelasan pada hari ini ialah di mananya peranan JPP yang telah diwujudkan di negeri Kelantan? Saya pernah berjumpa dengan pihak JPP di Kelantan dan kita

dimaklumkan peruntukan ini hanya kepada kawasan Parlimen yang dimenangi oleh BN, untuk Parlimen Gua Musang dan Jeli. Di mana untuk kami? Di Rantau Panjang ini kita hanya ada satu PBT tapi kita ada dua Parlimen. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian yang berkaitan supaya memberi peruntukan yang lebih kepada kawasan yang kurang maju dan mempunyai dua Parlimen.

Bagaimana kita nak menangani isu ini kalau kerajaan terus melakukan sikap sedemikian kepada rakyat. Begitu juga saya ingin minta penjelasan tentang program yang dibuat oleh pihak berkuasa, ini berkaitan dengan kastam dan pencegahan penyeludupan dalam kawasan saya sendiri, yang mana kita melihat bagaimana rampasan terhadap barang-barang yang dijual oleh rakyat. Kita tahu dalam kawasan bebas cukai memang tidak dibenarkan untuk menjual barang-barang secara borong seperti gula, minyak, tepung iaitu barang-barang kawalan tetapi apa yang menjadi keluhan rakyat dalam kawasan kami ialah, barang ini dirampas di kedai-kedai yang memiliki lesen-lesen pemborong yang berada di luar pagar kawasan bebas cukai.

■1610

Jadi saya ingin pihak kementerian memberi penjelasan berapa kilometer sebenarnya, apakah syaratnya? Macam mana barang yang ada dalam kedai dirampas sedangkan belum bukti barang ini untuk diseludupkan atau tidak. Mereka beli untuk pasaran tempatan tetapi sudah dirampas. Saya mendapat aduan banyak daripada pihak rakyat yang sangat tidak berpuas hati dengan dasar yang dibuat oleh kerajaan terutama dari sudut pencegahan penyeludupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan masalah sempadan ini, minta maaf saya banyak isu tentang sempadan sebab kawasan saya adalah kawasan sempadan iaitu berkaitan dengan pencerobohan teksi yang datang daripada negara jiran ke dalam kawasan Rantau Panjang.

Bagaimana teksi daripada negara jiran ini membawa penumpang sehingga masuk dalam kawasan sempadan sedangkan dari segi undang-undang mereka seharusnya menurunkan penumpang-penumpang dan seharusnya apabila hendak hantar penumpang kepada lokasi yang jauh seperti Gua Musang, Pahang dan seterusnya seharusnya kita menggunakan kemudahan pengangkutan dalam negara kita. Akan tetapi apa yang berlaku bagaimana kita sangat tidak puas hati dan perkara ini telah disuarakan oleh Persatuan Kereta Sewa di Rantau Panjang sendiri bagaimana pendapatan mereka amat terjejas kerana banyak daripada kereta-kereta daripada negara jiran terus menghantar penumpang-penumpang terus sampai ke Gua Musang, sampai ke Kota Bharu, tanpa kawalan yang rapi.

Jadi saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian kenapa perkara ini berlaku dan bagaimana untuk mengawal perkara ini sehingga perkara ini tidak menjejaskan penduduk tempatan terutama dalam keadaan kegawatan ekonomi yang ada hari ini.

Seterusnya saya ingin penjelasan juga tentang kemudahan infrastruktur iaitu pasar baru di Rantau Panjang. Apabila pilihan raya umum yang ke-12 yang lalu diumumkan bagaimana kita

dapat mempertahankan kemenangan di negeri Kelantan, ketika itu terus kita mendapat maklumat selepas itu kemudiannya Kementerian Pelancongan telah memberitahu bagaimana projek pembangunan pasar baru di Rantau Panjang dibatalkan.

Kenapa perkara ini sedangkan pembinaan pasar ini adalah satu sumber ekonomi untuk rakyat bawahan yang sangat memerlukan. Jadi saya ingin penjelasan bilakah program ini akan disambung balik, akan diwujudkan balik dan apa pertimbangan, kenapa dibatalkan.

Saya ingin penjelasan juga iaitu tentang kemudahan perairan yang mana kita tengok parit dan saluran yang sangat daif yang menyebabkan banyak timbul masalah terutama di musim tengkujuh yang mana kita semua tahu Rantau Panjang salah satu daripada tumpuan pelancong yang saya sebagai Ahli Parlimen berasa malu apabila datang pelancong daripada luar dengan keadaan yang kurang terurus.

Apabila kita rujuk kepada pihak berkuasa tempatan mereka telah mengajukan sebab projek ini memerlukan jutaan ringgit dan apabila kita rujuk kepada JPP dan saya mendapat makluman daripada pihak berkuasa tempatan untuk tahun 2008 tidak ada sebarang peruntukan diberi melalui majlis daerah dalam kawasan kami kerana wakil rakyat tidak di kalangan BN. Jadi perkara ini adalah sangat tidak adil, apa lagi dengan peruntukan kami sebagai Ahli Parlimen pun tidak diberi, bagaimana peruntukan untuk PBT pun disekat? Di mana keadilan? Di mana keadilan untuk rakyat? Kalau selama ini dikata membela rakyat ini adalah satu pembohongan sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh bagi laluan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Seterusnya saya ingin...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bagi laluan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf masa saya sangat terhad. Tuan Yang di-Pertua saya menyentuh juga tentang kenaikan harga barang. Okey, saya bagi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kerajaan tidak memberikan wang pembangunan kepada sesuatu negeri yang ditadbir oleh parti-parti Pakatan Rakyat, adakah kalau ianya adil kalau dia tidak beri wang pembangunan, adakah adil kalau diisytiharkan negeri-negeri ini tidak perlu bayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya setuju Yang Berhormat. Kalau boleh maknanya negeri-negeri ini tidak bayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan sebab setiap sen duit itu adalah duit daripada cukai rakyat. Lebih daripada RM80 bilion setiap tahun rakyat Malaysia membayar cukai kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan kenaikan harga barang yang sangat menekan rakyat bawahan. Jadi saya ingin penjelasan apakah pelan strategi yang dibuat oleh kerajaan supaya kenaikan harga barang ini dapat dibendung supaya tidak terus menekan rakyat dalam keadaan zaman suasana kemelesetan ekonomi sekarang ini.

Saya ingin penjelasan sejauh mana kejayaan Program Bumi Hijau yang dilancarkan oleh kerajaan dan berapakah bilangan yang telah berjaya dan berapakah saluran yang telah diberi melalui peruntukan dalam setiap Parlimen di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh persoalan berkaitan dengan Program Jaringan Keselamatan Sosial yang berkaitan dengan strategi untuk menangani golongan miskin. Jadi saya ingin penjelasan dari segi bank data yang ada pada pihak kementerian, berapakah sebenarnya golongan miskin di kalangan ibu tunggal, di kalangan warga emas, anak yatim yang ada di seluruh negara dan berapakah yang telah diberi bantuan oleh kerajaan pada setakat ini?

Saya ingin penjelasan juga sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Kuantan, kenapa tandatangan Ahli Parlimen sebab saya juga mengalami isu yang sama, kenapa tandatangan Ahli Parlimen tidak diiktiraf, tidak diterima dalam kita memohon kebajikan Program Cari-cari sebagaimana yang telah diutarakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan satu lagi iaitu berkaitan dengan masalah PLKN yang mana baru-baru ini berlaku salah satu daripada rakyat Kelantan telah menghadapi satu kemalangan dalam pusat latihan di dalam sebuah kem di dalam Program Latihan Khidmat Negara. Jadi apa yang saya kesal ini ialah kenapa pemantauan tidak dibuat supaya setiap lokasi hendak dilaksanakan program ini adalah benar-benar selamat untuk pelatih. Apa yang kita dimaklumkan oleh pihak keluarga mereka bagaimana laporan yang diberi kepada pihak berkaitan PLKN ini berbeza dengan apa yang berlaku sebenarnya. Kita lihat bagaimana aduan kita dapat daripada keluarga mereka kita dapat maklumat bagaimana pelajar ini tidak dibawa kepada berjumpa dengan doktor pakar sedangkan pelajar ini pada peringkat awalnya menghadapi satu kemalangan yang agak serius selepas itu.

Jadi saya harap perkara ini adalah sangat besar dan melibatkan nyawa rakyat dan inilah menyebabkan hilang keyakinan kita sebagai ibu bapa untuk menghantar anak untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara. Jadi dengan kata itu Tuan Yang di-Pertua saya turut menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

4.18 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil peluang dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh yang pertamanya berkenaan dengan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negara kita yang ada kaitannya dengan keluhuran Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, semua orang berkata bahawa satu ketika dulu

pada abad yang ke-15, Bahasa Melayu merupakan bahasa lingua franca, bahasa perdagangan, bahasa yang dipertuturkan oleh 100 juta manusia.

Perjuangan untuk menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, sebagai bahasa rasmi negara kita, merupakan satu perjuangan yang perit yang telah mengorbankan titik peluh perjuangan yang sungguh-sungguh. Berdasarkan kepada Penyata Razak yang telah diusahakan oleh seorang Menteri Pelajaran pada waktu itu berjaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar tunggal di sekolah-sekolah menengah di Malaysia ini. Saya masih ingat bahawa Menteri Pelajaran kita pada waktu itu menerima dua biji peluru kerana berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar tunggal dan kemuncaknya dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970.

■ 1620

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar rasmi sekarang mula dipandang sepi. Kita akui bahawa bahasa Inggeris itu penting. Bahasa Inggeris itu bahasa perdagangan. Bahasa Inggeris itu bahasa global. Bahasa Inggeris itu mengangkat martabat modal insan di negara kita. Namun demikian janganlah kerana keghairahan kita untuk mengangkat martabat meletakkan keutamaan kepada bahasa Inggeris ianya akan melenyek dan merendahkan kedudukan bahasa Melayu.

Apalah gunanya kita berkata bahawa kita akan mengangkat tinggi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi apabila anak-anak kita minta jawatan, minta pekerjaan, anda gagal kerana tidak fasih berbahasa Inggeris. *[Tepuk]* Apa maknanya kita mengutamakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama, dalam mesyuarat kita bercakap dalam bahasa Inggeris. Apa maknanya kita agung-agung bahasa Melayu tetapi dalam temu ramah, perbualan dan percakapan kita bercakap dalam bahasa Inggeris. Lain di bibir, lain di hati. Itu hipokrit yang berkata demikian.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Oleh yang demikian, saya bimbang kalau ini kita amalkan satu dekad, dua dekad nanti anak-anak kita yang belajar sejarah bahasa akan berkata pada masa itu, "Oh, satu masa dahulu, ada satu bahasa, bahasa Melayu tetapi sekarang hanya tinggal nama sahaja".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Perkara ini tidak mungkin tidak berlaku kerana sejarah telah mengajar kita bahawa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...bahasa Latin, bahasa Sanskrit yang tersebar luas di Eropah, yang tersebar luas di alam Melayu pada hari ini hanya tinggal nama sahaja. Jangan lupa bahawa surat khabar jawi kita telah tinggal nyawa-nyawa ikan

sahaja. Oleh yang demikian, marilah kita kembali dengan erti kata yang sesungguhnya bahawa kita mengangkat martabat bahasa Melayu. Berilah keutamaan kepadanya dalam apa-apa keadaan, peluang dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ampang, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey. Sedikit-sedikit sahaja.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ampang minta penjelasan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak apa. Penjelasan sikit. Boleh ya?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sedikit boleh. Banyak jangan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa dasar pengajaran PPSMI juga adalah satu dasar hipokrit daripada Menteri?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya tidak kata dasar hipokrit, saya kata bahawa dalam keghairahan kita untuk meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris, bukan dengan kita memperlekehkan bahasa Melayu. Mungkin kelemahan anak-anak kita menguasai bahasa Inggeris kerana kelemahan kita dalam pengajaran subjek yang berkenaan. Kita boleh cari mungkin kaedahnya tidak kena, mungkin pendekatannya tidak kena, mungkin pedagoginya tidak kena, mungkin kita terlalu mementingkan kepada *grammarnya* menyebabkan anak-anak kita rasa takut untuk berkata dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian pada saya bahawa kita minta supaya pengajaran Sains dan Matematik itu dikembalikan kepada bahasa Melayu. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Mohon laluan. Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kulim Bandar Baharu, Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sikit. Dua penjelasan saya mohon.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Nampaknya minat juga ini.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Minat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey. Silakan.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Pertama. Terima kasih Tuan yang di-Pertua. Pertama berkaitan dengan isu PPSMI iaitu pengajaran dan pendidikan Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Setuju atau tidak Yang Berhormat bahawa dalam untuk membuktikan kononnya pengajaran dan pendidikan Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris ini berjaya Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan statistik menyatakan bahawa pencapaian atau kelulusan pelajar-pelajar cemerlang dengan penambahan sedangkan maklumat yang kita perolehi daripada mereka yang telah membuat kajian apa yang berlaku Kementerian Pelajaran telah menurunkan markah kelulusan ke tahap yang sangat minima untuk meninggikan angka lulus. Bukankah ini satu penipuan kepada rakyat. Satu. Kedua Yang Berhormat,

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ini bagi betis hendak peha ini.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu sahaja lagi *point*. Adakah Yang Berhormat masih ingat disebabkan dasar UMNO pada tahun 1960-an lah menyebabkan bahasa Melayu dalam tulisan jawi hari ini sudah hampir hapus. Adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat semua sebenarnya UMNO Johor telah pun membuat keputusan supaya pengajaran Sains dan Matematik itu kembalikan kepada bahasa Melayu. Jadi oleh yang demikian bahawa kita tidak perlu mengaku atau merasa bersalah kalau kita buat silap, kita kembalilah kepada pengajaran Sains dan Matematik. Kalau asyik hendak mencelah, tidak ruang untuk saya habiskan ucapan saya ini.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Seminit ya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tidak sampai seminit pun. Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Hulu Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kadang-kadang bila kita membahaskan masalah bahasa. Kita perjuangkan bahasa. Jangan bila kita perjuangkan bahasa kita salahkan mana-mana pihak. UMNOlah. Masalahnya kita berpolitik sepanjang masa. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat. Ini suatu keadaan yang serius. Saya tidak kira UMNO ker, PAS ker, PKR ker. Apa dan sebagainya. Kita perjuang, perjuangkan. Saya kadang-kadang merasa kecewa Yang Berhormat Hulu Terengganu. Kita berbahas, membicarakan bahasa Melayu tetapi kadang-kadang perangai kita tidak menggambarkan etika orang Melayu. Etika ketimuran. Asyik hendak mengena orang. Apa salah kita buat betul-betul.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey. Terima kasih

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Itulah saya katakan bahawa isu bahasa merentasi parti politik. Kalau pihak belah sana merasakan bahawa mereka yang memperjuangkan isu bahasa ini. Itu cuma omong-omong kosong sahaja. Mereka sebenarnya ingin mengambil kesempatan untuk meraih *mileage* politik. Itu sahaja.

Seorang Ahli: Betul-betul.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan sebuah masyarakat majmuk. Berbilang bahasa. Berbilang agama. Berbilang kaum. Berbilang-berbilang dan macam-macam lagi. Keadaan negara ini yang berbagai berbilang-berbilang kebudayaan itu kalau kita hendak bergaduh, siang malam kita boleh bergaduh. Negara yang satu bangsa sahaja pun seperti di Palestin, Hamas dengan Fatah pun bergaduh. Tetapi negara kita yang berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang macam-macam kebudayaan lagi, kita boleh hidup. Hidup dengan aman damai. Saya pergi ke kedai. Taukenya Cina, kulinya

Melayu. Mereka hidup baik. Saya pergi ke kedai, yang Melayu beli di kedai Cina, yang India beli di kedai Cina. Tidak apa-apa pun. Yang masalahnya bahawa kita orang politik yang mengapi-apikan supaya timbul rasa kebencian di antara satu sama lain. Kita cuba mengubah *status quo* yang kita terima bersama. Yang tidak patut kita minta, kita minta. Yang telah kita beri pada masa kontrak sosial dulu, yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin kita, kita ungkit dan kita bangkitkan. Bila satu kaum itu bangkit, bila kaum itu menuntut sesuatu yang bukan yang telah dipersetujui bersama, ini menimbulkan kemarahan kepada pihak yang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah bermain dengan api. Kalau terbakar sakit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor telah mengadu dia telah menerima peluru. Kata kita salah. Kata Pemuda Umno salah. Siapa yang memulakan itu? Siapa yang memulakan. Saya tidak terima peluru. Bukit Gajah pun mungkin tidak terima peluru, yang lain pun tidak terima peluru kerana ada sopan, ada nilai, ada sesuatu menyebabkan orang rasa sakit hati dan marah. Jangan bagi orang marah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebab adat Melayu. Adat Melayu ini, hendak beritahu sedikit. Adat Melayu ini, kerja sendiri dikelek..

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan dahulu ayat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ..kerja Sultan dijunjung. Jangan timbulkan perkara-perkara sensitif yang menyakitkan hati pihak yang satu lagi. Sebab itulah saya katakan jangan bermain api.

■1630

Jangan roboh sosial kontrak yang telah kita persetujui selama ini. Memanglah, memang semua pihak, memang semua kaum ada merasakan yang tidak sesuai dengan cita rasanya, tetapi ambillah itu sebagai satu tolak ansur yang kita akui bersama.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Masa mungkin begitu, nantilah kalau ada ruang saya akan bagi ada sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Isu peluru, isu peluru.

Tuan haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah saya pun bukan setuju hantar peluru itu. Saya sudah kata bahawa jangan salah orang lain kalau kita berkelakuan demikian orang hantar peluru kepada kita. Tengok diri kita...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini bahaya Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Laluan.

Tuan haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tengok diri kita apa yang kita buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biarkan dia berucap Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sekolah menjadi [*Bercakap tidak menggunakan pembesar suara*]

Tuan haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Provokasi boleh ganas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada provokasi pun di sana Yang Berhormat, tidak ada.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebab itu saya kata bahawa jangan asyik salahkan orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak menyokong Yang Berhormat, dia kata dia tidak setuju Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Inilah orangnya memberi gambaran, beliau bersetuju... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan teruskan Yang Berhormat Terengganu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sepatutlah minta polis menyiasat, bukan kata siapa mula [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat Hulu Terengganu teruskan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bila saya kata saya bersetuju? Saya tidak setuju, tetapi jangan cari pasal. Itu saja. Itu saja. [*Tepuk*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Yang kedua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan kemelut, kemelut politik di Perak. Saya tidak tahulah bagaimana pemikiran rakan-rakan sebelah sana. Di antara peletakan jawatan yang diberikan oleh Speaker dengan yang empunya diri, percaya dengan apa yang diberikan oleh Speaker. Apa pemikiran dia kata saya letak jawatan tetapi saya kata tidak, dia kata yang mengatakan itu yang dipercayainya. Macam mana pemikiran semacam ini? Oleh yang demikian, sepatutnya itulah saya kata, kalau baru jadi Menteri Besar bacalah peraturan, jangan siang-siang belum apa-apa

sudah isytiharkan pembubaran Parlimen. Itu hak siapa? Pembubaran Dewan Undangan Negeri itu hak siapa? Hak Menteri Besar kah atau hak Sultan? Belum menghadap Sultan telah isytiharkan pembubaran. Ini seolah-olah memperkecilkan kuasa Sultan. Bila kita kata...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Mohon penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Cukuplah sajalah. Nanti-nanti sudah dua kali bagi itu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak bagi.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebab itulah...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Hulu Terengganu, pernah tidak baca buku tulisan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Hulu Terengganu pernah baca tulisan *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak berbangkitlah Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Duduklah Yang Berhormat. Hormatlah saya tidak pernah ganggu Yang Berhormat bercakap.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ini siapa punya *flow* ?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bagi lah laluan. Kita bukan ganggu, minta penjelasan ini Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Luar Parlimen tidak boleh bercakap, dalam Parlimen tidak boleh bercakap.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tadi, sahabat Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baru selepas ini Yang Berhormat boleh berucap Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Hulu Terengganu buat kenyataan yang salah. Saya hendak perbetulkan.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Perbetulkan sendirilah, untuk diri sendiri.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak bagi tahu ke bawah Duli *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini Yang Berhormat, tidak boleh. Selepas ini Yang Berhormat boleh berucap, saya jemput Yang Berhormat berucap selepas ini.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Apa kacau laluan orang?

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, belum apa-apa sudah hendak kata bubar Dewan, selepas itu Sultan tidak bersetuju Dewan dibubarkan kenapa tidak panggil Dewan... Tengok undi dalam Dewan Undangan Negeri. Siapa ramai? Siapa sokong? Siapa tidak sokong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Hulu Terengganu cukuplah Yang Berhormat perkara ini. Perkara ini dalam mahkamah tidak payah lanjut lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu juga berkenaan, saya tengok, saya lihat dalam kamus Dewan. Apa makna 'derhaka'? Saya akui derhaka maknanya tidak taat. Derhaka maknanya tidak taat. Dalam konteks ini Yang Berhormat Kubang Kerian pernah mengatakan bahawa zaman Sultan Melaka dahulu memang Mamanda Bendahara mengatakan bahawa, "Ampun Tuanku, sembah patik harap diampun, sembah derhaka, mengatakan bahawa Tun Tuah tidak dibunuh". Ini merupakan khabar gembira kepada Sultan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Akan tetapi pada hari ini bukan khabar gembira kalaulah Bendahara mengungkap kata-kata sebelum Hang Jebat mengamuk mungkin ke mana perginya Hang Tuah...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat ya, sebentar.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...dibuang negeri, ataupun mungkin dihukum bunuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebab itulah keadaan yang berbeza.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat duduklah.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bendahara menyembah derhaka untuk memberitahu khabar gembira, bukan sebagaimana di Perak memberi khabar buruk yang tidak taat kepada perintah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan, Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tidak payah duduklah.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya risau sekarang ini Tuan Yang di-Pertua. Sekarang budaya songsang telah mengalir di negara kita. Udara songsang telah mengalir dan merebak di budaya kita. Saya sebut seorang suspek penjenayah yang mati dilokap telah disambut, diangkat, dijunjung sebagai hero diarak dan dikhabarkan pula ada kerajaan negeri yang sanggup membiayai kos pengebumiannya. Apa budaya yang kita buat ini? Apa budaya yang ditanamkan kepada anak-anak kita? Suspek penjenayah dianggap...

Seorang Ahli: Tidak payah ganggulah, dia tidak bagi jalan.

Seorang Ahli: Jadi hero, jadi hero.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...dianggap sebagai hero, diarak, ditabur bunga. Akan tetapi anggota polis yang bertungkus lumus, berjemur panas menjaga kita ada pula yang mati koma dua bulan yang sakit, tetapi tidak dipedulikan. Yang baik dipandang sepi tidak di peduli. Akan tetapi yang sebaliknya dianggap hero dijunjung tinggi, punah budaya kita Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...jugalah demikian satu hal lagi yang telah kita dengar yang telah kita lihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa bangun lagi Yang Berhormat

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bahawa, tidak payahlah, masa sudah tidak ada sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Demikian jugalah dengan pemberian...

Seorang Ahli: 140

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...140 ekor lembu dari sebuah kerajaan ke satu negeri yang lain. Berapa? [*Bertanya Ahli Yang Berhormat yang lain*] Betul?

Seorang Ahli: Betul, betul.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Angka itu saya tidak beberapa hendak ingat, tetapi yang kita tahunya bahawa anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh kata 46 Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 46.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: 46, okey saya terima. Saya tarik balik yang tadi kita ambil Yang Berhormat Seputeh. Akan tetapi dari sebuah kerajaan kepada tempat yang lain. Kepada kawasan pilihan rayanya pula. Kenapa kawasan Parlimennya? Kenapa tidak ke tempat lain? Apakah Yang Berhormat-Yang Berhormat PR tidak rasa *jelous* kah? Beri kepada kawasannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagilah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebab itulah saya katakan bahawa pemberian itu dianggap sebagai sedekah amal jariah perkara yang baik.

■1640

Demikian jugalah Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu juga di negeri Perak, habuan seks pun telah dianggap sebagai amal jariah. Budaya apakah kita ini, budaya apakah yang kita hendak bawa kepada masyarakat kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Pening saya, keliru saya. Lebih keliru lagi masyarakat kalau inilah yang kita amalkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Duduk, duduk Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan yang mana Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sebab dia macam tiada apa-apa yang hendak ucap, pergi campur tangan dalam...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Sudah habis kah? Yang Berhormat, ucapan seseorang...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...36(12), mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada pelanggaran Yang Berhormat. Itu ucapan dia, tiada pelanggaran. Duduklah ya. Sudah habis Yang Berhormat? *[Disampuk]* Yang Berhormat Seputeh hendak berucap?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Boleh saya sambung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis, duduklah. Saya jemput Yang Berhormat Ampang. *[Disampuk]* Tidak mengapalah, saya sudah jemput Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kasi laluan dahulu kepada Yang Berhormat Beruas, cakap dahulu Yang Berhormat Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mana boleh, saya jemput Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Celah, dia hendak celah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena *start*.

4.41 ptg.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Let me start first.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga di atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu Sultan Mizan mencemar Duli bagi merasmikan Mesyuarat Penggal Kedua Parlimen Ke-12 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang ucapan Titah Baginda, saya ingin menyentuh tentang kes Bukit Antarabangsa yang mana berada di dalam kawasan Ampang. Tragedi tanah runtuh di kawasan Bukit Antarabangsa, Ampang amat mengejutkan. Ternyata kerajaan masih belum belajar dari kesilapan dan peringatan akibat tragedi yang sama berlaku pada 1993.

Sekali lagi kegagalan kerajaan meletakkan kepentingan rakyat di hadapan terbukti apabila walaupun selepas tragedi tersebut berlaku, pembangunan lereng-lereng bukit kian rancak berjalan. Cadangan-cadangan pembinaan dan pembangunan rumah-rumah mewah terus diluluskan atas pertimbangan dangkal. Laporan dan pelan tindakan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim, hanya tinggal laporan dan cadangan yang tidak terlaksana.

Ternyata Kerajaan BN Selangor dahulu banyak membuat keputusan tanpa berfikir panjang. Kini rakyat Selangor menanggung masalah daripada kecuaiannya kerajaan dahulu. Suka saya nyatakan bahawa sehingga ini masih berjalan projek yang diluluskan oleh BN termasuklah di kawasan lereng berkecerunan tinggi dan dikelaskan sebagai kelas tiga dan empat. Atas keprihatinan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor, projek-projek ini kini dikawal rapi dan dipantau sentiasa. Saya percaya bahawa terdapat jawapan yang lebih konkrit di sebaik alasan takdir dan bencana alam yang dicanangkan setiap kali berlakunya musibah seperti ini.

Akan tetapi yang sangat mengecewakan adalah tindakan mempolitikkan jabatan dan agensi kerajaan dalam isu yang melibatkan keselamatan serta nyawa penduduk. Rakyat tertanya-tanya apakah yang cuba diselindung oleh Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila dihalang menyerahkan laporan penuh tragedi tersebut kepada Kerajaan Negeri Selangor. Adakah kepentingan politik melangkaui nilai nyawa rakyat di Bukit Antarabangsa. Begitu juga soal peta risiko kawasan bencana. Adakah pihak kita mempunyai peta sedemikian dan sekiranya ada, ianya perlu dibawa ke pengetahuan semua pihak termasuk kerajaan negeri agar dapat diteliti dan tindakan yang perlu boleh dilaksanakan sebelum terlewat.

Tindakan bijak menghalang pembangunan lereng bukit kelas tiga dan empat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ternyata merupakan langkah menunjukkan keprihatinan Pakatan Rakyat dalam isu alam sekitar yang turut berfungsi sebagai langkah penjagaan awal walaupun tindakan ini dianggap sesetengah pihak sebagai tidak popular di kalangan pemaju-pemaju perumahan. Di antara langkah-langkah bijak yang telah diambil oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor adalah isu pendapatan peneroka bandar Kampung Berembang.

Semalam Yang Berhormat Titiwangsa menyebut di wilayah banyak kes peneroka bandar yang mana mereka dianiayai dan tidak diberikan pendapatan yang sempurna, pendapatan yang harus mereka dapat di tempat yang mereka majukan. Akan tetapi dalam kes Kampung Berembang, Kerajaan Pakatan Rakyat berjaya bertindak di atas kecuaiian penyelewengan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu di Selangor yang mana 110 unit rumah, unit pangsa untuk penduduk Kampung Berembang telah diambil oleh wakil rakyat untuk diberikan kepada kroni-kroni mereka.

Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor membeli balik rumah ini dan memulangkan kepada peneroka-peneroka bandar itu. Inilah bijak dan ini di antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor dan Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara najis-najis yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional kepada Kerajaan Negeri Selangor yang ada sekarang.

Saya juga ingin mengambil perhatian di sini agar Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memainkan peranan yang lebih aktif dan pendekatan yang lebih inovatif dalam pembangunan luar bandar. Keseimbangan pembangunan fizikal dan ekonomi di kawasan luar bandar yang stabil dapat mengurangkan migrasi anak-anak muda khususnya berhijrah ke bandar-bandar besar bagi mendapatkan pekerjaan. Kementerian perlu memikirkan cara bagaimana untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan masuk ke kawasan yang selama ini diklasifikasikan sebagai kawasan luar bandar. Industri-industri kecil dan sederhana serta industri desa yang sudah bertapak lama perlu dibimbing dengan teliti dan khusus sehingga mencapai kepada tahap yang bakal dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

Kemudahan awam dan perkhidmatan perbandaran yang setara dengan bandar-bandar besar juga merupakan aspek yang perlu diambil kira dan diintegrasikan agar harmoni dengan suasana sekelilingnya. Saya yakin dan percaya sekiranya tumpuan seimbang dihalakan terhadap pembangunan luar bandar, maka migrasi ke kawasan bandar boleh dikurangkan. Apabila ini berlaku, maka soal kepadatan penduduk, segala jenis pencemaran dan pembangunan tidak terkawal dapat di atasi secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kes guru sandaran yang tidak terlatih yang mana telah berlaku diskriminasi gender. Adalah amat malang setelah ucapan demi ucapan dan perdebatan demi perdebatan yang berlaku sepanjang sesi persidangan Dewan yang lepas mengenai isu ini langsung tidak meleraikan belunggu diskriminasi gender dalam erti kata yang sebenar.

Saya hendak merujuk kepada kes wanita dan ibu yang hamil iaitu Puan Nor Fadhilah Ahmad Saikin yang telah memohon dan ditawarkan sebagai guru sandaran, selepas menghadiri temu duga berkenaan dan beliau hadir untuk penempatan, pegawai PPD Hulu Langat mengatakan bahawa permohonan beliau ditolak kerana beliau hamil. Tiada alasan yang logik dikemukakan dan tidak pula tercatat di mana-mana dokumen permohonan tentang syarat bahawa pemohon hamil tidak dibenarkan memohon.

Perkara seumpama ini amat mengecewakan dan seharusnya tidak lagi berlaku kerana Malaysia telah menandatangani "SIDO" Apakah komitmen kerajaan hanya setakat menandatangani helaian kertas atau ini dalam perkara 11 dalam konvensyen tersebut menuntut setiap negara agar mengambil sebarang langkah perlu ke arah menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita dalam bidang pekerjaan.

Sudah sampai masanya kerajaan merakamkan secara formal dalam dokumen-dokumen yang berkaitan pengurusan dan permohonan pekerjaan agar orientasi gender dimaklumi dan dilaksanakan dengan baik khususnya oleh semua kakitangan kerajaan. Ini penting bagi memastikan tidak langsung berada sebarang diskriminasi gender dan agar ketidakadilan hak asasi sejagat terlaksana. Saya menggesa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar menuntut satu peruntukan khas agar wanita yang mengandung tidak didiskriminasikan waktu mereka memohon sesuatu pekerjaan. Tambahan pula Perlembagaan mengenai pemberian hak kepada warganegara tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, tempat lahir atau gender, Perlembagaan Malaysia perkara 8(2) yang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini juga dilihat hanya berupa tulisan-tulisan di atas kertas yang tidak memberi sebarang perlindungan yang bermakna kepada rakyat yang benar-benar memerlukannya.

Mengapa ketidakadilan dan kecuaiian seperti ini sentiasa berulang dalam pentadbiran Kerajaan BN. Natijahnya hak wanita untuk terbela pada setiap ketika, tempat, masa dan keadaan amatlah dipersoalkan. Apakah wanita Malaysia sekarang ini sentiasa boleh mengharapkan Kerajaan Malaysia untuk memelihara dengan baik dan berikan hak mereka yang termaktub

dalam Perlembagaan dan undang-undang serta konvensyen antarabangsa. Oleh itu sekali lagi saya menuntut setegasnya agar pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini sedar dan serius sepenuhnya dalam melaksanakan hak kepada wanita Malaysia yang memerlukan.

Isu yang kedua yang membabitkan juga wanita adalah kemelut politik di Malaysia yang menyaksikan politik durjana atau *gutter politic* dengan izin, digunakan sewenang-wenangnya oleh mereka yang meminggirkan neraca nilai dan prinsip-prinsip yang luhur dan adil sebagai asas berpolitik. Politik durjana bertujuan untuk mengugut kehancuran atau memusnahkan sama sekali karier politik individu yang dianggap sebagai musuh. Ia digunakan juga untuk merosakkan imej parti lawan.

Di antara ciri politik durjana ialah menyingkap hal-hal peribadi orang lain tanpa kebenaran dan menghebahkannya kepada khalayak, merakam gambar dan video peribadi yang boleh mengaibkan seseorang dan mengedarkannya tanpa izin telah menjadi satu tren yang membimbangkan dan boleh menjadi budaya yang tidak terkawal sekiranya tidak dicantas dari sekarang. Oleh itu, dicadangkan...

■1650

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Mencelah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Oleh itu, dicadangkan agar dengan izin *privacy law* diwujudkan di Malaysia agar politik durjana tidak berleluasa.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Celah Yang Berhormat, nak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Politik durjana ini adalah hina oleh setiap agama dan setiap sistem nilai. *Privacy law* adalah sebagai melindungi dan menjamin hak peribadi rakyat untuk menikmati kebebasan tanpa sebarang pencerobohan atau pencabulan hak-hak peribadi dalam ruang lingkup tempat kediaman mereka masing-masing. Denda yang dikenakan hendaklah satu hukuman yang berat yang menjadi dengan izin *effective preventive measure* yang berkesan. Sekiranya kita dapat menggubal, melaksanakan *privacy law*, saya rasa ramai rakan-rakan sebelah sana, Yang Berhormat di sebelah sana manfaat daripada *privacy law* ini walaupun mereka harus menjawab di akhirat kemudian nanti.

Satu lagi isu yang berkaitan dengan wanita ialah bilakah agaknya akta gangguan seksual sebagai langkah perlindungan kepada rakyat khususnya wanita yang telah diuar-uarkan sekian lama oleh kerajaan sejak tahun 2005 akan diwujudkan. Dalam akhbar Metro bertarikh 23 Februari, sekali lagi Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggembar-gemburkan mewujudkan akta tersebut. Terlalu banyak gembar-gembur tetapi tidak ada hasil yang jelas dan konkrit daripada kerajaan. Bilakah kementerian yang sebenarnya yang diamankan untuk mewujudkan akta gangguan seksual ini akan berhasil mewujudkannya dengan segera. Jadi inilah perkara-perkara yang menjadi kecuaihan daripada pihak Kementerian Wanita sendiri.

Dasar Wanita Negara Tuan Yang di-Pertua. Dasar Wanita Negara telah dikaji semula lebih dua tahun yang lalu. Sehingga kini belum ada apa-apa maklumat tentang hasil kajian semula tersebut. Apakah keperluan ia dikaji semula? Siapakah yang telah diamanahkan untuk mengkajinya semula? Berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk mengkaji semula? Bilakah ia akan diumumkan? Begitu juga kajian semula mengenai dasar 30% perwakilan yang sering disebut-sebut akan dihebahkan pada akhir tahun 2008 lalu tetapi belum berlaku. Bilakah ia akan dihebahkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

Undang-undang syariah, wanita Malaysia khususnya Muslim telah lama menunggu agar diselaraskan undang-undang syariah di negara ini. Perkara tersebut akan memastikan bahawa wanita Muslim diberi sebaik keadilan khususnya dalam penguatkuasaan undang-undang. Ini kerana ketika ini penguat kuasa undang-undang syariah mendapati kekurangan dan kesukaran untuk menguatkuasakan keputusan-keputusan mahkamah; khususnya kepada para suami dan bekas suami yang telah berpindah sama ada secara sengaja ataupun tidak ke negeri-negeri lain. Bilakah penasihat undang-undang syariah ini akan dilaksanakan agar ia memberikan keadilan kepada rakyat Malaysia khususnya wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu masyarakat Rohingya yang berada di kawasan saya. Pendatang Rohingya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, di Parlimen Ampang menyaksikan bilangan tertinggi komuniti pelarian pendatang dari Rohingya, Burma. Pelarian Rohingya ini telah diterima masuk oleh kerajaan Malaysia tanpa pengawasan dan bantuan yang sewajarnya. Mereka tiada identiti di negara sendiri dan telah tidak dibantu sebaiknya di Malaysia. Anak-anak mereka tidak bersekolah dan ibu bapa mereka tidak dibenarkan bekerja bagi menyara kehidupan mereka dan keluarga.

Kerajaan Malaysia adalah penandatangan CRC, *The Community of the Rights of the Child* dengan izin yang menghendaki antara lain hak anak-anak untuk bersekolah dipenuhi. Status demikian telah menimbulkan pelbagai masalah sosial yang mengesani kehidupan rakyat Ampang dan juga di kalangan pendatang Rohingya itu sendiri. Pada tahun 2006, Kerajaan Malaysia telah meluluskan IM13 yang membenarkan pendatang Rohingya bekerja tetapi kelulusan itu telah ditarik balik kerana sebab-sebab kelemahan pengurusan. Dalam proses kelulusan itu, Kerajaan Malaysia telah memungut daripada 5,000 pendatang Rohingya, sebanyak RM90 seorang, jumlahnya RM450,000.

Apakah dengan izin *u-turn* tanpa penyelesaian terhadap isu berkaitan IM13 itu akan dibiarkan begitu biasa dan jelas menganiayai pendatang Rohingya ini. Mereka adalah manusia seperti kita semua juga yang meminta sedikit perhatian mengenai kemelut kehidupan yang sedang mereka hadapi Tuan Yang di-Pertua. Jadi adalah dipohon agar Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri dan kementerian-kementerian yang berkaitan mengkaji semula penarikan permit bekerja kepada pendatang Rohingya.

Pengurusan dan kawalan yang baik terhadap komuniti Rohingya ini boleh memanfaatkan tenaga-tenaga mahir dari kalangan mereka untuk kebaikan umum rakyat Malaysia juga. Mereka boleh diselia untuk memberi sumbangan yang pelbagai dalam bidang-bidang yang pelbagai. Dengan peraturan dan seliaan yang jelas, kawalan yang mudah dan baik boleh dilakukan kepada komuniti ini, kerana ketika ini mereka amat berkecimpung dengan kerja-kerja yang dinamakan 3D iaitu kerja-kerja yang *difficult*, *dangerous* dan *dirty*. Jadi itulah yang harus kita menangani dan membantu mereka seketika mereka berada di Malaysia.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah sistem pemberian dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Yang Berhormat Hulu Terengganu tadi beria-ia mengatakan bahawa kalau sekiranya pihak kementerian telah tersilap, tarik balik. Akan tetapi saya harap saranan Yang Berhormat Hulu Terengganu itu disokong juga oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional di sebelah sana. Sistem pendidikan Malaysia sebenarnya mengalami satu krisis merugikan masa depan negara. Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sebenarnya telah mengalami kegagalan kerana tahap keupayaan pengajaran yang diperlukan tidak dicapai.

Malah beberapa pihak termasuk para pengkaji bahasa dan aktivis pendidikan yang membuat kajian mendakwa gred pemarkahan dalam peperiksaan peringkat kebangsaan sengaja diturunkan bagi menutup kelemahan sistem ini. Pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran masih berada dalam belunggu yang menafikan kenyataan sedemikian dan mengambil tindakan pembaikan dengan izin *corrective action*. Sistem pendidikan Jepun yang di implikasi semenjak zaman pemerintahan Meiji iaitu Misi Iwakura patut dijadikan contoh.

Para pelajar cemerlang dari negara tersebut dihantar ke luar negara bagi mendalami teknologi, kepakaran dan sains sosial. Kemudian apabila pulang ke negara mereka, mereka telah bertindak sebagai tenaga pengajar dan memindahkan segala maklumat dan ilmu dan kepakaran mereka kepada pelajar lain dengan menggunakan bahasa ibunda mereka. Bukti bahawa ianya berjaya menjadikan Jepun sebuah negara maju dan memiliki teknologi dan canggih tidak dapat disangkal.

Ia juga membuktikan bahawa penekanan kepada soal bahasa dalam pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa selain bahasa ibunda bukanlah menjadi satu keperluan. Dengan itu, bilakah tindakan pembaikan yang wajar dengan mengembalikan pengajaran Sains dan Matematik itu dilaksanakan kembali dalam bahasa Melayu. Saya tidak faham mengapakah pihak kerajaan seolah-olah enggan mengakui hakikat bahawa sememangnya dasar ini telah gagal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Matematik, satu campur satu jawabnya dua, *one plus one* jawabnya dua juga [*Mengira dalam bahasa Tamil*][*Mengira dalam bahasa Cina*] jadi bukan masalah bahasa, itu pembelajaran teknikal. Jadi harus ditambahkan masa pembelajaran bahasa Inggeris, bukan dialihkan bahasa mata pelajaran Matematik ataupun Sains.

Saya cuma ingin membangkitkan di sini bahawa satu ketika Timbalan Perdana Menteri pernah menggembar-gemburkan konsep global dalam satu persidangan UMNO. Kononnya bermentaliti global dan tindakan *local* tetapi tidak ada satu pelan tindakan susulan yang mana boleh menyampaikan matlamat konsep global itu. Setakat cakap global-global, tetapi kenapa waktu beliau menjadi Menteri Pelajaran tidak pernah memikirkan tentang Misi Iwakura. Malaysia ketika itu ada melaksanakan atau satu program ataupun satu konsep yang mengarah ke timur. Ketika itu kita mengambil Jepun sebagai negara contoh untuk Malaysia.

Jadi kita juga difahamkan bahawa dalam PC atau satu *statement*, A. Samad Said, Sasterawan Negara juga rela gelaran beliau ditarik balik kerana memperjuangkan bahasa Melayu untuk dijalankan kepada mata pelajaran Sains dan Matematik. Sekarang beliau tidak mahu dipanggil Sasterawan Negara, beliau juga mahu dipanggil sasterawan rakyat, begitu juga dengan konsep ketuanan rakyat yang telah dibawa oleh Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang isu Perak dan mungkin saya boleh kasi Yang Berhormat Beruas untuk memberi laluan sedikit sebelum saya sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, tak apa. Saya nak sentuh tentang ICCPR iaitu *International Covenant on Civil and Political Rights* adalah protokol yang telah ditandatangani dan diperakui oleh kebanyakan negara-negara dunia sejak ianya dikemukakan pada 1966, tetapi sehingga ke hari ini Kerajaan Malaysia masih tidak berbuat demikian. Malah saranan yang dibuat oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia agar kerajaan memperakui ICCPR seperti mencurahkan air ke daun keladi.

Kami merasa hairan mengapa ini berlaku dan makin menguatkan andaian bahawa pihak kerajaan masih belum berani membuka ruang demokrasi seluasnya dan memberikan hak memilih dalam berpolitik kepada rakyat. Saya masih merasakan bahawa cara terbaik bagi menyelesaikan permasalahan di Perak dan di beberapa negeri seperti Kedah dan Selangor ialah dengan menyerahkan kembali kepada majoriti pilihan raya, pilihan rakyat.

■1700

Saya percaya bahawa ini merupakan pilihan yang paling baik dan tidak akan dipertikaikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh lagi satu isu mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu mengenai Gacos iaitu *Gated* dan *Guarded Community*, dengan izin. Komuniti berpagar dan berkawal telah menjadi satu *trend* dalam kehidupan sesetengah masyarakat terutamanya di kawasan bandar. Secara umumnya komuniti ini terdiri daripada kalangan keluarga yang menitikberatkan soal keselamatan, keselesaan, kualiti persekitaran yang baik. Suasana kejiranan ini adalah dilindungi tembok berpagar. Kemudahan seperti rumah kelab dan sistem kawalan keselamatan yang khas. Pengurusan komuniti sebegini

ini biasanya dijalankan dengan cara *privitization* keseluruhan kawasan tersebut yang membenarkan penduduk sahaja menggunakan segala kemudahan di sekitar lingkungan itu. Akta Hak Milik Strata 1995 yang dipinda menetapkan asas Gacos ini, adalah tertakluk kepada persetujuan antara pemaju dan pembeli mengenai hak serta tanggungjawab pengurusan dan kegunaan kawasan tersebut. Permasalahan timbul apabila persetujuan tersebut atau digelar dengan izin *deeds of mutual governance* adalah tidak terpakai kepada dengan izin *subpurchaser* atau pembeli kedua kecuali dipersetujui pembeli kedua.

Jadi kini garis panduan yang diterima pakai di Selangor antara lain adalah apabila pihak pemaju mahu pihak berkuasa tempatan memberi sebarang perkhidmatan di kawasan Gacos maka satu dokumen persetujuan antara keduanya hendaklah dimeterai dengan memasukkan terma bon sekuriti. Tambahan pula, pembeli di kawasan tanah Gacos perlu membayar harga yang lebih tinggi bagi khidmat pengurusan, keselamatan dengan izin, *sinking fund*, bayaran api dan air serta lain-lain kerana kesemua kos pengurusan dalam lingkungan Gacos adalah ditanggung oleh mereka sendiri di sebalik cukai pintu yang dibayar kepada PBT. Terdapat beberapa ruang dalam akta ini yang perlu ditambah baik dan perlu diperbaiki demi mengatasi beberapa permasalahan yang timbul.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [*Bangun*]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Perlu dipastikan agar konsep ini dipanjangkan kepada..

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta izin.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Dengan izin *subpurchaser*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ini adalah kritikal bagi memastikan mereka turut mengetahui akan hak serta tanggungjawab mereka. Perlu juga diperuntukkan agar aspek keselamatan tidak dikompromi walaupun Gacos meletakkan keselesaan dan privasi sebagai keutamaan...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [*Bangun*]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Namun pihak polis dan lain-lain haruslah tidak dihalang dan sebaliknya dipermudahkan urusan mereka.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya hendak sokong.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhiri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Ketawa]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ... perbincangan ini dengan harapan Dewan yang mulia ini memberi penumpuan serius kepada harapan dan perubahan yang dilaungkan rakyat melalui ulasan dan perbincangan saya sendiri sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sibuti.

5.03 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana mengambil berat tentang pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak. Saya hanya akan menyentuh negeri Sarawak. Negeri Sarawak telah pun membangun dengan pesat atas kerjasama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Kerajaan Pusat.

Ketua Menteri Sarawak telah pun bekerja bertungkus lumus bersama-sama Perdana Menteri yang kedua, ketiga dan keempat dan seterusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Dengan adanya kerjasama gandingan bahu inilah maka, negeri Sarawak yang besar tidak kurangnya dengan sebesar semenanjung ini telah pun membangun walaupun demikian, oleh kerana negeri itu besar di mana bukit-bukau, gunung-ganang, lembah, pantai dan sungai yang besar maka banyak pembangunan masih lagi belum dimajukan. Dengan itu, kita sebagai wakil rakyat dari kawasan Sarawak sentiasa selalu merayu, memohon kepada Kerajaan Pusat bahawa, berilah perhatian kepada kami di kawasan-kawasan luar bandar.

Oleh yang demikian, sebab itulah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita sangat sanjung tinggi dan bersyukur kepada Allah s.w.t. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana setelah saya berjumpa dengannya untuk memohon sebuah balai bomba yang telah dijanjikan di kawasan saya Sibuti telah pun dilulus olehnya dan dilulus juga oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan. Balai Bomba di kawasan Niah Sibuti. Dengan ada balai bomba ini nanti membantu dengan kerap kalinya di kawasan saya di mana rumah panjang dan rumah-rumah selalu hangus yang selalu mendapat kesulitan memanggil bomba yang begitu jauh daripada bandar Miri.

Kawasan saya dahulu adalah daripada Parlimen Miri dan sekarang setengah daripada kawasan saya adalah digelar Sibuti, adalah di luar bandar, di mana banyak prasarana, jalan

raya, kemudahan asas, api air belum sampai lagi. Dengan itu kita juga bersyukur kepada Allah dengan adanya banjir melanda kawasan saya yang baru-baru ini, di mana banjir itu sampai ke bumbung rumah menelankan semua bandar-bandar dalam rumah menjadi rosak dan begitu juga ternakan-ternakan, tanaman-tanaman yang rosak teruk. Rumah-rumah dihanyutkan. Dengan izin Allah, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri turun padang dan menghulurkan wang ihsan kepada mereka-mereka yang terlibat dalam banjir itu. Begitu juga di kawasan bandar Miri di bawah Parlimen Miri 219, tanah runtuh, jalan raya putus, maka di bandar Miri ada kematian, dua orang mati dan lapan buah rumah ranap. Dengan izin Allah juga Timbalan Perdana Menteri turun, turun padang sendiri untuk menyampaikan wang ihsan kepada mereka.

Inilah perhatian, keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya dan Menteri-menteri kabinet. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi kerana telah meluluskan sebuah pusat Giat-MARA di kawasan saya, yang akan dibina tidak lama lagi. Ini akan dapat menolong belia-belie yang masih suka berfoya-foya yang tidak ada tentu pekerjaan dan juga untuk mereka memajukan masa hadapan mereka dengan adanya belajar dan pelatih di pusat Giat-MARA nanti. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa, seperti yang saya katakan tadi kami di kawasan luar bandar masih memerlukan klinik di kawasan Sepupok, Niah, Sibuti di mana tidak kurang daripada 30,000 orang rakyat yang memerlukan klinik ini kerana klinik yang ada sekarang adalah jauh daripada kawasan Sepupok, Niah.

■1710

Begitu juga balai bomba yang diluluskan tadi kita harap ia dapat dibina dengan masa yang singkat agar apa-apa juga berlaku di kawasan luar bandar itu dapat dibantu dengan secepatnya. Pernah dahulu dalam ucapan pada penggal pertama, saya memohon agar di kawasan saya ada peronda khas menggunakan helikopter. Nampaknya oleh kerana tidak ada peruntukan maka tidak dapat dijalankan di mana kawasan saya di Sibuti memerlukan balai polis di persimpangan Bekenu untuk menjaga rakyat di rumah panjang di kawasan pedalaman, di kampung-kampung dan di kedai-kedai yang berdekatan sebab balai polis yang ada sekarang lebih kurang 40km dari kawasan yang saya sebutkan itu.

Pada masa ini kita mengalami ekonomi yang malap, yang sangat-sangat kita telah dengar bahawa banyak pekerja-pekerja diberhentikan kerja dan pelbagai lagi masalah akan dihadapi. Dengan itu, saya bercadang di Dewan yang mulia ini apalah kiranya pihak Kementerian Kewangan atau pun Menteri yang berkenaan bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia menjemput dan membawa balik mana-mana orang-orang Malaysia yang mempunyai wang berjuta-juta di luar negara. Bawalah balik ke sini dan janganlah diberi percukaian terlalu tinggi untuk mereka membawa balik, untuk membantu pembangunan kita di sini. Kalau

pembangunan kita berterusan, maka tidaklah banyak orang-orang atau pun pekerja-pekerja diberhentikan kerja.

Oleh itu, saya mengharapkan pihak kementerian dan Bank Negara ini mengambil iktibar agar wang-wang ini diguna dengan sebetul-betulnya, saluran yang betul agar rakyat kita mendapat manfaat dengan senang dan selesa. Begitu juga dengan pekerja-pekerja baik pegawai kerajaan, baik syarikat-syarikat diturunkan cukai pendapatan. Dengan menurunkan cukai pendapatan ini, dapatlah kita berlebih dan menjimatkan sedikit perbelanjaan kita daripada membayar sedangkan kerajaan kita kalau boleh jangan ada program-program makan besar yang membelanjakan banyak wang. Berilah sedikit kemudahan kepada pegawai-pegawai kerajaan kepada syarikat-syarikat agar dengan memotong cukai ini dapatlah kita mendapat sedikit kesenangan daripada apa yang kita hasilkan pada cukai itu. Akhir kata saya hendak menyentuh sedikit...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh minta laluan? Boleh minta laluan?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *Sorry, sorry.* Minta maaf sebab saya tidak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak bantu, hendak tolong, hendak tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia hendak habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Saya tidak pernah mengganggu siapa-siapa bercakap dan saya tidak pernah mencelah siapa-siapa bercakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hendak tolong Yang Berhormat Sibuti. Mahu tolong sahaja, mahu tolong sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tidak, tidak.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tidak, tidak. Tidak takut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kawasannya apa-apa pun tidak ada.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Saya orang yang tidak takut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lebih baik bagi penduduk.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Orang Sarawak tidak pernah takut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagi Yang Berhormat datang ke sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kami sudi tolong bekerjasama

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tidak pernah. Orang suruh duduk, duduk. Hormat pada orang lain! Bagaimana hendak hormat pada kita. Tuan Yang di-Pertua, saya

belajar sejarah. Jadi, sejarah ini mungkin betul atau pun tidak. Saya harap ia betullah. Tamadun dan sejarah India adalah satu tamadun yang agak lama yang dapat dibanggakan berumur tidak kurang daripada 4,000 hingga 5,000 tahun.

Saya kasihan kepada saudara kita Yang Berhormat Padang Serai bahawa dia sedia untuk menukarkan diri, sanggup untuk menjadi Dayak negeri Sarawak. Dia tidak bangga dengan bangsanya sendiri oleh kerana politik. Saya berbangsa Melanau dan saudara Yang Berhormat Kapit berbangsa Dayak. Kami tidak akan menukar atau menggadaikan bangsa kami kerana politik seperti apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengarlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa Yang Berhormat Padang Serai sudah buat yang menggadaikan bangsanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya pun tidak tahu Yang Berhormat. Kita dengar Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi apa? Tolong ceritakan. [*Dewan riuh*]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dengar dahulu.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Fahamlah undang-undang, fahamlah undang-undang. Kalau kita pada hari ini menyuruh Yang Berhormat Padang Serai pergi Kelantan dan memohon tanah untuk rumahnya atau industrinya. "Tidak usah" Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kata. Orang-orang pegawai biasa mengatakan tidak boleh kerana kamu bukan rakyat Kelantan. Begitu juga kalau kita belajar sejarah, belajar menikmati negeri-negeri lain seperti di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang dahulunya dipinjam oleh pihak yang tertentu sehingga membayar bertahun-tahun kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Jadi, inilah undang-undang dan syarat-syaratnya. Di negeri Sarawak ada perundangan imigresennya di dalam 20 perkara yang diperjanjikan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, minta ulasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tidak. Perjanjian yakni tidak...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik apa yang dia kata. 36(12), saya merujuk kepada peraturan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memesongkan Dewan, memesongkan Dewan.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kita ada seorang Ahli Parlimen yang memesongkan Dewan. Saya percaya dia perlu dihantar balik untuk di tarbiah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu menggunakan Peraturan 36(12) Tuan Yang di-Pertua. Ini memesongkan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan buat kacau Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin, saya berada dalam lobi Parlimen, menjemput Yang Berhormat bersalam dengan dia, membawa dia minum bersama-sama. Dia mengatakan kepada kami yang duduk di sana Yang Berhormat Kaput, Yang Berhormat Batang Sadung dan saya sendiri. Ini yang dikatakannya, 'lanun'. Ada perkataan lain yang saya ...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di luar Dewan saya merujuk 36(12) Tuan Yang di-Pertua. Apa yang berlaku dalam kantin adalah saya mengatakan bahawa saya dilarang masuk ke Sarawak oleh beberapa lanun yang merasuah, lanun yang merasuah. Saya tidak mengatakan ini. Ini adalah ...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi cerita.

■1720

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini memesongkan Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Saya belum habis cerita lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jangan masuk Dewan dan tipu, saya mahu kamu tarik.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tidak.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu dia tarik balik...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Saya sudah lebih sepuluh bulan dalam Dewan ini, tidak pernah cakap yang tidak betul, tidak pernah mencelah tidak betul dan tidak pernah bercakap untuk menipu siapa-siapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tidak pernah menyatakan dan ini satu penghinaan untuk Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Ini juga penghinaan kepada Tuan Yang di-Pertua yang mulia.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Adakah Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini adalah penghinaan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat tidak menghina kami apabila Yang Berhormat mengatakan..

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh begini Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tidak menghina mana-mana Ahli Parlimen, saya menghina mereka yang melarang saya masuk ke Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya menghina, saya mengatakan bahawa lanun yang merasuah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...itulah yang melarang saya daripada masuk ke Sarawak. Saya tidak dapat terima penghinaan ini, saya mahu Ahli Parlimen ini tarik apa yang dia cakap.

Seorang Ahli: Tidak payah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu, kalau siapa mahu cakap bangun..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...bangun sekarang, jangan macam betina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat, yang jelas ada *misunderstanding*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu Ahli Parlimen ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, dengar sikit.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...ini satu penghinaan kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...kerana ini masuk dalam Hansard.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya, Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...36(12) Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik saya, saya buat keputusan sekarang.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, saya sendiri tidak mendengar apa yang berlaku di luar, *that version and this version*. Maknanya ada perselisihan faham, *misunderstanding*, tentang perkataan "lanun". Kita *settle* baik-baik, Yang Berhormat *settle* baik-baik perkara ini, tidak perlulah kita melibatkan peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...sehingga ke hak dan kebebasan Dewan perlu kita *involvekan* Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita *settle*, boleh *settle* Yang Berhormat berdua boleh selesaikan masalah ini.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Ya, kalau apa yang saya katakan tadi menyinggung perasaan Yang Berhormat Padang Serai saya tarik baliklah, tetapi Yang Berhormat saya sangat menghormati Penasihat PKR, Presiden PKR, yang pernah duduk dalam Dewan ini bercakap dengan begitu berhemah. Bercakap dengan begitu sopan termasuk Yang Berhormat Gombak, termasuk yang lain, termasuk juga berapa orang dari PAS. Begitu berhemah bercakap, tidak yang dicakap dalam Dewan ini, dicakap di luar.

Kelmarin, kalau saya bukan sudah berumur tua ini, berumur lanjut, yang masih dalam 30-an mungkin pergaduhan besar berlaku, tetapi oleh kerana saya sudah mempunyai anak yang sama besar, badannya sama saya, saya anggap apa yang dia cakap itu, dia tidak belajar dan membaca sejarah dan undang-undang tiap-tiap negeri. Dengan itu saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf kepada orang lain dan saya sentiasa berdoa agar kita di dalam Dewan yang mulia ini sentiasa memberi hemah, memberi khidmat kepada rakyat yang kita wakili dengan baik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima Kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

5.24 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas di dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Saya ada beberapa isu hendak saya bangkitkan hari ini. Pertamanya adalah mengenai pucuk pimpinan negara kita dan satu bulan lagi, Yang Berhormat daripada Pekan akan mengambil alih sebagai Perdana Menteri negara kita dan semenjak perkara ini diumumkan di media saya tidak nampak apa-apa *vision* yang dia ada untuk negara kita. Tidak seperti dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum dia mengambil alih sebagai Perdana Menteri, dia ada membuat jaminan-jaminan (*promises and promises*) bahawa dia akan membersihkan negara kita.

Menghapuskan dan membanteras rasuah dan ini adalah *visionnya*, visinya sebagai Perdana Menteri. Satu *direction*, hala yang betul, tetapi sekarang selepas pengumuman, walaupun janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akhirnya menjadi janji kosong, tetapi sekurang-kurangnya dia ada satu visi untuk negara kita. Supaya negara kita tidak ada rasuah, tetapi sekarang saya memandangi Yang Berhormat daripada Pekan yang akan menjadi Perdana Menteri negara kita dalam satu bulan lagi. Apa yang dia telah buat kebelakangan ini?

Dia *engineer* rampasan kuasa kerajaan Perak melalui cara yang tidak *constitutional* yang melanggar Perlembagaan Negara kita melalui cara-cara ugutan, rasuah dan ini bukan satu tingkah laku yang baik dan di samping itu apa yang kita tengok kebelakangan ini dia mengumumkan, bahawa kerajaan akan meningkatkan nilai kontrak yang tidak perlu dianugerahkan melalui tender, daripada dulu nilai kontrak bernilai RM200,000 tidak perlu diberikan, dianugerahkan melalui tender. Sekarang dia naikkan nilai itu ke RM500,000. Kita semua tahu penganugerahan kontrak kerajaan tanpa melalui tender terbuka ini adalah satu...

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti saya habiskan ayat saya, adalah satu cara untuk menggalakkan rasuah. Sila Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching telah membuat satu kenyataan yang tidak berasas, mengenai RM500,000 yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang merujuk kepada projek-projek yang boleh ditawarkan melalui sebut harga. Bukan bermakna akan ditawarkan melalui *direct negotiation* dengan izin, jadi hadnya dinaikkan RM200,000 ke RM500,000.

Tidak pernah kerajaan membuat pengumuman bahawa bagi projek-projek di bawah RM500,000 tidak perlu tender. Saya minta Yang Berhormat Bandar Kuching semak balik fakta dan tarik balik kenyataan. Ia tidak benar, tidak tepat, jangan memesongkan Dewan ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya telah baca daripada berita-berita, *Utusan Melayu*, bukannya? Surat khabar UMNO juga. Ya, untuk mempercepatkan suntikan dana kerajaan, oleh itu tidak payah secara *open tender*, bukannya ini satu *change of policy* dan nilai kontraknya yang terlibat adalah ditingkatkan daripada RM200,000 ke RM500,000 dan di samping itu kita tengok ada banyak peruntukan khas yang diberikan kepada sekolah Cina, *mission school* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Yang Berhormat Bandar Kuching supaya menarik balik kenyataan tadi, menyatakan bahawa bagi projek-projek RM500,000 diberikan melalui *tender direct negotiation* dengan izin, rundingan terus, ia tidak benar sama sekali dan saya mahu Yang Berhormat Bandar Kuching menarik balik kenyataan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *the point is...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...faktanya begini Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat. RM500,000 itu bukan tidak ditender tetapi disebut harga, kalau dulu RM200,000 sebut harga, yang lain atas daripada RM200,000 ditender. Sekarang ini RM500,000 sebut harga dan boleh disebut harga tidak perlu ditender. Itu yang dijelaskan oleh

Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat ya, saya minta Yang Berhormat *correct that statement* ya.

■1730

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, *I stand corrected by the* Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya memegang ke atas pendirian saya bahawa Yang Berhormat dari Pekan masih tidak ada apa-apa visi untuk negara kita di samping menggalakkan *money politic* semenjak dia diumumkan akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri di negara kita. Saya merujuk kepada peruntukan khas kepada sekolah Cina, sekolah *mission school* yang telah diumumkan kebelakangan ini. Apa yang masyarakat Cina, rakyat mahu adalah *systematic allocation of fund*. Peruntukan dana ini diperuntukkan dalam bajet. Peruntukan yang setanding dengan *proportion to the number of student in Chinese school, mission school, national school* yang diberikan oleh kerajaan dan bukanlah peruntukan khas yang diberikan.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payah, saya habiskan ini dulu.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Bagilah jalan sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya habiskan ini dulu. Nampaknya tabiat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah masih meneruskan cara untuk membeli sokongan rakyat menggunakan wang. Apa yang rakyat mahu masa ini adalah satu sistem pentadbiran yang adil, yang telus, yang efisien dan beramanah. Oleh itu saya haraplah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, jika kerajaan Barisan Nasional hendak sokongan rakyat di masa depan gunakan wang untuk membeli sokongan rakyat ini bukan caranya. Caranya adalah mengimplementasikan satu sistem yang adil, yang efisien, beramanah dan telus. Saya pun ada teliti bahawa...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Bandar Kuching tadi menyebut tentang peruntukan yang adil. Apakah yang lebih adil daripada memberi peruntukan RM50 juta untuk sekolah Cina, RM50 juta untuk sekolah Tamil, RM50 juta *mission school*. Saya rasa itu cukup adil apa yang telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri. Adakah itu satu politik wang atau itu agihan peruntukan? Pada kita itu adalah agihan peruntukan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang kita hendak nampaknya, Yang Berhormat tadi tidur tidak dengar apa yang saya sebut. Apa yang rakyat memang benar-benar mahu adalah *systematic allocation* yang setanding, peruntukan yang setanding dengan nombor murid-murid di sekolah itu. Bukanlah macam Santa Claus, datang sini umumkan RM50 ribu sana, RM50 ribu sini.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak apa. Saya akan beralih ke tajuk kedua.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sebelum beralih, minta laluan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya pun teliti bahawa kerajaan di bawah...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Minta laluan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Amat Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat dari Pekan ini buat tidak serupa cakap. Cakap tidak serupa bikin. Saya akan beri contoh.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kata hendak beri laluan tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kerajaan katakan dalam keadaan ekonomi yang rumit ini, kerajaan mahu meringankan beban kewangan rakyat. Akan tetapi hari ini, tengok apa yang jadi? Pengumuman naik tol. Selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil alih Menteri Kewangan itu, dia telah beri *license for special draw*, 10 kali untuk satu syarikat 4D dan kerana ada tiga syarikat 4D, 30 *special draw* untuk tahun depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak apa, apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kata hendak bagi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak bagi.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Apalah. Sikit sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau saya tersekat masa. Sudah bagi Yang Berhormat Menteri, sudah bagi rakan kamu. Ahli Yang Berhormat tidak payahlah...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kata hendak bagi sini tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkara yang kedua adalah PPSMI. PPSMI saya akan berhujah sedikit. Ia mengenai, kita bantah bahawa pengajaran *Math* dan *Science* dijalankan dengan bahasa Inggeris. Ia haruslah dijalankan dengan bahasa ibunda. Tujuan kerajaan untuk menaikkan taraf penguasaan *English* murid-murid kita. Saya ada dua contoh di sini iaitu ada anak saya yang bersekolah di Darjah 2 di sekolah Cina. Satu minggu *English lesson*, mata pelajaran *English* satu jam sahaja, Darjah 2 sekolah Cina. Kawannya Darjah 4, satu minggu *English* dua jam sahaja dan yang lain itu pengajaran *Math* dalam bahasa Inggeris di darjah dua adalah dua jam satu minggu, Sains satu setengah jam satu minggu.

Kita tidak boleh, saya fikir kerajaan mesti mengakui fakta bahawa kita tidak boleh menaikkan taraf penguasaan satu bahasa melalui pengajaran Sains dan *Math* dalam bahasa itu. Ini kerana dalam pengajaran Sains dan *Math*, apa yang kita ajarkan kepada murid-murid ini adalah perkataan-perkataan Sains dan perkataan-perkataan *Math* adalah jargon yang diajarkan tetapi penggunaan perkataan-perkataan itu. Saya cadangkanlah jika kerajaan benar-benar berniat untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid kita, kerajaan harus mewajibkan bacaan buru cerita *English*. Buku cerita *English* dalam kurikulum sekolah rendah, buku cerita *English* seperti *Enid Blyton*. Semua ini kita ada belajar, ada baca. Ini barulah sebenarnya cara untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Kita mewajibkan dalam kurikulum sekolah rendah bacaan buku cerita *English*.

Satu lagi cara untuk meningkatkan taraf penguasaan *English* adalah tukar balik sekolah aliran *English*. *Those mission schools previously teaching in English medium*, sekarang telah diubah menjadi *national school*. Kita tukar balik supaya mereka belajar apa-apa subjek pun dalam bahasa Inggeris. Memberikan pilihan kepada rakyat sama ada ibu bapa mahu hantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan atau sekolah Inggeris atau sekolah Cina.

■1740

Ini akan mewujudkan satu golongan pekerja-pekerja di masa depan yang fasih dalam pelbagai bahasa. Tajuk ketiga yang saya ingin sentuh adalah mengenai banjir di Sarawak khususnya di Kuching dan di Sibu. Saya berpendapat bahawa banjir yang berlaku di daerah Sibu dan daerah Kuching ini bukan hanya kerana hujan yang terlalu banyak dalam masa di awal tahun ini, tetapi adalah satu akibat tindakan kerajaan yang tidak menghormati alam semula jadi.

Di Sibu, aktiviti pembalakan yang terlampau sehinggalah ada terdapat hakisan tanah dan akhirnya Rajang River, Sungai Rajang menjadi terlalu cetek. Di Kuching, saya ada satu laporan di sini yang telah saya sebut pagi ini. Satu laporan daripada *survey study*, *survey* yang dijalankan oleh pakar *irrigation*, Randall Palmer and Trenton. Satu laporan yang bertajuk "*Feasibility Study for the Construction of Barrages Causeways Across Sungai Sarawak and Sungai Santubong, Flood Mitigation Structures and Improvement of the Kuching City Waterfront*". Di dalam buku *survey* ini, pakar ini bercadang sebagai satu pakej, pembinaan dua *causeway* yang melintasi dan mengempang Sungai Santubong dan Sungai Sarawak. Air daripada pedalaman akan di alir keluar melalui satu *barrage*. Pakar ini sebut bahawa mesti binakan satu *flood mitigation channel* untuk mengelakkan banjir besar di kawasan Kuching.

Kerajaan membina dua *causeway* yang melintasi dan mengempang Sungai Santubong dan Sungai Sarawak, membinakan *barrage* Sungai Sarawak tetapi tidak bina *flood mitigation channel*. Oleh itu, air-air hujan yang mengalir ke lautan South China Sea tidak sempat keluar dalam masa yang singkat. Selepas projek dua *causeway* dan *barrage* siap dalam tahun 1997. Dalam tahun 2003, 2004 dan tahun ini, daerah Kuching dilanda banjir yang besar yang tidak pernah ditenggelami sebelum projek itu disiapkan. Ya silakan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bandar Kuching, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Bandar Kuching. Tadi Yang Berhormat Bandar Kuching menyatakan bahawa air yang cetek dalam sungai-sungai itu telah mengakibatkan banyak masalah untuk negeri Sarawak. Saya juga mahu tanya dengan Yang Berhormat Bandar Kuching, saya pernah daripada Sibu naik bot sampai ke Kapit dan juga jalan bot itu boleh juga sampai ke Belaga. Kedua-dua belah kiri dan kanan keseluruhan sungai itu nampak bahawa balak berjuta-juta ekar sudah pun diambil dan ini mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada penduduk-penduduk di seluruh kawasan pedalaman itu. Di mana mata pencarian mereka dulunya 'kais pagi makan pagi' melalui tangkap ikan di sungai itu ataupun memburu di hutan itu. Setuju kah Yang Berhormat Bandar Kuching kalau saya mengatakan bahawa oleh kerana kepimpinan politik Barisan Nasional di Sarawak itu tidak berapa betul, tidak betul, *corrupt*, maka rakyat negara itu merana? Setuju kah, rakyat daripada pedalaman yang tidak ada pendapatan yang tetap, mereka merana dan kerugian berbilion-bilion diakibatkan terhadap rakyat yang miskin itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pendek kata, saya berpendapat bahawa Kerajaan Barisan Nasional negeri Sarawak adalah seperti Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, hanya mementingkan syarikat-syarikat besar yang ada kaitan dengan pemimpin politik dan mengetepikan kepentingan orang ramai.

Tajuk keempat yang saya ingin sebut adalah laporan denggi *cases* di pusat bandar raya Kuching. Kebelakangan ini saya telah terima banyak aduan bahawa ada beberapa laporan denggi *cases* di Carpenter Street, Yuhai Street, di pusat bandar raya Kuching. Nampaknya daripada *statement-statement* yang dibuat oleh Menteri Negeri Sarawak menjaga kesihatan, nampaknya dia tidak mengambil berat tentang kes ini. Saya harap Kementerian Kesihatan boleh mengambil berat dan memberi direktif kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya membersihkan longkang-longkang di pusat bandar raya Kuching untuk mengelakkan lagi denggi *cases* berlaku lagi pada masa depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong habiskan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkara yang terakhir itu adalah mengenai servis MAS. Servis MAS ini pengalaman saya sendiri, pada 21 Februari 2009, saya menempah tiket MAS yang sepatutnya berlepas dari Sibu ke Kuching pada pukul 7 pagi. Akan tetapi selepas saya sampai *airport* Sibu dan selepas menunggu selama 1 jam, saya diberitahu bahawa ia telah ditangguhkan. Setengah jam lagi, saya diberitahu *flight* ini dibatalkan dan saya akan di *transfer* ke *flight* dari Sibu ke Kuching pada pukul 12.25 hari itu. Saya tunggu sehingga 12.25, *flight* itu pun dibatalkan. Saya dengan para pelanggan semua di *transfer* ke *flight* yang berlepas pada pukul 12.55. Apakah sebab itu, adakah hak-hak pengguna, pelanggan MAS

dijaga, dihormati oleh MAS? Saya boleh beritahu Dewan ini, harga tiket MAS ini pun tidak murah. Dari Sibu ke Kuching ambil setengah jam saja tetapi satu *one way*, tambangnya adalah RM200. Saya harap Kementerian Pengangkutan boleh memberi perhatian atas bagaimana servis yang diberi oleh MAS itu kepada pelanggannya. Kita sebagai pelanggan, pengguna, hak-hak kita harus dihormati.

■1750

Kalau kita beli tiket itu untuk sesuatu masa, memang ada rancangan yang akan dijalankan selepas kita sampai di Kuching, di tempat destinasi dan tidak bolehlah MAS menukarkan masa pelepasan dengan sesuka hati. Saya berpendapat bahawa adalah kerana tidak cukup pelanggan di *flight* pada pukul tujuh. Oleh itu, dia *transfer* kepada pukul 12.25 dan selepas itu pada *flight* yang sepatutnya berlepas pada pukul 12.25 minit itu pun tidak cukup pelanggan. Oleh itu, dia *transfer* lagi. Tiga *flight* disatukan ke satu *flight*. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pengangkutan boleh mengambil perhatian atas perkara ini. Sekian, terima kasih.

5.51 ptg.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merafak sembah menjunjung kasih ke sisi ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan ke bawah Duli Tuanku mencemar duli. Seterusnya menyempurnakan Titah Diraja sempena merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kedua Belas dan berterima kasih kerana dapat turut serta dalam perbahasan Titah Diraja ini. Perjalanan pemerintahan Barisan Nasional bagi penggal ke dua belas ini masih jauh dan panjang. Masih banyak liku dan cabaran sama ada dari segi aspek politik, pentadbiran, gelombang dan tempias ekonomi dalam dan negara. Malah juga aspek-aspek pertahanan, keselamatan dan perpaduan nasional.

Di samping itu, aspek pembangunan negara sama ada pembangunan fizikal, ekonomi, sosio dan budaya juga merupakan satu agenda nasional yang amat penting dan berterusan yang saya percaya sama sekali tidak ada titik noktahnya. Sebagai seorang wakil rakyat yang dari rantau dan pelosok luar bandar saya amat memahami jalur-jalur kemajuan dan perlu disalurkan ke kawasan saya dan juga banyak di kawasan lain. Ini merupakan satu beban besar kepada kerajaan dan satu tanggungjawab yang tidak boleh dicaknakan sama sekali.

Namun, sebagai badan pemerintah yang sudah diamanahkan oleh rakyat, Kerajaan Barisan Nasional saya yakin tetap mampu dan berupaya mengurus dan mentadbir negara ini. Pembangunan negara tetap menjadi agenda sosio ekonomi dan politik yang cukup berkesan bagi membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya meminta kepada kerajaan supaya agenda pembangunan nasional ini khususnya Rancangan Malaysia Kesembilan dan Koridor Ekonomi Wilayah-wilayah benar-benar terjamin pelaksanaannya mengikut jadual tanpa sebarang kegagalan walaupun ia masih awal di peringkat pelaksanaan. Namun, keadaan di peringkat akar umbi terhadap

pembangunan-pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah ini seolah-olah belum banyak yang bergerak dan dapat menarik perhatian rakyat, terutama untuk turut serta di dalam rancangan-rancangan yang disediakan dan bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Saya sangat berharap di dalam rancangan pembangunan Koridor Wilayah Timur (ECER), rancangan membina hab makanan halal yang dicadangkan dibina di Gambang Kuantan sebagai satu pangkalan daging halal yang bernilai tinggi masih belum dilaksanakan. Saya meminta kerajaan memberi perhatian terhadap rancangan ini kerana ini adalah satu rancangan yang mempunyai dengan izin *economic viability* yang amat tinggi. Saya percaya ia bukan sahaja memberi pulangan lumayan kepada kerajaan malahan peluang pekerjaan kepada rakyat jelata di samping penglibatan para penternak bumiputera untuk turut serta di dalam rancangan hab daging halal ini amat terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, dunia yang sedang dilanda krisis kewangan global sedang menyaksikan syarikat demi syarikat di seluruh dunia menghadapi tekanan dan ada yang sudah gulung tikar. Di antaranya 20 juta rakyat negara China hilang pekerjaan. Awal bulan ini pula dilaporkan 70,000 pekerja di Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Eropah diberhentikan kerja. Akhirnya krisis kewangan dunia ini juga menyaksikan pasaran saham New York kerugian 21.4 trilion dalam masa dua hari sahaja. Eksport Amerika menurun 6%, China 9% dan Jepun merudum kepada 35%. Saya menyebut maklumat ini walaupun ramai yang sudah mengetahuinya kerana kesan daripada krisis kewangan dunia ini yang sedikit sebanyak sudah pun mengganggu pertumbuhan ekonomi, kewangan perniagaan dan pekerjaan rakyat negara ini.

Perlu dilihat sebagai antara agenda terdesak yang perlu dihadapi oleh kerajaan dan supaya ia tidak menjadi modal politik yang saya kira tidak relevan dipolitikkan. Sehubungan ini saya ingin membangkitkan masalah syarikat pengendali telefon mudah alih TMI Nasional Berhad yang dilaporkan berhutang kepada Telekom Malaysia sebanyak RM4 bilion sebagaimana dilaporkan di dalam akhbar baru-baru ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tarikh akhir pembayaran hutang tersebut ialah April ini. Kira-kira dua bulan sahaja lagi. Saya berharap dalam masa 60 hari TMI akan benar-benar membayar hutangnya kerana RM4 bilion adalah satu jumlah yang amat besar.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan memantau perkembangan TMI dan Telekom Malaysia ini. Walaupun Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan Telekom Malaysia begitu yakin TMI akan dapat melunaskan hutang tersebut, kita tidak mahu negara sekali lagi kehilangan wang yang begitu banyak sebagaimana pernah dialami oleh Bank Bumiputera dengan skandal BMF hampir 30 tahun dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas keupayaan kerajaan mengemukakan pakej rangsangan kedua sebagai satu lagi huluran dan lanjutan kepada pakej rangsangan ini. Jelas menunjukkan kerajaan mempunyai objektif yang amat tepat dan

dinamik sebagai usaha memacu perkembangan ekonomi negara di tengah-tengah gelombang krisis kewangan dan ekonomi global.

Namun begitu, saya berharap dasar pada pakej rangsangan kedua ini sebagaimana telah disuarakan beberapa pihak agar jangan menumpukan kepada projek mega. Ini kerana dikhuatiri wang bagi projek mega akan hanya menguntungkan orang asing dan wang tersebut juga tidak boleh kekal di negara ini. Sebaliknya kerajaan diminta agar pakej rangsangan kedua membuka ruang yang lebih banyak kepada perniagaan bersaiz sederhana kerana kesannya lebih meluas dan akan benar-benar membantu masyarakat peniaga di dalam negeri. Krisis ekonomi dan kewangan global ini

Tuan Yang di-Pertua saya khuatir akan turut memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan di negara ini. Sebagaimana yang kita ketahui, pelancongan merupakan salah satu aset yang membantu pendapatan negara sejak beberapa tahun dahulu lagi. Malah industri pelancongan di negara ini tidak pernah mendatangkan apa juga masalah dan krisis. Namun begitu, tekanan ekonomi global terutama negara-negara maju dikhuatiri memberi kesan kepada rakyat negara-negara tersebut untuk bercuti dan melancong serta berbelanja di negara ini. Ini sudah tentu akan memberikan satu tekanan kepada industri pelancongan di negara kita.

Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan khususnya kementerian berkenaan dapat mencari jalan dan objektif pantas dan usaha yang lebih dinamik bagi memastikan kedatangan pelancong ke negara kita tidak terjejas. Selain dari kempen Melawat Malaysia, saya mencadangkan supaya kegiatan bidang-bidang pembuatan dan juga bidang-bidang perhotelan di negara ini tampil ke hadapan dengan pakej-pakej rangsangan yang boleh menarik pelancong luar negara dengan menurunkan kos-kos produk mereka agar dapat memancing minat para pelancong dalam dan luar negara. Dalam masa yang sama saya ingin memaklumkan bahawa terdapat tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong di kawasan saya dan di antaranya ialah Air Terjun Sungai Pandan, dan Bekelah. Muzium Sungai Lembing, Ladang Rusa, Gua Caras, Rumah Kristal, Bukit Panorama untuk melihat matahari naik dan yang terbaru Empangan Cereh. Walaupun tempat-tempat ini digemari oleh pelancong-pelancong, tetapi masalah yang dihadapi oleh pelancong-pelancong untuk ke tempat-tempat ini ialah prasarana yang amat mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Maran. *[Disampuk]* Paya Besar, Paya Besar. Apabila Yang Berhormat Paya Besar menyebut tentang pelancongan tadi, sebenarnya pada ketika ini kita mengharapkan pelancongan daripada tempatan kerana mungkin kita akan menghadapi kekurangan pelancong-pelancong daripada luar negara. Di negeri Melaka, kita menumpukan supaya kita dapat menarik minat pelancong-pelancong tempatan.

■1800

Apa yang kita harapkan supaya semua hotel dapat memainkan peranan dengan menawarkan satu kadar yang paling berpatutan supaya kita dapat menarik minat orang berbelanja kerana inilah satu daripada matlamat kita supaya kita dapat adakan perbelanjaan daripada domestik. Itu yang pertama. Yang keduanya, kalau boleh kita dapat tarik PLUS sekali mengurangkan kadar tol supaya orang-orang yang betul-betul pergi melancong ini dapat menikmati tol yang berkurangan. Terima kasih. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Satu pandangan yang begitu baik dan saya masuk sekali dalam ucapan saya. Boleh, Yang Berhormat Jasin?

Walau sebanyak mana promosi dianjurkan, sekiranya jalan ke tempat-tempat yang saya maksudkan tadi tidak begitu baik, ianya menyukarkan pelancong-pelancong ke sana. Oleh itu, saya mohon kerajaan mengkaji untuk menaik taraf jalan-jalan ke destinasi yang saya maksudkan tadi. Untuk makluman, seramai 50,000 orang pelancong telah melawat Muzium Sungai Lembing sahaja tahun ini dan dijangka pada tahun akan datang ataupun pada tahun hadapan, 70,000 orang akan membanjiri Sungai Lembing.

Dalam usaha kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi bagi mengatasi masalah krisis kewangan ekonomi global, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap usaha kerajaan menarik pelabur asing ke negara kita wajar diberi perhatian khusus dan memerlukan tindakan-tindakan yang positif. Antara langkah-langkah ini pada hemat saya ialah usaha kerajaan menggalakkan pelabur asing mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan dengan penyertaan kerajaan atau agensi kerajaan secara aktif. Bagaimanapun, apabila pihak kerajaan turut serta dalam perniagaan ini, saya berharap pihak kerajaan atau agensi terlibat benar-benar memahami dan mengkaji secara mendalam dan menyeluruh mengenai pelaburan yang akan disertainya supaya tidak mengalami sebarang kerugian pada akhirnya. Saya percaya penyertaan kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan akan menjadi satu daya perangsang kepada syarikat-syarikat luar negara datang ke Malaysia untuk tujuan-tujuan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika dunia menghadapi tekanan ekonomi yang belum tahu penghujungnya ini, saya berpendapat inilah juga masanya syarikat tempatan, malah agensi-agensi kerajaan mengembangkan sayap mereka dengan lebih pesat ke luar negara. Dunia sedang terkapai-kapai seolah-olah hilang arah dan haluan pada masa ini. Inilah sebaik-baik masa sebagaimana dikatakan oleh peribahasa Inggeris, dengan izin, "*strike while the iron is hot*", mengambil segala peluang menjalankan kegiatan perniagaan di luar negara. Begitu banyak negara miskin terutama di negara-negara dunia ketiga di Afrika, malah juga di Amerika Selatan, yang antara banyaknya negara-negara tersebut, saya percaya terdapat negara-negara yang sedia membuka pintu kepada pedagang-pedagang dari negara kita untuk menjalankan perniagaan di negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh masalah pendidikan tinggi negara yang sememangnya banyak dibina sama ada oleh pihak kerajaan mahupun swasta. Saya amat menghargai tanggungjawab kerajaan mendirikan banyak universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi sejajar dengan perkembangan dan bilangan pelajar yang berkelayakan melanjutkan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi agar melihat dasar membawa universiti ke kawasan luar bandar yang agak terpencil dan jauh daripada kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh sesebuah universiti. Umpamanya jauh dengan kedai-kedai buku, perpustakaan awam, kedai-kedai untuk para pelajar membeli barang-barang dan peralatan yang mereka perlukan, di samping para pelajar yang terpaksa menyewa rumah kediaman sehingga bersesak-sesak disebabkan universiti tidak menyediakan asrama yang mencukupi.

Agak malang bagi pelajar kita yang menyewa rumah-rumah di luar kampus ini. Harga rumah yang begitu tinggi dikenakan oleh pihak penyewa seolah-olah menanggung di air keruh. Saya tidak fikir dengan suasana yang agak *slump*, dengan izin, para pelajar kita dapat belajar dengan baik dan tenteram. Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah kerajaan dan kementerian berkenaan bercadang menyediakan satu kawasan yang boleh dianggap sebagai dengan izin, *higher learning institution zone* ataupun sebagai wilayah pendidikan tinggi di mana kerajaan membuka satu kawasan khusus di antara beberapa negeri yang bersempadan dan menempatkan beberapa buah universiti lagi yang lengkap dengan segala keperluan sehingga menjadi sebuah metropolitan pada dekad ini.

Jika dapat diadakan sebuah sahaja memudahkan kerjasama antara universiti, malah menampakkan imej Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang meyakinkan di mata dunia. Saya juga berharap kerajaan melihat semula masalah pelajar yang terpaksa menyewa rumah yang menjadi pemangsa pihak yang mengambil kesempatan di atas anak bangsa kita yang lemah dan tidak berdaya ini akibat kekurangan asrama di kampus mereka. Jika boleh, diharapkan kerajaan membantu pihak universiti mendirikan cukup asrama di kampus-kampus supaya kewibawaan pelajar dengan dunia akademik mereka benar-benar menyerlah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak banjir, bukanlah Sungai Lembing. Itulah kata-kata yang lahir dari mulut-mulut orang Sungai Lembing. Ini kerana orang-orang Sungai Lembing sudah lali dengan bencana ini. Walau mereka menangis air mata darah sekalipun, bencana ini tetap berlaku kerana usaha ke arah untuk menanganinya tiada. Punca bencana ini ialah kerana sungainya sudah cetek. Pada tahun lepas, bencana banjir ini dapat dikurangkan kerana salah satu sungai yang mengalir ke Sungai Kuala Kenau telah disekat pengalirannya untuk disalurkan ke Empangan Chereh.

Oleh itu saya mahu pertimbangan kerajaan agar mengambil langkah jangka pendek ataupun panjang dengan mendalamkan Sungai Kuala Kenau dan sekiranya ini dapat dilakukan, saya percaya bencana banjir ini dapat dikurangkan. Dalam masa yang sama juga, mohon

kepada kerajaan agar jalan ke Sungai Lembing dinaik taraf dengan meninggikan jalan-jalan yang rendah. Anggaran kos bagi meninggikan jalan-jalan yang rendah ini adalah lebih kurang RM6 juta mengikut kiraan Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, mewakili warga Paya Besar, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang merupakan calon tunggal bagi jawatan Presiden UMNO dan dengan yang demikian bakal menjadi Presiden UMNO. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ini terpaksa saya kasi sama Beruas pasal saya belum pernah dengar dia berucap. Okey, Yang Berhormat, mesti dalam 20 minit ya.

6.08 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong elakkan yang akan menimbulkan nanti bising-bising lagi. Tidak sihat telinga saya hari ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya akan berhujah yang bernas sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beruas bangun untuk menjunjung kasih dan membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tadi semasa saya mendengar perbahasan yang telah diadakan di Dewan ini, saya merasa amat sedihlah kepada apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Bagi saya, keadaan ini timbul kerana kita tidak ada pemimpin yang merupakan negarawan tetapi hanya pemimpin-pemimpin terutamanya pemimpin utama Barisan Nasional yang merupakan pemimpin ahli politik sahaja dan tidak ada negarawan yang memimpin negara kita ini. Akan saya hujahkan lebih lanjut dalam perbahasan nanti.

Begitu juga dengan apa yang dinyatakan oleh Hulu Terengganu tadi. Beliau hendak memutarbelitkan perkataan derhaka. Sungguhpun beliau telah mengatakan di Dewan ini bahawa beliau ingin memartabatkan atau memperjuangkan bahasa Melayu, ingin saya nyatakan bahawa sesuatu bahasa itu merupakan satu bahasa yang hidup. Begitu juga dengan bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu di negara kita ini. Kita tahu perkataan derhaka ini pada masa kini maksudnya sudah berubah sedikit dan dalam bahasa Inggeris kita kata sesuatu bahasa itu dengan beralihnya zaman dan keadaan. *The shapes of meaning of a certain words will change.* Sebagai satu contohnya, dalam bahasa Inggeris, lebih kurang 300 tahun yang lepas perkataan "prevent".

■1810

Prevent itu pada masa sekarang itu bermaksud menahan atau menghalang. Akan tetapi lebih kurang 300 tahun yang lalu di England semasa King James, perkataan itu hanya

bermaksud 'pre' itu pergi *before*, *prevent is going before*. Jadi, dalam kitab ataupun Bible King James version, "*Those who are dead in Christ shall prevent those who are alive during that rapture*". Maksudnya yang meninggal itu rohnya akan pergi terlebih dahulu. Itu sahaja maksudnya tetapi pada masa sekarang ini perkataan "*prevent*" ini bermaksud menahan atau menghalang.

Begitu juga dengan perkataan "derhaka". Perkataan "derhaka" ini merupakan satu bahawa istana yang bermaksud kita ini tidak bersetuju dengan Titah Tuanku ataupun kita tidak sehaluan dengan pandangan Tuanku. Kalaulah Yang Berhormat Hulu Terengganu mengatakan derhaka ini bermaksud dalam bahasa Inggerisnya *treason* ini yang patut membawa hukuman mati, bagi saya perkataan ini tidak lagi membawa maksud yang sedemikian.

Katakan dalam apa yang sedang berlaku, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Selangor telah pun memberikan pandangan bahawa adalah tidak salah kalau Kerajaan Selangor ingin menderma kerbau ataupun lembu kepada mereka yang perlukan kerbau atau lembu itu di luar negeri tersebut. Akan tetapi tadi Yang Berhormat Hulu Terengganu telah tidak bersependapat dengan pandangan tuanku. Adakah ini juga bermaksud Yang Berhormat Hulu Terengganu sudah menderhaka dengan maksud "*treason*". Ia hanya bermaksud kita ini apabila berbahasa di istana maksud kita derhaka ini kita tidak bersetuju atau tidak bersependapat ataupun berpandangan sama dengan tuanku.

Jadi, kami sebagai peguam di mahkamah, kalau kita tidak bersetuju dengan pendapat hakim kita dengan izin menggunakan bahasa, "*We beg to defer*." Itulah sahaja maksud derhaka dalam zaman moden ini apabila kita tidak bersetuju dengan pandangan Seri Paduka Baginda ataupun mana-mana Raja Melayu di dalam negara kita ini. Oleh yang demikian, saya berharap perkara ini tidak akan diputarbelitkan untuk menaikkan semangat membenci ataupun mempergunakan istana untuk mengeruhkan lagi keadaan krisis politik di negeri Perak. Kita sama-samalah mesti bersedia untuk menimbang bagaimanakah kita boleh menyelesaikan krisis politik di negeri Perak dan juga di Malaysia ini agar rakyat kita ini dapat maju bersama-sama untuk menikmati kemakmuran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rancangan kerajaan untuk menangani kemelut ekonomi global serta menaikkan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan sia-sia jika terutamanya pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak menghormati sistem demokrasi serta undang-undang negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengingatkan kami sekalian bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di negara kita dan Rukun Negara hendaklah difahami dan dihayati oleh segenap lapisan rakyat.

Malangnya, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutamanya Presiden dan Timbalan Presiden UMNO yang juga merupakan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak menghormati undang-undang dan prinsip-prinsip Rukun Negara. Tuan Yang di-Pertua, apa yang

berlaku di negeri Perak baru-baru ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak sayangkan negara kita tetapi hanya tamak kuasa semata-mata.

Berkenaan dengan krisis politik negeri Perak, ingin saya memaklumkan bahawa pada 6 Februari 2009 Barisan Nasional telah secara tidak demokratik dan secara tidak sah telah merampas kuasa teraju Kerajaan Negeri Perak. Mereka telah melanggar Perlembagaan Negeri Perak serta mengetepikan prinsip-prinsip Rukun Negara yang memerlukan kita menyanjung tinggi keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri memang sudah tahu bahawa krisis kewangan global yang telah bermula pada 2008 mempunyai impak besar ke atas ekonomi negara kita. Sungguhpun demikian, mereka tidak menghiraukan kebajikan rakyat dan merampas kuasa teraju Kerajaan Negeri Perak. Perbuatan ini telah mencetuskan krisis politik negeri Perak dan sudah tentu akan memburukkan keadaan ekonomi secara amnya dan negeri Perak, khususnya.

Apa yang amat mengecewakan ialah Perdana Menteri sendiri pada 19 Februari 2009 telah meminta telah meminta ADUN Pangkor, Dato' Zambry bin Abdul Kadir dan enam ADUN Barisan Nasional yang lain untuk melanggar undang-undang dengan tidak mengendahkan keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN Negeri Perak. Bayangkan Perdana Menteri meminta ADUN Barisan Nasional supaya melanggar undang-undang negara ini. Tindakan Perdana Menteri juga amat memalukan rakyat Malaysia dan Dewan Parlimen ini, di mana beliau merupakan bukan sahaja seorang ahli Dewan ini tetapi ketua Dewan yang mulia ini. Beliau juga tidak menghormati prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Sikap yang menggalakkan anarki ataupun huru-hara ini amatlah dikesali.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Barisan Nasional merampas kuasa, Tuan Yang di-Pertua, Speaker Dewan Undangan Negeri Perak bersama-sama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atau *Privilege Committee* DUN Perak terpaksa menjalankan tugas dan bertindak seperti yang dikehendaki oleh Perintah-perintah Tetap DUN Negeri Perak. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Jawatankuasa telah mengambil tindakan terhadap ADUN Pangkor Dato' Zambry bin Abdul Kadir dan enam ADUN Barisan Nasional yang lain. Pada 18 Februari 2009 iaitu hari Rabu, Tuan Speaker dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN Negeri Perak telah membuat keputusan menjatuhkan hukuman terhadap mereka dengan tidak membenarkan ADUN Pangkor memasuki Dewan selama 18 bulan dan enam lagi ADUN Barisan Nasional yang lain selama 12 bulan.

Keputusan tersebut adalah berlandaskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak dan Perintah-perintah Tetap Dewan Perhimpunan Dewan Negeri Perak. Jika dibandingkan dengan keputusan-keputusan Speaker atau Yang di-Pertua lain yang dilantik oleh Barisan Nasional hukuman yang dijatuhkan amatlah ringan sekali.

Speaker DUN Selangor sekarang Yang Berhormat Teng Chang Khim yang semasa beliau Ketua Pembangkang dalam DUN Selangor telah digantung daripada memasuki Dewan selama 30 bulan dan dengan 18 bulan tanpa elaun ataupun pendapatan sebagai seorang ADUN. Kesalahannya hanyalah semata-mata membantah tindakan Speaker, tidak mengikut perintah tetap DUN Selangor dengan mencampakkan satu salinan Perintah Tetap ke dalam bakul sampah. Begitu juga dengan Yang Berhormat Batu Gajah yang telah digantung tanpa elaun atau pendapatan selama enam bulan semata-mata dikatakan telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang dikatakan tidak menghormati Speaker Dewan Parlimen ini.

Contoh-contoh sedemikian boleh saya lipat gandakan. Kesalahan yang dilakukan oleh ADUN Pangkor dan enam ADUN Barisan Nasional yang lain amatlah serius sekali. Mereka merampas kuasa secara tidak sah dan telah meruntuhkan kuasa sebuah kerajaan negeri. Mereka semasa mengangkat sumpah menjadi ADUN Negeri Perak telah berjanji akan memelihara dan melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Perak; tetapi sekarang mereka telah bertindak menderhaka terhadap Perlembagaan ataupun Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak itu sendiri.

Tindakan mereka boleh menimbulkan rusuhan dan perang saudara. Jenayah yang dilakukan oleh mereka amat serius sekali. Keadaan huru-hara boleh berlaku, tetapi ini belum timbul kerana pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat telah bertindak meredakan keadaan dengan menasihati penyokong-penyokong mereka bersabar dan tidak bertindak liar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah meminta ADUN Pangkor untuk membuat laporan polis terhadap Tuan Speaker DUN Perak. Tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 124 Kanun Keseksaan atau Akta 574 yang memperuntukkan seperti berikut, dengan izin kalau saya dapat baca dalam bahasa Inggeris:

■ 1820

'Whoever with intention of inducing of or compelling or attempting to induce or compel a Member of Parliament or of any legislative assembly or of any Executive Council to exercise or refrain from exercising in any manner the lawful powers of such member assaults or wrongfully restrains or attempt wrongfully to restrain, or overawes by means of criminal force or the show of criminal force or attempts so to overawe such member shall be punished with imprisonment for a term which may extend to seven years and shall also be liable to a fine.'

Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh dihukum sampai tujuh tahun penjara dan juga boleh didenda. ADUN Pangkor dan enam ADUN Barisan Nasional yang lain jika mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan ADUN Pangkor untuk membuat laporan polis terhadap Tuan Yang di-Pertua DUN Perak juga merupakan satu hasutan untuk melakukan satu kesalahan. Ini adalah kerana Tuan Yang di-

Pertua DUN Perak adalah dilindungi di bawah undang-undang berkenaan dengan apa yang dilakukannya sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan dan juga Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN.

Seksyen 3 *Perak Legislative Assembly Privileges Enactment 1959* memperuntukkan seperti berikut. *No Member. Member* ini bermaksud ADUN Perak.

'No Member shall be liable to any civil or criminal proceedings, arrest, arrests or damages by reason of any matter of King which she may have brought by petitions, bills, resolutions, motions or otherwise or have sat before assembly or any committee.'

Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri yang mempunyai kuasa ke atas polis, tindakan beliau merupakan satu kesalahan dengan izin *criminal intimidation* terhadap Tuan Yang di-Pertua DUN Perak di bawah Seksyen 503 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum sehingga tujuh tahun atau didenda atau kedua-duanya di bawah Seksyen 506 kanun tersebut. Tindakan beliau juga berniat untuk mewujudkan huru-hara apabila DUN Perak bersidang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Menteri telah bersumpah untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan dan undang-undang negara ini dan mereka telah mengingkari sumpah mereka. Tindakan hendaklah diambil terhadap mereka oleh Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, saya seorang diri sudi memaafkan mereka demi kebaikan rakyat Perak. Saya sudi seperti apa yang dikatakan memaafkan mereka jika mereka sudi memulangkan kuasa balik kepada rakyat. [*Beberapa Ahli tepuk*] Mereka sebagai pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional dan UMNO boleh mengarahkan pemimpin Barisan Nasional di negeri Perak untuk bersetuju menggubal DUN Perak. Penyelesaian krisis politik di Perak perlu diselesaikan dengan segera agar ia tidak membuntukan pertumbuhan ekonomi negara kita. Dengan penyelesaian krisis politik, barulah pemimpin-pemimpin serta rakyat jelata dapat menumpukan perhatian mereka untuk menangani krisis ekonomi global serta membawa pembangunan dan kemewahan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sebelum Perdana Menteri berundur sebagai Perdana Menteri, sepatutnya dia menjadi seorang Negarawan yang dihormati. Kalau tidak, dalam sejarah Malaysia dia akan menjadi seorang hipokrit terbesar dalam sejarah politik Malaysia. Semasa beliau baru menjadi Perdana Menteri, beliau telah pun mengutarakan banyak nilai-nilai yang amat global dengan izin untuk diteladani ataupun untuk diikuti oleh rakyat jelata. Oleh yang demikian, saya harap sebelum beliau mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri, beliau dapat menyelesaikan masalah krisis politik negeri Perak di mana ia telah diwujudkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Sekurang-kurangnya sejarah akan mencatatkan krisis politik negeri Perak telah diwujudkan oleh Timbalan Perdana Menteri yang merangkap Pengerusi Barisan Nasional di negeri Perak. Dengan campur tangan Perdana Menteriilah, dengan persetujuan

dibubarkan Dewanlah dia akan dalam sejarah dianggap orang yang menyelesaikan krisis politik negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya sebagai rakyat Perak dan begitulah hati saya. Harap penyelesaian yang cepat dapat kita capai tidak lama lagi. Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku kepada negeri Perak juga merupakan satu ancaman kepada kedaulatan institusi Parlimen dan Dewan Negeri. Tuan Yang di-Pertua, kita mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Kita berpegang teguh kepada pengasingan kuasa di antara eksekutif Parlimen dan mahkamah. Apa yang berlaku di negeri Perak amat membimbangkan kerana pihak eksekutif cuba menggulingkan institusi Dewan Undangan Negeri secara paksa seperti yang telah saya nyatakan di atas di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta ADUN Pangkor dan enam ADUN Barisan Nasional yang lain untuk tidak mengendahkan keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN Perak.

Barisan Nasional menggunakan pihak polis dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah untuk memberi tekanan kepada Tuan Yang di-Pertua DUN Perak dengan memestikan beliau hadir untuk soal siasat sementara kita semua tahu bahawa Undang-undang *Perak Legislative Assembly Privilege Enactment 1959* jelas menyatakan bahawa tidak ada tindakan sivil atau jenayah yang boleh diambil terhadap beliau dan beliau tidak boleh ditangkap, dipenjarakan atau dituntut apa-apa pampasan berkenaan apa yang beliau lakukan atau buat semasa Dewan ataupun Jawatankuasa bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, melainkan Dewan ini mengambil langkah terhadap Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan penglibatan mereka di negeri Perak. Tidak lama lagi, tekanan yang sama atau bencana yang sama akan melanda Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan ini. Disebabkan keadaan inilah kita perlu mempertahankan institusi Parlimen dan DUN Negeri Perak ini.

Satu lagi perkara yang menggugat institusi Parlimen ataupun DUN Negeri-negeri ialah tindakan Pesuruhjaya Pilihan raya tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan juga mengambil alih peranan mahkamah dalam negara kita ini. Saya ingin menghujahkan...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, dua minit. Baik. Saya ingin menghujahkan selain daripada tiga institusi demokrasi berparlimen iaitu eksekutif Parlimen dan mahkamah, mana-mana badan lain yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan ataupun undang-undang adalah semata-mata untuk menjalankan tugas yang ditetapkan kepada badan-bandar tersebut. Perkara 113 Perlembagaan Malaysia dengan jelas menetapkan tugas Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu untuk mengadakan pilihan raya saja. Apabila diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua DUN Perak terdapat kekosongan telah berlaku di tiga kawasan DUN Perak dan pilihan raya perlu diadakan, mereka tidak mengikut ataupun arahan Tuan Yang di-Pertua DUN Perak.

Saya ingin berhujah bahawa SPR ini tidak boleh mengambil alih peranan mahkamah untuk menentukan seseorang itu telah sebenarnya meletak jawatan. Mana-mana pihak yang tidak gembira ataupun *agree party* dengan keputusan SPR ini untuk mengadakan pilihan raya haruslah mengambil tindakan mahkamah untuk memberhentikan pilihan raya tersebut. Hanya mahkamahlah yang mempunyai peraturan-peraturan dan cara untuk menentukan kebenaran sesuatu perkara tapi SPR tidak mempunyai kebolehan tersebut. Mahkamah boleh mengeluarkan sepina memanggil saksi dan sebagainya tetapi SPR tidak berkuasa untuk berbuat demikian. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, adalah penting kita hendak memastikan peranan yang patut dimainkan oleh mahkamah dan bukan oleh SPR seperti apa yang berlaku di DUN Bukit Selambau, Kedah.

■1830

Sampai hari ini, bagaimanakah, kenapakah di negeri Perak, SPR kata kita tidak terima keputusan Speaker bahawa tiga Ahli Dewan Undangan Negeri telah letak jawatan. Akan tetapi di Bukit Selambau Negeri Kedah pula, ADUN yang berkenaan langsung tidak dapat dihubungi sampai hari ini. Kenapakah surat peletakan jawatan itu diterima dan pilihan raya kecil hendak diadakan.

Jadi oleh sebab memandangkan kesuntukan masa, apa yang saya ingin katakan ialah bahawa kita mesti bersama-sama memelihara dan memastikan sistem berparlimen dan perlembagaan kita ini, demokrasi kita ini dapat dilindungi daripada diruntuhkan oleh mereka yang gilakan kuasa. Oleh yang demikian, harapan saya Dewan ini, pihak Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dapat mendengar rayuan daripada hati rakyat negeri Perak, jangan mempermainkan nyawa orang Perak.

Demi politik, janganlah disebabkan rakyat Perak terpaksa melalui jangka masa yang begitu pahit, susah kerana ekonomi dan sistem pentadbiran negeri Perak ini sekarang ini buntu akibat tindakan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Oleh yang demikian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang telah diberikan untuk keluaran apa yang terkandung dalam hati saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit, saya jemput Parit selepas itu Kulim Bandar Baharu bersedia.

6.31 ptg.

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut berbahas dalam Menjunjung Kasih di atas Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan mengucapkan tahniah mewakili masyarakat di Parlimen Parit. Tuan Yang di-Pertua, masalah kegawatan ekonomi merupakan masalah seluruh dunia. Pelbagai strategi telah dan

sedang diambil oleh kerajaan seluruh dunia, justeru itu pakej rangsangan ekonomi telah menjadi strategi bagi mengeluarkan negara keluar daripada masalah ekonomi.

Pakej Rangsangan Ekonomi menjadi strategi menangani krisis kewangan global yang semakin dirasakan di serata dunia. Dari negara pengamal kapitalis termasuk Amerika Syarikat dan Jepun sehinggalah negara sosial demokrat seperti Perancis dan Jerman. Pakej Rangsangan diolah, pelbagai cara untuk mempergiatkan perkembangan dan kegiatan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, November lalu, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak selaku Menteri Kewangan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi dengan peruntukkan sebanyak RM7 bilion, dijangkakan pakej rangsangan kedua akan diumumkan di Parlimen pada 10 Mac.

Selain daripada projek pembinaan kemudahan awam dan infrastruktur baru serta pengurangan kadar pengangguran, pakej rangsangan terbabit juga wajar mengambil kira empat dimensi lain, iaitu meningkatkan tahap penyelenggaraan aset, membangunkan prasarana mesra alam, meningkatkan keupayaan modal insan, dan yang keempat membina jenama kepakaran tempatan. Peningkatan tahap kemudahan prasarana sedia ada membabitkan penyelenggaraan aset lebih menyeluruh, sistematik dan lestari.

Banyak pihak sering keliru berkaitan dengan pengurusan aset ketika ini, memang diperuntukkan biaya penyelenggaraan aset setiap tahun kepada setiap agensi awam. Akan tetapi sebahagian besar adalah kos tetap seperti utiliti, penggantian lampu, kerosakan kecil, penyelenggaraan kenderaan berkala dan pembersihan, komponen penyelenggaraan aset yang juga penting tetapi sering terabai ialah pembaik pulih prasarana lama yang perlu diubahsuai dan diperbaiki.

Dari segi prinsipnya, kos penyelenggaraan yakni merangkumi ubah suai dan baik pulih perlu dimasukkan di dalam kos operasi sesebuah agensi. Hal ini tidak menjadi amalan meluas sehingga menyukarkan pengurusan aset secara sistematik, menyebabkan keadaan kemudahan dan prasarana awam tidak selesa dan ada kalanya seolah-olah tidak terurus. Termasuklah bangunan di sekolah, universiti, taman awam, pejabat kerajaan dan sebagainya. Diharapkan dengan pakej rangsangan ekonomi ini juga, turut memberi perhatian serius untuk kerja ubahsuai dan baik pulih berkenaan. Kita tidak mahu berlaku keadaan di mana kemudahan sedia ada terbiar dari segi sejarah dan barang kali estetika, kemudahan lama lebih bernilai dan perlu diberi keutamaan di samping keperluan binaan projek baru.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembinaan dikenal pasti mudah dilaksanakan dalam konteks perkembangan ekonomi. Sehubungan dengan itu saya berharap aktiviti pembinaan dapat dilaksanakan menggunakan konsep mesra alam, bangunan sebagai contoh perlu direka bentuk mengguna bahan tempatan yang tidak perlu ditampal simen, ruang terang tanpa langsir dan sumber tenaga hibrid menggunakan tenaga suria ataupun angin. Sistem bekalan air dan kumbahan pula berkonsepkan pencemaran sifar. Selain daripada itu, pakej rangsangan juga

diharap dapat membantu meningkatkan keupayaan modal insan. Ini termasuk menyediakan peluang latihan kepada mereka yang dibuang kerja, meningkatkan kemahiran sedia ada ke tahap lebih tinggi supaya dapat berfungsi secara multi *tasking* dan Pengajian Ijazah Lanjutan.

Sehubungan dengan itu, banyak negara menyediakan geran pendidikan besar kepada universiti dan agensi penyelidikan termasuk di Amerika dalam beberapa bidang strategik. Tujuannya menyediakan peluang pengajian kepada graduan, supaya mengurangkan pengangguran, di samping membantu meningkatkan tahap modal insan supaya lebih fokus kepada bidang yang dijangka akan berkembang pesat dalam tempoh terdekat, seperti teknologi mesra alam, bio perubatan, tenaga alternatif dan sumber asli.

Tuan Yang di-Pertua, selain pembayaran emolumen dalam bentuk biasiswa, geran penyelidikan terbabit juga digunakan untuk membeli dan mendapatkan pelbagai perkhidmatan serta barangan yang secara langsung dapat membantu sektor perusahaan kecil dan sederhana SME untuk terus bertahan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, aktiviti penyelidikan juga dapat memugar kecemerlangan di universiti dan agensi penyelidikan tempatan.

Penyelidikan adalah teras pembangunan ilmu dan peningkatan kualiti akademik. Hasilnya turut terserlah dari segi penjanaan harta intelek dan penyuburan ekosistem intelektual. Untuk memastikan geran terbabit dapat dibelanjakan dengan segera, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menyalurkan terus kepada universiti dan agensi penyelidikan berdasarkan bilangan pensyarah ataupun penyelidik matang. Sekurang-kurangnya memiliki Ijazah PhD.

Ini perlu sebagai proses birokrasi dapat dikurangkan, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi menggunakan pendekatan pembangunan modal insan. Hal ini rasional kerana penyelidik matang, biasanya mempunyai reputasi dan pengalaman menjalankan penyelidikan. Kita yakin pendapatan sedemikian bukan sahaja dapat memacu perkembangan ekonomi dengan cepat malah turut mendapat manfaat dalam pelbagai sektor lain, terutama penyediaan modal insan yang semakin kritikal dalam konteks cabaran ekonomi pasca krisis kewangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak berdasarkan Dialog Pemimpin Wacana Intelektual dan tulisan golongan Profesional menjangkakan asas pembangunan ekonomi masa depan, tidak lagi berpaksi kepada sistem kewangan dan teknologi semasa yang bukan saja tidak lestari malah berteraskan kehendak bukan keperluan. Tuan Yang di-Pertua, dalam situasi semasa, langkah rangsangan ekonomi menerusi dasar fiskal adalah menjadi keutamaan semua negara di seluruh dunia berbanding dengan rangsangan dasar monetari. Sebahagian besar negara kita kini lebih memilih untuk melaksanakan rangsangan fiskal dalam menjana semula ekonomi kerana dalam situasi di mana kadar faedah berada pada paras rendah. Dasar monetari tidak boleh dianggap sebagai dasar utama.

Justeru langkah rangsangan yang menyeluruh adalah diperlukan kerana berdasarkan perkembangan terkini, kemelesetan ekonomi global dijangka mengambil masa lebih lama untuk pulih. Kini ramai yang berpendapat pemulihan ekonomi hanya berlaku, selepas tahun 2010

kerana sistem kewangan global yang menyokong industri masih belum pulih dengan sepenuhnya. Saya berharap kerajaan akan dapat berusaha gigih bagi menangani masalah kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, bahang iklim muram, ekonomi dunia kini sudah mula dirasai di negara kita. Seperti dijangka kesan krisis ekonomi dunia bermula di Amerika Syarikat dan Eropah sejak tahun lalu itu, pasti akan membawa tempias masyarakat di negara kita sudah menjadi kenyataan dan senario itu tentu saja meresahkan ramai pihak.

■1840

Apa yang pasti, tsunami kegawatan ekonomi memberi impak dalam kehidupan seharian. Golongan wanita khususnya yang lazim perancang dan pengurus belanjawan rumah tangga mahu tidak mahu perlu berdepan dengan keadaan itu. Selain itu ramai wanita bekerja di negara ini turut berdepan dengan dilema pemberhentian kerja. Seperti diketahui sektor yang paling terjejas berikutan kegawatan ekonomi ini ialah pembuatan yang berorientasi eksport terutama dalam bidang elektronik, *electrical* dan pembuatan dengan pasaran eksport di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun. Jika di lihat secara keseluruhan, wanita adalah tenaga kerja paling ramai menyumbang dalam sektor berkenaan.

Apabila terbabit dengan pemberhentian kerja ataupun Skim Pemisahan Sukarela sudah tentu timbul kesulitan dan wanita sudah semestinya memerlukan pertimbangan lebih bijak dalam mengatur kehidupan masa kini dan akan datang. Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi dan cabaran dihadapi wanita Malaysia berkata, dalam mengharungi ekonomi dunia merudum tekanan dihadapi wanita terutama dalam merancang dan mengurus belanjawan rumah tangga sudah semestinya lebih hebat berbanding keadaan biasa. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat berperanan proaktif agar wanita perlu bersedia dan sentiasa peka dengan persekitaran. Bahkan tidak kira wanita berkerjaya mahupun hanya suri rumah.

Jangan sesekali beranggapan krisis ekonomi dunia yang melanda masa kini tidak akan membabit atau menjejaskan diri mereka. Dengan keadaan sumber pendapatan semakin mengecil dan kos perbelanjaan semakin besar, adalah sukar sekali untuk berjimat-cermat atau mengimbangi antara pendapatan diterima dengan perbelanjaan terutama bebanan ditanggung tetap sama serta tidak berubah. Dalam hubungan ini saya ingin menegaskan wanita juga tidak terkecuali apatah lagi kebanyakannya berperanan sebagai pengurus kewangan dalam rumah tangga. Cabaran merancang dan menguruskan bajet berdepan dengan realiti kehidupan antara yang perlu dihadapi, difahami serta ditangani dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, realiti orang yang tidak pernah merasakan keperitan hidup memang sukar untuk memahaminya. Oleh itu, sebelum memberikan saranan berjimat-cermat kita perlu betul-betul kenal pasti keadaan awal dan sebenarnya punca pendapatan diperolehi individu terbabit. Keadaan ekonomi dunia merudum seperti senario di negara lain, pembuangan

pekerja pasti turut berlaku di negara kita. Bagaimanapun ada syarikat atau majikan cuba mengelak perkara itu berlaku dan mengambil langkah alternatif seperti mengurangkan jumlah hari bekerja dalam seminggu atau memberi cuti bagi tempoh tertentu kepada pekerja. Langkah itu secara tidak langsung akan mengurangkan pendapatan bulanan yang diterima pekerja, tetapi kehilangan separuh daripada pendapatan bulanan dilihat lebih baik daripada kehilangan terus pekerjaan dan pendapatan sebulan.

Bagaimanapun tentu pening kepala memikirkan untuk menggantikan sumber pendapatan yang sudah menguncup itu, ini termasuklah dalam menguruskan bajet untuk rumah tangga. Saya menjangkakan antara menerima kesan paling teruk jika kehilangan pekerjaan adalah golongan ibu tunggal yang terpaksa mengambil alih mencari pendapatan dan menjadi tunggak dalam keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, ibu tunggal tinggal di kawasan bandar akan lebih berasa perit kerana berdepan dengan kos kehidupan tinggi berbanding mereka yang berada di luar bandar, yang mungkin mempunyai alternatif atau banyak usaha lain bagi memastikan pendapatan sentiasa ada.

Justeru itu saya meminta supaya satu langkah konkrit segera diambil untuk membantu golongan terbabit sama ada melalui pemberian wang tambahan ataupun geran perniagaan untuk membolehkan mereka menghadapi situasi ini. Hakikatnya kegawatan ekonomi memberi impak besar kepada ibu tunggal yang berpendapatan rendah dan terpaksa menanggung keluarga. Lebih malang lagi jika ibu tunggal diberhentikan kerja sekali gus pendapatan tetapnya akan hilang. Jika dia menyewa rumah pula tentu akan susah hati untuk menyediakan bayaran sewa bulanan. Itu belum lagi dikira bil bulanan lain yang perlu dilangsaikan dan juga menyediakan perbelanjaan untuk anak.

Tuan Yang di-Pertua, satu persatu masalah akan timbul. Apa yang lebih membimbangkan jika ibu tunggal terbabit ada membuat pinjaman untuk membeli rumah tidak mustahil kerana tiada pendapatan tetap. Dia mungkin gagal membayar pinjaman bulanan itu dan lama-kelamaan rumah dibeli terpaksa dilelong. Cuba bayangkan bagaimana kehidupan yang akan dilalui oleh ibu tunggal dan anak-anaknya nanti. Tuan Yang di-Pertua sekalipun wanita itu bukan ibu tunggal atau ada suami mereka turut mengalami kesukaran jika diberhentikan kerja, tambahan yang tinggal di kawasan bandar.

Bagi yang tinggal di luar bandar mungkin boleh bercucuk tanam atau menternak ayam, itik sekurang-kurangnya untuk mengalihkan sementara bagi mendapatkan semula sumber pendapatan yang sudah hilang. Akan tetapi yang menetap di bandar mungkin agak sukar berbuat demikian terutama jika duduk di rumah pangsa ataupun pangsapuri. Justeru itu saya menyarankan supaya berniaga secara kecil-kecilan atau membabitkan diri dalam bidang perniagaan jualan langsung. Idea itu dilihat memang bagus, tetapi harus difikirkan dalam keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan orang ramai amat berhati-hati berbelanja.

Malah masing-masing tidak mustahil akan cuba mengehendkan perbelanjaan yang tidak diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan memberi peluang kepada pekerja sektor swasta yang diberhentikan kerja akibat kemelut ekonomi menyertai sektor awam dapat memberi peluang baru selepas berdepan dengan keadaan tidak menentu. Apabila kilang ditutup atau majikan mengurangkan kos operasi, jaminan untuk mengambil pekerja bagi pelbagai jawatan melalui skim khas dalam tempoh terdekat menunjukkan kerajaan amat prihatin terhadap masalah dihadapi rakyat, terutama mereka yang terjejas akibat krisis ekonomi global yang tidak berpenghujung sekarang. Walaupun langkah itu tidak mencukupi bagi membantu semakin ramai yang kehilangan kerja sekarang, ia sekurang-kurangnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan mereka yang sudah berkeluarga.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana kadar pengangguran pastinya bertambah. Apabila semakin ramai lepasan sekolah dan universiti yang sukar mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian tahun ini, namun untuk mengharap kerajaan sahaja menyediakan peluang pekerjaan kepada semua rakyat termasuk yang kehilangan kerja akibat ekonomi meleset agak mustahil, kerana jumlahnya cukup besar dan meningkat setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, pengangguran di negara bagaimanapun boleh dikurangkan jika mereka yang dibuang kerja atau lepasan universiti tidak terlalu memilih pekerjaan. Jika dilihat kehadiran pekerja asing di negara ini masih banyak peluang pekerjaan asalkan kita tidak terlalu memilih.

Krisis yang melanda sekarang seharusnya dijadikan titik tolak untuk semua lebih berhemah dan berusaha lebih gigih selain berfikiran positif. Kita berharap Bajet Mini yang bakal dibentangkan kerajaan Mac ini dapat membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada kumpulan yang menganggur ini untuk memulakan penghidupan baru.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk membuka ruang pekerjaan kepada pekerja swasta yang dibuang kerja hanyalah sekelumit daripada usaha yang dilakukan untuk menghadapi krisis sekarang. Usaha lebih penting terutama peruntukan kewangan besar diperlukan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi supaya negara terus mampu berhadapan dengan kegawatan. Antara implikasi kelembapan ekonomi ketika ini adalah peningkatan kadar pengangguran termasuk di kalangan graduan, kerana persaingan mendapatkan pekerjaan semakin sengit.

Tidak dinafikan iklim ekonomi itu memberi kesan terhadap lepasan institut pengajian tinggi mendapatkan pekerjaan terutama apabila sektor swasta mula mengambil langkah mengurangkan kos membuang pekerja. Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani krisis ekonomi ini saya dengan ini mohon mencadangkan supaya pendekatan kemahiran insaniah ataupun KI modal insan bersaing dilaksanakan. Kemahiran insaniah ataupun *soft skill* ini sering disebut-

sebut sebagai elemen penting bagi graduan supaya terus berdaya saing dan kebolehan menghadapi dunia pekerjaan sebenar. Elemen itu ialah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran usahawan, etika dan moral profesional serta kepimpinan.

■1850

Selain berusaha mempromosi diri kepada majikan, seseorang graduan juga perlu sedar dunia sebenar di luar jauh berbeza dan bukan diperolehi secara terus melalui sesi kuliah di tempat pengajian masing-masing. Lazimnya sesudah menamatkan pengajian graduan hanya tahu ia satu pekerjaan makan gaji dan tidak mempunyai pengetahuan mengenai bentuk ataupun gred dalam skim kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Justeru itu, oleh kerana masa yang begitu suntuk, saya amat berharap kepada pimpinan negara dan kerajaan akan terus berusaha bagi mengatasi kegawatan ekonomi. Jadi justeru itu saya menyokong.

6.51 ptg.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan untuk saya untuk turut serta dalam bahas Titah Diraja yang mana saya akan hanya menyentuh satu perkara berkaitan dengan Titah Tuanku di perenggan 20 di mana Tuanku menyebut bahawa Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan di samping agama lain bebas diamalkan. Yang di-Pertuan Agong memperingatkan semua pihak supaya menghormati kedudukan Islam dan tidak mempersoalkannya.

Dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, Islam memang diletakkan di peringkat yang lebih tinggi dari sudut Perlembagaan. Bukan sahaja Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Islam adalah Agama Persekutuan, malahan ianya dipelihara sehingga sampai ke peringkat di bawah Artikel 150(6A) Perlembagaan dalam keadaan Yang di-Pertuan Agong atau Parlimen di dalam keadaan darurat boleh menggantungkan semua undang-undang semasa darurat tetapi mereka tidak boleh mengganggu undang-undang Islam.

Begitu Islam diletakkan tinggi dari segi Perlembagaan. Namun apa yang berlaku pada hari ini, seperti yang diperingatkan oleh Yang di-Pertuan Agong, seolah-olah ada satu suasana dilihat agama Islam pula dipertikaikan. Saya ingin merujuk terus kepada isu berkaitan dengan penggunaan perkataan atau nama Allah oleh beberapa pihak akhir-akhir ini. Saya ingin merujuk kepada kenyataan oleh editor akhbar *The Herald*, Lawrance Andrew yang mencabar Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan larangan penggunaan perkataan Allah yang mereka nyatakan walaupun ada larangan daripada Kementerian Dalam Negeri, mereka akan terus mempergunakannya.

Saya tidak mahu berhujah atau berbahas dari sudut teologinya, apa yang saya hendak bangkitkan ialah kenyataan oleh Lawrence Andrew editor akhbar *The Herald* ini yang menyatakan bahawa nama Allah juga adalah nama tuhan bagi Kristian di dalam bahasa Melayu. Saya merujuk, saya mengajak saudara Lawrence Andrew dan lain-lain supaya merujuk contohnya ensiklopedia Britannica di muka surat 276 *volume* 1 di mana perkataan Allah ditafsir dengan kenyataan dengan izin Tuan Yang di-Pertua "*Allah the one and only God in the religion of Islam. Allah is the pivot of the Muslim faith*". Di dalam *Collins English Dictionary* muka surat 37, "*Allah - Islam the principle Muslim name for God the one supreme being*". Di dalam Ensiklopedia Hutchinson muka surat 27 "*Allah - Islamic name for God. The Quranic concept of Allah littress on his uniqueness and his roll as the omniscience authority of human*".

Jadi kalau kita tengok daripada tafsiran-tafsiran ini, jelas menunjukkan bahawa perkataan Allah merujuk kepada ketuhanan Islam. Terutamanya dalam konteks negara kita Malaysia ini. Jadi saya tidak faham apabila Lawrence Andrew editor akhbar *The Herald* menyatakan bahawa nama tuhan bagi Kristian dalam bahasa Melayu ialah Allah.

Soalan yang saya ingin kemukakan, adakah nama tuhan ini berbeza mengikut bahasa atau mengikut bangsa. Contohnya mengapa di dalam kitab Bible versi bahasa Inggeris tidak ada wujud pun perkataan Allah. Mengapa dalam Bible versi Perancis, tidak adapun nama Allah? Kenapa dalam Bible versi bahasa Tamil tidak ada nama Allah? Kenapa di Malaysia bahasa Melayu hendak digunakan perkataan Allah?

Adakah nama tuhan itu berbeza mengikut bangsa atau mengikut bahasa sedangkan konsep kepada ketuhanan itu mestilah konsisten. Sama ada bahasa Perancis, bahasa Inggeris, bahasa Tamil, bahasa Melayu dan lain-lain bahasa.

Jadi ini bawa kepada persoalan. Persoalannya ialah apakah matlamat atau tujuan mereka berkeras mahu menggunakan perkataan Allah. Sedangkan di dalam bahasa Melayu *God* bermakna Tuhan. Allah adalah satu konsep ketuhanan yang unik bagi orang Islam terutamanya bangsa Melayu di Malaysia yang dikaitkan dengan tuhan yang satu seperti yang saya sebut yang ditafsirkan oleh ensiklopedia dan *dictionary* yang dirujuk sebentar tadi. Yang saya khawatirnya, cubaan hendak menggunakan perkataan Allah sebagai nama tuhan ini mempunyai niat yang lain termasuk yang boleh mengelirukan umat Islam. Contoh yang saya bawa Tuan Yang di-Pertua, kita menemui risalah-risalah seperti ini.

Risalah yang dikeluarkan oleh beberapa kumpulan *missionary*. Yang ini kita jumpa di Sekolah Kebangsaan Taman Kosas Ampang. Hampir 100% pelajarinya Melayu diberikan kepada pelajar-pelajar itu komik seperti ini bertajuk 'Jalan Kepada Allah' yang di dalamnya menceritakan satu konsep yang sangat berbeza mengikut fahaman Islam di sini iaitu konsep bahawa Allah mempunyai anak. Begitu juga kita menjumpai risalah yang disebar di sekitar Kuala Lumpur pada setiap malam minggu seperti di Dataran Merdeka. Ini diperolehi di Dataran Merdeka disebar oleh sekumpulan *missionary*... [Sambil menunjukkan risalah yang dimaksudkan]

...yang menyebut bagaimana mengenal Allah dan diberikan kepada orang-orang Melayu. Contoh...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sekejap-sekejap, hendak habiskan yang ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Kalau Yang Berhormat....

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak habiskan sekejap sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Okey, okey.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Contoh, mereka mengeluarkan satu buku yang diberikan secara percuma diberikan dengan tajuk Al-Kitab. Kalau kita tengok dari segi nama, kita akan keliru seban tidak disebutkan apa-apa pun di sini. Apabila kita buka baru kita perasan bahawa Al-Kitab ini rupanya nama baru Bible dalam bahasa Melayu yang penuh dengan perkataan-perkataan Melayu yang boleh mengelirukan kita. Ini termasuk yang kita temui komik disebar dalam dua tahun lepas dan sampai sekarang masih disebar di setiap rumah, disumbat di peti-peti surat dengan tajuk kisah paling menarik yang pernah diceritakan.

Yang diceritakan di sini dalam bahasa Melayu yang menyatakan bahawa saya baca sedikit untuk kita lihat kesan dia.

“Allah memakai 40 orang budi, mereka menulis 66 kitab selama 1500 tahun. Semua cucuk satu dengan lainnya. Allah yang dapat membuat buku seperti ini. Allah kan tidak mengarang buku ya ayah? Allah itu seperti apa ayah? Allah mengasihi dan menolong kita. Kalau kita minta tolong daripadanya kita kudus, kita tidak dapat melihat dia tetapi dia melihat dan mengetahui semuanya. Dia dapat melakukan apa sahaja. Ayah akan ceritakan kisahnya.”

Kemudian diceritakan kisah tentang Allah yang berakhir dengan Allah menghantar anaknya untuk menyelamatkan manusia. Jadi risalah-risalah seperti ini yang kita khawatir. Kita tidak ada masalah, saya tidak ada masalah dengan mereka mahu menggunakan bahasa Melayu, mahu menyebarkan risalah bahasa Melayu, tetapi menggunakan perkataan Allah itu sendiri. Dalam konteks seperti ini, bukan sahaja sangat mengelirukan, boleh menyebabkan berlaku perasaan tidak puas hati.

Saya berceramah mengadakan kuliah boleh kata setiap hari sama ada Zuhur atau Maghrib di pelbagai surau atau masjid. Ramai orang yang beragama Islam berasa tidak puas hati dengan perkara seperti ini. Kalau mereka hendak keluarkan risalah dalam bahasa Melayu, silakan. Akan tetapi perkataan Allah mengapa mereka berkeras juga mahu menggunakan perkataan Allah dalam keadaan mereka menyedari bahawa ianya boleh mengelirukan umat Islam khususnya bangsa Melayu dalam negara ini. Silakan Yang Berhormat Rompin.

■ 1900

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat. Keprihatinan beliau tentang isu ini. Kami pun hendak tahu juga apa Yang Berhormat hujah mengenai gambar-gambar. Boleh Yang Berhormat edar juga kepada kita semua? Terima kasih.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Hendak gambar?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mencelah sedikit. Sedikit sahaja.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ya silakan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi kalau betul mengikut Perlembagaan kita bahawa agama Islam sebagai agama Persekutuan bahawa penyebaran agama-agama lain dilarang mengikut Perlembagaan kita.

Jadi penyebaran dalam bahasa Melayu merupakan satu penyebaran untuk orang-orang Islam. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini iaitu beberapa negeri telah pun ada enakmen berkaitan dengan pengawalan perkara seperti ini dan di Wilayah Persekutuan sendiri menteri telah beri jaminan akan menggubal dan membenteng akta tersebut di Parlimen dalam sidang yang terdekat, insya-Allah. Jadi...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Gambar Elizabeth Wong kah gambar apa? Gambar ini? Insya-Allah saya akan beri. *[Ketawa]* Gurau, gurau. Insya-Allah saya akan berikan.

Jadi yang kita kluatir ini. Kita tidak kluatir tentang mereka hendak menggunakan bahasa Melayu. Memang bahasa Melayu bahasa kebangsaan, gunakan tetapi perkara seperti ini dan ini telah berlaku malahan yang saya sebut komik yang kita dapat ini kita temui tahun 2000 lagi. 30 Oktober tahun 2000. Mengapa komik seperti ini hendak disebar kepada anak-anak Melayu dalam bahasa Melayu? Kenapa tidak disekat hanya kepada di kalangan mereka? Sama seperti al-Kitab ini kenapa perlu diberi kepada orang Melayu? Diberikan kepada seorang petugas kita yang sengaja kita hantar, tengok mereka bagikah tidak bagi. Dia bagi. Jadi ini yang kita kluatir. Saya tidak mahu bercakap dari segi teologi, dari segi fahaman akidahnyia sebab banyak pandangan termasuk di kalangan orang Islam pun banyak pandangan. Akan tetapi dari segi konteks negara kita, dalam konteks sosial kita ianya boleh mengelirukan dan yang lebih parah nanti kita kluatir akan membawa kepada satu keadaan yang tegang kerana akan ada di sana umat Islam yang tidak puas hati, yang tidak mengerti tentang konsep teologi dan hujah-hujah yang ada dengannya.

Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, kita umat Islam di Malaysia hari ini sedang berdepan dengan isu murtad yang sangat serius. Serius bukan dari segi jumlah. Yang ini saya perlu tekankan Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang soal murtad, bukan soal tentang jumlah. Angka pada saya tidak penting. Ada yang kata 5,000, ada kata 200,000, macam-macam angka tapi yang penting di sini tidak ada sistem untuk mengawal dan menyelia perkara ini. Sebab sudah sampai ke tahap yang serius termasuk di Malaysia sekarang ini kita sudah ada yang paling mengejutkan saya, sudah ada. Kalau dahulu kita dengar kes Aishah Bukhari yang saya buat sendiri, kes pelajar-pelajar maktab yang telah murtad sekarang sudah sampai ke peringkat ustazah, ustaz, lulusan Al-Azhar yang sudah mengajar begitu lama boleh murtad keluar daripada Islam.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sila, jangan banyak.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Apa kebimbangan Yang Berhormat tentang isu ini saya rasa bukan Yang Berhormat sahaja. Ramai, boleh dikatakan majoriti umat Islam amat bimbang isu ini. Satu lagi isu yang juga bimbang dalam perkara yang sama mungkin Yang Berhormat maklum, satu negeri hendak cadangkan tubuh satu majlis perundangan agama, satu negeri. Apa pandangan Yang Berhormat di sini sebab di sini kadang-kadang sama-sama kita dalam Dewan pun berpandangan yang sama mungkin bukan sahaja dalam parti. Kita memang menyokong tapi parti yang lain kadang-kadang tidak juga pandangan yang lain.

Saya tak mahulah sebut tentang Yang Berhormat Shah Alam sebab dia *ghodong* saya tetapi Yang Berhormat Shah Alam kadang-kadang dia mungkin berbeza juga, saya tak mahulah sebut itu tapi apa pandangan Yang Berhormat tentang ura-ura untuk mengadakan majlis perundangan agama seperti satu negeri yang mungkin Yang Berhormat sendiri mengetahuinya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kita telah mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan beliau menyatakan bahawa yang ditubuhkan itu ialah majlis silaturahmi. Majlis kenal-mengenal bukan majlis perunding agama. Kita sudah dapat penjelasan daripada itu. Apa yang berlaku ialah ada akhbar mengambil sikap untuk memutar belit berita itu untuk melaga-lagakan kita, sebenarnya tidak. *[Tepuk]*

Akan tetapi kita ambil sikap yang sangat jelas. Kalau ada cadangan atau ura-ura hendak menubuhkan IFC (Interfaith Commission) kita akan tentang habis-habisan. *[Tepuk]* Akan tetapi yang ditubuhkan di Pulau Pinang dan saya sendiri telah bertanya dengan sahabat saya Yang Berhormat Malik yang menjaga bahagian agama, Exco Agama, beliau menyatakan bahawa ianya adalah majlis silaturahmi antara agama. Saya rasa adalah satu idea yang sangat bagus supaya kita kenal-mengenal. Itu yang disebut dalam ayat Quran pun supaya kita kenal-mengenal tapi

yang lebih seriusnya Tuan Yang di-Pertua ialah kita sudah sampai ke satu peringkat gejala murtad sudah sampai ke peringkat ustaz dan ustazah. Saya ada surat sumpah mereka sendiri di sini yang mengisytiharkan diri mereka murtad, keluar daripada Islam.

Jadi apakah yang dilakukan untuk menangani masalah seperti ini. Kita ada di kalangan kita Nuraishah Bukhari, Hartina Kamarudin, Kamariah Ali, Azlina Jailani yang masih murtad di luar sana duduk bersama dengan kita. Apakah langkah yang diambil oleh badan-badan yang dipertanggungjawabkan. Kita bukan hendak suruh pergi tangkap masuk dalam lokap, tidak. Tapi kita kena menunjukkan pendekatan Islam yang sebenarnya iaitu mendekati balik mereka, cuba bawa mereka balik kepada Islam.

Saya tengok tidak ada usaha. Langsung tidak ada usaha untuk mendekati orang seperti Hartina Kamarudin, tidak ada usaha untuk mendekati Azlina Jailani, tidak ada usaha mendekati Kamariah Ali, tidak ada usaha dibuat untuk mendekati mereka.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kulim Bandar Baharu. Saya ingin berkongsi pengalaman dengan Yang Berhormat berhubung dengan isu murtad di negara kita ini. Seperti mana Yang Berhormat bangkitkan dalam penghujahan Yang Berhormat tadi iaitu berhubung dengan keinginan untuk menggunakan juga perkataan Allah terselindung maksud di sebalik itu dengan niat-niat yang tertentu tetapi apabila Yang Berhormat bangkitkan nama rakan-rakan kita yang telah pun murtad ini kita melihat seolah-olah ada usaha-usaha selain daripada gerakan-gerakan sulit yang berlaku yang menggunakan budaya misalnya cara mengajar Bible ataupun kitab Injil dengan menggunakan rehal dan sebagainya itu telah dibuat di beberapa tempat di Kuala Lumpur ini.

Jadi saya ingin penjelasan Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kita melihat secara menyeluruh supaya gerakan-gerakan sulit untuk menyesatkan umat Islam ini dibendung, dipertahankan dan kita harus menghapuskan gerakan-gerakan ini dengan apa jua cara pun dengan kadar yang segera. Apa pandangan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya teringat kepada ayat Allah di dalam Suratul Baqarah ayat 120. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* di mana Allah memperingatkan kita tentang usaha-usaha daripada kalangan bukan Islam yang sehingga kiamat tidak akan berhenti untuk menyesatkan kamu mengikut cara mereka.

Jadi kita lihat dalam konteks itu dan apa yang perlu ialah kita mempertingkatkan usaha dakwah, kita perlu mempertingkatkan usaha pendidikan, kita kena ubah balik. Contohnya dasar pendidikan seperti kita lihat Dasar Pendidikan Negara hari ini menjadikan subjek Islam sebagai subjek sampingan. Boleh pilih antara lukisan dengan Islam. Kalau tidak lulus pun tak apa. Jadi

perkara-perkara seperti ini kita perlu lihat balik sebelum kita mula menuding jari kepada golongan lain, kita tengok kita dahulu. Kita tengok kelemahan kita dahulu. Banyak kesilapan yang telah kita lakukan termasuk seperti yang saya sebut kepada Yang Berhormat Hulu Terengganu, yang saya cuba bangkitkan ialah penghapusan tulisan jawi oleh kita sendiri. Tangan kita sendiri yang menghapuskan tulisan jawi menyebabkan generasi hari ini buta jawi yang kita sedia maklum jawi ini ada kaitan dengan Islam. Kita tidak nafikan usaha-usaha untuk merosakkan akidah umat Islam berlaku setiap masa sebab Allah bagi tahu kita perkara itu.

■1910

Akan tetapi kenapa kita sendiri tidak berusaha memperbaiki diri kita dengan dasar pendidikan yang baru, dengan pendekatan dakwah yang baru tanpa kita mula mempersoalkan orang lain sambil-sambil kita menjaga itu. Yang Berhormat Shah Alam hendak menyampuk? Ha insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, selepas respons kepada penjelasan daripada Yang Berhormat Shah Alam, lepas itu gulung ya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kulim. Saya cukup berpuas hati dengan kesimpulan yang terakhirlah yang dibuat yang mana saya rasa menyelesaikan ataupun mengenal pasti punca dan masalah sebenar iaitu bukan soal kita nak salahkan orang Kristian. Ini kerana mereka menghayati agama Kristian mereka ataupun kita nak marah orang Buddha kerana menghayati agama dan falsafah Buddha mereka. Akan tetapi masalah yang utama ialah bahawa umat Islam tidak diberikan kefahaman yang benar-benar kukuh berhubung dengan Islam itu sendiri. Dalam soal ini, ianya bukan hanya persoalan fahaman secara teori tetapi pelaksanaan daripada segi penghayatan, wujudnya kerajaan yang bersih, yang telus.

Jenis kerajaan yang seperti mana pada zaman Khulafa' Ar-Rasyiddin, jenis kerajaan yang seperti mana pada zaman Umar Abdul Aziz yang mana dengan itu akan meyakinkan umat Islam itu sendiri akan kebenaran Islam dan inilah bagi saya penyelesaian yang terbaik. Bukan soal kita nak halang orang Hindu, nak robohkan kuil mereka ataupun apa-apa sahajalah. *It is* dengan izin *our own making* yang oleh kerana kita sendiri yang perlekehkan Islam, kita sendiri yang perlekehkan ajaran-ajaran Islam. Maka tidak hairan bagaimana orang merasa ragu-ragu bila datang fatwa-fatwa yang pelik-pelik, yang tidak memberikan penjelasan dan sebagainya lah. Lalu saya cukup sokong walaupun kita berbeza pendapat daripada sudut perkataan kalimah "Allah" itu kerana kalau kita rujuk kepada al-Quran banyak ayat tapi saya tak nak masuklah pada hari ini kerana panjang tapi kesimpulan itu cukup baik. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya cukup setuju dengan rumusan sahabat saya dari Shah Alam. Jangan kita kerana kita dapat berita atau maklumat konon ada

kumpulan-kumpulan tertentu cuba nak memurtadkan orang Islam maka kita kelam kabut angkat parang pergi kejar dia. Salahnya salah kita. Kita yang tak mendidik anak generasi kita, kita tidak mengadakan sistem yang sepatutnya kita adakan dan yang paling penting seperti sahabat saya sebut, kita tidak menunjukkan akhlak Islam yang sebenarnya di kalangan kita.

Jadi ini mencetuskan kekeliruan termasuk di kalangan orang Islam sendiri. Mana satu yang betul, mana satu Islam yang betul. Hadhari kah betul, yang ini kah betul kita tidak tahu. Jadi kita perbetulkan diri kita itu dulu tetapi masalah dia yang kita nak sebut hari ini, kita tidak ada sistem itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua ada dua perkara pendek yang saya hendak sentuh sambungan daripada itu tadi iaitu menyambung daripada...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sekijang, sekijang.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Minta maaf, minta maaf.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sikit saja, boleh?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Menyambung daripada apa yang disebut oleh kenyataan sahabat saya dari Shah Alam, saya telah membangkitkan contohnya isu bertafakur di Tugu Negara. Menteri sudah jawab cara jawapan bertulis menyatakan bahawa mereka mengakui bahawa di dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan pada Oktober 1987. Ini bahawa Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bertafakur oleh orang Islam termasuk anggota polis atau tentera di hadapan Tugu Negara adalah perbuatan syirik yang perlu dihentikan serta-merta.

Menteri menjawab dalam soalan yang saya kemukakan, mereka kata mereka masih berusaha untuk menghentikan perkara ini. Masih berusaha, sudah 50 tahun merdeka dok berusaha lagi? Hentikanlah. Saya hendak tanya ini kerana perkara ini boleh membawa kepada syirik. Bukan kata saya, kata Majlis Fatwa Kebangsaan tahun 1987. Berapa ribu anggota polis dan tentera terpaksa mengamalkan syirik? Ini kerana ada kerajaan yang masih penakut tak mahu nak hentikan perkara ini. Jadi pada saya, kalau nak diadakan upacara, jangan babitkan anggota-anggota keselamatan daripada kalangan yang beragama Islam kerana Majlis Fatwa Kebangsaan sendiri yang menyebutkan bahawa perbuatan tersebut adalah perbuatan syirik.

Termasuklah Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dengan dasar kerajaan membenarkan syarikat penerbangan seperti AirAsia memaksa gadis-gadis Islam yang menjadi pramugarnya untuk menggunakan pakaian yang terlalu menjolok mata. Ramai di antara mereka mengadu nasib, mereka tidak diberi pilihan. Kita bukan nak paksa semua pramugari pakai tudung, pakai mengikut Islam tetapi mendabik dada menyatakan kita negara Islam, contoh negara Islam Hadhari. Mengapa kita tidak beri pilihan kepada pramugari-pramugari ini? Siapa tak mahu pakai tudung 'fadha', silakan tapi bagi yang hendak pakai tudung, berilah ruang kelonggaran kepada mereka.

Baru-baru ini berlaku satu kemalangan yang menyebabkan mereka jadi takut. Salah seorang daripada pramugari AirAsia ditemui mati kemalangan di *roundabout Concorde*

berhampiran KLIA. Semasa mayat dia ditemui, dalam keadaan yang sangat mengaibkan. Sudahlah skirt pendek, baju dah terdedah, mati dalam keadaan begitu. Ini menakutkan di kalangan pramugari-pramugari AirAsia yang ada. Jadi, mereka minta bila kita naik penerbangan AirAsia, mereka minta “YB, tolonglah bagi tahu. Kami bukan nak paksa kawan-kawan kami yang tak nak pakai tudung, pakai tapi kami yang nak pakai, bagilah kami pakai”.

Kenapa tak boleh buat sedangkan syarikat-syarikat gergasi antarabangsa seperti Saudi Air, Emirates Air Airways, Brunei Airlines, mereka boleh buat. Mengapa kita tak boleh buat? Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, aduan oleh kakitangan MAS, penerbangan MAS dan syarikat peruncitan 7-Eleven mengadu mereka terpaksa menjual arak di premis mereka. Mengapa kita perlu benarkan penjualan arak di penerbangan MAS ataupun di 7-Eleven? Justeru, 7-Eleven syarikat runcit, duduk di taman-taman perumahan. Sedangkan kita belajar daripada kecil, ini kata sahabat saya dari Shah Alam tadi. Kita tahu hukum itu, kita pergi buat. Kita tahu daripada kecil tentang hukum berkenaan arak tapi kita benarkan syarikat seperti 7-Eleven menjual arak di taman-taman perumahan yang mana seperti di Keramat contohnya, 7-Eleven depan [*Gangguan teknikal*] dok menjual arak.

Jadi, saya minta supaya pendirian yang jelas diambil oleh kerajaan dalam perkara seperti ini. Saya sedar Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam dunia tanpa sempadan hari ini kita perlu lebih terbuka. Sebab itu saya bersedia untuk berdialog malahan saya sendiri pernah berdialog dengan banyak badan termasuk dengan badan seperti Majlis Perunding Agama Hindu, Kristian, Buddha dan Sikh. Saya pernah berdialog dengan beberapa badan bukan Islam tetapi yang pentingnya dialog itu perlu diadakan dalam keadaan terkawal, dalam keadaan beradab dan dalam keadaan golongan yang ada *authority*.

Katakan daripada Islam, kita panggil golongan ulama, golongan mufti untuk mengadakan dialog, berbincang. Jangan kita panggil kumpulan-kumpulan yang kita boleh persoalkan ilmu dia berkaitan dengan Islam. Jadi saya syorkan supaya lebih banyak diadakan dialog-dialog dengan kumpulan-kumpulan bukan Islam ini supaya kita mendapat persefahaman dan cadangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewujudkan Majlis Silaturahmi Antara Agama. Ini satu cadangan yang baik pada saya untuk kita sama-sama mengenal agama masing-masing.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Parlimen ini, saya cadangkan ditubuhkan satu kokus berkaitan dengan Islam dan dinamakan Jawatankuasa Kokus Parlimen Malaysia bagi Hal Ehwat Islam dan saya cadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjadi pengerusinya. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit perkara berkaitan dengan bahasa Melayu kerana bahasa Melayu dengan agama Islam tidak boleh hendak dipisahkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat dua minit.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Berkaitan dengan tulisan jawi, kita melihat bahasa Melayu telah dikhianati dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pendidikan

Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, kita bukan bercakap soal Perlembagaan, kita bukan bercakap soal undang-undang, kita bercakap soal jati diri, kita bercakap soal identiti, kita bercakap soal tamadun, kita bercakap soal *survival* bangsa dan agama.

■ **1920**

Saya masih ingat semasa dasar menghapuskan tulisan jawi dibuat pada tahun 1960, kesannya hari ini setelah lebih 40 tahun, 50 tahun. Dasar itu dibuat kesannya hari ini, ramai anak Melayu hari ini buta tulisan jawi dan ada kaitan dengan buta al-Quran kerana mereka buta tulisan jawi. Sekarang kita melaksanakan dasar mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Kesannya bukan hari ini, kesannya lagi 10 tahun, 20 tahun, anak-anak Melayu sebagaimana mereka buta tulisan jawi akibat dasar tahun 60-an, mereka akan jadi buta Matematik, buta Sains kerana dasar yang dibuat pada hari ini.

Sebab itu pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya minta sangat terutamanya Menteri Pelajaran yang ada hari ini, ayahandanya sendiri, Almarhum ayahanda beliau adalah seorang pejuang bahasa Melayu, tulisan jawi pada zaman beliau. Jadi tidakkah boleh anakandanya sendiri mengambil semangat itu dan mendapatkan kekuatan untuk terus mengambil tindakan supaya pengajian dan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini dikembalikan dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Melayu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan. Jazzakallah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Okey, ramai lagi yang ingin bercakap ini. Jadi Ahli Yang Berhormat tahu kan pukul berapa kita harus berhenti. Jadi atas sebab itu saya akan hadkan masa lagi daripada 20 minit, kita bagi 10 minit seorang supaya semua boleh bercakap.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang bercakap lima minit itu lebih baik lagi supaya ramai lagi yang boleh bercakap. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sekijang, selepas itu saya akan bagi sama.. Yang Berhormat Shah Alam selalu saya dengar, yang ini Kuala Terengganu, siapa ini? Yang ini? *[Menuding ke arah Ahli Parlimen]* Selepas itu Yang Berhormat ini pasal PAS saya nampak ada kurang bercakap selepas itu baru saya bagi sama Yang Berhormat Seputeh. Sila Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Rompin nanti saya panggil. Yang Berhormat Rompin selepas Yang Berhormat Shah Alam lah pasal biasanya berkawan sama Yang Berhormat Shah Alam. Sila, 10 minit sahaja Yang Berhormat, kalau boleh lima minit lagi elok.

7.22 mlm.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam pembukaan Dewan kita pada 16 Februari yang lalu. Perkara pertama yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah masalah bahasa Melayu ataupun bahasa kebangsaan. Dalam apa juga keadaannya Tuan Yang di-Pertua,

bahawa bahasa kebangsaan mestilah diutamakan kerana ianya telah pun termaktub di dalam Perlembagaan kita.

Di peringkat antarabangsa misalnya dalam mesyuarat ataupun forum, saya kurang mendengar bahawa bahasa kebangsaan ataupun bahasa Melayu ini diketengahkan kecuali saya kira yang saya tahu ialah semasa Allahyarham Tun Ghafar dulu di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pernah berucap dalam bahasa Melayu dan selepas daripada itu bahasa Melayu ataupun bahasa kebangsaan tidak pernah digunakan di peringkat antarabangsa. Bukanlah maksudnya saya tidak bersetuju bahawa kebolehan bahasa Inggeris itu ada pada pihak-pihak yang tertentu tetapi misalnya kalau sudah ucapan utama itu kita buat dalam bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan tetapi dalam bengkel-bengkel ataupun dalam sidang pleno mungkin selepas itu bolehlah kita menggunakan bahasa Inggeris.

Akan tetapi yang saya mahukan bahawa bahasa kebangsaan itu mestilah diutamakan. Di dalam Dewan Rakyat misalnya kita boleh menilai penggunaan bahasa kebangsaan yang digunakan oleh Ahli-ahli Dewan. Seolah-olah dalam Dewan kita ini macam pasar sahaja Tuan Yang di-Pertua di mana sebutan perkataan begitu tidak jelas, apatah lagi ayat-ayat yang digunakan lintang pukang. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua bahawa Ahli-ahli Dewan yang tidak fasih menggunakan bahasa kebangsaan ini dihantar berkursus dulu sebelum masuk ke Dewan ini supaya Dewan kita ini boleh menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul dan teratur.

Ini kerana apa juga perbuatan dan perkataan yang kita ungkapkan di dalam Dewan ini akan ditonton ataupun akan ditengok oleh anak-anak kita dan mereka mentertawakan kita dan mereka menyatakan bahawa kawan dia yang Darjah 1 pun lebih baik bahasanya daripada kita di Dewan ini. Jadi...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh minta jalan?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang daripada petang semalam dia ada tentang buat komen kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya sendiri merasa amat kesal sebab saya pun seorang yang dari sekolah rendah sampai sekolah menengah pun dengan aliran sekolah pendidikan Cina. Semasa saya dipilih sebagai wakil rakyat, sungguhpun saya cuba sedaya upaya untuk belajar bahasa Malaysia dan saya anggap bahawa tanggungjawab seorang Ahli Parlimen ialah untuk datang ke Parlimen menyuarakan bagi pihak rakyat demi kepentingan dan kedudukan rakyat. Akan tetapi bukan ujian bahasa di Dewan yang mulia ini.

Saya sependapat jika kita tidak ada cuba atau belajar atau cuba berucap dalam bahasa Malaysia tetapi jangan kita buat komen kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya ingat komen itu juga termasuk dengan beberapa orang Timbalan Menteri juga tidak dapat juga

berucap dengan sedemikian. Sebab itu saya haraplah kalau boleh kita jangan buat komen sebegini. Terima kasih.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Saya tadi tidak menyebut Yang Berhormat Bukit Mertajam ataupun sesiapa, saya bercakap secara menyeluruh tetapi kalau siapa yang makan lada dia terasa pedasnya. Sebab saya beranggapan bahawa saya ingin memberitahu di dalam Dewan ini bahawa kita ini dituntut, atau ditengok, dilihat oleh anak-anak kita. Kalau kita sendiri tidak betul macam mana Tuan Yang di-Pertua, kita ingin mengajar anak kita berjalan dengan betul Tuan Yang di-Pertua? Itu maksud saya. Itu kalau telah terasa, terpulanglah kepada diri masing-masing.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat, bolehkah sedikit tambahan?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Kota Melaka. Bagi saya Yang Berhormat Kota Melaka, bagi saya Yang Berhormat Sekijang, asal saya faham biarlah itu bahasa Melayu kah, bahasa Malaysia kah. Sila teruskan Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin beralih kepada perkara yang kedua, saya mendapati bahawa pembangunan FELDA adalah satu skim yang cukup baik dikendalikan oleh kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan untuk golongan-golongan yang kurang berada yang tinggal di kawasan luar bandar. Apatah lagi pentadbiran FELDA pada ketika ini terletak terus di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Banyak manfaat dan bermacam-macam kemudahan dan bantuan telah diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA ini.

Apa yang saya kesalkan Tuan Yang di-Pertua ialah sikap segelintir pegawai dan kakitangan FELDA itu sendiri yang tidak peka dan sensitif dengan peneroka-peneroka di bawah jagaannya. Mereka mengambil sikap sambil lewa dan ada di antaranya mempunyai kepentingan diri. Pemilihan ketua blok misalnya dan pemilihan naib JKKR misalnya adalah berdasarkan kepada kehendak mereka sendiri bukan kehendak kepada peneroka itu. Seolah-olah tidak ada demokrasi kepada peneroka-peneroka FELDA ini. Saya telah menerima banyak aduan dan rungutan daripada peneroka-peneroka dan ada kalanya mereka yakni pegawai atau pengurus FELDA ini melantik pemimpin yang telah sedia bermasalah mengikut selera mereka sendiri.

■1930

Perkara ini telah saya sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjaga FELDA ini, tetapi beliau menyatakan bahawa Pegawai FELDA atau Pengurus FELDA itu lebih berkuasa daripada beliau dan ini saya pohon perkara ini agar mendapat perhatian daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah seperti mana di dalam Titah Ucapan Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa rakyat digalakkan mengeluarkan bahan makanan sendiri melalui Program Bumi Hijau. Saya kira langkah ini amat penting dan amat bertepatan dengan keadaan ekonomi sekarang kerana kita berhadapan dengan kegawatan ekonomi yang secara global. Yang penting bagi kita ialah bekalan makanan kita mencukupi. Sila Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin ingatkan kembali ya, masa 10 minit.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Setengah minit. Setengah ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat sudah berucap atau pun tidak.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya ingin berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Sekijang berhubung dengan kedudukan Program Makanan daripada hasrat kerajaan untuk kita memperkenalkan kembali Bumi Hijau. Akan tetapi saya minta benda ini kalau kerajaan hendak buat biar ia konsisten supaya tahap *self-sufficient* atau pun tahap sara diri yang kita buat dulu ini bukan setakat menambah makanan bagi keluarga malah ia dapat dijual untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi; supaya program ini tidak dihentikan ketika kita kekurangan makanan. Biar ianya dibuat secara berterusan. Jangan kita jadi sekejap industri sekejap pertanian. Biar kedua-duanya di sekalikan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya bersetujulah dengan pandangan daripada Arau itu dan dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Dato' Yang di-Pertua, untuk ini saya mohon kerjasama daripada Kerajaan agar memberikan bantuan dan peruntukan yang secukupnya. Kami Wakil Rakyat daripada Barisan National Tuan Yang di-Pertua, sedia menggembleng tenaga untuk bersama-sama dengan Kementerian Pertanian untuk merealisasikan hasrat ini. Dengan syarat peruntukan yang disediakan yang hendak disalurkan adalah mencukupi dan ianya hendaklah ditambah sekali atau dua kali ganda daripada apa yang ada sekarang.

Perkara keempat yang ingin saya bangkitkan ialah tentang masalah penyakit bawaan nyamuk di negara kita ini begitu kritikal sekali Tuan Yang di-Pertua. Ini seperti penyakit demam denggi, dan yang terbaru ini Chikungunya. Apakah kita pernah membuat kajian terhadap ekosistem kita. Sebenarnya serangga ini iaitu nyamuk adalah makanan kepada burung yang berterbangan. Ini termasuk burung layang-layang yang sarangnya dikatakan mempunyai nilai komersial yang tinggi. Apakah Kementerian terbabit pernah menjalankan kajian terhadap ekosistem ini?

Kita pernah menjalankan kajian terhadap burung hantu yang dapat membantu menghapuskan tikus-tikus ataupun perosak-perosak di ladang-ladang di suatu ketika dahulu. Di

mana hasil daripada kajian itu, di ladang-ladang telah memelihara burung hantu ini dan hasil daripada itu telah dapat menyelamatkan berjuta-juta ringgit Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dalam kes demam denggi dan demam Chikungunya ini, nampaknya kita terpaksa juga berbalik kepada ekosistem yang sedia ada kerana saya kira belanjanya cukup murah dan cukup efisien kerana ini adalah kejadian alam semula jadi.

Perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan yang tidak terhingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan melepaskan jawatannya pada akhir Mac yang akan datang. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri mulai daripada akhir Mac yang akan datang ini Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

7.35 mlm.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]. Allah. Apa jadi ini? [Ketawa]. Aduh. Saya ini. Kuala Krau ganggu. Saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk saya menjunjung kasih melalui perbahasan Titah Seri Paduka Baginda. Saya melihat bahawa Seri Paduka Baginda memulakan titahnya dengan membincangkan masalah ekonomi dunia yang akan turut menjejaskan ekonomi negara kita.

Ini sememangnya adalah seperti yang sepatutnya memandangkan persoalan ekonomi ini adalah persoalan penting yang akan menjejaskan kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan rakyat tegas baginda melalui titahnya perlu dipelihara. Adalah harapan saya bahawa Mini Bajet yang bakal dibentangkan memenuhi harapan Seri Paduka Baginda dan tidak lagi merupakan belanjawan yang mengutamakan projek-projek mega demi mengayakan kroni-kroni tertentu.

Sekiranya kesejahteraan rakyat diutamakan maka perjanjian-perjanjian penswastan yang membebankan rakyat di antaranya yang melibatkan bekalan air dan tol perlu dikaji semula. Saya ingin merakamkan kekecewaan saya terhadap tindakan Kerajaan Pusat yang ingin memintas pembelian SYABAS oleh Kerajaan Negeri Selangor. Usaha murni Kerajaan Negeri Selangor untuk membeli SYABAS supaya dengan itu melepaskan rakyat Negeri Selangor dari perjanjian yang zalim dan berat sebelah yang telah ditandatangani oleh Kerajaan BN Selangor dulu digagalkan. Maka usaha ini digagalkan.

Adakah ianya digagalkan semata-mata untuk menggagalkan Kerajaan Negeri Selangor membuktikan kemampuannya berkhidmat untuk rakyat, sedangkan Seri Paduka Baginda memesan supaya Kerajaan Pusat menjamin kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Keikhlasan Kerajaan Negeri Selangor dalam soal ini terbukti melalui dasar 20 meter kiub percuma selama ini dan ketidakikhlasan Kerajaan BN pula terbukti melalui perjanjian yang zalim yang telah ditandatangani dan melalui tindakan memintas ini.

Saya difahamkan pula, bahawa kadar tol akan dinaikkan di beberapa *concessionary* lagi. Ini jelas bercanggah dengan sifat Kerajaan yang prihatin dan tidak menghormati mesej yang terkandung di dalam Titah Agong sendiri. Begitu juga persoalan kadar-kadar elektrik dan telekomunikasi yang dikenakan tanpa adanya satu sistem persaingan atau pemantauan yang berkesan yang boleh mengawal harga ini.

Bajet Mini atau dasar-dasar Kerajaan Pusat bermatlamatkan sebaliknya iaitu tidak berusaha ke arah terjaminnya kesejahteraan rakyat. Hanya untuk kepentingan kroni. Sekiranya itulah matlamatnya maka ianya satu penderhakaan.

Dalam soal menangani masalah ekonomi, saya kagum dengan cadangan Batu Pahat supaya sistem dinar emas diguna untuk menggantikan sistem kewangan yang sedia ada. Keberanian ini bagaikan keberanian pengembara awalan sanggup menyeberangi *Enchanted Water* belayar keliling dunia. Hanya saya hairan bagaimana keberanian ini lenyap begitu sahaja apabila diajak menyeberangi Selat Melaka iaitu apabila dicadangkan supaya dasar yang selama 30 tahun iaitu DEB dikaji semula sehingga bersandarkan kepada hujah orang lain dia menganggap bahawa dengan izin *survival* negara Malaysia itu sendiri yang akan terjejas.

Maka satu dasar yang begitu besar yang melibatkan seluruh dunia iaitu sistem kewangan dia berani hendak cadangkan supaya cuba sistem yang baru tetapi satu dasar yang ketot-kemetot yang DEB ini hendak sentuh pun tidak boleh. Lalu manalah perginya?

Seri Paduka menzahirkan kedukacitaannya terhadap persoalan perkauman yang berterusan walaupun kita telah merdeka selama 51 tahun. Baginda menegaskan bahawa hak setiap rakyat akan sentiasa dipelihara. Amatlah jelas bahawa perlindungan hak atau dalam perkataan lain keadilan amatlah penting untuk mewujudkan keamanan perpaduan dan kurangnya perpecahan dan perkauman.

■1940

Dalam soal ini, mana-mana pihak yang mengapi-apikan semangat perkauman dengan menuduh kononnya ada pihak lain yang ingin mencabar prinsip-prinsip kenegaraan yang termaktub dalam Perlembagaan adalah bukan sahaja membohongi rakyat tetapi juga derhaka terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini konsep derhaka yang sebenarnya. Walaupun kita sedar bahawa ada pihak yang tidak mempunyai modal lain selain isu perkauman untuk menjamin kesinambungan politik mereka, ini tidak merupakan alasan yang munasabah atau yang boleh diterima supaya mereka derhaka terhadap pesanan Baginda.

Baginda juga menyentuh soal kejatuhan sebuah empayar disebabkan fitnah, hasad dengki dan perpecahan. Atas sebab itu maka pengamal-pengamal media termasuk penulis-penulis *blog* hendaklah lebih beretika dan bertanggungjawab ujar Baginda.

Walaupun ada yang suka menumpu kepada persoalan *bloggers*, sebenarnya *bloggers* ini hanya muncul dan mendapat perhatian ramai apabila media perdana jelas begitu berat sebelah

dan tidak adil. Itulah sebabnya maka mengapa Baginda menyebut pengamal media sekali. Ramai daripada *bloggers* ini adalah wartawan yang melihat berita yang ditulis mereka disekat dan tidak disiarkan kerana menyentuh golongan-golongan tertentu.

Akhirnya apabila tiada saluran lain yang sanggup menyiarkan maklumat yang telah mereka peroleh, mereka mula ke *blog*. *Blog* juga digunakan apabila dilihat proses pengadilan disekat dan fakta-fakta jelas yang menjadi buah mulut dan dipersoalkan rakyat tidak dijawab. Fenomena yang berlaku adalah sebagai reaksi terhadap kepincangan pentadbiran Barisan Nasional yang menyekat, menguasai dan menyalahgunakan media masa serta institusi-institusi kerajaan termasuk kehakiman.

Kepincangan ini perlu diperbetulkan. Adalah perlu difahami bahawa membenarkan kepincangan ini berterusan adalah tindakan derhaka yang jelas dan nyata. Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda juga menyentuh peranan yang perlu dimainkan oleh polis di mana Baginda mengingatkan bahawa "*PDRM hendaklah sentiasa berusaha memerangi jenayah demi kesejahteraan rakyat.*" Usaha mengarahkan PDRM untuk menutup jenayah atau membenarkan mereka melakukan jenayah seperti pembunuhan dalam tahanan adalah satu tindakan penderhakaan yang terkutuk. Begitu juga penggunaan institusi ini untuk kepentingan politik golongan tertentu.

Peranan SPRM dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang semestinya memainkan peranan yang ditetapkan. Menggunakan SPRM untuk kepentingan politik sendiri seperti memburu pemimpin parti lawan semata-mata sambil membenarkan rasuah ahli parti sendiri tanpa apa-apa siasatan adalah satu penderhakaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa PAS dan Pakatan Rakyat akan bersungguh-sungguh menentang amalan-amalan penderhakaan yang seperti tersebut di atas. Lalu janganlah dianggap apa yang berlaku di Perak sahaja soal cara kita mentadbir dan menggunakan amanah yang diberikan kepada kita sebagai satu amanah yang mana pesanan Duli Yang Maha Mulia adalah amat jelas. Kalau kita langgar pesanan-pesanan ini maka ianya juga merupakan satu penderhakaan.

Dalam kesempatan ini saya ingin juga menyentuh bahasa kesat yang digunakan oleh sebahagian Ahli Parlimen di dalam Dewan ini. Perkara ini juga disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Perlu difahami perangai sebegini adalah digolongkan sebagai salah satu sifat golongan munafik yang mana sabda Rasulullah SAW mafhumnya, tanda munafik ada empat:

- (i) apabila dia bercakap dia menipu;
- (ii) apabila dia diberi amanah dia khianat;
- (iii) apabila dia berjanji dia mungkir; dan
- (iv) apabila dia berbalah dia melampaui batas.

"*Wa iza khasoma fajara, fajara*". Ini bererti meletup, luar kawalan termasuk keluarlah segala kata-kata kesat seperti anjing, bangsat, babi dan sebagainya. Saya ingin menasihati yang bertutur begitu jangan pandai menuduh orang lain munafik. Cermin muka sendiri dahulu. Jangan juga kita bercakap mendabik dada, saya bercakap mewakili orang Melayu sedangkan kita ini daripada parti yang ahlinya hanya seorang. Kitalah presidennya, kitalah setiausahanya, kitalah ahlinya tetapi bangun dengan bangga kata dan bercakap mewakili semua orang Melayu.

Begitu juga soal pendidikan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Saya harap Yang Berhormat Menteri tumpukan matlamat pengajaran sesuatu mata pelajaran apabila ianya di ajar. Dalam erti kata yang lain, apabila mengajar Matematik maka apa yang ingin diajar adalah Matematik bukan bahasa Inggeris. Yang ingin ditingkatkan adalah kemahiran Matematik, bukan kemahiran bahasa Inggeris.

Sekiranya ingin menambahkan kemahiran bahasa Inggeris, apa yang perlu ialah mengajar bahasa Inggeris dan menambah masa yang digunakan untuk pendidikan bahasa Inggeris. Kalau tidak akhirnya matlamat yang kita inginkan hendak ajar Matematik pun tidak tercapai, hendak tingkatan bahasa Inggeris pun tidak tercapai dan amat malang mungkin bagi wakil kita Yang Berhormat Kota Belud hasil daripada enam tahun maaf dia tidak ada tetapi saya hendak sebut enam tahun pengajian Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris nampak gaya pada hari itu dia pun tidak faham apa yang ditulis dalam bahasa Malaysia oleh Ketua Dewan Ulama Parti PAS iaitu apabila Ketua Dewan Ulama Parti PAS iaitu Yang Berhormat Dato' Daud Iraqi telah menyebut bahawa perkataan Allah itu tidak salah digunakan oleh orang-orang yang bukan Islam khususnya orang Nasrani dan orang Yahudi.

Akan tetapi apabila perkataan ini digunakan untuk membawa pengertian Tuhan dalam bentuk dan kefahaman orang-orang Nasrani maka iaitu Tuhan itu tiga dan sebagainya maka salah bagi orang Islam untuk berpegang kepada konsep itu. Saya rasa apa yang ditulis itu amat jelas tetapi mungkin oleh kerana kita punya standard bahasa Malaysia pun sudah jauh turun hasil daripada keadaan di mana bahasa Malaysia ini diabaikan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional itu sendiri maka wakil rakyat daripada Kota Belud tidak faham tulisan dalam bahasa Malaysia.

Insyallah kalau berpeluang jumpa saya boleh jelaskan lagilah. Lalu saya rasa itulah yang hendak saya sampaikan pada petang ini dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya berbangkit ke atas Peraturan Mesyuarat 26(1)(b) bersabit hal kes jenayah oleh Ahli Parlimen di mana tiada notis adalah diperlukan dan juga seksyen 9 dan 11 dengan izin *Houses the Parliament Privileges and Powers Act 1962*. Memandangkan apa yang berlaku hari ini di perkarangan Parlimen jam lebih

kurang 2.45 petang di mana saya telah diserang oleh sekumpulan Pemuda UMNO apabila saya sampai di *tower block* untuk menghadiri sidang mesyuarat Dewan Rakyat. Kumpulan Pemuda UMNO tersebut adalah di antara 10 sehingga 15 orang.

Dalam kumpulan itu termasuk Ketua Pemuda UMNO Serdang iaitu Ungku Mat Salleh dan Ketua Pemuda UMNO Gombak Megat Zulkarnain Omar Din. Saya diugut oleh kumpulan ini mengenai apa yang saya berhujah di Parlimen semasa membahaskan usul terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong di atas titah ucapan Baginda pada 25 Februari 2009.

Tindakan kedua-dua orang ini adalah satu kesalahan di bawah seksyen 9(E) *Houses of Parliament Privileges and Powers Act* 1962 yang menyatakan ini ialah satu kesalahan dengan izin, *obstructing a Member of the Houses from entering the House*. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat harus mengeluarkan satu waran tangkap untuk menahan kedua-dua orang tersebut dan membawa mereka di hadapan Dewan yang mulia ini bagi memberi tunjuk sebab kenapa mereka tidak patut dipenjarakan menurut seksyen 11 akta tersebut. Oleh itu saya dengan ini mencadangkan bahawa usul ini dibahaskan dan diputuskan oleh Dewan ini sekarang, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

■ 1950

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah meneliti apa yang dihujah oleh Yang Berhormat tadi itu terutama sekali dengan seksyen 11 di bawah akta yang disebut iaitu Akta 347 dan seksyen 11 tadi itu bagi maksud menghukum mana-mana penghinaan yang disebut dalam akta ini bahawa "Tuan Yang di-Pertua Dewan ini diberi kuasa atas ketetapan Majlis bagi maksud itu mengeluarkan waran untuk memberkas mana-mana orang yang dihukum penjara atau yang dihukum membayar denda tetapi tidak membayarnya".

Itu bagi pendapat saya apabila sudah umpamanya perbicaraan sudah dibuat atau sedemikiannya. Jadi ekoran daripada teguran atau *point of order* yang di bawa Yang Berhormat awal tadi yang sebelum ini dan ekoran daripada saya berjanji bahawa apabila saya keluar daripada Dewan ini mempengerusikan tadi saya akan mengambil tindakan serta merta.

Jadi saya Ahli-ahli Yang Berhormat sememangnya prihatin dengan perkara-perkara mengenai peraturan mesyuarat. Jadi atas sebab itu maka bagi saya adalah juga baik apa yang disebut tadi itu, mesti mengikut peraturan mesyuarat. Jadi bagi saya peraturan mesyuarat yang sesuai dalam hal ini adalah Peraturan Mesyuarat 80A. Jadi sebab itu baru tadi saya menerima satu notis daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang ingin membentangkan satu usul mengikut Peraturan Mesyuarat 80A. Notis ini saya terima dan sekarang jemput Setiausaha untuk menjalankan tugas.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kepada apa yang saya berbangkit tadi, itu yang mustahak apa yang saya berbangkit tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini Yang Berhormat Bukit Gelugor adalah...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan satu usul bahawa Peraturan Mesyuarat 80A, tidak ia bermakna itu Tuan Yang di-Pertua? Tidakkah bermakna untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya sebagai Speaker telah pun memikirkan soal ini dan tujuan Yang Berhormat Bukit Gelugor adalah sama dengan apa yang saya buat. Kerana saya terpaksa mengambil tindakan yang tegas kepada apa yang berlaku terhadap diri Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Satu tindakan yang tegas? Tegas adalah bahawa seksyen 9...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bukit Gelugor, perkara ini adalah keputusan saya. Keputusan saya ini adalah muktamad mengikut dengan Peraturan Mesyuarat yang lain. Jadi biarlah saya jalankan tugas mengikut apa yang saya fikir itu adalah mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang bersabit dengan akta-akta yang disebut oleh Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat *ruling* ke atas apa yang berbangkit dulu?

Tuan Yang di-Pertua: *Ruling* yang diminta itu bahawa itu tidak berkenaan pasal saya tidak boleh mengeluarkan waran tangkap kepada orang-orang yang belum lagi dibicarakan terutama sekali mengikut seksyen 11.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor eloklah Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam hal ini kerana apa yang kita mahu buat ini adalah tindakan yang juga sedang saya buat ini adalah tindakan, Cuma kemahuan Bukit Gelugor itu tidak boleh saya ikuti kerana tidak munasabah dalam fikiran saya. Dalam fikiran saya yang 80A yang lebih sesuai. Itu adalah keputusan saya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tidak mahu mengambil bahagian dalam apa yang berbangkit bawah seksyen 80A .

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu terpulang kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak...

Tuan Yang di-Pertua: ...kerana itu pendapat Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidakkah ini bermakna?

Tuan Yang di-Pertua: Ini pendapat saya dan pendapat saya di bawah keputusan Mesyuarat adalah muktamad.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya jadi pengadu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu maknanya sekarang ini saya terpaksa mengambil tindakan daripada semua sudut. Sila teruskan Setiausaha.

USUL

PENUBUHAN JAWATANKUASA MENYIASAT ADUAN PERBUATAN MENGHINA MAJLIS DI BAWAH P.M. 80A

7.54 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 80A, peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Majlis mengambil ketetapan seperti berikut:

- (a) Menubuhkan Jawatankuasa untuk menyiasat aduan dari Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah mengadu berlaku perbuatan menghina Majlis pada hari Khamis 26 Februari 2009 dan mengambil tindakan bersesuaian mengikut Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa 1952); dan
- (b) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut:
 - 1. Y.B. Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia – *Pengerusi*
 - 2. Y.B. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] – *Timbalan Pengerusi*
 - 3. Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu].
 - 4. Y.B. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
 - 5. Y.B. Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]
 - 6. Y.B. Tuan R. Sivarasa [Subang]
 - 7. Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]
 - 8. Y.B. Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, sila.

7.57 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada lima isu yang ingin saya bantah dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini, saya berharap saya dapat sampaikan ucapan saya tanpa sebarang gangguan

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil kesempatan Menjunjung Kasih Atas Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong merakamkan rasa penghargaan terhadap Perdana Menteri kerana kepimpinan dan sumbangan beliau kepada negara selama 5 tahun lebih dalam tempoh pemerintahannya. Bagi saya, saya amat tertarik atas kesungguhan beliau dalam usaha membaik pulih imej pasukan Polis Diraja Malaysia, soal integriti menentang dan membasmi rasuah serta menyalahgunakan kuasa.

Saya telah membangkitkan beberapa kali sebelum ini, bagaimana beberapa tindakan Ketua Polis Negara yang terbukti menjadi pelobi beberapa syarikat dalam mendapat projek-projek di PRDM secara runding terus. Hubungan KPN dengan seorang yang bernama BK. Tan yang diragui latar belakangnya. Salah laku seorang pegawai kanan PDRM dan masalah disiplin Datuk Mahsuri Zainal, Pengarah Jabatan Logistik yang sehingga kini iaitu setelah lebih 7 bulan laporan dibuat masih belum apa-apa tindakan diambil oleh pihak kementerian Dalam Negeri dan juga SPRM.

Dalam kes BK. Tan, siapa yang tidak tahu bagaimana BK Tan *work hand-in-hand* dengan KPN dan juga telah menjadi buah mulut di peringkat pegawai-pegawai di Bukit Aman dan PDRM serta di Kementerian Dalam Negeri. Semua orang tahu tentang penglibatan BK Tan dalam pertukaran dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai PDRM. Seolah-olah beliau telah jadi diktator KPN. Apa amat malang bagi pasukan PDRM kerana terdapat pegawai-pegawai yang dedikasi seperti Ketua Polis Perak, Ketua Polis Selangor, yang tidak dinaikkan pangkat atau diketepikan gara-gara kerana mengambil tindakan suku-sakat yang diketuai BK Tan. Adakah kita lupa bagaimana KPM mengambil tindakan terhadap bekas Pengarah Dato Ramli Yusoff gara-gara beliau mengambil tindakan seorang yang bernama Tengku Goh di Johor. Begitu juga dengan kes Datuk Mahsuri Zainal yang terlibat dengan masalah disiplin, saya mendapat maklumat bahawa satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat kementerian untuk menyiasat salah lakunya dan satu laporan telah dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri pada akhir tahun lepas dan mencadangkan tiga pilihan tindakan iaitu:

- (i) Membuang kerja ataupun pecat;

- (ii) Memindahkan beliau dari Jabatan Logistik dengan menurunkan pangkat atau diarahkan bersara awal.

Soalnya, soalnya kenapa kini sehingga sekarang pihak kementerian atau Menteri Dalam Negeri khususnya tidak menghiraukan cadangan tersebut dan mengambil tindakan terhadap beliau. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan isu tentang arahan Kementerian Pelajaran yang mengeluarkan perintah untuk melarang pemimpin politik untuk masuk halaman sekolah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Pakatan Rakyat menerajui kerajaan di beberapa negeri sejak Mac tahun lepas. Kita telah pun baca bahawa Menteri Pelajaran mengeluarkan kenyataan bahawa kementerianya melarang pemimpin politik Pakatan Rakyat untuk menghadiri program ataupun majlis yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

■2000

Perintah ini telah mendatangkan banyak masalah bagi pihak pengelola sekolah di negeri Selangor. Banyak pengelola sekolah berharap Wakil Rakyat Pakatan Rakyat di Selangor boleh memberi sumbangan, peruntukan dan menghulurkan bantuan kepada mereka, tetapi kami ditegah untuk masuk ke halaman sekolah. Kebanyakan sekolah di negeri Selangor tidak menggantungkan gambar Menteri Besar Selangor dan juga logo negeri Selangor. Apakah ini menunjukkan negeri Selangor ini bukan sebahagian daripada Malaysia di kaca mata Kementerian Pelajaran sekarang?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya telah tanya satu soalan lisan Parlimen mengenai isu ini dalam sidang ini dan saya mendapat jawapan yang *beating around the bush* pada hari ini. Jawapan yang panjang lebar tersebut mengandungi perenggan seperti berikut;

“Setakat ini KPM tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan secara spesifik yang melarang Ahli Parlimen atau wakil rakyat pembangkang untuk menyertai ataupun memasuki sekolah untuk menyertai program. Namun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menetapkan bahawa semua majlis rasmi di sekolah yang melibatkan majlis perasmian oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu bagi memastikan majlis yang dianjurkan bukan untuk tujuan politik serta tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran murid. Adalah tidak wajar institusi pendidikan dipengaruhi mana-mana ideologi politik di negara kita”.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran ini menunjukkan pemikiran sempit Kementerian Pelajaran dan juga Menteri Pelajaran kita. Kementerian Pelajaran menganggap Wakil Rakyat Pakatan Rakyat menghadiri majlis ataupun program sekolah adalah untuk menyebarkan ideologi politik dan bercakap tentang isu politik dan kehadiran kami akan

mendatangkan pengaruh buruk terhadap pihak guru dan juga pelajar. Walhal kehadiran ahli politik Barisan Nasional yang akan mendatangkan kebaikan kepada pihak guru dan murid-murid sekolah.

Sebenarnya arahan Kementerian Pelajaran yang berunsur diskriminasi ini telah pun mendatangkan impak yang amat negatif di kalangan rakyat, kerana mereka ini menunjukkan yang Barisan Nasional ini adalah begitu angkuh, begitu tidak rasional. Saya berharap Yang Berhormat Rompin boleh sampaikan ini kepada bos-bos, ya. Saya berasa hairan reaksi Timbalan Menteri Pelajaran ke atas kritikan dilemparkan oleh Ketua Pembangkang Parlimen dalam satu program di Sekolah Jenis Kebangsaan Sin Ming baru-baru ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menafikan pihak beliau dan Kementerian Pelajaran pernah mengeluarkan perintah untuk menghalang ahli politik Pakatan Rakyat untuk masuk sekolah. Apakah reaksi beliau ini menunjukkan perintah melarang pemimpin Pakatan Rakyat untuk masuk ke sekolah ini tidak diberitahu kepada beliau dan beliau tidak tahu langsung tentang perintah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Selangor dan juga Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak arahkan topik saya ke Sabah. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua daripada Sabah, dan juga saya ingin membangkitkan satu isu yang menghantui penduduk di Sandakan, Sabah atas desakan dan juga rayuan daripada penduduk di kawasan tersebut, kerana Ahli Parlimen Sandakan telah pun menjadi Timbalan Menteri MITI dan beliau tidak dapat membangkitkan isu ini di sidang Parlimen ini, jadi saya menawarkan diri untuk menjadi saluran suara bagi penduduk di Sandakan.

Pada tahun 2008, sebuah penjana elektrik arang batu dicadangkan dibina di Lahad Datu, Sabah. Cadangan ini diketepikan selepas banyak pihak membuat bantahan terhadap penjana kuasa arang batu tersebut atas alasan melindungi alam sekitar. Malangnya kerajaan kelihatan telah sedar tentang ancaman penjana elektrik arang batu terhadap binatang dan hutan di Danum Valley di Lahad Datu, tetapi pihak kerajaan menganggap penjana elektrik arang batu ini adalah sihat bagi manusia yang duduk di Sandakan yang merupakan bandar kedua terbesar di Sabah, sehingga mereka bercadang untuk mengadakan penjana kuasa ini di Sandakan.

Lokasi yang dicadangkan untuk mendirikan penjana kuasa elektrik arang batu ini hanyalah 12km radius daripada pusat bandar Sandakan, 10km radius dari tempat kediaman yang utama seperti Kampung Batu Sapi iaitu 2.5km, Taman Mawar dan Sibugar 4km, Karamunting, Taman IJM dan Taman Indah 7.5km, Taman Ting, Taman Fajar dan lapangan terbang 10km dan lain-lain.

Saya menerima banyak aduan daripada penduduk di Sandakan yang sedang membuat siri kempen untuk membantah penubuhan penjana kuasa arang batu tersebut. Mereka faham usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan aliran elektrik di Sabah, tetapi mereka berharap pihak kerajaan berusaha untuk menghasilkan elektrik melalui tenaga yang bersih dan

hijau seperti hidro, menyambungkan saluran elektrik dari Empangan Bakun di Sarawak dan juga menggunakan gas asli dari Kimanis di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan isu berkenaan Koperasi. Pergerakan Koperatif Malaysia mempunyai lebih 6,000 Koperatif dan lebih daripada 6 juta ahli, tetapi kesannya hanya 20% daripada Koperatif ini adalah aktif. Keadaan ini menjadi sektor ekonomi yang ketiga besar dan telah pun menurun menjadi enjin pembangunan ekonomi yang keempat.

Peletakan jawatan Ungku Aziz sebagai Pengerusi Angkasa telah pun membuka mata orang ramai tentang isu ketidaktelusan yang berlaku di Koperasi. Aduan ramai ahli Koperasi termasuk sumbangan kepada dana amanah pendidikan, tiada ketelusan atau *accountability*, yang mana dana ini ditubuhkan sejak tahun 1948 dan tiada ketelusan ataupun *accountability* terhadap sumbangan kepada *Central Liquidity Fund* yang ditubuhkan sejak 1994.

Saya difahamkan bahawa berjuta-juta ringgit yang disumbangkan kepada dua dana ini telah pun diselewengkan dan malah tidak diaudit oleh Audit Negara. Persoalannya, cara kerajaan menghendaki Koperasi untuk menyumbang berbilion-bilion ringgit kepada dua dana tersebut adalah tidak wajar, kerana kebanyakan ahli Koperatif adalah golongan kelas menengah ataupun kelas bawahan. Selain itu banyak tuduhan juga dilemparkan kepada Jabatan Koperasi, di mana pihak jabatan dikatakan telah menyalahgunakan dana yang disumbangkan oleh Persatuan Koperasi.

Sehubungan dengan itu, saya juga mendapat maklumat ataupun tuduhan bahawa segelintir pegawai kerajaan dituduh menerima elaun daripada sesetengah koperasi. Keadaan ini menyebabkan RM500 juta yang dilabur oleh Koperasi telah menjadi RM230 juta pada hari ini. Di sini saya ingin mencadangkan supaya SPRM memandang serius tentang aduan ahli-ahli Koperasi terhadap penyelewengan yang berlaku di Jabatan Koperasi, Koperasi-koperasi dan juga Angkasa. Jangan tumpuan siasatan terhadap isu yang remeh-temeh seperti isu kereta dan lembu yang berkisar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin membangkitkan tentang Mini Bajet yang akan dibentangkan tidak lama lagi. Saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan boleh memberi lebih peruntukan untuk menambahbaikkan kawasan-kawasan perindustrian di banyak tempat di negara kita, ini juga termasuk Selangor. Di Selangor kita telah pun mencapai RM11.8 bilion dari segi pelaburan dalam sektor pelaburan pembuatan dan juga perindustrian, iaitu nombor kedua di seluruh Malaysia. Akan tetapi kesannya, kalau kita pergi ke kawasan-kawasan perindustrian di Selangor seperti kawasan perindustrian di Kuala Kubu Baru, Teluk Gong di Klang, di Pulau Indah dan sebagainya, kita akan mendapati banyak kawasan perindustrian ini infrastrukturnya adalah amat teruk sekali. Jalan berlubang-lubang, berlakunya banjir dan parit di situ adalah begitu kecil dan sempit dan kesemua ini memang mereka amat memerlukan bantuan kewangan dan juga peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk menaiktarafkan keadaan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian ini, yang mana kebanyakannya terdiri daripada pelabur asing.

Saya rasa adalah penting bagi kita sama ada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri masing-masing untuk menarik kemasukan pelaburan asing, tetapi kalau kita tidak menjaga kepentingan para pelabur di kawasan-kawasan perindustrian ini, ini akan menyebabkan mereka berasa kecewa dan memindahkan, mengalihkan pelaburan mereka ini ke luar negeri seperti ke Thailand, Indonesia dan sebagainya. Jadi saya amat berharap yang pihak kerajaan akan mementingkan rintihan dan juga rungutan daripada pihak pelabur khususnya pelabur asing tentang keadaan infrastruktur dan juga *facility* di kawasan perindustrian di seluruh negeri. Sekian, terima kasih.

■2010

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Betul. Tuan Yang di-Pertua, Segambut ada hal di rumah Tuan Yang di-Pertua, dia hendak lima minit sahaja. Saya sanggup dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, Segambut, selepas itu saya. Dia hendak lima minit, ada hal di rumah dia kata.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh lah begitu Yang Berhormat. Saya kena *reverse decision*, susah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya bukan tidak tolong, Tuan Yang di-Pertua tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

8.11 mlm.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tegas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk menyertai perbahasan untuk ucapan junjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga dalam kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk menyentuh beberapa perkara, agak lewat dalam perbahasan kali ini, kerana saya hendak berkongsi kebimbangan saya, kerana dalam sejarah negara kita Malaysia semenjak pilihan raya yang dahulu, iaitu kali pertama semenjak merdeka kita belum lagi pernah melihat negara ini menjadi amat *politicize*, seperti yang kita lihat di negara kita sekarang. Kita sudah setahun, pilihan raya yang kedua namun saban hari kita masih dengar, melihat permainan sepak bola politik yang amat murah sekali.

Di Selangor sendiri kita lihat, tidak payah saya sebut ya dan rakyat sudah letih dan jemu Tuan Yang di-Pertua melihat mainan bola politik ini, mereka mahu kita semua ahli Dewan rakyat dan negeri. Negeri yang sana pula dua gaji tetapi kerja satu sahaja tetapi gaji dua. Mungkin juga Tuan Yang di-Pertua, mungkin di cadangkan besok kena pilih satu. Macam mana orang dua gaji satu kerja ini? Seperti sebelah sana.

Oleh itu saya tertarik bahawa yang saya kata orang cemus dan agak jemu Tuan Yang di-Pertua, hari ini di dalam surat khabar. Saya nak buat petikan Tuan Yang di-Pertua. '*Dear Malaysian politician*'. Saya akan baca. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. "*I do not claim to speak on behalf of all Malaysian, but I have strong convictions that many share my sentiments. Our concern today is not on who rules the country or heads the state government but the looming bad economy.*" Dia juga menyatakan bahawa, saya hendak hujah ke bawah lah. Dia kata, "*Pakatan Rakyat, please stop your attempt to take over the Federal Government and persuade BN lawmakers to join you. Stop all legal proceedings, no more 916.*" Saya pun tidak tahu apa makna 916. "*And let go, just let go. The nation can wait till the next general election if they want change. By doing so, Malaysians will see your party as caring, unselfish gracious and probably considering you next time.*" Which I do not think dia kata *will happen* kalau terus macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya baca di dalam surat khabar bahawa rakyat sudah jemu melihat permainan politik ini. Bermula dengan hendak pujuk yang Parlimen nya. Selepas itu masalah di Perak, di Selangor. Untuk itu saya nampak bahawa Tuan Yang di-Pertua, macam pembangkang di dalam satu *denial sindrom*. *Denial sindrom* ini sebab apa, tidak mengikut apa yang di titah oleh Yang di-Pertuan Agong. Saya sebut juga Yang di-Pertuan Agong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Nanti, saya habis dulu saya bagi. Saya bagi lepas ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Nantilah saya habis dahulu saya akan bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Rompin ini juga menghadapi penyakit *denial sindrom*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat. Tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia kata dia bagi tadi ma...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tidak ada bagi ma... tetapi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia sindrom.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tidak ada bagi ma. [Ketawa] Tidak bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tengok.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Kalau mahu cerita gambar boleh. [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tengok siapa yang mengambil langkah untuk membeli orang kita di Perak.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bagilah saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sehingga kerajaan itu,

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tidak bagi Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak petikkan titah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin nyatakan politik Perak ini,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...dalam keadaan stabil.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Dia pedih sedikit bila kena. Saya tadi Yang Berhormat,...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi Yang Berhormat Rompin, beri nasihat kepada pemimpin-pemimpin UMNO lah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: ...Yang Berhormat tidak bagi saya, saya dengar tak kacau pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Yang Berhormat tidak bagi saya dengar. Tidak kacau pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bila saya cakap Yang Berhormat dengar. Baru lah ahli politik yang antarabangsa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah / dengar, nanti cakap lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tidak bagi ma pun kacau juga. [Dewan riuh] Jadi saya hendak baca petikan Titah Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong. Inilah yang saya katakan *denial sindrom* tadi.

“Sebelum Beta mengakhiri titah ini Beta maklum bahawa mamanda Perdana Menteri akan menyerahkan kepimpinan negara kepada mamanda Timbalan Perdana Menteri pada bulan hadapan setelah menerajui negara semenjak 31 Oktober 2003. Sehubungan ini, Beta merakamkan penghargaan kepada mamanda Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi di atas kepimpinan dan segala sumbangannya terutama dalam isu-isu pendemokrasian, akauntabiliti, integriti, pembanterasan rasuah, pengukuhan institusi kehakiman serta pendekatan Islam Hadhari. Beta berharap peralihan kuasa ini akan berjalan lancar agar perundangan negara dapat diteruskan.”

Ini yang tidak boleh diterima. Bahawa negara di bawah pimpinan Barisan Nasional, kuasa beralih dengan aman, dengan baik. Ini sebenarnya tidak dapat diterima oleh pembangkang sebelah sana sama.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini, kita hendak sentuh sedikit sepak bola politik ini. Sepak bola politik ini menggunakan kerana mungkin agenda peribadi seorang Ketua Pembangkang sehingga membuat tohmahan-tohmahan yang menggunakan affidavit. Saya hendak baca sedikit di sini Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, saya bercerita tentang, saya mengulas sedikit tentang Aduan Bersumpah ini. Saya juga hendak menyentuh sedikit, banyak orang tidak tahu bahawa hendak ditunjukkan belah sana, kononnya satu pasukan yang mantap sebagai pembangkang, tetapi kita tengok sekarang ini, pembangkang tidak mampu membela rakyat, kerana tidak mampu itu, cuba mengalihkan perhatian, tutupkan, politik-politik bermusuhan, *hate politic*. Belum lagi setahun Pakatan Rakyat memerintah sudah banyak pekong masalah terbongkar. Jelas sudah mereka tidak mampu bekerjasama dengan baik, kerjasama tidak wujud di kalangan masing-masing kerana satu hendak mendominasi yang lain. DAP biasalah, macam di Pulau Pinang. DAP, PKR menguasai Pulau Pinang, Selangor PAS dialatkan. Di Selangor DAP dan PKR, sama-sama PKR pun berterabur juga, PAS dialatkan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Batu api lagi, mahu jadi batu api lagi?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Apa tidak? Betul ini. Sehingga PAS terpaksa membuat pembersihan PAS Selangor. Maknanya dalaman sudah ada masalah. Oleh itu, saya hendak bawa di sini...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jadi macam UMNO lah, buli semua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Apalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: SPP pun keluar dari Barisan Nasional kerana UMNO.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Itulah, kalau misalannya kalau kita kata Ahli Parlimen yang betul-betul bersifat demokrasi, adil dan telus, kita di sana kritik, kita dengar. Bila saya sebut terimalah. Barulah kita kata Ahli Parlimen yang *standard* tinggi, global, antarabangsa. Ini baru usik sedikit sudah Kota Melaka. Saya hormat tetapi hari ini kurang sedikit kepada Telok Intan.

Macam di Perak, yang membuat masalah di Perak bukan kerana kita. PKR sama PKR sendiri. Saya dengar cerita ahli PKR wanita itu tidak dibawa di dalam Exco kerana dihina kerana kedudukan peribadi dia. Sebab kita tahu. Sebab apa walaupun kerajaan PAS di...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mengapa dia masih tidak dilantik sebagai Exco selepas UMNO menerima dia.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: [Ketawa] Tengok. Tengok Yang Berhormat. Saya bercakap, saya dengar bila dia bercakap tidak dengar. Apa ini? [Ketawa] Saya tidak ada tuduh peribadi. Saya bukan cerita hal gambar, tidak ada langsung,

bercerita politik, tidak ada peribadi langsung. Kalau saya cerita yang peribadi mungkin Yang Berhormat boleh tuduh, saya tidak, politik sahaja. Ini giliran saya, bagilah saya, selepas itu nanti kalau giliran Yang Berhormat pula.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Nanti saya habis dahulu saya beri.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Takut kah?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bukan takut. [Ketawa]. Kalau saya takut, saya tidak dengar. Ini giliran saya lah Yang Berhormat. Macam sekarang di Bukit Gelugor pun begitu juga. Bukit Gelugor tidak terima apa yang disarankan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri Perak tetapi Setiausaha Agung PAS, Setiausaha Agung DAP tidak bersetuju sendiri antara pengerusi dengan setiausaha agung dia. Saya tidak tahu lah mungkin Yang Berhormat boleh menjadi pengerusi DAP selepas ini? Saya tidak tahulah. Apa salahnya Exco ya? Tidak pernah DAP ada pengerusi perempuan, wanita. Mengapa tidak? Saya sokong. Pertama, seorang wanita menjadi pengerusi parti. Tidaklah sebesar itu pun, tetapi pengerusi juga.

Yang Berhormat, pada pandangan saya bahawa Pakatan ini merupakan mereka yang dibentuk oleh *opportune* dan NGO-NGO yang tidak mempunyai prinsip yang jelas. Tidak ada ideologi yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

■ 2020

Mereka antaranya kumpulan SUARAM lah. Ada orang kata, ini saya baca dalam siber lah. Ini kata mereka, saya boleh baca dalam siber. Ada juga kononnya, kumpulan HINDRAF kata, ini kata mereka. Saya tidak tahu. Kumpulan sosialis pun ada katanya. Saya tidak tahulah, dikatakan ada kumpulan anti Islam, anti Melayu. Ada juga, saya tidak tahu. Ini kata orang. Saya tidak tuduh tetapi saya baca apa yang mereka kata. Saya sampaikan sahaja, saya tidak kata. Saya tidak boleh menuduh kawan saya di sana, PKR itu anti Melayu. Saya tidak berani sebab dia *ghodong* saya. Saya tahu, sebab dia belah sana dahulu. Orang yang baik, DAP tidak suka, buang, takut jadi setiausaha agung, campak ke sana. Ini sebab apa, setiausaha agung hendak anaknya, yang kawan baiknya, campak. Betul tidak? Betul? Betul? Betul.

Tidak betul, saya beri tanya, betul atau tidak? Tidak berani.

Seorang Ahli: Betul...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Betul. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu juga bahawa dalam isu untuk mengalih perhatian rakyat kerana pakatan ada negeri-negeri yang diberi mandat untuk menguruskan yang tidak mampu mengalihkan perhatiannya. Untuk itu, keluarlah budaya untuk mengeluarkan akuan bersumpah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, penggunaan akuan bersumpah, *statutory declaration* ini sering disalahgunakan oleh mereka. Kononnya mereka yang menggunakan,

mereka yang bertanggungjawab yang sebenarnya ingin menabur fitnah dan memburukkan nama seseorang itu. Dengan cara ini, untuk memfitnah dan menghina individu bagi kepentingan politik yang murah, tindakan yang tidak bertanggungjawab ini berleluasa di negara ini dan mengakibatkan kurang keyakinan orang kepada sistem negara kita sekarang ini.

Tentu Tuan Yang di-Pertua melihat pada situasi yang sedang berlaku ini. Ia membayangkan seolah-olah negara kita tidak mempunyai sebarang kawalan untuk menghalang mana-mana pihak daripada membuat tohmahan, fitnah yang menggunakan surat akuan. Trend seperti ini Tuan Yang di-Pertua tidak perlu dibanteras dan kerana kita menggalakkan supaya ini menganiayai mereka yang tidak bersalah. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kerajaan supaya membuat sesuatu untuk membela mereka yang tidak bersalah melalui fitnah melalui akuan bersumpah kerana ia boleh mengancam keselamatan negara.

Dalam suasana kita hendak memulihkan ekonomi ini juga boleh mengancam pemulihan ekonomi negara kita itu. Kita lihat juga individu seperti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan isterinya juga difitnah melalui akuan bersumpah. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini mestilah dihentikan dengan serta-merta. Pihak yang berwajib Tuan Yang di-Pertua seperti Peguam Negara atau Ketua Polis mesti mengambil tindakan yang tegas tentang penyalahgunaan dan eksploitasi-eksploitasi akuan bersumpah ini.

Umum mengetahui inilah satu kesalahan di bawah undang-undang Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Kanun Keseksaan S1(8)(1) kerana mereka-mereka yang menjadi fitnah akuan surat bersumpah ini tidak mampu diri mereka untuk membela diri mereka. Untuk itu, saya memohon supaya kerajaan dapat membela mereka ini yang difitnah kerana sudah semestinya mereka juga menuntut keadilan seperti rakyat lain di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sedia ada adalah memadai untuk menangani isu-isu seumpama ini dan hanya persoalan tentang pemakaian undang-undang yang harus ditumpukan dan dilaksanakan. Kita haruslah berani untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap siapa juga yang menggunakan peruntukan undang-undang untuk melindungi apa juga hasrat mereka yang buruk itu kerana ini kita akan membuat satu ketidakadilan kepada mereka yang tidak bersalah.

Sesungguhnya, kita perlu kembali kepada prinsip asas. Membuat surat akuan Tuan Yang di-Pertua dan untuk membantu perjalanan prosiding di mahkamah bukan satu alat bagi memalukan, menghina mana-mana individu di Malaysia yang tidak bersalah, yang perlu juga dibela mereka sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya menyentuh sebelum saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk saya berhujah pada malam ini, sedikit menyentuh ramai rakan-rakan telah menyentuh tentang usaha kerajaan untuk merangsang kembali ekonomi negara kita. Syabas kita ucapkan kepada Timbalan Perdana Menteri iaitu telah mengumumkan pada Mac 11 hari bulan atau 9 hari bulan saya lupa. Insyaa-

Allah awal bulan Mac nanti akan dibentangkan mini bajet. Harapan kita pada ketika itu bahawa satu bentuk kaedah kerana apa kita melihat dunia sekarang ini menghadapi satu tekanan kemelesetan ekonomi yang amat berat sekali. Ini orang kata lebih teruk daripada apa yang berlaku di Amerika dahulu, *The Great Depression*.

Untuk itu, kerajaan kena buat satu usaha dan syabas kepada kerajaan menyedari bahawa ekonomi Malaysia sudah semestinya akan terjejas kerana keruntuhan sistem kewangan di Amerika. Untuk itu, ekonomi hakiki mereka akan jatuh seperti kita lihat syarikat motokar mereka yang besar, ketiga-tiganya dahulu *market cap* dia lebih RM100 bilion Tuan Yang di-Pertua sehingga tinggal RM5, RM10 bilion sahaja. Dijangka setengah juta pekerja-pekerja yang dalam industri kereta mereka akan kehilangan kerja. Sekarang ini, 4 juta rakyat Amerika sudah hilang pekerjaan.

Untuk itu, kita mengucapkan syabas kepada kerajaan dengan pengumumannya untuk mengumumkan satu mini bajet awal bulan Mac ini, insya-Allah. Untuk itu, kita minta supaya kerajaan berani melihat isu ini kerana kita dalam satu lambaran yang baru tetapi kita tidak seteruk apa yang berlaku di Amerika. Ini kerana berkat usaha kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional menguruskan ekonomi negara kita. *Savings rate* dengan izin, kita tinggi, *reserve* kita tinggi tetapi di Amerika *reserve* nya tidak ada. Dia *nett borrower* dengan izin dan selepas itu juga mereka itu tidak ada *savings* yang baik. Akan tetapi, model yang kita boleh lihat ialah negara China di mana *savings* nya tinggi, *reserve* nya tinggi.

Untuk itu, kita merasakan bahawa apa juga yang kita buat mesti ambil satu imbalan betapa tinggi dari segi fiskal atau *stimulus* kita. Macam negara China menggunakan 7% GDP. Mungkin kita tidak mahu setinggi itu tetapi sekurang-kurangnya mestilah satu saiz yang agak sesuai untuk pastikan ekonomi kita dapat diatasi daripada pergi pada *recession* yang agak berat. Ini kerana, kita di Malaysia ada pengalaman. Kita mengatasi dahulu *The East Asian Financial Crisis* dengan itu nanti insya-Allah, dengan pengalaman yang kita ada, dengan defisit, dengan *reserve* yang baik, *savings rate* kita yang baik, imbalan antara risiko kita pergi pada *recession* dan defisit dapat dibuat satu kaedah supaya dapat pastikan kita bertahan. Kalau lah mulai sekarang Malaysia sudah sebatu, saya rasa tidak lama lagi akan pergi kepada satu kaedah yang *recession*.

Namun demikian, kita mesti bertahan dengan menggunakan satu kaedah, satu imbalan yang baik di antara risiko kita pergi resesi yang berat dengan kena pengurusan defisit yang baik. Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya ingin juga mencadangkan beberapa perkara. Pertama, selain daripada tradisi kita menggunakan *fiscal stimulus* ini dengan izin, untuk projek-projek infrastruktur, untuk pastikan kita mewujudkan peluang pekerjaan dan juga mengukuhkan industri tradisi kita supaya mereka dapat mengatasi daripada kekurangan eksport. Amat perlu juga kita beri penekanan kepada ekonomi-ekonomi baru ini seperti ekonomi hijau, yang *renewable energy*, teknologi tinggi seperti IT dan biotek.

Ini kerana, dalam kita sekarang ini melihat satu strategi untuk mengatasi dari masa keadaan *short term* nya, tekanan Malaysia menghadapi krisis *recession* ini supaya tidak teruk seperti mereka. Pada masa yang sama, penggunaan dana ini juga elok kita pastikan ia juga sedikit sebanyak dapat membantu untuk buat penyusunan semula ekonomi kita jangka pendek, industri pemulihan kita jangka pendek atau pun resusitasi industri kita jangka menengah dan jangka panjang. Itu yang kedua.

■2030

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, kita dewasa ini bila dalam tekanan yang begini. Tuan Yang di-Pertua, yang meniaga kecil-kecil, saya dah dengar baru ini, masing-masing bank agak, dalam suasana ekonomi yang meleset ini bank orang katalah bila ekonomi yang baik, suasana baik, bank bagi pinjaman. Akan tetapi suasana sekarang, ekonomi begini dia agak enggan bagi pinjaman.

Untuk itu kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai Menteri Kewangan bagi insentif kepada bank-bank ini supaya mereka ini, risiko mereka dapat dikurangkan memberikan pinjaman kepada ahli-ahli perniagaan. Macam tadilah Tuan Yang di-Pertua yang menulis tadi Anaz Zubaidi iaitu *Managing Director* ini. Dia pekerja-pekerja Tuan Yang di-Pertua, Saedah orang Melayu, Samsuri orang Melayu, Alicia orang Tionghua, Sudesh orang India. Dia bimbang, dia kata kalaulah kerajaan tidak menguruskan ekonomi, mereka terpaksa, orang kata, suruh mereka ini berhenti.

Dalam surat ini saya juga saya dibuat, yang orang Melayunya anak empat orang, suami tiada kerja, Alicia orang Tionghua, umurnya 26 ayahnya 71 tahun bersara, emaknya sudah meninggal dunia. Sudesh pula bapa sudah meninggal, duduk dengan ibunya. Bermakna masalah ini akan dihadapi oleh semua, untuk itu penumpuan kita mestilah ke arah pemulihan ekonomi. Untuk itu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, banyak kadang-kadang yang susah dapat bantuan yang berniaga kecil-kecil ini. Untuk itu sekarang ini, banyak pergi kepada Ah Long ini, saya dengar cerita Ah Long sehinggakan kadarnya amat tinggi sekali.

Saya rasa dia pinjam RM1,000 dalam masa tiga bulan, kena bayar RM1,000 lebih kurang begitulah. *Double in three month*, untuk itu mengapa tidak kita beri satu penumpuan kepada mereka yang kecil, kepada semua peniaga yang kecil yang memohon pinjaman RM50,000 ke bawah Tuan Yang di-Pertua. Bagi kepada mereka janganlah kolateral, ada cagaran. Dia baru nak berniaga sama ada orang Melayu, India kah Tionghua, gerai kah kecil kah mana ada cagaran, kalau ada cagaran sudah kaya, apa perlu dia berniaga kecil-kecilan. Untuk itu saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan adakan juga, kembalikan skim untuk berikan pinjaman kepada yang kecil-kecil ini RM50,000 ke bawah tetapi dengan kadar orang kata *interest* nya berpatutan dan paling penting jangan ada cagaran. Saya, Tuan Yang di-Pertua terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

8.33 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita di Dewan yang mulia ini sedia maklum dengan amat tepatnya, Tuanku bertitah pada tahun ini situasi ekonomi dunia dijangkakan lebih mencabar dan boleh menggugat pertubuhan ekonomi negara kita. Saya percaya sama ada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa satu pakej rangsangan ekonomi tambahan atau mini bajet amat perlu untuk mengkaji semula strategi pembangunan serta juga menyenaraikan program dan projek pembangunan yang perlu diutamakan.

Justeru itu juga, memastikan semua langkah-langkah yang dilaksanakan boleh sampai ke akar umbi dan kesejahteraan rakyat dapat dipelihara. Tuan Yang di-Pertua, kita semua pun sedia maklum bahawa masih terdapat banyak kelemahan baik pun diperingkatkan perancangan atau pelaksanaan yang mengakibatkan pembaziran dan juga kegagalan. Kita perlu belajar dari semua kelemahan ini dan membetulkannya supaya ia tidak akan menjejaskan usaha kerajaan. Saya ingin mengemukakan beberapa perkara dan harap kerajaan dapat memberikan perhatian dan juga cuba mengelakkan kelemahan ini. Satu yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah tentang tawaran projek.

Dalam pengalaman saya kelemahan ini ialah cara tawaran Kerajaan Barisan Nasional sering kali menggunakan cara menawarkan projek ini dengan *design and build*. *Design and build* ini bukan hanya ruangan rasuah tetapi ruangan yang pilih kasih iaitu selalu *design and build* ini digunakan sebagai satu tender rundingan dengan ikut reka bentuk. Akan tetapi amat susah untuk kita bandingkan satu reka bentuk, atau satu *design* dengan satu *line* dan *spec-spec* ini pun berlainan. Ini kerana dengan cara *design and build* ini sudah datang banyak projek yang tidak sesuai atas sebab reka bentuk ini memang tidak tepat untuk keperluan ini.

Cara ini memang kita sedia maklum bahawa melalui kontraktor utama. Di samping itu, kontraktor utama ini memang ada kabel-kabel yang kuatlah dengan pihak-pihak tertentu tetapi bukan mereka sendiri yang buat kerja. Dia ada ramai sub kontraktor yang betul-betul jalankan kerja ini. Apa yang terjadi iaitu terdapat banyak sub kontraktor ini langsung susah hendak dapatkan bayaran mereka atau *payment* mereka dan selalu dikatakan *payment you* telah diterima oleh *main* kontraktor tetapi tidak sampai ke sub kontraktor. Ini memang jadi satu punca utama begitu banyak projek kementerian atau projek-projek kerajaan menghadapi keadaan tidak dapat disiapkan atau terbengkalai.

Saya ingin membangkitkan satu projek untuk perhatian kementerian iaitu tentang Politeknik Muadzam Shah di Pahang iaitu sudah bertahun-tahun terbengkalai. Ini melibatkan beratus juta projek yang besar ini. Saya ingat nak mengemukakan satu sub kontraktor iaitu Gendera Wawasan Sdn. Bhd, yang hanya mengupah pekerja sahaja RM1.4 juta *main* kontraktor

hutang dia punya sub kontraktor. Di antara sub kontraktor ini banyak Kelas F, sub kontraktor yang perlu kita beri perhatian dan bantu mereka.

Akan tetapi saya nampak dengan cara sekarang sub kontraktor-sub kontraktor ini kepentingan mereka tidak dipertahankan. Ini kerana tiada perjanjian di antara pihak kementerian atau agensinya dan hanya perjanjian di antara main kontraktor dan sub kontraktor sahaja. Selalu alasan dikatakan bawa, kalau tidak puas hati, tidak terima bayaran bawa main kontraktor ke Mahkamah. Memang ini satu cara yang saya ingat kita perlu mengkaji semula, cara tender kontrak iaitu cara menawarkan kontrak kerajaan jika kita hendak pakej rangsangan tetapi tidak sampai ke akar umbi. Hanya mungkin segolongan kecil orang yang akan menikmati bantuan ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkit ialah tentang syarikat lebuhraya. Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kita nampak kerajaan sudah longgarkan sekatan ke atas perjanjian di antara syarikat lebuhraya dengan pihak kerajaan. Kita sedia maklum bahawa semasa perjanjian ini di longgarkan sekatannya rakyat amat terperanjat. Bagaimana dengan syarat-syarat belah sebelah atau yang hanya memastikan keuntungan syarikat-syarikat ini dengan kerajaan terpaksa menanggung katakan itu janji bahawa jika kerajaan tidak membenarkan kenaikan tol untuk syarikat ini maka kerajaan terpaksa membayar ganti rugi.

■2040

Siapakah pegawai atau badan manakah yang menandatangani perjanjian yang sangat tidak munasabah ini. Saya hanya hendak kemukakan satu contoh iaitu tentang syarikat PLUS. Saya difahamkan dengan jawapan oleh Dewan ini bahawa terdapat keuntungan besar oleh syarikat PLUS ini untuk tahun 2003 hingga 2008. Dividen yang dibayar kepada pemegang saham ialah RM2,825 juta. Keuntungan dari tahun 2001 hingga 2008 sejumlah RM3,940.3 juta iaitu keuntungan. Dari keuntungan ini saya ingat amat besar.

Mengapa kita masih benarkan kenaikan tol dan dari jawapan atau penjelasan kementerian mengatakan kita terpaksa kerana telah teringat dalam perjanjian. Saya amat susah hendak terima jawapan ini iaitu semasa saya merujuk kepada Laporan Tahunan PLUS ini, saya dapati dalam kandungan ini, mengikut laporan ini empat pemegang saham paling besar ini tidak ada, jika di izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua iaitu UEM 4.21%, Khazanah Nasional Berhad 15.02%, EPF 9.59% dan Khazanah Nasional Berhad lagi 8.65%. Kalau mengikut ini pemegang saham agensi kerajaan atau GLC ini memegang lebih daripada 70% saham.

Adakah ini bermakna bahawa sungguhpun kerajaan atau GLC memperoleh melebihi 70% saham ini masih tidak boleh mengawal atau membuat keputusan demi kepentingan rakyat. Ini memang susah kita hendak terima, satu syarikat yang mempunyai melebihi 70% saham ini masih tidak boleh buat keputusan. Sebab itu dikatakan perjanjian ini tidak boleh dikaji semula, tidak boleh dipindah sampai akhir-akhir ini, pihak rakyat, pihak DAP pun bercadang bahawa lebih baik kerajaan beli semua saham-saham di luar dan beli projek ini secara terus, beli dari market. Ini memang saya minta satu penjelasan dari pihak kementerian.

Apakah sebab dalam PLUS ini kita tidak boleh mengkaji semula tentang syarat-syarat ini yang dikatakan berat sebelah atau tidak munasabah. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah tentang *multilevel marketing*. Dikatakan bahawa *multilevel marketing* ini ada juga betul-betul berniaga seperti Amway atau Tupperware yang memang sudah bertahun-tahun berniaga. Mereka mempunyai sistem seperti piramid, *multilevel marketing* yang *up line*, ada dapat komisen atau bonus semasa mereka merekodkan *downline* atau atas penjualan atau dikatakan *total volume*. Itu dia dapatkan hasil sikit atau dapat komisen atau bonus darinya.

Akan tetapi banyak *multilevel marketing* ini telah dipergunakan untuk dijadikan satu skim penipuan. Skim untuk jadi kaya cepat, mengeluarkan wang bukan hanya dari ahli-ahli tetapi tidak ada sebarang barang dijual. Jika ada dijual, saya ingat kepala ahli sahaja. Saya ingin bangkitkan dua contoh untuk perhatian Dewan yang mulia ini iaitu satu, tentang *Mobile Wallet*. Tuan Yang di-Pertua, *Mobile Wallet* ini memang satu syarikat yang dikatakan mendapatkan status MSC. Juga dalam laporan ini, saya buat *search* ini, amat jelas Mac Cap Biotech Sdn Bhd, iaitu satu anak syarikat Kementerian Kewangan, mempunyai RM2.5 juta *share* dalam syarikat ini. Ini telah digunakan oleh *Mobile Wallet* ini dan semua dia punya pamflet menunjukkan bahawa pemegang saham yang terbesar ialah dari Kementerian Kewangan.

Juga ditunjukkan termasuk Timbalan Menteri Kewangan dia punya *advertisement*. Semua risalah ini. Apa yang terjadi, *Mobile Wallet* ini dia pindah dan dia ada membuatkan perjanjian. Dari jawapan di Dewan yang mulia ini juga saya dapati ada dijawab bahawa *Mobile Wallet* ini ada satu perjanjian dengan CCW, iaitu satu *multilevel marketing*. Kalau *direcruit*, dengan izin, member ini dengan bayaran yang tertentu, pakej-pakej tertentu dan tidak perlu buat sebarang, *suppose to be* bayaran melalui telefon bimbit. Akan tetapi tidak ada sebarang bayaran. *Recruitment* ahli dan dapatkan *point* atau untuk menukarkan wang tunai. Tiap-tiap bulan dia akan kreditkan kepada *Mobile wallet* ahli itu. Ini sudah jadi satu skim dan ini sudah menyebabkan beribu dan beratus juta ahli telah menjadi mangsa bawahan.

Saya tidak faham mengapa Kementerian Kewangan terutama Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu telah dipergunakan. Satu lagi saya ingin bangkitkan sebab saya perlu gulung kerana masa tidak mengizinkan. Satu lagi iaitu Sunshine Empire, satu projek yang dikatakan akan melibatkan RM700 juta iaitu Sunshine Empire Villa di Melaka dan Melaka Empire Marine Team Park. Pada satu hari sahaja, mereka menjual 1,000 unit RM700 juta ini. Mengapa mereka boleh jual 1,000 unit dalam satu hari? Ini kerana ia terlibat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka. Dalam semua *ground-breaking advertisement* yang lain-lain. Jika satu syarikat membangunkan satu projek RM700 juta di Melaka melibatkan projek tambak laut, mengapa syarikat ini tidak disiasat dahulu?

Ketua Menteri sudah dipergunakan oleh syarikat ini dengan semua *advertisement* sampai baru-baru ini yang *master mind* syarikat ini telah didakwa di mahkamah oleh pihak *Singapore*,

baru kita nampak projek itu sudah terbenkakai dan baru dapat *police report*, seorang demi seorang sedar bahawa mereka telah tertipu. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin minta pihak kerajaan jika dapat memberikan satu penjelasan bahawa projek-projek ini, jika kerajaan atau pemimpin-pemimpin kerajaan ini termasuk Menteri-menteri, jika terlibat dengan promosi projek-projek raksasa atau yang besar ini, apakah sepatutnya mereka buat pemantauan atau kawalan sebelum mereka melibatkan diri dan dipergunakan oleh syarikat-syarikat ini yang menjadikan beribu rakyat Malaysia ini jadi mangsa atas skim penipuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dungun.

■2050

8.50 mlm.

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim. *Assalamualaikum Warahmatuaallahi Wabarokatuh*, salam sejahtera dan selamat malam. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada minggu yang lalu.

Tuan yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia yang mendukung Perlembagaan Negara, kita mestilah bersyukur dan berterima kasih kepada pucuk kepimpinan negara yang tidak jemu berusaha menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat yang berbilang kaum dalam negara kita ini. Kita berbangga hidup dalam sebuah negara yang merdeka selama 51 tahun, bebas dari kencaman kolonial, dan bebas serta aman makmur mengamalkan agama dan budaya kaum masing-masing. Kenikmatan dan kebahagiaan yang dinikmati oleh semua kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain dimana ia tidak akan sama kehidupan dengan rakyat dalam sebuah negara dunia ketiga yang lain, yang dihantui oleh pelbagai masalah. Kebahagiaan yang dinikmati ini adalah kerana kita mengamalkan Sistem Kerajaan Demokrasi dan Raja Berperlembagaan. Inilah kunci sebenarnya yang membawa kepada keamanan dan kemakmuran rakyat dalam negara.

Tuan yang di-Pertua, krisis kewangan global yang melanda di seluruh negara termasuk negara kita bukanlah sesuatu yang baru dalam peredaran kewangan dunia. Kita sedar pada tahun 1997 dan 1998 merupakan krisis kewangan yang terbesar sehingga banyak golongan-golongan koporat terpaksa gulung tikar akibat daripada krisis tersebut. Akan tetapi bagaimanapun kebijaksanaan pimpinan negara, di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional berupaya menangani krisis tersebut sehingga negara kita tidak terheret sama seperti negara dunia ketiga lain yang terpaksa meminjam dengan Tabung Kewangan Dunia atau IMF.

Pada tahun 2008, sekali lagi negara kita mengalami krisis yang boleh dikatakan krisis yang sama dan terdapat ramai pekerja terutamanya pekerja kilang yang terpaksa diberhentikan kerja akibat daripada krisis tersebut. Saya percaya di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional sudah pastinya mampu menyelesaikan masalah ini. Saya percaya daripada agensi-agensi kerajaan dan juga swasta akan mengambil bahagian menuntut hak masing-masing bagi mereka yang terlibat dengan pemberhentian kerja.

Tuan yang di-Pertua, negara kita terus membangun dari semasa ke semasa dan menjana kebolehpayaan seperti pendidikan negara dan bertambahnya universiti-universiti awam dan swasta. Terbentuknya Plan Induk Pendidikan Negara, rakyat semakin cerdik, inilah yang kita mahukan dalam sebuah negara membangun. Kementerian-kementerian lain adalah juga turut menyumbang sama membangunkan negara dan memberikan segala kemudahan samada dalam bentuk kewangan mahupun dalam bentuk material.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan pelbagai kemudahan kepada golongan miskin dan meningkatkan pendapatan golongan ini serta menyediakan beberapa model untuk mereka yang cergas dan berdaya saing. Namun begitu, sehingga kini masih terdapat juga lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang perlu diselesaikan melalui agensi di bawah kementeriannya.

Antaranya masih terdapat tanah-tanah kosong atau yang disebut oleh rakyat Kelantan 'tanah orang', tanah yang tidak ditebus guna secara serius dan ini kitalihat ada tanah-tanah yang dimiliki secara individu mahupun dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta. Jadi kita berharap ini akan menjadikan satu tanggungjawab supaya di bawah Kementerian ini mengambil satu inisiatif yang membolehkan tanah-tanah ini tidak lagi menjadi tanah orang atau tanah kosong.

Yang keduanya, masih ramai lagi golongan nelayan yang tidak mempunyai lesen menangkap ikan yang menjadi sungutan rata-rata hari ini. Walaupun telah diberikan lesen menangkap ikan kepada mereka yang menjadikan profesion ini sebagai profesion untuk menambah ekonomi mereka. Mereka berharap kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani supaya mengambil peluang ini memberikan peluang kepada seluruh golongan nelayan, golongan menangkap ikan samada menangkap ikan di persisiran pantai supaya mereka boleh menggunakan lesen menangkap ikan ini membantu mereka untuk menangkap ikan dan mendapatkan sedikit subsidi petrol dan sebagainya.

Yang ketiga, penternak dan petani masih lagi melaksanakan aktiviti ternakan atau ladang-ladang secara cukup hidup. Tidak ada projek yang besar kepada mereka. Saya percaya sudah sampai masa dan ketika ini di bawah Kementerian ini supaya melaksanakan satu aktiviti kepada petani-petani kita melaksanakan projek-projek yang berskala besar dan membolehkan mereka bersaing dengan mereka yang terlibat dengan projek-projek yang lebih besar.

Ini kerana harapan kita kepada petani dari semasa ke semasa akan menuntut hak mereka bukan sahaja dengan pendapatan yang lebih, tetapi mereka juga menuntut hak mereka

sebagai sesuatu yang boleh memberikan peluang merujuk kepada peluang-peluang dalam perniagaan industri pertanian yang lebih besar. Ada dicadangkan satu mekanisma baru, difikirkan secara positif supaya para petani dan penternak serta nelayan mendapat pendapatan yang menjamin kehidupan yang melebihi daripada paras garis kemiskinan.

Di negara kita Tuan yang di-Pertua, kita lihat petani kita ini masih lagi digelar petani yang lemah, petani yang miskin. Tidak seperti dengan negara-negara maju yang mendukung projek pertanian, industri pertanian yang menjadi satu projek yang besar serta menjamin kehidupan mereka. Namun di negara kita, bila tersebut petani, tersebut nelayan, tersebut penternak adalah daripada golongan yang miskin dan masih lagi di tahap kemiskinan mereka. Sewajarnya kementerian ini melihat semula, kaji semula, tengok semula supaya petani, penternak, nelayan boleh dibanggakan dengan tindakan mereka, pekerjaan mereka yang membolehkan mereka hidup lebih *satisfaction* di mana boleh mereka yang digalakkan untuk terjebak dalam bidang perindustrian.

Di bawah Kementerian Belia dan Sukan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian ini yang terus menjanakan kekuatan dan kekukuhan persatuan-persatuan belia dengan harapan penggembelingan tenaga dan di peringkat jabatan dan belia secara kolektif, sudah pasti belia di masa akan datang sebenarnya menjadi pelapis kepimpinan negara. Namun begitu, masih terdapat di kalangan belia-belia menganggur samada belia-belia lepasan universiti mahupun belia-belia lepasan sekolah yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan.

Implikasi daripada pengangguran masih terdapat belia-belia lepak, menunggang motosikal secara haram. Bagi memastikan aktiviti ini tidak akan berterusan, adalah dicadangkan, Kementerian ini mengambil satu langkah bijaksana dan mengurangkan gejala tersebut dari terus berlaku dan memastikan belia-belia yang menganggur mempunyai pekerjaan yang sesuai dengan latarbelakang mereka di samping menyediakan *database* bilangan belia yang menganggur.

Bagi menjamin kemiskinan negara dapat dikurangkan dan sekaligus mensifarkan golongan ini pada tahun 2010. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah disarankan supaya terus bekerja keras sehingga berupaya mengurangkan golongan miskin tegar di negara. Berapa projek berskala besar dengan penglibatan agensi swasta dan NGO hendaklah digembeling bersama yang boleh memberikan impak positif kepada golongan tersebut.

Di akhir-akhir ini, keselamatan rakyat dalam negara sudah tercabar. Baru-baru ini, di kawasan saya, terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia yang telah menembak mati yang merompak di kawasan saya dengan menggunakan parang. Alhamdulillah, kecekapan mereka cekap lagi Polis Diraja Malaysia dan matilah dua orang perompak itu. Yang lain dua tiga orang lari. *[Ketawa]*

Saya percaya Tuan yang di-Pertua, keselamatan ini masih ada lagi kumpulan-kumpulan mereka, saki baki yang menjalankan kegiatan tersebut yang boleh menyebabkan rakyat semakin

takut. Oleh itu maka disarankan supaya keselamatan rakyat dapat diberikan jaminan dan jika perlu ditambahkan anggota keselamatan perlulah diambil; perjalanan dan tindakan dengan mengembalikan semula keamanan yang dulu diagung-agungkan oleh semua rakyat bahawa keselamatan negara kita terjamin berbanding dengan negara-negara lain.

Usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan terutamanya kepada golongan miskin, nelayan pantai dan pengalakkan pelancongan di Dungun. Adalah diharapkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil tindakan segera membangunkan muaramuara sungai termasuk muara sungai Dungun. Di mana sungai ini yang sudah 10 tahun banyak kali sudah saya bangkitkan sudah 10 tahun tidak diambil peduli, mungkin tidak sampai waktu dan saya berharap dalam tempoh ini ambillah kesempatan ini.

■2100

Kerana ia menjadi sungutan seluruh rakyat di kawasan pantai bersama golongan nelayan yang menyebabkan mereka terpaksa kata orang Terengganu, "Dia jenguk-jenguk, intai-intai." Air ini dalam atau cetek kerana membuat salah kepada mereka untuk turun ke laut yang menjadi punca rezeki kepada mereka. Ini sudah bertahan-tahun.

Jadi, saya berharap ini akan menjadi satu perhatian kepada Jabatan Parit dan Saliran dan kementeriannya mengambil maklum dan melaksanakan tugas ini kerana saya percaya di muara-muara sungai yang lain telah pun dilaksanakan projek mendalamkan sungai dan menjadikan benteng sungai tidak lagi runtuh seperti mana yang berlaku di Sungai Dungun. Samalah juga dengan daerah-daerah yang lain. Dungun juga mempunyai potensi di bidang pelancongan.

Saya berharap Kementerian Pelancongan dapat mengambil bahagian mengkaji dan memastikan Dungun adalah juga kawasan pelancongan yang boleh membawa pelancong-pelancong di peringkat domestik dan internasional dan menyasarkan pertambahan pelancong yang dijangkakan 20 juta pelancong seperti mana yang ditetapkan oleh Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam usaha penggalakan pelancongan negara. Adalah dijangkakan galakan pelancongan dalam negara bukan sahaja menjana kemasukan kewangan negara tetapi juga akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan sekali gus mengurangkan pengangguran negara.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Pantai Timur terkenal dengan budaya yang tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan. Bukan kerana budayanya yang sopan santun atau bukan kerana budayanya yang lemah-lembut menjadi penyebab dan akibat kepada kurangnya kemasukan industri sama ada industri ringan mahupun industri berat.

Kita berharap pihak-pihak tertentu sama ada kerajaan ataupun swasta memainkan peranan yang lebih efisien menggalakkan pelaburan industri berat supaya dapat menyeimbangkan menggalakkan pelaburan antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Industri kecil sederhana hendaklah juga dimainkan peranan oleh agensi yang terlibat supaya industri ini dapat

bersaing dan menjadi *challenge* dengan izin kepada mereka yang terlibat di samping menggalakkan usahawan muda menceburi di bidang ini yang juga merupakan salah satu usaha menangani pengangguran negara. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk malam ini dan saya berikan peluang kepada rakan-rakan kita yang lain dan dengan itu sekian sahaja dan dipohon menyokong. Terima kasih. *[Tepuk]*

9.03 mlm.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16 Februari 2009.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik satu perenggan daripada Titah Seri Paduka Baginda yakni, *“Beta merakamkan penghargaan kepada mamanda Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas kepimpinan dan segala sumbangan terutamanya dalam isu-isu pendemokrasian akauntabiliti, integriti, pembanterasan rasuah, mengukuhkan institusi kehakiman serta mendekatkan Islam Hadhari.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak berapa setuju dengan sumbangan-sumbangan tersebut iaitu khasnya akauntabiliti. Saya rasa kerajaan di bawah kepimpinan perdana menteri sekarang ini tiada akauntabiliti. Adalah satu kerajaan yang *flip flop*. Buat keputusan begini sementara menukar dan seakan sampai ke situ. Yang pertamanya seperti pentadbiran di Parlimen.

Kami ada soalan untuk jawapan bertulis yang mana tidak dijawab secara lisan melalui jawapan bertulis. Sentiasa kita perlu kerja di pejabat Parlimen meminta mana jawapan bertulis ini? Mana jawapan? Pukul 4, orang masih belum dapat. Pukul 5 masih belum dapat. Inikah pentadbiran Parlimen? Saya rasa Tuan Yang di-Pertua mesti mengarahkan kakitangan Parlimen untuk membuat atau Tuan Yang di-Pertua mestilah buat satu keputusan mengarahkan semua kementerian kerajaan supaya mereka memberikan jawapan bertulis dalam pukul 12.00 hingga pukul 2.00. Kalau tidak mereka mungkin tidak akan kasi jawapan pun. Semacam kelmarin, saya perlu nanti sehingga jam 5.30 baru dapat.

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Saya sungguh kagumlah dengan Yang Berhormat Wangsa Maju. Bukan sekadar masa PKR, dahulu lagi negara kita merdeka, sehingga kita matang. Kita belum matang sebagai parti. Di Amerika, Republikan dan Demokrat kerana keterbukaan dan ketelusan. Yang Berhormat, saya ucapkan syabaslah. Tunjuk betul keterbukaan.

Akan inilah sebabnya kerana Yang Berhormat meninggalkan DAP. So, DAP tidak ada keterbukaan tidak ada ketelusan. Kerana apa? Setiausaha Agung hendak letak anak dia. Yang mampu diambil alih semua dia buang tolak sahaja. Adakah ini sebabnya Yang Berhormat

meninggalkan parti DAP, sewajarnya saya bersetuju Yang Berhormat. Kita perlu tunjukkan sikap-sikap universal, nilai yang mencabar ini. Kita bukan sahaja kerajaan Yang Berhormat kita tunjukkan dalam parti kita. Kalau parti DAP tidak tunjuk, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat di PKR sekarang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Rompin ini saya ingat dia hendak maju minta penjelasan daripada apa yang saya sebut. Akan tetapi dia bangkitkan, itu pandangan dia. Saya tidak tinggalkan DAP, saya telah dibuang daripada DAP. [*Dewan riuh*] Habis, itu faktanya. Kita kena betulkan fakta itu. So, saya harap Yang Berhormat Rompin janganlah kacau. Lebih baik pergi kempen sekarang ini untuk UMNO. Ada pilihan dalam UMNO bukan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat telah bersedia.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tahu, saya tahu, saya tahu Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Mengapa, mengapa, mengapa DAP terpaksa buang Yang Berhormat? Sebab Yang Berhormat bersikap sangat murni, universal. Bermakna DAP tidak sanggup hendak menerima prinsip-prinsip dan satu nilai murni yang universal ini. Kerana itulah...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kesempatan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: DAP tidak sanggup memikul tanggung jawab, dia buang. Adakah ini sebab Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak ikut peraturankah Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ya, okey.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak ikut peraturan. Ini *floor* saya. Saya belum kasi peluang, sudah cakap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sebab saya hendak tahu. Sebab apa, ini menegakkan keadilan kepada Yang Berhormat. Kami Ahli-ahli Parlimen nampak mana-mana Yang Berhormat tidak diberi layanan keadilan yang baik, kita hak memprotes.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya harap Yang Berhormat lebih baik berkempen untuk jaga perdana menteri supaya beliau boleh pegang lebih jawatan perdana menteri ini selepas Mac.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, setengah, separuh daripada masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu dia kacau saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan nasihat ini dan supaya jangan kacau saya ini. Tuan Yang di-Pertua, ha semua sudah lupa dah. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, tadi seperti kelmarin saya perlu nanti sampai 5.30 baru dapat jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Di mana saya menanyakan apakah tindakan telah atau akan diambil oleh Jabatan Peguam Negara berdasarkan cadangan Suruhanjaya Diraja yang menyiasat kes video V.K. Lingam memandangkan siasatan telah dihantar kepada Jabatan Peguam Negara. Ini jawapannya. Terdapat empat kertas siasatan yang telah dibuka oleh Jabatan Pencegah Rasuah berhubung dengan kes klip video Lingam. Tiga daripada kertas siasatan itu telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara tetapi telah di NFA, *no further action*, NFA itu. Oleh Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan di Badan Pencegah Rasuah kerana tiada keterangan yang mencukupi.

■ 2110

Ini mana ada Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan BPR boleh buat keputusan NFA. Keputusan NFA ini cumanya Jabatan Peguam Negara yang boleh buat keputusan ini. BPRnya untuk menyiasat, bukan buat keputusan ini. So saya harap Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh beri penjelasan bagaimana BPR ada hak yang istimewa yang baru ini pula. Saya seorang peguam, saya tahu BPR ini menyiasat sahaja, bukan buat keputusan NFA kan kes. Seperti polis, polis pun menyiasat. Mereka tidak ada kuasa untuk memutuskan kes ini diNFakan. Saya harap Menteri boleh beri penjelasan dalam perkara ini.

Hari ini kita ada masalah ada orang menghalang Ahli Parlimen Bukit Gelugor masuk ke Parlimen. Kenapa? Oleh kerana akses ke Parlimen ini, sesiapa pun boleh masuk, tidak ada kawalan langsung. Kucing kurap pun boleh masuk. Saya rasa sesiapa pun boleh masuk. Saya rasa perompak pun boleh masuk ke sini. Tidak ada kawalan langsung. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh ambil tindakan untuk ketatkan akses kepada Parlimen ini supaya kita boleh kata sekuriti di Parlimen ini lebih baik dan kita tidak ada apa-apa yang berlaku. Apa yang berlaku petang ini tidak akan berlaku lagi. Itu yang penting.

Kedua... [Disampuk] Yang kedua sebab itu masih pentadbiran Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya juga tertarik dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kimanis mengenai dengan AirAsia ini. Saya tahu AirAsia ini satu syarikat penerbangan yang Perdana Menteri amat sayang kepada syarikat AirAsia ini. Kita sudah tahu, sudah jelas di dalam Parlimen bahawa Menteri Pengangkutan telah mengakui bahawa AirAsia telah hutang kepada MAB sebanyak RM110 juta pada sesi yang lepas sejak tahun 2002.

Hutang ini bukan hutang apa. Hutang ini adalah *airport tax* yang dikutip oleh AirAsia dari pelanggan. Saya hendak jelas di sini bahawa *airport tax* ini bukan wang AirAsia. *Airport tax* ini ialah wang pelanggan, wang rakyat yang dikutip. AirAsia ini sebagai satu ejen untuk mengutip wang *airport tax* ini. Bagaimanakah AirAsia boleh hutang *airport tax* ini? Ini bukan AirAsia, bukan

hasil yang akan dibayar oleh AirAsia. Ini *airport tax* yang telah dikutip, telah dibayar oleh pelanggan dan dikutip sebagai ejen. Kenapakah kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *flip flop* ini kata akauntabiliti. Apa akauntabiliti? Tidak ambil tindakan.

Saya tahu AirAsia ini adalah kroni Timbalan Menteri Kewangan dan juga tingkat 4. Semua pun tahu tingkat 4 itu siapa. Menantulah. *[Ketawa]* Anak menantulah. Itu sangat penting. Kenapakah mereka boleh gunakan kemudahan di LCCT tanpa bayar apa-apa *airport tax*. RM150 juta sekarang. Saya rasa ini tidak ada akauntabiliti dan juga tidak ada apa-apa *interest*. Baru-baru ini saya dapat satu informasi bahawa AirAsia minta kerajaan supaya *waive* mereka supaya tidak perlu bayar RM140 juta ini. Ini wang rakyat, bukan wang AirAsia. Kalau hendak *waive* dia punya cukai, okeylah, mungkin Menteri Kewangan ada hak, tetapi ini wang *airport tax*, wang rakyat.

Menteri Kewangan mesti tahu itu wang rakyat untuk dibayar kepada kerajaan melalui MAB. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat di kalangan BN pun tahu, mereka pun tahu benda ini, apa makna tingkat 4 itu. Apa itu makna menantu? Mereka pun tahu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun keluar Dewan]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ha, Rompin sudah larilah kalau saya cakap itu. Juga yang kedua, AirAsia ini juga, sekarang kita tahu mereka menjual tiket kapal terbang itu, *air ticket in advance*, tiga bulan, enam bulan, setahun, dua tahun. Ini seperti satu deposit tiket di mana ia telah dihalang oleh Bank Negara. Kalaulah AirAsia gulung tikar tidak lama lagi, siapa yang hendak tanggung tiket-tiket yang telah dibeli oleh rakyat? Siapa yang beli? Gerenti akan ada satu *bailout* menggunakan wang rakyat. Rakyat pula *bailout* AirAsia.

Saya rasa kerajaan mesti ambil perhatian dalam perkara ini supaya kita tidak perlu menggunakan wang rakyat untuk *bailout* syarikat-syarikat swasta ini. Ini bukan GLC, tidak. Ini bukan MAS, ini AirAsia, sebuah syarikat yang dikawal oleh kroni Datuk Tony Fernandez. Saya tahu daripada *official* Datuk Tony Fernandez. *Unofficial* itu ada yang nama timbul itu, Noni Mahmud. Siapa itu Noni Mahmud? Seperti Endon Mahmudlah. Ada hubung kait dengan Endon Mahmud. *Sister-in-law* kepada Perdana Menteri, saya rasa, yang saya dengarlah. Tidak tahu betul atau tidak.

Sebab itu kerajaan tidak berani ambil tindakan. Pasal itu syarikat yang boleh hutang wang RM140 juta sejak 2002 tidak berani ambil tindakan. MAB pun tidur. Menteri Kewangan tidak tahu. Menteri Pengangkutan pun tidak tahu. Semua tidur. *[Disampuk] [Ketawa]* You tahu, you jangan ketawa. Kita tahu sekarang kerajaan tertidur. Menteri-menteri semua tertidur. Selepas itu hendak bina pula. Kita tahu baru-baru ini Labu pula akan ada LCCT. Syarikat itu tidak bayar *airport tax*. Kita sekarang hendak bina di Labu pula.

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Gulung, gulung.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nantilah. Saya tahulah sakit hati apa yang saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kena gulung, Yang Berhormat. Ha, mula gulung. *[Ketawa]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, yang itu isu Labu. Timbalan Perdana Menteri kata telah dibatalkan. Nanti Menteri Pengangkutan kata, "Oh itu belum ada keputusan yang muktamad." Apa ini? *Flip flop*. Selepas itu Menteri Kewangan pula selaku Timbalan Perdana Menteri mengatakan telah batalkan. Inilah menunjukkan satu kerajaan yang *flip flop*.

Saya juga ingin sentuh kes Kementerian Kesihatan. Kita sudah tahu dalam bulan Disember 2008, dalam masa tiga minggu mereka ada lima kempen – Denggi, AIDS-HIV, *food poisoning*, dengan izin, *Practice Healthy Lifestyle* dan Tak Nak Merokok. Kita sudah tahu semua pengiklanan ini substandard. Kita memberitahu, saya ada contoh di sini mengatakan seperti disebut, "*Dengue is on the rise Search and destroy aedes breeding places in your house. It only ten minutes every week.*" Dia tidak cakap apa cara kita hendak buat, *10 minutes*.

Satu lagi kata, AIDS, "*Use your head when you tempted avoid HIV infection.*" Gunakan kepala botak. Apa ini? Semua yang tidak ada standard langsung. Kita tahu semua ini seperti iklan denggi yang dibuat oleh Innovate Media – belanja berapa? RM12 juta.

■2120

Anti Merokok, Spencer Azizul - RM5 juta; HIV – *New Perspective Media* - RM8 juta; Kehidupan Sihat, *Headwind* - RM5 juta; jumlahnya RM37 untuk pengiklanan dalam tiga minggu oleh Menteri Kesihatan. Angka ini saya takut. Saya tahu kementerian ini dia ada bajet. Mungkin RM37 juta ini baki bajet yang belum dibelanjakan. Jadinya kerajaan mesti siasat perkara ini dan MACC kita yang ada sekarang ini menyiasat, mengapakah kerajaan menggunakan dalam tiga minggu buat semua pengiklanan yang substandard ini seperti kita perlu menggunakan wang bajet ini sedangkan kita boleh gunakan baki bajet ini, membina hospital baru untuk rakyat ataupun membekalkan lebih banyak katil, mengupah lebih ramai doktor dan menambah pendapatan doktor dan kakitangan hospital itu yang penting, tetapi tidak.

Saya juga ingin merujuk kepada kawasan saya di Wangsa Maju, Jalan Gombak – Jalan Genting Klang. Kerajaan sedang membuat pelebaran jalan sekarang. Sudah tiga tahun pelebaran Jalan Gombak ini belum siap dan keadaan jalan itu ada lubang. Saya tahu, saya dapat aduan daripada penduduk-penduduk di sana bahawa ada kemalangan, orang mati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya hendak gulung dahulu. *[Disampuk]* Nantilah, jangan takut! Itu Jalan Gombak. Saya harap Menteri Wilayah Persekutuan...

Seorang Ahli: Malam Jumaat!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kenapa kalau saya bercakap mereka kacau terus. Saya tahu, ini sakit bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya harap Menteri Wilayah Persekutuan boleh memberi penjelasan di dalam Dewan ini bahawa, kenapakah pelebaran Jalan Gombak ini sudah tiga tahun belum siap lagi? Kalau kita tengok di Singapura tiga minggu pun sudah siap. Sebulan pun sudah siap. Di sini tiga tahun pun belum siap dan berbagai-bagai *obstruction* di atas jalan, di mana ada kemalangan dan ada ramai orang yang mati di sana, dan banyak juga kemalangan yang tidak ada kematian. So, jalan itu amat berbahaya - Jalan Genting Klang juga. Sudah setahun sekarang dari bulan Mac selepas pilihan raya sampai Mac ini masih belum siap lagi, masih sedang dibuat. Apa ini ataupun ada undang di sebalik batukah? Saya harap beri satu penjelasan atas perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat. Ada tujuh orang lagi yang hendak berucap, Yang Berhormat. Kita ada lebih kurang satu jam setengah lagi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yalah, ada sedikit lagi yang saya hendak habiskan ini. Yang terakhir sekali, di kawasan Wilayah Persekutuan sekarang ini ada banyak *parking lot* digunakan oleh kedai kopi ataupun *restaurant* di mana orang awam tidak ada tempat hendak *parking*. Kita dapat banyak aduan juga. Saya harap DBKL boleh ambil tindakan sewajarnya dalam perkara ini. Dengan itu terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Yang Berhormat Hulu Langat.

9.24 mlm.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang membahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang pertama saya merujuk kepada perenggan 14, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta para pengusaha mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan mengutamakan tenaga kerja tempatan. Maksudnya keadaan ekonomi yang merosot sekarang ini, kedua-dua pekerja iaitu tempatan dan pekerja asing ini dibuang kerja. Daripada data Kementerian Sumber Manusia menunjukkan dari Oktober 2008 hingga 17 Februari 2009 seramai 10,277 pekerja tempatan telah diberhentikan dan 4,550 diberhentikan secara sukarela melalui VSS.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita sanjung tinggi usaha Kementerian Sumber Manusia :

- (i) mewujudkan satu Jawatankuasa *Tripartite* pemantauan pemberhentian kerja di peringkat kebangsaan dan negeri;
- (ii) memantau kekosongan jawatan;
- (iii) mengkaji peluang latihan semula dan penempatan iaitu *trained and place*;

- (iv) memperuntukkan RM100 juta bagi tujuan latihan bagi pekerja-pekerja yang menghadapi pemberhentian kerja dan RM77 juta untuk bantuan siswazah yang menganggur.

Saya menyokong supaya mereka diberi latihan dalam kemahiran yang ada kaitan dengan industri mereka, tetapi saya kurang setuju peluang mengendali latihan ini diberi semuanya kepada syarikat pemberi latihan iaitu *training provider*, dengan izin yang mungkin kurang menguasai industri berkenaan, tetapi sepatutnya dibuat MoU dengan institusi latihan yang ada di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti ILP, ADTEC dan Institusi Pendidikan IPTA, IPTS seperti *Malaysian French Institute, Japan-Malaysian Institute, German-Malaysian Institute, UiTM, UTM, universiti-universiti lain, Kolej Komuniti, Politeknik* dan sebagainya yang mempunyai pensyarah-pensyarah yang berpengalaman dan institusi yang mempunyai kemudahan yang baik.

Jadi, peruntukan RM177 juta itu dapat diagihkan kepada institusi-institusi berkenaan termasuk memberi ganjaran kepada tenaga pengajar yang diharap akan lebih dedikasi dan berpengalaman dalam industri, kerana mereka pernah terlibat dalam program latihan industri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara 33, Seri Paduka Baginda meminta supaya kita menangani kemerosotan kualiti udara, air dan persekitaran demi kesejahteraan generasi masa kini dan masa akan datang. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya *Environmental Impact Assessment (EIA)* dengan izin, yang dibuat dengan cantik dan panduan pembangunan di lereng bukit yang sepatutnya, yang sudah pun dijadikan akta dimanfaatkan untuk pembangunan sama ada pembangunan perumahan, perindustrian, perladangan dan sebagainya.

Sekiranya EIA dan panduan pembangunan lereng bukit ini tidak diguna untuk menyuluh memandu pembangunan, maka akan berlaku kerosakan dan bencana alam sebagaimana firman Allah dalam Surah Ar Rum Ayat 30.. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: "Berlaku kerosakan di darat dan di lautan angkara tangan-tangan manusia dan kerosakan itu ialah bagi merasakan kepada manusia sebahagian daripada apa yang telah mereka lakukan. Moga-moga mereka kembali yakni sedar kesalahan mereka".

Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi banjir kilat, banjir besar, tanah runtuh, gegaran atau gempa bumi dan sebagainya yang akhirnya membawa kerugian yang besar kepada rakyat, pengusaha-pengusaha dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebut dua contoh yang hampir dengan saya. Pertama, berlaku pembukaan lebih daripada 200 ekar tanah hutan di Sungai Jelok, dekat Kajang iaitu penebangan balak untuk dijadikan kawasan tanaman getah.

■2130

Walaupun EIA dibuat, tetapi penguatkuasaan agak lemah menyebabkan berlaku banjir besar beberapa kali di pekan Kajang. Hasil limpahan air Sungai Jelok yang tersumbat dengan berbagai-bagai sampah sarap dan mendapan tanah hasil hakisan pembukaan hutan dan penebangan balak tanpa pengawasan yang rapi.

Yang kedua, penutupan kolam tadahan atau *catch pond* di Ladang Rincing untuk dibangunkan kompleks beli-belah menyebabkan berlaku banjir di Kampung Rincing kerana apabila hujan lebat, aliran air bersama hakisan tanah telah mengalir terus ke Sungai Rincing hingga berlaku limpahan yang menyebabkan banjir di Kampung Rincing. Sebaliknya, selepas berlaku banjir di Sungai Merab, JPS membina kolam tadahan iaitu *catch pond*. Akhirnya banjir tidak berlaku lagi.

Dari hasil kerugian dan bencana alam seperti banjir besar umpamanya di Johor pada Disember 2006 dan Januari 2007 menyebabkan kerosakan infrastruktur JPS sebanyak RM260 juta iaitu sumber daripada JPS 2009 dan 70% daripada 300 orang penternak telah mengalami kerosakan yang serius. Dalam banjir kilat 10 Jun 2007 di Kuala Lumpur, seorang peniaga barangan kelengkapan rumah di Jalan Masjid India kerugian sebanyak RM100,000 dan Kedai Kain Shanti Silk menganggarkan kerugian sebanyak RM2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin bangkitkan ialah pengagihan bantuan mangsa banjir yang ditetapkan oleh kerajaan. Saya rujuk Utusan Malaysia pada 14 Jun 2007. Umpamanya bantuan wang tunai sebanyak RM200 setiap keluarga selepas banjir dan tambahan RM500 apabila mereka pulang ke rumah. Yang kedua pampasan kepada petani padi sebanyak RM573 per hektar, sayuran sebanyak RM2,000 per hektar, buah-buahan sebanyak RM1,000 per hektar, lembu sebanyak RM700 per ekor dan pembiakan akuakultur sebanyak RM1,500 per hektar.

Jadi panduan ini telah pun dibuat oleh kerajaan dan kita berharap agar bantuan yang disampaikan kepada rakyat mestilah secara saksama dan dipantau oleh kerajaan dan bukannya oleh parti. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Semua akan dapat bercakap. Bersabarlah. Yang Berhormat Selayang. Terima kasih.

8.33 mlm.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya hendak menyentuh perkara ekonomi. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah bahawa krisis kewangan dunia adalah cabaran yang terbesar kepada negara kita. Pada bulan November yang lalu, ahli-ahli di sebelah Dewan ini telah meminta kerajaan mengkaji semula bajet untuk tahun 2009 supaya kerajaan dapat mengawal kemelesetan ekonomi yang akan dialami oleh negara kita. Malangnya itu tidak dibuat dan hanya satu pakej rangsangan kewangan sebanyak RM7 bilion diluluskan.

Pada hari ini, Pakej Rangsangan Kedua atau dihuraikan sebagai mini bajet perlu diadakan dan akan diumumkan pada 10 Mac 2009. Dalam tempoh ini, beberapa peniaga telah menghentikan perniagaan mereka dan beribu-ribu pekerja telah dihentikan. Mengikut

Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, 200,000 orang pekerja telah diberhentikan kerja. Ini telah menunjukkan bahawa tindak balas kerajaan adalah terlalu sedikit dan terlalu lewat atau dengan izinnya *a little too late and a little to later*. RM7 bilion dalam Pakej Rangsangan Pertama adalah terlalu sedikit dan Pakej Rangsangan Kedua yang akan diumumkan adalah terlalu lewat. Walau bagaimanapun, kita mengalu-alukan mini bajet kerana lebih baik terlambat daripada tidak pernah ada. *Better late than never*.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan berapa jumlah dana dalam pakej pertama yang telah disalurkan dan kepada siapa dana itu disalurkan. Ini adalah kerana saya diberitahu bahawa RM5 bilion daripada RM7 bilion ini masih di dalam tangan kementerian-kementerian masing-masing dan belum diterima oleh sasarannya. Saya meminta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan tentang apa masalahnya dalam pentadbiran dan prosedur yang sedia ada yang mengakibatkan dana ini tidak dapat diterima oleh pihak yang berkenaan. Ini adalah amat serius kerana kita di dalam Dewan ini telah meluluskan pakej dengan kesegeraan kerana dana ini penting diterima oleh mereka yang memerlukan dana pada ketika itu. Jikalau masalah ini tidak dapat ditangani, bajet mini yang akan diadakan akan disia-siakan.

Saya juga mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan satu laman web di mana butiran projek dan dana yang akan digunakan dapat dipamerkan. Ini akan memberikan lebih transparansi kepada kegunaan dana. Apa yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua ialah rancangan untuk mengurangkan kos pengendalian perniagaan.

Saya mencadangkan agar kerajaan menurunkan harga tarif elektrik dan gas kepada harga yang dapat membantu sektor perindustrian terutama peniaga-peniaga kecil dan sederhana. Ini adalah kerana kenaikan harga minyak pada 4 Jun 2008, harga elektrik dan gas juga telah dinaikkan dengan kadar yang tinggi.

Oleh yang demikian, kos tenaga telah menjadi 5% kos pengendalian dalam sektor industri dan ini tidak dapat dipikul oleh peniaga-peniaga di dalam suasana kegawatan ekonomi. Jikalau peniaga-peniaga tutup perniagaan mereka, beribu-ribu lagi rakyat kita akan kehilangan kerja mereka. Penurunan tarif elektrik yang baru-baru ini telah diumumkan hanya diturunkan sebanyak 2.5% bagi kediaman, 2.7% bagi pengguna komersial dan 5% bagi perindustrian. Tarif elektrik ini tidak seimbang dengan penurunan harga minyak yang telah turun daripada USD147 setong kepada USD40 setong. Oleh yang demikian, saya mencadangkan harga elektrik dan gas diturunkan kepada harga yang membolehkan sektor perindustrian kita dapat mengatasi tekanan kegawatan ekonomi dan dengannya mengekalkan pekerja-pekerja.

Satu masalah yang berada ialah bekalan gas. Walaupun Malaysia adalah pengeluar gas asli yang kedua di dunia, hanya 5% daripada jumlah pengeluaran dibekalkan kepada industri-industri tempatan. Yang lain dieksport ke Korea dan Jepun dan juga dibekalkan kepada penjana bebas atau dengan izinnya *independent power producer* atau IPP.

■2140

Pada masa ini, tidak ada bekalan baru untuk industri tempatan, dan ini telah diakui oleh Pengerusi Gas Malaysia Sdn. Bhd, Datuk Hamzah Bakar dalam Laporan Tahunan 2007, di mana beliau telah mengakui bahawa perkembangan dan *business* syarikat telah dibekukan kerana tiada bekalan gas tambahan. Pengerusi Gas Malaysia telah memaklumkan kepada pelanggan-pelanggan mereka, jangan menambahkan kegunaan gas mereka.

Masalah ketiadaan bekalan gas ini telah menjejaskan ekonomi kita. Kebanyakan syarikat asing seperti Samsung, dan *Nippon Electric Glass* telah menunda pelaburan-pelaburan baru sebanyak RM5 bilion sehingga RM8 bilion disebabkan kekurangan gas ke loji-loji mereka. Petronas gas telah memaklumkan bahawa mereka tidak dapat mengagihkan semula gas sehingga 2014. Ini adalah satu masalah yang amat serius kerana FDI yang dimansuhkan, tidak akan berkembang jikalau mereka tidak dapat bekalan gas.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menstrukturkan semula dasar subsidi gas dan dasar bekalan nasional dengan segera. Dasar ini telah menyebabkan negara kita menyalurkan wang sebanyak RM60.6 bilion subsidi gas ke sektor tenaga sejak 1997, dan menyebabkan kerugian sehingga RM14 bilion dalam potensi pelaburan asing. Ia terdapat satu keperluan segera untuk mengarahkan semula bekalan gas daripada eksport dan penjana bebas ke bidang industri tempatan.

Perkara ketiga ialah tentang kontrak-kontrak di Kementerian Pertahanan. Timbalan Perdana Menteri pada 16 Disember 2008, dalam Hari Kualiti Jabatan Perbendaharaan dengan izinnya, *Treasury Department's Quality Day*, menyatakan bahawa rasuah di kalangan kakitangan awam boleh dielakkan dengan melaksanakan tawaran kompetitif atau dengan izin, *competitive bidding* bagi projek kerajaan dan mengurangkan kuasa budi bicara. Ini sangat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat ya.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Akan tetapi seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Machang, bahawa Kementerian Pertahanan masih melaksanakan kontrak dengan cara perundingan terus. Saya diberitahu bahawa rundingan terus dijalankan untuk perkhidmatan menyelamatkan bencana kapal selam untuk dua kapal selam kelas Scorpene, perkhidmatan *submarine rescue capability* adalah bidang kepakaran kursus dan hanya beberapa syarikat di dunia yang mempunyai kepakarannya.

Saya minta Menteri untuk memberikan penjelasan, kenapa tidak ada tender terbuka untuk kontrak ini, juga tentang Kementerian Pengangkutan. laporan PricewaterhouseCoopers tentang PKSZ telah diselesaikan dan di sempurna tetapi belum dibentangkan dalam Dewan ini. Rakyat telah sabar menunggu jawapan-jawapan kepada beberapa soalan dan saya minta laporan ini dibentangkan untuk Ahli-ahli Dewan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: ...Akhirnya tentang Perak. Banyak telah dikatakan tentang krisis Perak dan saya meminta kepada pemimpin-pemimpin yang berkuasa, jangan memanjangkan perkara ini, bubarkan Dewan dan memberikan rakyat Perak keputusan untuk membuat pilihan sesiapa mereka hendak menjadikan kerajaan. sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey terima kasih. Saya panggil daripada BN, Setiu selepas itu Kuala Terengganu, selepas itu Segambut, yang sebelah Segambut ini, Teluk Intan. Sekarang ini selepas Setiu, Kuala Selangor, sila. Kepong dia tunggu Speaker untuk sama-sama balik. Sila Yang Berhormat Setiu, 10 minit.

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas dan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16 Februari yang lalu. Secara ringkasnya, saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu pertamanya tentang tanaman komoditi yang dianggap antara penyumbang utama kepada ekonomi negara seperti getah, kelapa sawit dan padi, di mana ramai rakyat dan pekebun kecil terlibat.

Masalah pertama dalam hal ini ialah ketidaktentuan harga berbanding dengan harga baja, racun yang dikatakan melambung tinggi dan saya mencadangkan supaya kerajaan terus memberikan bantuan. Di antaranya ialah baja dan racun diberi percuma agar pendapatan rakyat yang terlibat terutamanya pada pekebun-pekebun kecil dapat menyara diri dan tidak mengalami kemiskinan yang sangat rendah. Perkara yang kedua...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Setiu, mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu ganggu lagi, Yang Berhormat Setiu tak ada masa.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu saja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan sama Yang Berhormat Kuala Krau?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya mohon, adakah Yang Berhormat Setiu setuju supaya harga lantai bagi harga getah dan kelapa sawit ini ditetapkan oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang satu lagi ialah mengenai penanaman padi. Penanaman padi merupakan kerja yang ramai di antara rakyat Malaysia yang terlibat dan padi merupakan sumber makanan asas kepada semua penduduk. Oleh yang demikian, pada masa kini, perkara yang paling besar ialah benih padi yang kian melambung dan rata-rata rakyat merungut kerana kenaikan benih padi telah dua kali ganda. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya Jabatan Pertanian harus memainkan peranan yang penting supaya benih padi ini diberi percuma.

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah selain daripada padi, saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya terus memberi penekanan kepada makanan

kedua bagi mengganti padi jika padi ini semakin hari semakin merosot kerana tanahnya semakin sempit, rakyatnya semakin ramai. Pada masa kini saya difahamkan hanya 65% sahaja keluaran negara untuk sara diri. Oleh yang demikian, dengan membuat tindakan yang awal, rakyat Malaysia akan terus dapat menjaga makanan asas ini, dan rata-ratanya kerajaan tidak akan mengalami kesusahan di masa akan datang.

Beberapa insentif lagi bagi menggalakkan penanaman padi ini terus diberi penekanan iaitu dengan memperluaskan lagi tanah-tanah yang terbiar serta parit dan tali air yang sesuai, kerana sebahagian daripada pengaliran air ini, kebanyakannya sudah lama dan tidak diperbaharui. Dengan yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya pembaharuan ini terus dibuat dan ingin saya bangkitkan juga, kawasan saya iaitu kawasan Setiu merupakan kawasan tadahan banjir ataupun kawasan yang dilanda banjir setiap tahun, dan merupakan kawasan yang banyak menanam padi.

Oleh yang demikian, janji kerajaan untuk membuat tebatan banjir perlu disegerakan, bagi menjamin bahawa penduduk yang miskin ini tidak akan terabai dan akan menjadikan penduduk-penduduk di sini tidak lagi ramai yang miskin tegar. Masalah yang seterusnya ialah, saya ingin bangkitkan masalah perumahan. Masalah perumahan ini juga merupakan masalah yang kritikal seperti juga tanaman padi tadi, kerana semakin hari rakyat semakin ramai, tanahnya semakin sempit. Oleh yang demikian, kerajaan perlu menyusun semula struktur kependudukan ini supaya pembahagian tanah ataupun satu kaedah, di mana semua penduduknya akan mendapat rumah sama ada rumah teres, rumah *flat* atau sebagainya.

■2150

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin bangkitkan perkara berkenaan permit teksi. Saya difahamkan kerajaan telah pun membuka baru-baru ini permit teksi untuk individu tetapi hanya sekejap dan difahamkan bilangannya terlalu terhad. Oleh kerana ini menjadi cakapan kepada pemandu-pemandu teksi yang menyewa teksi daripada *company* adalah diharapkan kerajaan membuat kajian semula. Adakah perkara permit teksi individu ini perlu diteliti secara *detail*? Ini bagi membantu kepada pemegang-pemegang lesen teksi yang dikatakan 15 tahun telah pun membawa teksi tetapi sehingga sekarang belum mendapat perमितnya tersendiri. Jadi yang demikian kalau kerajaan dapat membantu serta dapat memberi sekurang-kurangnya kehendak-kehendak rakyat ini sebahagian daripada jaminan ekonomi mereka dapat menjamin kehidupan dan masa depan.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua iaitu pelabuhan, pelabuhan perikanan di negeri Terengganu. Cumanya di Terengganu ada satu pelabuhan yang begitu uzur dan lama iaitu pelabuhan perikanan di Chendering. Saya telah membangkitkan perkara ini tahun lepas tetapi telah pun dinyatakan akan diperbaiki sehingga sekarang pelabuhan ini nampaknya belum diperbaiki. Jadi oleh kerana satu pelabuhan sahaja di Terengganu tempat pemunggahan hasil laut saya mencadangkan kepada kerajaan supaya bersegera untuk memperbaiki pelabuhan yang

lama ini bagi membantu nelayan-nelayan di Terengganu khususnya. Ini kerana kebanyakan nelayan daripada Pahang, Terengganu dan Kelantan pelabuhan yang paling dekat ialah Pelabuhan Chendering.

Jadi dengan demikian kalau kerajaan telah mengambil tindakan mendalam serta memperluaskan pelabuhan ini maka manfaatnya banyak terutamanya kepada para nelayan. Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah di kawasan saya kawasan Setiu iaitu terdapat lebih kurang 200 nelayan yang mempunyai bot yang tidak ada tempat perlindungan. Dicadangkan pada tahun 2000 lagi bahawa satu pelabuhan kecil yang perlu dibuat di Kuala Setiu ataupun di Marang tetapi sehingga sekarang pelabuhan ini belum menjadi kenyataan. Di samping itu, banyak kemalangan telah berlaku di muka kuala yang cetek yang menyebabkan kehilangan harta benda bot serta kematian.

Dengan demikian saya mengharaplah kerajaan supaya mengambil tindakan segera di dalam membantu kemiskinan dan juga memberi kemudahan kepada penduduk terutamanya penduduk di kawasan saya yang rata-ratanya masih miskin dan memerlukan pertolongan kerajaan yang segera.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya rasanya sudah cukup itulah. Kalau sudah cukup setakat itu Tuan Yang di-Pertua apa yang telah saya sebutkan tadi saya harap kerajaan dapat memberi tumpuan yang serius bagi membantu terutamanya penduduk di kawasan saya dan juga negeri Terengganu dan negara. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

9.54 mlm.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mohon untuk merakamkan menjunjung kasih atas ucapan Yang di-Pertuan Agong. Dalam kekangan waktu yang ada ini Tuan Yang di-Pertua saya bercadang untuk sebelum memberi fokus kepada isu-isu yang lebih dekat di negara bersifat mikro. Saya ingin mengambil kesempatan ini supaya Dewan Rakyat Parlimen Malaysia ini merakamkan akan isu yang disebut hampir oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap iaitu yang bersangkutan dengan krisis. Saya merakamkan di sini terutamanya bahawa krisis ini namanya dan jolokannya pun kurang tepat. Krisis yang diberi gelaran gadai janji sub prima ini pertama-tamanya tidaklah bertepatan dengan hakikat yang sebenarnya.

Dewan yang mulia ini merakamkan bahawa pertamanya kalau diambil daripada pengakuan yang dibuat oleh IMF dan juga Ullmann Financial. Kedua-dua menyebutkan bahawa jumlah kerugian yang ditanggung dalam krisis ini tidak kurang daripada USD2 trilion. Sementara sumbangan daripada gadai janji sub prima hanya dalam lingkungan USD200 bilion. Maka dengan kata lain menyalahkan golongan yang kurang berada yang tidak *credit wordy* yang sepatutnya tidak layak meminjam dan akhirnya menyalahkan seluruh krisis kewangan dunia ini

kepada golongan ini adalah satu analisis yang jauh tersasar daripada pengakuan yang Amerika harus terima hari ini.

Dengan kata lain apabila hampir 10 tahun mereka menikmati kredit boom kemewahan kecairan perbankan yang sekali gus mencetuskan berbilion hartanah ataupun *property bubble*. Yang golongan yang mendapat manfaat antara lain adalah golongan-golongan yang tidak *bankable* tadi. Melalui *credit Mae* ataupun melalui dua itu **Freddie Mac and Fenny Mae**. Kedua-dua institusi kewangan ini memberi pinjaman kepada golongan-golongan itu. Akan tetapi sebenarnya krisis kewangan Amerika ini bukan hanya sub prima tetapi *near prime, corporate* Amerika, *industry, commercial* segala-galanya yang akhirnya bukan hanya di situ sahaja kesalahan krisis ini.

Krisis ini sebenarnya adalah hasil daripada *culprit* sebenarnya adalah golongan yang dikatakan sebagai *the financial wizard*. Genius-genius kewangan yang menjalankan kejuruteraan kewangan yang dengan itu mereka cipta produk-produk dan instrumen-instrumen kewangan yang hari ini sebenar-benarnya menjadi punca sebab trilion dolar Amerika bukan hanya hangus di Amerika bahkan di Eropah dan juga di negara-negara yang membeli daripada *derivative*, yang membeli daripada *Mortgage Back Securities* dan juga *collateralize debt obligation* yang keseluruhannya adalah reka cipta *financial wizard* yang tidak pernah mereka dipersalahkan. Justeru itu, tidak ada pun yang diheret ke mahkamah ataupun diletak *stand on try* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana dalam kemewahan kerana sebenarnya memberikan ruang kepada *corporate* Amerika menjalankan kegiatan menguasai dunia. Dengan hegemoni mereka sehinggakan dalam suasana kegawatan ini juga Setiausaha Negara Hillary Clinton dalam lawatannya ke negara China baru-baru ini masih lagi sanggup mengarah China. Ini supaya terus membeli daripada *treasury-treasury bond*, perbendaharaan bond *treasuries* ini yang akan dikeluarkan bagi kononnya untuk akhirnya membawa ekonomi negara China dan seluruh ekonomi dunia ini masih bergantung kepada negara ekonomi Amerika.

■2200

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat ini merakamkan sudah sampai masanya Amerika tidak boleh lagi berkuasa dan memerintah dunia ini selaku kuasa tunggal dunia dengan perangai, dengan gelagatnya melakukan segala sesuatu bujur lalu melintang patah. Amerika seharusnya kini mengakui bahawa merekalah pencetusnya segala krisis kewangan yang akan membawa kepada fasa krisis ekonomi yang akan menjejaskan seluruh dunia ini, mengimbau kembali apa yang akan berlaku dalam *The Great Depression* dalam tahun 1929 dan seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat - ini merakamkan sudah sampai masanya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan. Sedikit, hendak tambah sedikit *point* sahaja pasal *bon market*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, boleh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, apakah krisis yang akan melanda Amerika ini, krisis yang akan melanda ini akan berjangkit kepada pasaran bon Amerika. Kalau itu berlaku, pasaran bon Amerika ini tidak laku lagi atau tidak ada negara lagi yang mahu membeli bon Amerika, apakah kita akan sampai pada satu waktu yang ramai di seluruh dunia menantikan kehancuran ataupun ketidakstabilan ekonomi Amerika ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih. Amerika selaku negara *the greatest consumer on earth*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua meletakkan seluruh negara di dunia ini bergantung harap kepada *trading* dengan mereka. Oleh kerana itu hari ini, China memegang USD2.52 trilion bon Amerika, Jepun memegang USD2.07 trilion. Begitu juga negara-negara lain seumpama negara-negara Timur Tengah, Saudi dan sebagainya yang seluruhnya kalau hendak saya sebutkan dipaksa *obligated to purchase this* untuk kononnya menjadikan kestabilan ekonomi dunia kerana Amerika adalah *the greatest consuming nation on earth* yang ditampung *consumerism* mereka ini oleh seluruh negara-negara yang lain termasuklah G7 ataupun G8 dengan kemasukan Rusia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, inilah yang menyebabkan yang kononnya dikatakan, bukan konon tetapi betul, sebenarnya apabila Amerika demam dan bersin, wabak virusnya meruntuhkan negara-negara yang lain. Suasana ini Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat-ini ingin merakamkan kalaulah mahu ditangani dan tidak berulang lagi seumpama ini, Amerika perlu memahami bahawa hegemoni mereka ke atas dunia ini sudah tidak boleh lagi ataupun dengan lebih cepat lagi dengan izin, *is no longer tenable and sustainable*. Justeru itu Dewan Rakyat Parlimen Malaysia ini merakamkan bahawa sudah sampai masanya kuasa tunggal *unipolar power* ini memahami bahawa gelagat seperti ini dan *hegemonic control of the world* seperti ini sudah tidak boleh lagi dilakukan terus-terusan seperti ini.

Mungkin saya perlu juga sebutkan Tuan Yang di-Pertua, antara lainnya yang saya pernah sebutkan di dalam Dewan ini juga adalah justeru kerana seluruh perdagangan dunia menggunakan setelah berlakunya *the end of Bretton Wood* tahun 1971. Lebih awal pun selepas perang dunia pertama pun sudah mahu ditamatkan. *The Gold Standard* yang mereka gunakan apabila John Menet Kins tidak boleh menggunakan *expansionary mechanism* untuk membawa mengeluarkan dunia daripada kemelesetan ketika itu. Akan tetapi jelasnya, ketika tamatnya *Bretton Wood* dan Dolar Amerika itu digunakan sebagai sandaran mata wang dan hari ini perdagangan menggunakan Dolar Amerika, maka bertambahlah cengkaman Amerika ke atas seluruh ekonomi dan kewangan dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ada satu lagi topik yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah tambah dua minit Yang Berhormat, sebetulnya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Justeru kerana itu saya rumuskan begini sahaja Tuan Yang di-Pertua bahawa saya mengunjurkan satu waktu menyongsong masa depan ini, *unipolar* ini perlu menerima bahawa hakikat akan wujud di sana mudah-mudahan, insya-Allah apa yang dianggap sebagai *emergence of multipolar power*. Ini juga sekali gus akan menamatkan kuasa Dolar Amerika yang digantikan dengan The Gold Standard kah, Islamic Dinar Emas kah atau apa jua yang bersifat kewangan yang berteraskan *precious metal gold* dan *silver* yang akan kembali meletakkan *hiper-inflation* ataupun *price asset hiper-inflation* dan krisis-krisis seperti ini dapat dielakkan justeru kerana keluar daripada skema dan susun atur kewangan yang bersifat ribawi yang *subjected to always interest-based* dan juga *volatility currency*.

Jadi saya tidak dapat memanjangkan huraian dan *narration* itu Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma minta beberapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua untuk saya sebutkan sementara keangkuhan ini kita lihat dipamerkan oleh kuasa tunggal dunia ini pada senario yang lebih dekat. Kuasa yang berada di Malaysia ini juga Tuan Yang di-Pertua kalau tidak dapat menerima bahawa terus-terusan mereka tidak boleh bergelagat dan memimpin seumpama ini. Maka dengan kata lain sebaik sahaja pimpinan UMNO Barisan Nasional boleh merubah dan menerima di sana bahawa juga perlu kuasa *check and balance*. Perlu ada di sana *dinamisme politic* di negara ini sebaik sahaja dan *as soon as, lebih baik* sekarang daripada terlewat apabila mereka boleh menerima bahawa negara yang boleh mengamalkan *Federalism* ini mungkin ada negeri-negeri dan mungkin sudah ada negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang ataupun Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin masuk sedikit daripada hanya satu isu penting...

Tuan Yang di-Pertua: Sebetulnya saya sudah beri kepada Yang Berhormat lima minit. Saya benar-benar minat dengar, tetapi kawan-kawan yang lain mahu bercakap Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Mereka pun mengizinkan Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja topik.

Tuan Yang di-Pertua: Kawan-kawan lain ada lagi empat lima lagi mahu bercakap.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Stay as academician lah.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Penstrukturan air di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit sahaja saya beri Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi tiga orang mahu bercakap.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik. Saya merumuskan begini Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat tiga minit dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan masa saya Yang Berhormat, masa teman-teman di belakang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik saya teruskan dahulu, saya teruskan begini. Apabila berlaku *federalization of the water industry* dengan izin, ia adalah seumpama penerimaan *an admission* kepada gagalnya khususnya di negeri Selangor penswastaan industri air yang cukup *fragmented*, yang cukup tidak terselaras. WASIA ataupun *the Water Services Industry Act* yang dikanunkan dalam tahun 2006 dan juga penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara SPAN dalam tahun 2006 juga, satu yang saya kira satu polisi yang cukup baik untuk mengembalikan *federalization* ataupun *renationalize* balik satu industri yang cukup penting. Air sebagai satu hak asasi rakyat seluruhnya. Saya mendapati bahawa apabila kita perhatikan *consessionaires* ini yang berhutang contohnya hutang bersih Puncu Niaga; RM1.3 bilion, hutang bersih Syabas; RM2.9 bilion hutang bersih Splash RM1.6 bilion, hutang bersih ABBAS; RM640 juta.

■2210

Keseluruhan hutang ini berjumlah RM6.4 bilion. Saya yakin mengapa perlu berlaku kembali *Federalization*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat cukup setakat itu, *point taken*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya gagal meneruskan tapi saya berhajat untuk membahas semasa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi semua Yang Berhormat tadi enam minit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...mini bajet kemudian, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan silap kami Yang Berhormat. Kalau teman-teman yang terdahulu dapat berdisiplin...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong dengan sedikit pertikaian yang hendak dibuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Siapa tadi yang saya sebut dahulu. Yang Berhormat Bakri kah Yang Berhormat Segambut? Yang Berhormat Bakri dahulu baru Yang Berhormat Segambut terus Yang Berhormat Telok Intan. Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah makanya selalu saya tegur teman-teman yang terdahulu bercakap ingatlah kepada teman-teman yang kemudian.

Beberapa Ahli: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Pasal beginilah ini. Sila Yang Berhormat Bakri.

10.11 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang dihormati kerana sudi memberi peluang kepada saya mewakili rakyat dari kawasan Bakri untuk mengambil bahagian dalam menjunjung kasih Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan tentang industri perabot di kawasan Bakri dan daerah Muar. Bandar Muar terkenal dengan perusahaan industri perabot. Mengikut maklumat yang baru saya perolehi daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri terdapat lebih daripada 1,895 buah kilang perabot di Malaysia dan 948 kilang berada di Muar.

Dalam tahun 2008 nilai eksport perabot Malaysia sudah mencatat setinggi RM8.7 milion. Sekiranya kita mengikut angka-angka yang tersebut tadi nilai eksport yang disumbangkan dari kilang-kilang perabot dari Muar sahaja pun sudah tercapai RM4.3 milion. Mengikut berita Bernama yang bertarikh 17 Disember 2008, pada tahun 2007 Malaysia berada di kedudukan ke 10 sebagai negara pengeksport perabot terbesar di dunia, ketiga di Asia dan kedua di kalangan negara-negara ASEAN dengan nilai eksport RM8.55 milion. Pencapaian ini jelas menunjukkan bahawa kesungguhan serta dedikasi dari pihak perindustrian perabot tempatan terutamanya di daerah Muar.

Namun demikian, industri perabot di Malaysia menghadapi masalah dan cabaran yang amat besar dalam krisis ekonomi global ini yang didapati baru bermula. Amerika Syarikat merupakan pasaran utama eksport perabot Malaysia dan keduanya Jepun. Kelembapan ekonomi di kedua-dua negara ini terus menjejaskan pasaran perabot di negara kita dan kemerosotan pemasaran antarabangsa dijangka akan berterusan sepanjang beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kayu merupakan bahan mentah yang digunakan dalam proses pembuatan perabot. Walaupun demikian, Malaysia tidak ada bekalan kayu yang mencukupi untuk menanggung keperluan industri perabot. Pihak kilang perabot tempatan terpaksa memperoleh kayu mentah dari negara jiran iaitu Indonesia dan Thailand.

Walaupun kerajaan mengadakan percuma import duti untuk bahan mentah yang digunakan dalam industri perabot, kos-kos pengangkutan yang semakin meningkat akan membawa kesan yang buruk memandangkan harga minyak dunia yang tidak stabil. Oleh demikian, sebahagian daripada industri perabot pun telah berpindah ke luar negara dan menetapkan tapak kilang mereka di negara-negara jiran supaya menikmati kos operasi kilang dan kos pengeluaran yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan industri perabot di Malaysia seharusnya kedudukan dan nama baik perabot Malaysia dapat berterusan. Dari segi pinjaman SMI ia hanya terbuka kepada syarikat-syarikat yang mempunyai keuntungan dari RM250,000 ke bawah dan pinjamannya maksimum adalah RM500,000 selama lima tahun. Saya rasa syarat-syarat pinjaman ini haruslah dipertimbangkan semula dalam krisis ekonomi yang terkini. Kerajaan tidak

harus menggalakkan sahaja pembuka pengusaha-pengusaha yang baru, tetapi memastikan kilang-kilang yang sedia ada dapat diteruskan beroperasi dengan kewangan yang mencukupi.

Satu kilang yang berkala sederhana sekurang-kurangnya menghabiskan sejumlah RM500,000 sebulan untuk gaji pekerja, air, elektrik dan sebagainya. Manakala keuntungan tahunan kilang-kilang kecil ini hanya di antara RM260,000 ke RM300,000. Saya rasa syarat pinjaman RM500,000 ini tidak dapat meliputi sebilangan besar kilang-kilang yang sudah lama beroperasi. Bagi pendapat saya pinjaman SMI seharusnya dipertimbangkan ke 50% dan 70% supaya lebih banyak kilang boleh memanfaatkan daripada kemudahan pinjaman ini supaya meningkatkan daya persaingan mereka.

Kedua, kerajaan seharusnya menurunkan cukai korporat yang agak tinggi. Cadangan ini pun sudah diulang beberapa kali daripada Ahli-ahli Dewan lain pada hari lepas. Maka saya tidak mahu membuang masa mengulang isu ini.

Ketiga, cukai atas penjualan perabot di pasar tempatan yang sejumlah 10% seharusnya diturunkan atau dibatalkan. Malaysia sebagai satu negara yang berpengeluaran perabot berkualiti tinggi rakyat di negara ini sepatutnya menikmati harga perabot yang lebih rendah. Misalnya di Jepun. Jepun merupakan negara memproduksi automotif yang terkenal. Kenderaan di Jepun sesungguhnya murah dan berkualiti tinggi. Mengapa perabot ini buatan negara kita, rakyat kita sendiri perlu membayar harga yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang dihadapi oleh industri perabot ialah kos pengangkutan akibat dari "...". Untuk mengurangkan cukai-cukai yang dikenakan oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat, kilang-kilang perabot tempatan terpaksa menghantar barang mereka ke negara pihak yang ketiga sebelum ia boleh sampai ke destinasi. Kerajaan seharusnya menyelesaikan perjanjian perdagangan bebas yang berada antara Amerika Syarikat dan Malaysia dengan bijaksana dan secepat yang mungkin supaya kilang-kilang perabot tempatan tidak perlu membayar kos-kos pengangkutan yang berlebihan. Daya saing kita hanya boleh dihasilkan apabila usaha dan sikap kerjasama yang betul di antara rakyat dan kerajaan.

Industri perabot di Malaysia bergantung besar kepada tenaga buruh yang amat besar.

Dari statistik yang saya perolehi dari persatuan perabot Muar terdapat 70% dari pekerja-pekerja di bidang industri perabot adalah pekerja asing. Keperluan pekerja-pekerja asing di sektor industri yang agak tinggi ini merupakan satu fakta yang tidak sihat apabila negara kita menghadapi krisis ekonomi dunia yang amat teruk.

■2220

Saya rasa pada minggu lepas sampai hari ini sudah cukup lama Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini menyentuh isu-isu pendatang asing dan kesannya terhadap sosial dan ekonomi negara kita. Oleh demikian, saya tidak mahu mengulang topik ini tetapi mengharapkan kerajaan mengambil berat tentang isu ini. Di kawasan Bakri...

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, saya gulung. Di kawasan Bakri, terdapat banyak kilang-kilang perabot haram. Sebahagian besar daripada kedai-kedai perabot tersebut sudah muncul lebih daripada 20 tahun-30 tahun dan ia merupakan satu sumbangan besar kepada ekonomi tempatan dan asas sumber pekerja mahir. Walaupun sumbangan kilang-kilang perabot tempatan tidak boleh dinafikan, kerajaan seharusnya mengadakan rancangan-rancangan yang sistematik supaya menolong kilang-kilang haram ini dipusatkan di satu kawasan yang lebih sesuai.

Langkah-langkah ini bukan sahaja membolehkan kilang-kilang ini beroperasi dalam suasana yang lebih selamat, mengelakkan pencemaran alam sekitar, ia juga memudahkan pentadbiran kerajaan tempatan dan pembeli-pembeli antarabangsa. Langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan ialah melalui subsidi-subsidi dan menyediakan satu kawasan perusahaan yang berdekatan. Kebanyakan kilang-kilang perabot haram enggan berpindah adalah kerana bimbang *set up cost* yang tinggi dan cukai-cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan mengakibatkan mereka kehilangan daya saingan.

Untuk memusatkan kilang-kilang haram tersebut di satu kawasan perusahaan yang lebih sesuai, lokasi kawasan yang disediakan seharusnya diadakan berdekatan untuk kemahiran pekerja-pekerja mahir dan pengusaha perabot. Tindakan proaktif dari kerajaan terhadap masalah-masalah tersebut amat penting supaya perabot di Malaysia boleh dikukuhkan daripada segi persaingan antarabangsa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

10.22 mlm.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi atau kementerian-kementerian yang terlibat dalam projek *Pahang – Selangor Raw Water Transfer*, dengan izin. Menurut laporan media, kerajaan akan memberi kontrak tersebut yang bernilai RM5 bilion kepada sebuah konsortium namanya Shimizu dengan sebab tawaran Konsortium Shimizu adalah tawaran yang paling rendah sekali. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa tawaran tender daripada konsortium tersebut sepatutnya harus ditolak kerana dalam bahasa undang-undang di Latin, tawaran daripada Shimizu telah '*void ab initio.*'

Maksudnya telah salah sejak permulaan. Apabila kerajaan menawarkan tender ini, satu-satunya syarat untuk projek ini ialah tawaran mesti adalah tanpa syarat tetapi Konsortium Shimizu, dia membeli tawaran dengan syarat maksudnya ia telah *void* sejak *start*. Akan tetapi berbanding dengan Shimizu, tawaran yang kedua rendah dalam tender ini, ia adalah daripada Konsortium Taisei-HRA Teguh Sdn. Bhd. Walaupun dia kedua rendah tetapi tender dia, tawaran dia adalah tanpa syarat. Jadi saya nak tanya kepada kementerian, kenapa tawaran daripada Taisei-HRA Teguh Sdn Bhd. Sdn. Bhd tidak diambil kira?

Di mana ketelusan atau *good corporate governance* dalam proses tender ini? Lagipun, syarikat Nishimatsu daripada negara Jepun ia adalah satu ahli syarikat dalam Konsortium

Shimizu, ia merupakan sebuah syarikat yang *scandalous* dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebab adalah dilaporkan Nishimatsu, ia telah didakwa atau dituduh di Thailand kerana merasuah pegawai kerajaan di Thailand dan di negara Jepun, pegawai eksekutif Nishimatsu pun telah ditangkap kerana pecah amanah dalam berkaitan dengan *slush fund* dengan izin. Ini sudah semua jelasnya menunjukkan Konsortium Shimizu ini adalah tidak mempunyai apa-apa langsung etika korporat dan juga saya tidak boleh mengabaikan kemungkinan besar dalam proses tender *Pahang - Selangor Raw Water Transfer Project* ini adalah melibatkan Shimizu merasuah pegawai-pegawai kerajaan tempatan kami.

Jadi saya ingin bertanya di sini mengapa kerajaan masih sudi atau sanggup, rela bersubahat dengan Konsortium Shimizu dalam tender ini memandangkan syarikat ini mempunyai rekod-rekod jenayah dalam korporat dan akhirnya adalah juga dilaporkan bahawa kerajaan mungkin di bawah tekanan, di paksa untuk memberi kontrak kepada Konsortium Shimizu oleh satu bank iaitu *Japan Bank for International Corporation*, nama singkat JBIC. Ini adalah sebab JBIC yang meminjam *loan* kepada Malaysia dalam projek ini.

Jika laporan ini betul, kalau kerajaan sudah *count* kepada JBIC untuk memberi kontrak kepada Shimizu, saya amat merasa malulah sebab dulu pada masa Perang Dunia Kedua, rakyat kami dibuli, Malaysia diserang oleh Jepun dan sekarang dah 50 tahun atau 60 tahun, kerajaan kami sekali lagi dibuli oleh Bank Jepun. Ini tidak patut. Saya minta penjelasan daripada kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua. Ini pembahas yang penghabisan iaitu pembahas ke-96 jatuh kepada Yang Berhormat Telok Intan. Sila Yang Berhormat Teluk Intan, sepuluh minit.

10.27 mlm.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada kakitangan dan pegawai Parlimen yang sungguh peramah dan mesra terhadap wakil-wakil rakyat. Saya juga memberitahu syabas kepada bentara-bentara yang memakai pakaian seragam *smart* yang baru itu. Jadi saya harap kementerian-kementerian khususnya Kementerian Pelancongan ataupun Jabatan Imigresen boleh datang ke Parlimen dan belajar daripada kakitangan Parlimen bagaimana jadi peramah dan mesra terhadap pelanggan-pelanggan mereka di luar itu. *[Dewan riuh]*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia mengenai keunggulan atau kepentingan Perlembagaan Persekutuan dan saya ingin menyentuh beberapa fasal daripada Perlembagaan Persekutuan khususnya fasal 4 di mana Baginda tepat dengan keunggulan Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan dengan izin, *this constitution is a supreme law of the federation and any law pass after Merdeka Day which is inconsistent with this constitution is, to the extend of the inconsistency, void.*

Jadi saya harap pihak Kementerian Pendidikan akan memberi keutamaan kepada fasal-fasal sebegini dalam sekolah-sekolah menengah kita dan universiti-universiti atau kolej-kolej kita sebab saya rasa Perlembagaan Persekutuan ini tidak berapa diketahui di kalangan masyarakat kita. Kita harus memberi taraf yang sama kepada Perlembagaan Persekutuan kita seperti Jalur Gemilang dan Rukun Negara yang diamalkan oleh kita semua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat kecewa dengan apa yang berlaku di perkarangan Parlimen petang tadi. Saya akan rasa kecewa jika ia berlaku kepada mana-mana Ahli kita tidak kira daripada Barisan atau Pakatan Rakyat sebab *at the end of the day we are all Members of this House*.

Jadi saya harap satu langkah boleh diambil oleh pentadbiran Parlimen dan juga Tuan Yang di-Pertua untuk mengelakkan kejadian seperti ini dan berilah kita perlindungan daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab dari luar itu.

■2230

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai MACC, Malaysian Anti Corruption Commission ini, saya merayu kepada MACC dengan izin untuk membuat tugas mereka dengan bebas. Kalau tidak Malaysian Anti Corruption Commission ini akan digelar *Malaysian Agency for cows and cars*. Ini tidak sesuai. Jadi mereka, dalam kes Ketua Menteri Selangor tetapi banyak kes-kes yang lain mereka harus membuat penyiasatan dengan gigih. Mengenai pihak polis Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ramai pegawai polis menjalankan tugas mereka dengan cekap dan beramanah. Akan tetapi ada di antara mereka yang telah menjalankan tugas mereka sehingga mengakibatkan kematian kepada segelintir masyarakat kita.

Saya harap kes-kes Kugan dan enam orang yang ditembak mati di Kulim boleh dielakkan, satu siasatan yang terperinci akan dijalankan oleh Bukit Aman ataupun satu suruhanjaya diraja ditubuhkan untuk menangani masalah ini. Seterusnya dasar luar negara Tuan Yang di-Pertua saya harap pihak kementerian dan kerajaan mengambil serius tentang apa yang berlaku bukan sahaja di Palestin yang kita semua telah membuat bantahan pada minggu-minggu yang lalu tetapi juga di Myanmar di mana negeri gara kita telah mengiktiraf junta yang ada pada masa kini. Saya rasa 10 tahun yang lepas kita telah cuba secara dengan izin *engagement* dengan Myanmar supaya mereka akan membawa balik demokrasi di Myanmar tetapi sehingga sekarang mereka gagal juga.

Ini saya rasa kita tidak boleh galakkan junta di Myanmar terus memerintah negara itu dan meminggirkan demokrasi di negara itu. Sama dengan Sri Lanka di mana-mana negara kita dapat akibat dari peperangan sivil di sana ada nyawa-nyawa yang tidak bersalah itu terkorban. Kita harus mengambil satu pendirian yang tegas dan kekal untuk menegakkan keadilan di seluruh negara-negara yang kita selalu ada berkaitan. Mengenai *law reform* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita harus memperkukuhkan perhatian kita untuk senantiasa menceburi dalam pembaharuan undang-undang kita termasuk pembaharuan amalan di Parlimen ini seperti jika kita

bandingkan dengan Kanada atau New Zealand, Ahli-ahli Parlimen tidak buat tugas-tugas mereka seperti di sini.

Jadi kalau kita hendak *first class* Parlimen, kita mesti menceburi diri dalam *law reform including Parliamentary reform*. Mungkin satu hari nanti Ahli-ahli Parlimen mesti *full time* tidak *part time* seperti di sini. Di Cambodia selalu kita fikir Cambodia itu kurang maju dari kita tetapi di Cambodia tiap-tiap Ahli Parlimen diberi tiga kakitangan sepenuh masa untuk bantu Ahli Parlimen sama dengan Indonesia. Akan tetapi kita mesti meningkatkan taraf perkhidmatan kita untuk Ahli-ahli Parlimen kita untuk memberi satu perkhidmatan yang lebih tinggi mutunya bukan sahaja pergi ke kawasan tengok longkang-longkang dan rumput yang tidak dipotong. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Telok Intan tidak ada pembangunan seperti di lain-lain tempat.

Di hilir Perak seumpamanya pada keseluruhannya selalu dilanda dengan banjir, tidak ada kolej atau universiti-universiti dan saya harap kerajaan kita ini selalu ada koridor di sana dan sini. Bukalah satu koridor di hilir Perak untuk rakyat-rakyat di hilir Perak terutama sekali di Telok Intan. Sedikit saya ingin sentuh tentang pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Saya pohon kepada kerajaan untuk menentukan dahulu apakah mereka ingin meningkatkan taraf Bahasa Inggeris atau taraf pengetahuan ilmu Sains dan Matematik. Nampaknya ada kekeliruan.

Jika kerajaan fikir bahawa kita boleh meningkatkan pengetahuan Sains dan Matematik hanya melalui Bahasa Inggeris saya percaya itu adalah salah, sebab satu kajian yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2003 menunjukkan seseorang murid itu lebih fasih belajar subjek-subjek yang abstrak seperti Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda mereka dengan izin, '*a child best learns abstract subject in his mother tongue*. Jadi saya tidak tahu berikutan dengan kajian itu di United Kingdom pertama kali pada tahun 2005, Kerajaan United Kingdom telah memulakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda komuniti-komuniti yang terlibat, termasuk dalam Bahasa Urdu di United Kingdom Tuan Yang di-Pertua.

Jadi jika kita ingin meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, saya percaya ia boleh diatasi dengan meningkatkan ataupun menambah kelas-kelas dalam bahasa Inggeris, membawa guru-guru yang lebih ataupun bagi latihan kepada guru-guru dalam bahasa Inggeris dan bawa balik subjek-subjek seperti *English Literature*, kelas-kelas di sekolah kita. Saya percaya kita boleh nampak satu perubahan yang besar. Seterusnya saya tahu ini larut malam, terima kasih. Saya akan mengakhiri ucapan saya ini dengan keadaan di Perak. Saya mintalah saya minta bahawa rakyat Perak, saya dari Perak, rakyat Perak diberi satu peluang untuk menentukan siapakah kerajaan yang mereka ingin.

Saya pohon bahawa Dewan Undangan Negeri itu dibubarkan sebab semalam saya berada di Telok Intan, pada masa ini banyak kekeliruan di antara rakyat-rakyat di Telok Intan di hilir Perak. *[Menyampuk]* Saya percaya semalam...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat biarkan Yang Berhormat Telok Intan nanti kita tidak habis.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ya nanti tidak habis susah ini. Terima kasihlah iringi saya larut malam ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Telok Intan. Saya pun kagumlah sebab ramai yang datang ke majlis tersebut melalui bas-bas dari luar Telok Intan. Akan tetapi apabila saya pergi semalam untuk satu ceramah, orang Telok Intan tidak cukup tempat di dewan itu. Mereka semua hendak perubahan. Mereka kata biar kita tentukan masa depan kita. Mereka ingin sangat Dewan Undangan Negeri itu dibubarkan. Jadi dengan itu saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan pohon menyokong. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan selesainya hujah daripada Yang Berhormat Telok Intan tadi maka selesailah perbahasan Ahli-ahli Dewan Rakyat ke atas perbahasan Titah Diraja. Maka dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 2 Mac 2009. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.38 malam.